

**DEWAN RAKYAT  
PARLIMEN KETIGA BELAS  
PENGGAL KEEMPAT  
MESYUARAT KETIGA**

---

---

**Bil. 50**

**Isnin**

**21 November 2016**

---

**K A N D U N G A N**

<b>JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN</b>	(Halaman 1)
<b>RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT</b>	(Halaman 43)
<b>RANG UNDANG-UNDANG:</b>	
Rang Undang-undang Perbekalan 2017	
<u><b>Jawatankuasa:</b></u>	
<u><b>Jadual:</b></u>	
Maksud B.31	(Halaman 45)
Maksud B.48	(Halaman 121)
Maksud B.60	(Halaman 181)
<b>USUL-USUL:</b>	
Waktu Mesyuarat dan Urusan Dibebaskan Daripada Peraturan Mesyuarat	(Halaman 44)
Usul Anggaran Pembangunan 2017	
<u><b>Jawatankuasa:</b></u>	
Maksud P.31	(Halaman 45)
Maksud P.48	(Halaman 121)
Maksud P.60	(Halaman 181)

**MALAYSIA  
DEWAN RAKYAT  
PARLIMEN KETIGA BELAS  
PENGKAL KEEMPAT  
MESYUARAT KETIGA**

**Isnin, 21 November 2016**

**Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi**

**DOA**

*[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee)  
mempengerusikan Mesyuarat]*

---

**JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**

1. **Dato' Sri Ikmal Hisham bin Abdul Aziz [Tanah Merah]** minta Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani menyatakan sejak awal tahun ini berapakah jumlah subsidi yang diperuntukkan kepada sektor pertanian dalam usaha membantu petani tempatan dan berapakah jumlah petani yang telah memanfaatkan bantuan berkenaan.

**Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani [Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman]:** *Bismillahi Rahmani Rahim.* Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Tanah Merah, sebagai menjawab soalan daripada Yang Berhormat, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani telah pun membelanjakan sebanyak RM1.9 bilion sebagai subsidi dan insentif kepada 175,000 pesawah di seluruh negara bagi tahun 2016.

Pecahannya seperti berikut; Skim Baja Padi Kerajaan – RM465 juta, Skim Bantuan Input Pengeluaran – RM563 juta, Insentif Benih Padi Sah - RM85 juta, Skim Subsidi Harga Padi – RM616 juta, Skim Subsidi Baja dan Racun Padi Untuk Pertanian Padi Bukit – RM70 dan Insentif Input Pengeluaran Padi – RM112 juta iaitu berjumlah keseluruhan RM1.9 bilion.

Selain daripada itu Tuan Yang di-Pertua, kerajaan juga telah membelanjakan RM65.5 juta pada tahun 2016 untuk melaksanakan 18 projek dengan keluasan 7,337 hektar kepada petani seramai 4,871 orang yang menjalankan pelbagai projek seperti peningkatan hasil sayur-sayuran, projek tanaman semula buah-buahan terpilih, pembangunan kluster tanaman kontan, kluster buah-buahan betik, pembangunan kluster buah rambutan dan sebagainya. Sekian, terima kasih.

**Dato' Sri Ikmal Hisham bin Abdul Aziz [Tanah Merah]:** Terima kasih jawapan Yang Berhormat Menteri. Akan tetapi Timbalan Menteri kita nampak *slow and steady*

pagi ini. Soalan tambahan saya ringkas sahaja. Setakat ini, kita tahu negara kita juga ada kena tempias oleh fenomena El Nino baru-baru ini. Jadi setakat ini, berapakah jumlah subsidi pengeluaran padi yang diberi kepada petani-petani yang terjejas berikutan fenomena El Nino baru-baru ini? Terima kasih.

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman:** Tuan Yang di-Pertua, bencana El Nino telah menjejaskan 4,697 hektar kawasan pertanian melibatkan juga petani sejumlah 1,835 orang pesawah. Kawasan tertumpu di Selinsing, Perak iaitu di Kerian dan juga di Bukit Semanggol.

Berhubung dengan bantuan yang kita berikan sebagaimana yang saya menjawab soalan yang sama pada minggu sudah saya kira, kita sedang mendapatkan peruntukan dan bercadang untuk memberi bantuan sebanyak RM250 bagi setiap pesawah yang terjejas. Sekian, terima kasih.

**2. Tuan Haji Wan Hassan bin Mohd. Ramli [Dungun]** minta Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air menyatakan berapakah keuntungan yang diperoleh oleh TNB selepas pertukaran meter analog kepada meter digital.

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Sri Devamany a/l S. Krishnasamy]:** Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Dungun. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, keuntungan Tenaga Nasional Berhad (TNB) bukan hanya diperoleh oleh jualan unit elektrik yang direkodkan oleh meter sama ada meter analog atau digital. Sebaliknya, ia turut dipengaruhi oleh kombinasi pelbagai faktor termasuklah aktiviti pelaburan dalam dan luar negara serta kecekapan operasi TNB.

Selain itu, kesedaran pelanggan untuk menggunakan elektrik dengan lebih cekap akan turut mempengaruhi kadar jualan unit elektrik dan keuntungan TNB. Walau bagaimanapun, penukaran meter analog kepada meter digital juga mempunyai kecenderungan untuk meningkatkan bil elektrik pengguna memandangkan kadar kejitan meter digital yang lebih tinggi berbanding meter analog. Terima kasih Yang Berhormat.

■1010

**Tuan Haji Wan Hassan bin Mohd. Ramli [Dungun]:** Terima kasih atas jawapan yang diberikan. Persoalannya ialah bila kita lihat kepada rungutan rakyat berkaitan dengan meningkatnya bil elektrik mereka, tentulah kita terpaksa melihat kepada asas perkhidmatan sebelum diswastakan Tenaga Nasional Berhad (TNB), ia adalah di bawah Lembaga Letrik Negara. Jadi, ia adalah pada asasnya perkhidmatan utiliti. Akan tetapi setelah diswastakan ia lebih bersifat perniagaan. Tidak menjadi salah perniagaan untuk

mencari keuntungan tetapi mesti juga dilihat kepada perkhidmatan yang diasaskan Lembaga Letrik Negara itu.

Jadi soalnya ialah bagaimana untuk kerajaan melihat, untuk memberikan ruang supaya rungutan rakyat berkaitan dengan kos sara hidup mereka yang juga terlibat sebahagian dalam pembayaran bil elektrik dapat dikurangkan dengan diberikan perhatian kepada sungutan rakyat. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Sri Devamany a/l S. Krishnasamy:** Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Dungun atas keprihatinan beliau terhadap kepentingan rakyat ya. Yang Berhormat, penjanaan elektrik dan juga *distribution electric* kepada rakyat itu dengan izin, sedang ditingkatkan mutunya. Kalau dulu kita gunakan meter analog, lepas itu kita hijrah kepada meter digital yang 67 peratus sekarang sudah meliputi semua pelanggan-pelanggan dan sekarang kita akan ke *smart meter, smart meter*. Baik, dalam proses itu seperti yang dikatakan oleh Yang Berhormat, bebanan rakyat itu kalau mereka gunakan jumlah elektrik lebih daripada RM77, baru dikenakan bayaran-bayaran yang lebih, yang akan surcaj dan juga rebet akan dikenakan.

Kalau mereka kurang daripada itu, kita tidak ada masalah. Bererti kita menyelia dan mengawasi penggunaan elektrik. Kalau sekiranya kita jimat cermat, kurang bebanan kita, itu satu. Kedua ini, dalam proses kita menaiktarafkan proses *billing* ini melalui meter yang baru ini, digital dan juga *smart* ini, kita memberi kejutuan kepada penggunaan elektrik itu supaya tidak ada ketirisan dan juga tidak ada penyalahgunaan bagi penggunaan elektrik. Maka CSR ataupun kepada rakyat miskin melalui cara-cara lain, kita bantu.

Seperti yang dikatakan mungkin di Terengganu dengan Kelantan, keperluan itu mendesak maka kita cari cara-cara lain, program SuriaKU diperkenalkan untuk membantu rumah-rumah dengan adanya subsidi yang bakal akan diberi untuk mereka gunakan solar di atas bumbung dan jualan balik kepada Tenaga Nasional Berhad untuk rumah-rumah eKasih kalau ada yang terlibat. Maka program itu baru bermula, maka kita cari jalan untuk bantu mereka melalui cara-cara lain. Akan tetapi kalau lebih daripada RM77 baru kita kenakan. Kurang daripada itu, tidak ada bebanan kepada bil elektrik. Terima kasih.

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Minta penjelasan.

**Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]:** Bila jadi Menteri?

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Ya ini bukan— yang ini bukan di bawah kementerian dia. Mana itu Menteri dan juga Timbalan Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Tidak ada pelanggaran Yang Berhormat.

**Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Ini bukan perhimpunan baju kuning lah.

**Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]:** Senator. *[Ketawa]*

**Dato' Sri Devamany a/l S. Krishnasamy:** Tuan Yang di-Pertua, saya adalah pemangku Timbalan Menteri KeTTHA. Kalau Yang Berhormat daripada Seputeh jahil...

**Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]:** Pemangku apa? Pemangku MIC.

**Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Inilah ingat suruh dia pergi bersih kah.

**Dato' Sri Devamany a/l S. Krishnasamy:** ...Suruh dia pergi sekolah.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, soalan diajukan kepada Speaker Yang Berhormat, saya sudah jawab tidak ada pelanggaran.

**Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]:** Ya, ya.

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Ya, sila jawab.

**Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]:** Dia, bekas Speaker, dia ingat dia boleh jawab.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya, Yang Berhormat Kota Tinggi.

**Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Yang Berhormat Seputeh, pergi sarapan pagi dulu.

**Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]:** *[Ketawa]* Okey, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan saya kepada Timbalan Menteri, Tuan Yang di-Pertua, ini fasal— saya difahamkan TNB akhir-akhir ini banyak untung, *alhamdulillah*. Supaya untung bagi kerajaan balikkah, cukai. Sejak dulu penjanaaan dia buat *distribution*, penjanaaan dulu kita ada bebas dan lepas itu kebetulan kita ada 1MDB.

Selepas itu, 1MDB masuk, bila *open tender rate* itu lebih kompetitif maka TNB pun untung. Sekarang 1MDB kita sudah tidak ada, jadi adakah cadangan kerajaan untuk penjanaaan ini kita beri lebih banyak kepada TNB supaya TNB akan menjadi lebih banyak *spread* dia punya kos lebih baik dan akhir, nikmat tarif yang lebih rendah dapat dinikmati oleh rakyat. Terima kasih.

**Dato' Sri Devamany a/l S. Krishnasamy:** Terima kasih Yang Berhormat daripada Kota Tinggi. Baik Tuan Yang di-Pertua, saya bagi tahu kepada Yang Berhormat Seputeh dahulu, tanya saya dulu, kawan saya. Saya memangku sikit, sebelah sana. So, dua jawatan.

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Wah, dua gaji.

**Dato' Sri Devamany a/l S. Krishnasamy:** Tidak ada, mana ada.

*[Dewan ketawa]*

**Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]:** Dua gaji.

**Dato' Sri Devamany a/l S. Krishnasamy:** Itulah pembangkang ini dia pentingkan kebendaan sahaja. Hilang kejiwaan, muflis kejiwaan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya, jawab soalan Yang Berhormat Timbalan Menteri. *[Dewan riuh]*

**Dato' Sri Devamany a/l S. Krishnasamy:** Macam mana ini, alamak. Jangan mencemari Dewan yang mulia Yang Berhormat. Okey, kita jawab soalan itu kerana isu rakyat itu. Baik, Tuan Yang di-Pertua, memanglah saya mengakui kepada Yang Berhormat daripada Kota Tinggi maka bebanan rakyat dalam proses pembilan itu. Akan tetapi segala keuntungan yang dijana oleh TNB disalurkan kepada Khazanah, PNB, Tabung Haji dan KWSP. Maka melalui cara lain, kebajikan rakyat telah dijamin melalui wang yang kita untung daripada sana, disalurkan kepada rakyat dengan cara lain. So, *indirect* dengan izin.

Selain daripada itu dalam kita membuat pembilan ya, kita mementingkan golongan *stress, financially stress families* dengan golongan B40. Maka ia menjadi satu komponen yang penting sekali dalam kita membuat dasar.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Tidak payah toleh belakang Yang Berhormat.

*[Dewan ketawa]*

**Dato' Sri Devamany a/l S. Krishnasamy:** Oleh- *No, sorry* terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kita - segala dasar-dasar yang dilaksanakan ataupun program dilaksanakan oleh TNB diawasi oleh Suruhanjaya Tenaga. Objektif Suruhanjaya Tenaga begitu jelas sekali bahawa kalau orang yang menggunakan banyak untuk tujuan keuntungan, dia akan dibil dengan lebih. Rakyat biasa itu akan dijaga B40 itu. Jaminan itu saya bagi Tuan Yang di-Pertua.

Akan tetapi saya sedihlah hari ini Yang Berhormat daripada Seputeh, kawan saya tidak tahu saya ini memangku.

**Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]:** Jangan marah-marahlah, kita tidak tahu.

**Dato' Sri Devamany a/l S. Krishnasamy:** Selamat pagi dan salam sejahtera, terima kasih.

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Dia hanya tunjukkan dia pandai.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Sudah, sudah cukuplah Yang Berhormat, cukuplah itu.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Dia kata B40 diberi keutamaan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Sudah, sudah cukup-cukup Yang Berhormat.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Ada kadar yang *speci*alkah untuk B40 ini?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Libaran.

**Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]:** Ya ada?

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Mana ada kadar yang *special* untuk B40.

**Seorang Ahli:** Ini satu lagi orang gila.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Ini mengelirukan Dewan Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]:** Semua cakap temberang.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Kenyataan dia tidak betul. Mana ada kadar elektrik yang khas untuk golongan B40.

**Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]:** Ada?

**Dato' Sri Devamany a/l S. Krishnasamy:** Yang Berhormat RM300.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Adakah?

**Dato' Sri Devamany a/l S. Krishnasamy:** Ya. Kalau kita gunakan... [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Timbalan Menteri kita dalam QA, sudah lepas itu Yang Berhormat Timbalan Menteri.

**Dato' Sri Devamany a/l S. Krishnasamy:** Tidak apa.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Jumpa minum karang, jumpa minum karang.

[*Dewan riuh*]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya, ya cukuplah Yang Berhormat.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Tetap mengelirukan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya, Yang Berhormat Libaran.

**Datuk Juslie bin Haji Ajirol [Libaran]:** Pagi-pagi lagi Tuan Yang di-Pertua sudah panas sikit.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** *[Ketawa]* Dia disengajakan Yang Berhormat.

**3. Datuk Juslie bin Haji Ajirol [Libaran]** minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri setakat mana kebenaran bahawa Pendidikan Teknikal dan Latihan Vokasional (TVET) yang diperkasakan adalah selari dengan tarikan kemasukan lebih banyak pelabur asing ke Malaysia, menjelang tahun 2020.

**Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri [Datuk Chua Tee Yong]:** Tuan Yang di-Pertua, MITI mengalu-alukan pembangunan pendidikan TVET yang dijalankan oleh tujuh kementerian iaitu Kementerian Pendidikan, Kementerian Pendidikan Tinggi, Kementerian Sumber Manusia, Kementerian Belia dan Sukan, Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani dan Kementerian Kerja Raya.

Pemeriksaan program TVET adalah sangat penting untuk menghasilkan tenaga kerja yang mahir melalui pendedahan langsung dalam proses kerja sebenar. Bagi bidang industri pengilangan dan pembuatan, sektor-sektor yang banyak disokong oleh TVET adalah seperti sektor petroleum dan petrokimia, *electrical* dan *electronic*, produk galian bukan logam, pengilangan makanan dan kimia dan produk kimia.

Sektor-sektor ini merupakan sektor industri utama yang menjadi tumpuan pelabur asing dalam projek pengilangan dan pembuatan. Ketersediaan guna tenaga kerja kemahiran terutamanya yang mempunyai kelayakan TVET, merupakan antara faktor yang menarik pelabur asing ke Malaysia. Walau bagaimanapun ini bukanlah hanya satu faktor penentu kepada pelabur asing berpotensi untuk melabur dan menempatkan projek pengilangan mereka di negara ini.

Antara faktor-faktor utama bagi pelabur-pelabur asing memilih Malaysia adalah kerajaan yang pro perniagaan dan menyokong pembangunan industri, polisi pelaburan yang liberal dan relevan, kemudahan infrastruktur yang baik dan kadar pertumbuhan negara yang positif. Sekian, terima kasih.

#### ■1020

**Datuk Juslie bin Haji Ajirol [Libaran]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Kerjasama strategik antara Institusi Latihan Teknikal dan juga Pendidikan Vokasional atau TVET bersama pihak industri adalah penting untuk melahirkan lebih ramai graduan berkemahiran tinggi di negara ini bagi menarik minat pelabur asing. Soalan saya, apakah perancangan yang dilakukan di antara kementerian bersama-sama pihak yang lain berkenaan bagi meningkatkan TVET di kursus dan kepakaran yang diperlukan agar berpadanan dengan standard industri



antarabangsa. Apakah terdapat sebarang program dan intervensi yang diterajui oleh industri bagi memastikan TVET adalah selaras dengan keperluan industri negara kita? Terima kasih.

**Datuk Chua Tee Yong:** Terima kasih atas soalan tambahan tersebut. Sebenarnya untuk memastikan dari segi struktur dan kokurikulum untuk TVET adalah relevan untuk industri, satu Jawatankuasa Kemahiran Industri telah ditubuhkan pada November 2014 dan dipengerusikan bersama-sama dengan Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan ini merangkumi Kesatuan Majikan-majikan Malaysia. Fokus khususnya Jawatankuasa Kemahiran Industri ini adalah untuk membangunkan khususnya sepuluh sektor industri utama yang memang mempunyai banyak permintaan dari segi *graduate-graduate event*. Di bawah struktur ini, jawatankuasa industri ini akan bekerjasama dengan Jawatankuasa Badan Tadbir Urus TVET untuk membangunkan Program Latihan Teknikal dan Vokasional yang bersesuaian dengan kehendak industri. Sekian, terima kasih.

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya setuju dengan pandangan di mana Pendidikan Teknikal Latihan Vokasional ini kita boleh melatih lebih pekerja yang mahir dalam bidang tertentu untuk menarik kemasukan pelabur asing. Tetapi baru-baru ini saya juga terima aduan daripada sebuah sekolah vokasional di Selangor, di mana pelajar khususnya mereka pelajar miskin dari luar bandar mereka sudah beberapa bulan tidak terima pinjaman PTPTN. Jadi mereka dalam keadaan yang susah dan mereka tidak mampu bayar semua dan malah makan. Saya hendak tanya Yang Berhormat Menteri, sama ada bila pelajar menemui perkara seperti ini, kesusahan ini bolehkah mereka mengadu kepada pihak MITI? Supaya MITI boleh campur tangan untuk membantu pelajar-pelajar yang menghadapi masalah yang seperti ini.

**Datuk Chua Tee Yong:** Terima kasih atas soalan tambahan Yang Berhormat Seputeh. Saya yakin kes-kes secara spesifik ini ditujukan khususnya kepada Kementerian Pengajian Tinggi mereka tentu akan memberi pertolongan yang sewajarnya. Tidak perlulah melalui Kementerian MITI. Tetapi jikalau memang terdapat kes-kes tersebut kita sedia membantu, dan mengajukan isu-isu ini juga kepada Kementerian Pengajian Tinggi. Sekian, Terima kasih.

**4. Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]:** minta Menteri Sumber Asli Dan Alam Sekitar menyatakan rancangan Kementerian dalam mengurangkan masalah pencemaran udara terutamanya akibat penggunaan bahan api fosil sama ada di sektor kilang atau industri permotoran. Penggunaan alat atau mesin mesra alam ini penting

kerana pengurangan bahan api fosil boleh mengurangkan kos malah meningkatkan mutu industri permotoran.

**Timbalan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar [Datuk Ir. Dr. Haji Hamim bin Samuri]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar melalui Jabatan Alam Sekitar Malaysia telah mewujudkan Pelan Tindakan Udara Bersih ataupun dengan izin *Clean Action Plan 2010 hingga 2020*. Pelan ini telah menetapkan pelan dan kualiti udara di Malaysia. Antara perkara-perkara yang telah dilaksanakan adalah:-

- (i) Menetapkan dan melaksanakan spesifikasi kualiti bahan api petrol dan diesel yang lebih bersih seperti mana yang telah dipersetujui dalam Majlis Ekonomi Negara pada 21 Ogos 2014 iaitu pelaksanaan peningkatan kualiti bahan api di negara kita adalah seperti:

Bahan Api	Spesifikasi	Bulan/Tahun
Ron 97	Euro 4m	September 2015
Ron 95	Euro 4m	Oktober 2018
Diesel	Euro 5m	September 2020
Petrol	Euro 5m	September 2025

- (ii) Mengetatkan had pelepasan pencemaran udara ekzos yang dihasilkan kenderaan bermotor.
- (iii) Mengetatkan standard kualiti bahan api yang diguna pakai dalam pembakaran bahan api dalam sektor industri.
- (iv) Mengetatkan nilai batas atau limit *value* bahan tercemar dengan kehendak pemantauan pelepasan gas-gas pencemar dari cerobong ataupun cimni.
- (v) Menggalakkan dan menyokong penggunaan dengan izin *Environmental Friendly Fuel* seperti *Bio Fuel*, *Compress Natural Gas (CNG)*.
- (vi) Kempen Kuala Lumpur Car Free dan juga Kempen Hari Alam Sekitar Malaysia yang selalu menekankan tentang kebersihan udara.

Sekian, terima kasih.

**Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih ke atas jawapan Yang Berhormat Menteri. Soalan tambahan saya apakah program dan rancangan bersama agensi kerajaan yang lain bagi mengurangkan

pencemaran alam dan menggalakkan penggunaan mesin dan enjin mesra alam? Sekian, terima kasih.

**Datuk Ir. Dr. Haji Hamim bin Samuri:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Kota Kinabalu, konsepnya begini ada dua perkara. Pertama, penggunaan minyak dengan pengurangan sulfur akan meningkatkan kecekapan kebakaran. Maknanya dapat mengurangkan pembebasan Co<sub>2</sub>, itu konsep penggunaan minyak. Tetapi dari segi sistem enjin itu sendiri, sekarang sistem enjin itu efisien sekali gus juga dapat meningkatkan kecekapan sistem pembakaran dan dapat mengurangkan Co<sub>2</sub> itu konsep.

Justeru kerajaan, dua perkara, kerajaan telah pun memastikan bahawa standard kualiti bahan api untuk peralatan pembakaran bahan api dalam peraturan-peraturan kualiti alam sekeliling 204 ditingkatkan. Bagi memastikan bahawa ini diterima pakai dan disambut oleh semua pihak termasuk agensi-agensi berkaitan, yang berkaitan dengan kecekapan sistem pembekal ini. Beberapa kempen, beberapa mesyuarat telah pun dianjurkan dan kita telah meletakkan *target* dalam tempoh sepuluh tahun 2010 hinggan 2020 akhirnya mestilah sampai kepada standard yang telah ditetapkan, ini dari segi ukuran. Kerjasama daripada agensi berkaitan seperti JPJ, contoh dulu kita buat pemeriksaan standard asap di lapangan, itu dulu tetapi sekarang lebih kepada memberi kefahaman untuk *self-regulation* di kalangan mereka yang berkaitan. Sekian, terima kasih.

**Dato' Dr. Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya kepada pihak kementerian adalah, apakah mungkin Yang Berhormat Menteri boleh kongsi dengan kita mengenai apakah kejayaan atau tahap kejayaan dan juga usaha kementerian dalam mewujudkan satu peningkatan dan juga pelaksanaan bahan api yang lebih bersih dalam usaha untuk mengurangkan tahap pencemaran di Malaysia ini. Terima kasih.

**Datuk Ir. Dr. Haji Hamim bin Samuri:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Parit Sulung bertanya tentang tahap kejayaan.

#### ■1030

Saya rasa untuk kita mengukur tahap kejayaan satu perkara yang sangat sukar kerana sangat subjektif. Walau bagaimanapun, kita yakin bahawa setakat ini kita mampu mengurangkan tahap pencemaran udara terutama di bandar-bandar. Terutama dalam negara kita, kalau kita ukur dari segi indeks IPU kecuali sekiranya berlaku pencemaran udara rentas sempadan berbanding dengan negara-negara lain misalnya negara China, Kota Shanghai, Beijing dan sebagainya. Kalau kita ukur dari segi IPU kita masih lagi terkawal, itu kejayaanlah. Tetapi kalau tidak mendapat kerjasama daripada

semua pihak, saya yakin sukar untuk kita mencapai tahap tersebut, yang penting ialah kejayaan tu boleh diukur. Akan tetapi kalau kita hendak menjurus kepada ukuran yang lebih mudah ialah kita berjaya melaksanakan kualiti petrol dan diesel yang bersih secara berperingkat mulai September 2015.

Ini berjaya kita laksanakan dan satu lagi yang mudah kita ukur kalau hendak ukur di lapangan ialah kalau lima tahun dulu lebih kurang diesel Euro5 hanya dijual di Johor Bahru kerana hendak menepati keperluan kenderaan atau lori umpamanya ke Singapura. Akan tetapi sekarang telah banyak dijual, bukan sahaja di Johor Bahru malahan di negeri-negeri, di bandar-bandar raya, di Lembah Klang dan di negeri-negeri pantai barat sekarang ini. Maksudnya walaupun tidak ada keperluan sangat bagi kenderaan di utara ke Singapura, mereka boleh isi di Johor Bahru tetapi sambutan daripada pengusaha minyak menggalakkan, tidak sahaja di Johor Bahru tetapi juga di bandar-bandar di Lembah Klang dan juga utara. Walaupun terdapat perbezaan harga yang sedikit, lebih kurang 10 sen per liter antara diesel Euro5 dan diesel Euro2. Itu di antara yang saya boleh sebutkanlah. Sekian, terima kasih.

**5. Datuk Dr. Abd. Latiff Ahmad [Mersing]** minta Menteri Tenaga, Teknologi Hijau Dan Air menyatakan Dasar Lima Keperluan Bahan Api telah mengiktiraf sumbangan Sumber Tenaga Diperbaharui (*Renewable Energy*) di dalam memastikan kemampuan sumber tenaga bagi pembangunan negara untuk jangka masa panjang. Sejauh manakah sumbangan "*Renewable Energy*" di dalam jumlah penjanaan tenaga elektrik negara dan adakah ianya mencapai sasaran yang ditetapkan oleh Dasar dan Pelan Tenaga Diperbaharui Nasional.

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Sri Devamany a/l S. Krishnasamy]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih lagi sekali kepada Yang Berhormat Mersing. Untuk makluman ahli Yang Berhormat, kerajaan telah mula melaksanakan program-program Tenaga Boleh Baharu (TBB) dengan izin *Renewable Energy* sejak Rancangan Malaysia Kelapan bagi mengurangkan kebergantungan kepada bahan api fosil apabila Dasar Lima Bahan Api atau dengan izin *Five Fuel Policy* diperkenalkan. Di bawah dasar ini sumber TBB iaitu biojisim, biogas, mini hidro, solar dan geoterma telah dikenal pasti sebagai sumber alternatif selain daripada bahan api konvensional bagi penjanaan tenaga elektrik seperti minyak, gas, arang baru dan hidro.

Selaras dengan pelaksanaan dasar ini, program *Small Renewable Energy Power* (SREP) telah diperkenalkan bagi menggalakkan pembangunan TBB di negara ini. Di bawah program ini, para pemaju boleh membangunkan loji penjanaan tenaga elektrik

berasaskan sumber-sumber TBB seperti biojisim, biogas dan mini hidro untuk dijual kepada pihak utiliti. Walau bagaimanapun, pencapaian Dasar Lima Bahan Api tidak begitu memberangsangkan, melalui pelaksanaan program SREP, jumlah kapasiti TBB yang dihasilkan hanya 8.45 megawatt untuk tempoh Rancangan Malaysia Kelapan. Sehubungan itu kementerian telah memperkenalkan dasar dan pelan tindakan TBB dan *National Renewable Energy Policy and Action Plan* (NREPAP) dengan izin, di bawah Rancangan Malaysia Kesepuluh. Di bawah NREPAP ini penguatkuasaan Akta TBB 2011 dan mekanisme *Feed-in Tariff* (FIT) telah diperkenalkan bagi meningkatkan sumbangan TBB dalam campuran tenaga negara, dengan izin.

Sasaran jumlah kapasiti TBB yang telah ditetapkan di bawah dasar ini adalah sebanyak 2,080 megawatt menjelang 2020. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sejak pelaksanaan FIT pada tahun 2011 hingga 31 Ogos 2016, sebanyak 6,328 projek TBB berkapasiti, 383.39 megawatt telah disiapkan dan disambung ke Gerik. Manakala sebanyak 3,290 projek bagi kapasiti sebanyak 929.61 megawatt sedang dalam pelaksanaan. Untuk mencapai sasaran 2,080 megawatt menjelang 2020, kerajaan telah memperkenalkan dua inisiatif baru di bawah Rancangan Malaysia Kesebelas iaitu program *Large Scale Solar* (LSS) dan *Net Energy Metering* (NEM) yang dijangkakan menyumbang sejumlah 1,500 megawatt menjelang tahun 2020 melalui pelaksanaan projek-projek TBB. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Datuk Dr. Abd. Latiff Ahmad [Mersing]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya lihat sudah ada polisi dan *framework* yang konkrit bagi memastikan *Renewable Energy* atau Tenaga Boleh Baru (TBB), tetapi saya lihat *execution*-nya begitu lambat. Apakah faktor-faktor yang menyebabkan ia menjadi lambat, yang pertama. Kedua, kita dapat tahu bahawa terdapat banyak pelupusan sampah yang boleh kita *convert* menjadi tenaga boleh baru. Ada tidak kementerian menubuhkan satu kerjasama di antara jawatankuasa Kabinet yang ditubuhkan supaya ada satu kerjasama yang bersepadu di antara KPKT dan juga KeTTHA? Terima kasih.

**Dato' Sri Devamany a/l S. Krishnasamy:** Yang Berhormat dari Mersing, terima kasih. Saya rasa Yang Berhormat kata memang lambat proses pelaksanaannya, tetapi untuk makluman Yang Berhormat kejayaan negara kita setakat 30 September 2016 sejumlah 13,558 permohonan dengan kapasiti terpasang sebanyak 1,757.47 megawatt telah diterima oleh SEDA dan sejumlah 9,663 bilangan permohonan dengan kapasiti 1,314.62 megawatt telah diluluskan untuk kuota yang ditawarkan sehingga 2018. Untuk makluman Yang Berhormat, soal solar dan *renewable energy framework* ini walaupun sudah jelas tetapi pelaksanaannya kena rapi, kerana kita tengok mana keperluan dia punya kawasan dulu. Selepas itu kapasiti pelabur, adakah dia mampu sekiranya berlaku

masalah mungkin penjaan elektrik akan mengganggu kepada *customer*. So, banyak dia punya— ST begitu ketat dengan dia punya dasar dengan cara-cara kelulusan dia.

Maka, TNB mengikut panduan yang diberi oleh Suruhanjaya Tenaga (ST) itu sebabnya. Perubahan berlaku dengan begitu agresif dalam teknologi. Kalau dulunya kita bagi harga yang berbeza untuk *Feed-in Tariff*, sekarang harganya sudah rendah kerana teknologi begitu pantas maju. Maka kita perlu lihat mana yang terkini, maka dalam proses kematangan solar itu kita bergerak mengikutnya, itu sebab kita nampak.

Kedua itu, sampah. Satu soalan yang begitu baik sekali. Setakat ini teknologi yang digunakan untuk Malaysia kerana campuran sampah itu macam-macam kita punya budaya membuang sampah berbeza. *Wet garbage* dengan *dry garbage* dengan plastik, dengan besi, semua masuk sekali. Maka teknologi untuk pemprosesan ke arah *Renewable Energy* belum mantap lagi.

#### ■1040

Maka saya setujulah dengan Yang Berhormat bahawa, bolehkah kita buat satu Jawatankuasa Kabinet untuk melihat kerjasama antara semua agensi dan kementerian dalam soal ini. Maka saya akan syorkan kepada pihak Yang Berhormat Menteri saya, supaya bawa benda ini, boleh dibawa ke peringkat yang lebih atas. Akan tetapi saya setuju dengan Yang Berhormat bahawa, kita perlu satu *concerted effort* - yang kementerian semuanya boleh bekerjasama ke arah satu. Maka setakat ini mungkin pengalaman Pulau Tioman dan sebagainya, masih belum mantap lagi. Terima kasih Yang Berhormat.

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Tuan Yang di-Pertua soalan tambahan. Apa masalah atau prosedur untuk sambungan kepada grid daripada TBB.

**Dato' Sri Devamany A/L Krishnasamy:** Yang Berhormat dari Kepong. Senang saja. Kalau ada *transmission line*, mana-mana pihak swasta yang ingin membuat atau menjana elektrik, boleh menjual kepada TNB melalui grid. Okey, katakan dia gunakan solar, kawasan tempat grid itu mesti senang lalu. Maka itu satu cara.

Kedua, kalau hidro saya rasa Yang Berhormat tahulah macam mana prosesnya.

Kemudian, sekarang kita kenalkan satu yang baru itu, *new metre* di mana katakan ada pihak individu yang hendak gunakan solar di atas rumah ataupun syarikat-syarikat, industri-industri yang bumbung mereka hendak gunakan untuk solar, mereka boleh jual- penggunaannya sendiri, lepas itu yang lebih mereka jual balik kepada TNB.

Ini adalah satu yang baru. Yes, maka dua caralah yang saya katakan- secara besar-besaran. *Last scale solar* itu besar, 50 megawatt. Setakat ini kita hanya telah buat banyak 1 megawatt, 2 megawatt, 15 megawatt. Sekarang sudah ada besar, 50

megawatt, secara besar-besaran. Teknologi mengizinkan. Maka 3 atau 4 projek itu akan dilaksanakan dalam tempoh terkini. Terima kasih Yang Berhormat.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya lihat pemangku Yang Berhormat Menteri kita ini, dia masih lagi pandang ke belakang, pandang ke tepi. Tuan Yang di-Pertua kena ingatkan dia lah ya, pandang kepada Tuan Yang di-Pertua saja. Saya hendak tanya soalan tambahan.

**Beberapa Ahli:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya, teruskan Yang Berhormat.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** *Target* yang telah disebutkan tadi sebanyak 2,080 megawatt pada tahun 2020 ya. Saya hendak tahu, itu merupakan berapa peratuskah daripada keseluruhan penggunaan tenaga yang wujud sekarang inilah? Maknanya apa sasaran, adakah ia 10% ataupun 12% ataupun bagaimana? Dan sekiranya ia merupakan satu peratusan yang ikut jangkaan saya agak rendah, adakah kerajaan berpuas hati dengan *target* yang ditetapkan seperti itu?

Dan saya juga ingin tahu, mengapa tidak diletakkan pejabat-pejabat kerajaan, bangunan-bangunan kompleks kerajaan di Putrajaya dan sebagainya, sebagai tempat-tempat yang merupakan sasaran utama di mana proses penggunaan TBB ini tidak bergantung sangat kepada pihak swasta. Kenapa tidak kerajaan itu sendiri- *on a large scale*, dengan izin, mengambil inisiatif ini. Ini kerana saya yakin sekiranya pihak kerajaan mengambil inisiatif yang serius, menjana permintaan daripada sumber ataupun pasaran solar dan sebagainya, maka ia akan menghasilkan satu permintaan yang tinggi dan dengan itu menjadikan harga pemasangan-pemasangan ini lagi murah dan lebih menarik bagi pihak swasta.

*So, I expect, dengan izin, the government to be the prime mover* dalam konteks ini dan bukan pihak swasta. Apa pandangan pemangku Yang Berhormat Menteri?

**Dato' Sri Devamany A/L Krishnasamy:** Yang Berhormat, saya ucap terima kasih lah. Pandangan itu bagus. Memang bernas pun, tapi Tuan Yang di-Pertua, sindiran awal itu begitu mengerdilkan beliau. Maka saya akui bahawa proses dia, Yang Berhormat- kos untuk menukarkan kepada TBB bukan murah. Contohnya pihak swasta setakat 30 September 2016 telah belanja RM9.8 bilion untuk peratusan yang masih belum dapat mencapai sasaran. Maka, dalam proses semasa, mungkin kalau kos dia rendah, boleh kita menjanakan elektrik secara TBB.

Yang kedua, kita tengah dalam proses kematangan daripada segi teknologi dan pihak swasta pun masalah *financing* kerana masalah *financing* ini Yang Berhormat, kalau kita tidak- *is not a tangible asset*, di mana kolateralnya tidak ada, menggunakan

teknologi sebagai kolateral. Maka ini masalah-masalah yang kita- daripada segi bio jisim, sumber stok, *feed stock*, banyak masalah kita.

Yang kedua tadi, yang dikatakan, yang diminta oleh Yang Berhormat itu kerajaan, bangunan-bangunan kerajaan. Saya mengakui kalau sekiranya untuk jumlah kadar penjanaan elektrik Tuan Yang di-Pertua, kosnya begitu tinggi sekali sampai dekat RM10 bilion. Bayangkan kalau kita hendak tukarkan Putrajaya kepada penggunaan TBB. Kos, sepatutnya ini isu kos Yang Berhormat.

Akan tetapi saya menyambut baik, tetapi tidak payahlah buat sindiran. Tanya dengan baik. Terima kasih Yang Berhormat.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Tuan Yang di-Pertua, saya tidak sindir apa-apa ya, dan saya tanya yang peratusan itu berapa. *What percent of the total energy consumption? Please.*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya, cukuplah Yang Berhormat.

**Dato' Sri Devamany A/L Krishnasamy:** Soalan itu saya terima Yang Berhormat tapi awal itu, ayat mukadimah itu.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Mukadimah cuma bagi tahu, pandang Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Sri Devamany A/L Krishnasamy:** Mukadimah itu tidak kena tempat Yang Berhormat.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Yang mana satu. Yang pemangku Yang Berhormat Timbalan Menteri?

**Dato' Sri Devamany A/L Krishnasamy:** Sama-sama duduk Yang Berhormat.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** *[Ketawa]* Dia *over sensitive* lah pemangku ini.

**6. Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]** minta Menteri Pendidikan menyatakan, apa punca yang menyebabkan nisbah pelajar dalam aliran sains, teknologi, kejuruteraan dan matematik hanya berada pada tahap 20 peratus sahaja.

**Datuk P. Kamalanathan A/L P. Panchanathan [Timbalan Menteri Pendidikan]:** Terima kasih Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Kota Bharu.

Yang Berhormat, data Kementerian Pendidikan Malaysia pada tahun 2014 menunjukkan peratusan murid di negara ini yang mengikuti aliran sains teknologi kejuruteraan dan matematik, ataupun *science technology engineering and mathematic*



(STEM) sebanyak 47%, dan bukannya 20%. Kementerian Pendidikan Malaysia mengakui bahawa terdapat kemerosotan bilangan murid yang memasuki aliran STEM berbanding tahun-tahun sebelum.

Kemerosotan bilangan murid dan bidang sains dan teknologi menjadi isu utama yang sering dibincangkan di peringkat Kementerian Pendidikan Malaysia dan juga di peringkat global. Trend penurunan tersebut turut disumbangkan oleh peningkatan peratusan murid yang layak mengikuti aliran sains tetapi mengambil keputusan mengikuti aliran sastera.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Kota Bharu, Kementerian Pendidikan Malaysia telah menubuhkan satu Jawatankuasa Khas bagi mengkaji punca dan cadangan penyelesaian kepada kemerosotan enrolmen murid yang mengikuti aliran sains dan teknologi di sekolah.

Laporan Jawatankuasa Khas tersebut menyatakan bahawa kemerosotan enrolmen yang mengikuti aliran sains dan teknologi disebabkan:

- (i) kurikulum yang padat, dan sukar;
- (ii) aktiviti pengajaran dan pembelajaran yang kurang menarik;
- (iii) infrastruktur; dan
- (iv) persepsi kurang baik terhadap sains dan teknologi, dan prospek kerjaya yang kurang memberangsangkan.

Bagi mengatasi masalah ini, Kementerian Pendidikan Malaysia bersama-sama Kementerian Pendidikan Tinggi dan Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi sedang merangka pelan tindakan STEM Nasional 2017-2025, dengan memberi fokus kepada lapan bidang utama iaitu dasar; pengajaran dan pembelajaran; fasiliti; program kesedaran kerjaya; kerjasama strategik; data serta penyelidikan; pengkomersialan; dan inovasi. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri atas jawapan.

■ 1050

Pertamanya saya nak minta satu penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri yang mengatakan bahawa daripada data kementerian, setakat tahun 2014 nisbah pelajar sains dan sastera, sainsnya adalah 47 peratus. Akan tetapi saya ada satu kenyataan daripada Ketua Setiausaha MOSTI pada 17 Mac 2016 yang mengatakan bahawa satu kajian telah dibuat oleh Akademik Sains Malaysia yang mendapati bahawa hanya 20 peratus pelajar aliran sains berbanding 80 peratus aliran sastera. Ini daripada kerajaan sendiri, dari perangkaan kerajaan sendiri. Itu saya hendak minta penjelasan.

Keduanya saya hendak tanya Yang Berhormat Menteri atau kementerian, adakah kementerian berminat untuk melaksanakan satu pendekatan yang dibuat di Perancis yang dipanggil pembelajaran ini *Inquiry Based Science Education* di mana guru-guru yang bukan opsyen sains apabila mereka menguasai bidang sains dengan kepakaran mereka sendiri, mereka boleh mengajar dalam bidang sains ini dan menarik minat pelajar-pelajar.

Keduanya, sejauh mana pula kerajaan bercadang untuk menggunakan pengalaman dan juga skil pelajar-pelajar genius di Malaysia yang mana mereka mencapai pencapaian yang baik di dalam akademik di peringkat umur yang muda. Sebagai contohnya Sufiah Yusof yang memasuki Universiti Oxford pada usia 13 tahun, Chiang Ti Ming menjadi pelajar termuda di *California Institute of Technology* dan selepas itu mendapat PhD dalam bidang Fizik Zarah di *Conway University*. Chan Yao Ban pemegang PhD termuda daripada Universiti Melbourne dan yang terakhirnya Adi Putra dalam umur 6 tahun beliau telah boleh menyelesaikan soalan matematik di peringkat universiti. Ini pelajar-pelajar genius ini. Sejauh mana kementerian menggunakan pakai kemahiran yang kita sendiri ada dan mencapai matlamat ini. Terima kasih.

**Datuk P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan:** Terima kasih Yang Berhormat Kota Bharu dan terima kasih Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua. Maklumat yang saya beri sebentar tadi ialah maklumat daripada Kementerian Pendidikan Malaysia.

Untuk makluman Yang Berhormat, pada tahun 2014 jumlah pelajar-pelajar tingkatan lima pada tahun 2014 ialah 414,314 orang pelajar. Daripada 414,314 orang pelajar ini, 193,557 orang pelajar tingkatan lima adalah aliran Sains vokasional dan teknikal yang mana jumlahnya 46.72 peratus. Ini angkat Kementerian Pendidikan Malaysia.

Soalan yang kedua tentang pendekatan di Perancis. Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan Malaysia melalui kurikulum pelajaran bidang STEM menerapkan pelbagai kaedah dan pendekatan pengajaran dan pembelajaran ataupun PDP bagi menjadikan pembelajaran mata pelajaran bidang tersebut menarik dan bermakna kepada murid. Antaranya yang pertama:

- (i) pendekatan pembelajaran berasaskan permasalahan ataupun dengan izin *problem based learning*;
- (ii) pembelajaran berasaskan projek, *project based learning* dengan izin; dan
- (iii) pembelajaran berasaskan *inquiry, inquiry based learning*.

Pendekatan sedemikian menyediakan pengalaman pembelajaran yang bersifat *hands on* dan *minds on* yang memberi peluang untuk murid memperoleh pengetahuan

dalam bidang sains, teknologi, kejuruteraan dan matematik serta mengaplikasikan pengetahuan dan kemahiran yang diperolehi dalam konteks kehidupan harian.

Yang ketiga pula dalam aspek cadangan pengalaman genius memang dipakai guna. Kita sentiasa mendapat penglibatan mereka bukan sahaja dari aspek pelajar-pelajar di sekolah menengah malah pelajar-pelajar pra universiti ataupun tingkatan enam, matrikulasi kita mendapat pelajar-pelajar ini menjadi ikon ataupun menjadi mentor kepada pelajar-pelajar bidang sains yang sedang dalam bidang sains sekarang Yang Berhormat. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Anuar bin Abd. Manap [Sekijang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Antara langkah-langkah yang telah diambil oleh kementerian bagi memantapkan penyampaian STEM adalah dengan memperkenalkan pembelajaran berasaskan projek seperti reka bentuk dan teknologi bagi peringkat rendah dan menengah. Mata pelajaran elektif ikhtisas seperti Prinsip Akaun, Sains Komputer dan Grafik Komunikasi Teknikal bagi peringkat menengah atas. Juga kerajaan dikatakan memperkenalkan mata pelajaran *Coding* bermula untuk tahun hadapan.

Soalan saya Tuan Yang di-Pertua, sejauh manakah kewujudan subjek berteraskan STEM yang diperkenalkan di peringkat rendah, menengah dan menengah atas dilihat berjaya untuk menarik minat pelajar untuk mendekati pendidikan berasaskan STEM ini. Apakah tahap kesediaan kementerian pula untuk melaksanakan pelajaran *coding* yang dikatakan akan bermula pada tahun hadapan. Terima kasih.

**Datuk P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Sekijang. Soalan Yang Berhormat tentang persediaan Kementerian Pendidikan Malaysia melaksanakan pelajaran *coding*.

Untuk makluman Yang Berhormat, modul pembelajaran untuk murid-murid disediakan bagi pelaksanaan KSSR semakan dan KSSM 2017 dalam pembelajaran 'pengkodan' ataupun *coding* adalah seperti berikut:

- (i) modul TMK tahun satu termasuk buku teks;
- (ii) Asas Sains Komputer tingkatan satu termasuk buku teks; dan
- (iii) Sains Komputer tingkatan empat termasuk buku teks.

Manakala tenaga pengajar yang akan terlibat adalah seperti berikut:

- (i) untuk modul TMK -guru mata pelajaran sedia ada sekolah rendah;
- (ii) Asas Sains Komputer - guru sekolah menengah yang mempunyai kelulusan dalam bidang ICT; dan
- (iii) untuk Sains Komputer pula guru sekolah menengah yang mempunyai kelulusan dalam bidang ICT.

Dari segi peralatan PDP yang digunakan dalam topik pengkodan ataupun *coding* adalah menggunakan kemudahan peralatan komputer dan perisian yang sedia ada di sekolah. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**7. Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]** minta Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani menyatakan seiring dengan pengiktirafan kerajaan bahawa penanaman padi adalah sangat penting dan merupakan sumber bekalan sekuriti makanan negara, apakah tindakan spesifik kerajaan untuk membantu serta membela nasib pesawah-pesawah apabila hasil padi mereka kurang dan terjejas teruk malah ada yang tidak laku dijual disebabkan pengairan yang tidak baik, serangan perosak dan pemotongan yang terlalu tinggi.

**Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani [Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Bagan Serai.

Soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat ada sedikit sebanyak unsur-unsur menghasut. *[Ketawa]* Sebab saya kata begitu, Yang Berhormat kata hasil padi yang terjejas teruk disebabkan oleh pengairan yang tidak baik, itu tuduhan itu, itu menghasut tu. *[Ketawa]*

Kedua, dia kata serangan perosak. Itu mungkin tidak ada hasutan. Juga pemotongan padi yang terlalu tinggi, separuh hasutan separuh tidak. Saya jawab satu-satu.

Pengairan, tidak boleh dinafikan berapa banyak kerajaan telah membelanjakan wang untuk menaik taraf pengairan kawasan jelapang padi dan di luar jelapang padi. Saya bagi angka iaitu pada Rancangan Malaysia Kesebelas sahaja RM3.5 bilion telah diperuntukkan untuk menaik taraf sistem pengairan jelapang padi. RMK-10 sebelum ini pun kita belanjakan begitu banyak, saya ingat RM1.5 bilion telah dibelanjakan. Ini adalah menunjukkan bahawa taraf atau sistem pengairan kita di jelapang padi begitu baik sekali. Masalah pengeluaran padi sama ada elok atau tak elok, sedikit atau banyak adalah disebabkan oleh beberapa faktor lain seperti bencana, El-nino. Ini yang menjadi perkara Yang Berhormat selalu perkatakan atau bangkitkan.

■1100

Jadi perkara ini, bencana ini, kita tidak boleh hendak kawal. *It's out of our control*, Tuan Yang di-Pertua. El Nino. *What can we do with El Nino?* Tidak boleh hendak buat apa. Bantuan kita sentiasa beri. Dalam kes ini, kita akan beri bantuan kepada mereka. Sedang buat. Tengok kita punya tabung kita ini. Hari itu saya sudah sebut. Mungkin

*about* RM250 untuk satu pesawah. Akan tetapi yang penting *long term*. Jangka panjang setiap masa, apa yang kita lakukan, pengairan dinaiktarafkan.

Kedua, masalah serangga perosak. Ini kita kena beri latihan kepada petani-petani untuk mengamalkan amalan pertanian baik. *Good agriculture practice*. Ini kena amalkan di mana mereka mesti mengikut jadual penanaman padi dan juga semua kegiatan yang berkaitan dengan tanaman padi ini sehingga menuai. Banyak daripada petani kita tidak amalkan pertanian baik ini. Dengan sebab itu, banyak penyakit, banyak masalah terbiar begitu. Akan tetapi kalau kita tengok petani-petani yang berjaya, umpamanya di Selangor, di Sekinchan, tetapi walaupun kerajaan itu kerajaan mereka, pembangkang, tetapi itu bukan kerja mereka.

**Seorang Ahli:** Mana ada kerajaan pembangkang.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Kerajaan mana pembangkang.

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman:** Tidak, kerajaan pembangkang dalam konteks Malaysialah. Kerajaan.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** *[Berucap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman:** Itu tidak boleh *claim credit*. Jangan hendak berangan-angan memandai beritahu orang itu daripada Kerajaan Negeri Selangor. *[Disampuk]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Shah Alam, Yang Berhormat Shah Alam.

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman:** Ya. Saya sudah pakai cermin mata ini saya boleh nampak tau siapa yang buat hal di sebelah sana. *[Ketawa]*

**Seorang Ahli:** Selama ini butakah?

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman:** Tengok bahasa. Bahasa. Bahasa. Baguskah itu? Baguskah? *I mean you should be ashamed with yourself. You call yourself a leader. Member of Parliament.* Ulama'. Bersyarah tidak ada.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Tuan Yang di-Pertua, dia anggap saya ulama' kah? Saya ingat kena tukarlah cermin mata. Kena tukar cermin mata.

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman:** *You claimed. You claimed* pergi berdakwah dekat masjidlah. Tauliah, sijil tidak dapat. Itulah jadinya. Jadi songsang. Okey.

Kita hendak menerapkan *good agriculture practice* di kalangan petani supaya menjaga pokok-pokok yang ditanam ini dengan baik, seperti mana yang dilakukan oleh petani-petani yang berjaya. Pemetongan yang terlalu tinggi ini, bukan semua petani menghadapi masalah ini. Petani-petani yang hasil pertaniannya agak terjejas

disebabkan oleh El Nino, penyakit dan sebagainya. Akan tetapi pada keseluruhannya, *average*, pukul rata potongan ialah sebanyak 20 ke 21 peratus. Akan tetapi ada tempat-tempat tertentu apabila berlaku masalah yang saya sebutkan tadi, mungkin jadi 25, 26. *But this is isolated cases* lah dengan izin. Terima kasih.

**Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Menteri. Jawapan yang begitu baik sekali. Saya tidak sangka pula soalan saya boleh jadi hasutan.

Tuan Yang di-Pertua, saya melihat masalah yang dihadapi memang boleh dikatakan *isolated cases* disebabkan oleh bencana yang tidak dapat kita elakkan. Ini takdir Ilahi dan juga masalah mungkin sedalam-dalamnya masalah sikap petani dan sebagainya. Saya hendak sentuh dua perkara iaitu berkenaan dengan pemutuan. Kaedah pemutuan yang kerajaan telah amalkan ini mengikut akta yang sudah agak lama, 1985. Mungkin perlu disemak semula supaya ada kesesuaian dengan keadaan masa kini.

Seperkara lagi ialah tentang insentif peningkatan hasil. Saya melihat mereka yang mendapat nilai kurang daripada RM1,000 telah dibayar dengan insentif ini pada musim 2013 tetapi bagi mereka yang melebihi nilai RM1,000 masih belum dapat hingga sekarang. Jadi saya ingin, kita lihat sekarang ini dengan suasana yang begitu mencabar, kos kehidupan, kos penyelenggaraan dan *maintenance*, operasi sawah meningkat yang saya sebut tadi, ada *isolated cases* pemotongan masih lagi tinggi yang berlaku, ada juga berlaku di Parlimen Bagan Serai.

Jadi soalan saya ialah apakah kerajaan bercadang dalam jangka panjang (*long-term*), untuk mewujudkan satu kaedah pemutuan yang lebih baik, lebih sesuai untuk masa depan petani dan kebimbangan saya tentang insentif peningkatan hasil ini, kalau dihentikan, bagaimana nasib petani? Maknanya apakah pelan jangka panjang sekali lagi kerajaan untuk membantu pesawah-pesawah di masa depan memandangkan menanam padi adalah merupakan sumbangan kepada *security* makanan negara. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman:** Tuan Yang di-Pertua, kita saya ingat sudah sampai mendidik masyarakat dan petani kita supaya jadi petani yang baik, petani yang ada jati diri, ada keyakinan diri. Tidak boleh kita dengan subsidi sahaja, dengan bantuan *cash*. Kita hendak beri untuk melihat petani kita ini berjaya dengan hasil yang lebih tinggi, pendapatan yang lebih baik. Ini pandangan saya. Dengan sebab itu, kita kena tekankan, *we have to educate*, dengan izin petani kita supaya menjadi petani moden. Petani yang mengamalkan amalan pertanian baik.

Dengan amalan yang baik ini, mereka akan dapat meningkatkan produktiviti. *Income will be increase through increased of the productivity*, dengan izin Tuan Yang di-Pertua. *So, long term, this must be done.* Kita bagi bantuan sedikit sebanyak bila diperlukan. Akan tetapi *that is not essence of our strategy.* Kita bantu dengan pengairan, kita bantu dengan latihan, kita bantu dengan bimbingan. Ini yang lebih penting. Sekarang kita pun sudah tengok ada tempat yang telah berjaya tetapi tempat yang tidak berjaya ini, sebab petani kita, kita perlu didik mereka. Kita bimbing mereka, asuh mereka supaya menjadi petani yang baik seperti petani di tempat lain yang mengeluarkan hasil. Ada yang sampai 12 metrik tan, 10 metrik tan. *If they can do it, why some others cannot do it*, dengan izin.

Akan tetapi masalahnya apabila kita, *politician always talk about, you know, kita-everything you want to politicize*, terutama di sebelah sana. Kerja menghasut tidak habis-habis. Menjerit-jerit. 50,000 orang. Kata berapa puluh ribu orang. Ini *sidetrack* sikit ni Tuan Yang di-Pertua. *Why is that*, dengan izin. *Why is that 50,000. We have 37 million, 30 million population. It's nothing you know. It's nothing.* [Disampuk]

Sikitlah. *Sidetrack. Sidetrack* sikit.

**Seorang Ahli:** Tidak boleh. Ini Parlimen.

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman:** Tidak boleh? Okey, *thank you very much.* Terima kasih. [Disampuk]

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Baik terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Cukup, cukup, Yang Berhormat. Yang Berhormat Pokok Sena yang kemukakan soalan, Yang Berhormat.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Menteri. Hari ini tidak berapa lawa. Dia tidak pakai *specs* hitam. Kalau pakai *specs* hitam tu baru nampak macam penyanyi tahun 80-an. A. Rahman Hassan. Jadi, kalau sudah kata 50,000 kah berapa ribu tidak ada masalah, jadi tak usah *dok* bising. Ini bising, melalak hari-hari dalam TV3.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya, soalan. Soalan, Yang Berhormat.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Sampai ke Parlimen pun melalak lagi. Bermakna susah hati. Susah hati tengok orang ramai. Baik, terima kasih jawapan tadi. Saya bersetuju dengan Yang Berhormat bahawa kita harus menggalakkan pertanian yang baik di kalangan petani-petani kita. Memang itu yang seharusnya diberikan tunjuk ajar, latihan, pendidikan yang harus diberikan tetapi namun kerajaan

sendiri seperti yang pernah saya sebut dan jawapan masih belum saya peroleh dalam perbahasan baru-baru ini iaitu untuk mengangkat industri padi dan beras negara kita iaitu beras tempatan ini. Kerajaan harus mengelak dalam konteks sekarang ini untuk mengimport masuk beras yang kualitinya sama atau kualiti itu sama dengan beras putih tempatan.

■1110

Sepatutnya lebih rendah daripada beras putih tempatan supaya beras putih tempatan itu dapat dimartabatkan. Hari ini sampai sekarang banyak padi yang tak dapat diproses di kilang-kilang untuk dikeluarkan dilambakkan dalam pasaran kerana kemungkinan berlaku lambakan beras dari luar.

Yang kedua Tuan Yang di-Pertua, saya hendak dapatkan penjelasan berkaitan dengan permutuan tadi itu. Nampak sistem permutuan itu tidak menggunakan satu alat yang boleh meyakinkan kita. Jadi dia pakai pukul rambang begitu, jadi menyebabkan kadang-kadang kita tak tahu sejauh mana ketepatan sebenarnya permutuan berapa peratus, berapa peratus yang telah pun diberikan kepada petani. Jadi adakah kerajaan akan mewajibkan selepas ini kilang-kilang ataupun pusat belian padi ini menggunakan alat-alat tertentu dari segi untuk menentukan permutuan supaya dia betul-betul memenuhi apa yang dikehendakkan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Panjang sangat dah Yang Berhormat.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Dan sejauh mana pula insurans untuk melindungi tanaman petani yang dicadangkan oleh kerajaan sebelum ini kita sudah berada di penghujung tahun katanya, hujung tahun akan dilaksanakan. Terima kasih.

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kita bukan takut. Yang kita sebut itu, kita kena sebut pasal *you all* ini yang dibuat itu kacau orang ramai.

**Beberapa Ahli:** Tak kacau pun.

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman:** Ya. *Police will have to close so many roads because of the nonsense...*

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Tak lah, *pi* tutup jalan buat apa? Bukan, bukannya mengganggu orang ramai...

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Bukan kita yang suruh, *we never asked the police to close the road*. Itu Menteri lah punya pasal. Siapa suruh Menteri buat kerja bodoh.



**Puan P. Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan]:** ...to allow the peaceful assembly, not to close the road.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya, ya, ya, balik kepada soalan Yang Berhormat.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Dia tutup jalan buat apa, nak dapat teksi pun menjadi susah. *[Ketawa]*

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Menteri pertanian jawab BERSIH buat apa? Tak payah lah, tengok pada padi sahajalah.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Polis yang menyusahkan pemandu teksi *pi* tutup jalan. Polis yang menyebabkan peniaga-peniaga tak boleh jual sebab dia tutup jalan. Orang tak boleh masuklah.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Pokok Sena duduk Yang Berhormat.

**Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]:** DBKL suruh peniaga-peniaga tutup, kemudian mereka nak *claim* dengan BERSIH macam mana?

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman:** Ini orang ramai nak lalu susah.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Memanglah polis kacau.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Orang nak lalu ramai susah pasal polis tutup jalan.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Kalau polis tak kacau, tak ada masalah.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Polis yang tak *gheti*.

*[Dewan riuh]*

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Puak yang ramai itu berkumpul dekat situ. Polis berkumpul.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat, ya soalan, soalan Yang Berhormat, soalan Yang Berhormat.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Polis, polis *pi* ikut arahan Jamal. Itu yang menjadi rosak.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Itu yang masalahnya.

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman:** Tuan Yang di-Pertua..

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Debat isu ini di forum yang lain Yang Berhormat ya.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** *He's the one who opened it, he's the one who opened it.*

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Saya setuju di forum yang lain tetapi dia yang ...dekat sini.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** *He opened the floodgate.*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Cukup, cukup, cukup.

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman:** Tuan Yang di-Pertua, saya nak tanya dia orang ini, *depa* ingat Kuala Lumpur ini bapak *depa* punyakah? *[Dewan riuh]*

**Puan P. Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan]:** Tuan Yang di-Pertua *what is this?*

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Dia ingat Menteri punyakah? Dia ingat Menteri punyakah?

**Puan P. Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan]:** Tuan Yang di-Pertua Menteri sendiri yang *side-track*. *[Ketawa]*

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Ingat negara ini bapa dia punyakah?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya, balik kepada padi Yang Berhormat.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Apa, Malaysia ini bapa Yang Berhormat punyakah? Malaysia ini UMNO yang punyakah? *[Dewan riuh]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya, duduk, duduk, duduk, cukuplah Yang Berhormat.

**Seorang Ahli:** Apa punya timbalan menteri?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, balik kepada soalan padi Yang Berhormat.

**Seorang Ahli:** Balik kepada padi, balik kepada padilah, padilah.

**Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]:** Kalau ada yang dia punya pun, Jalan Abdul Rahman itulah.

**Seorang Ahli:** Jawab pasal padilah.

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman:** Kedai-kedai terpaksa tutup.

**Seorang Ahli:** Siapa suruh tutup, DBKL suruh tutup?

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman:** 50,000 sudah hu, hu, hu, hu. *[Ketawa] [Dewan riuh]* Apa Yang Berhormat Seputeh? *You know?*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Menteri, padi Yang Berhormat.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Tak, Yang Berhormat kata 50,000 polis kata 15,000. Ini pun 'kepala otak' punya senget dah. *[Dewan ketawa]* Habis 'kepala otak' Yang Berhormat, 'kepala otak' polis pun senget habis.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Pokok Sena, cukuplah Yang Berhormat ya.

**Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]:** Baju merah pun 30,000 ramai itu. Ramai 30,000.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Tetapi ramai budak *form 2, form 3* baju merah, kesian.

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman:** Yang Berhormat Seputeh ini kek, kek, kek, kek ni pasal apa? *The only woman with a 'kok' is in Seputeh. [Ketawa]*

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** *Terrible...*

**Seorang Ahli:** Eh Yang Berhormat, sila tarik balik.

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman:** Teresa Kok.

**Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]:** Tuan Yang di-Pertua, Tuan Yang di-Pertua..

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Ini Menteri yang tak ada tamadun punya.

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman:** Teresa Kok.

**Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]:** Tuan Yang di-Pertua, *unparliamentary word*, suruh dia tarik balik itu *sexist remark*.

**Dato' Kamaruddin Jaffar [Tumpat]:** Itu lain merah...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Apa, apa maknanya Yang Berhormat ya?

**Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]:** *Sexist remark, sexist remark. This is very uncalled for.* Tarik balik kalau tak direport...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, saya anggap dia merujuk kepada nama *surname* Yang Berhormat ya.

**Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]:** Inilah nama Melayu, inilah nama Melayu.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Menteri..

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman:** Ini Yang Berhormat Ipoh Barat pergi cari tali lembu lah suruh tarik.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Eh, apa ini?

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman:** Ada lembu itu sana banyak, ada lembu.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Saya ada *rule* Yang Berhormat bahawa dia merujuk kepada nama...

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman:** Ya, nama.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Walaupun dia rujuk kepada nama Tuan Yang di-Pertua...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yalah, dia boleh *di-interpret* dalam berbagai cara Yang Berhormat.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** ...kita ini bukan bodoh Tuan Yang di-Pertua, *we know exactly what he means*. Minta dia tarik balik. Tunjukkan akhlak baik sikit.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya, Yang Berhormat Menteri, jawablah kepada padi Yang Berhormat.

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman:** Ya, saya hendak jawab dia orang kacau. *[Disampuk]* Diamlah.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang lain diamlah Yang Berhormat ya, kita dengar jawapan padi Yang Berhormat.

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman:** Tuan Yang di-Pertua *[Disampuk]* Apa? *[Ketawa]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Tak payahlah komen dah ya.

**Puan P. Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan]:** Tuan Yang di-Pertua, minta untuk Yang Berhormat Pasir Salak tarik balik...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Dah, dah, dah selesai dah Yang Berhormat ya.

**Puan P. Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan]:** ...*because* kalau sebelah kita buat bising mesti Tuan Yang di-Pertua suruh kita tarik balik.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** *Do not prolong the matter* dah. Dia sudah buat keputusan tadi Yang Berhormat ya.

**Puan P. Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan]:** *No*, kena tarik balik Tuan Yang di-Pertua. Kalau tak semua akan gunakan perkataan macam ini.

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman:** Tarik apa yang dia mahu tarik balik ini?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Menteri...

**Puan P. Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan]:** 'Kok' lah, tahi lembulah, *unparliamentary*.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat duduk Yang Berhormat Batu Kawan.

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman:** Tarik balik apa? Tuan Yang di-Pertua, suruh tarik balik, tarik balik apa?

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Eh, buat malulah pakai songkok. Tunjukkan perangai baik sikit. Dahlah pakai songkok, bahasa sial punya bahasa! sial punya bahasa!

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman:** Eleh, eleh..

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Eleh, leh, leh, apa?

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman:** Apa dia? Apa sial?

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Tak tahu nak jawab soalan, nak cari gaduh.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Menteri.

**Seorang Ahli:** Sial punya Menteri!

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman:** Kepala otak engkau!

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Betulkan bahasa awak itu, betulkan bahasa awak itu. Tuan Yang di-Pertua, *I request you...*

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman:** *This is my floor, this is my floor. Please sit down.*

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** *...to instruct him,* tarik balik kenyataan itu.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya, banyak juga perkataan yang tak *unparliamentary*, perkataan sial dan sebagainya juga *unparliamentary* Yang Berhormat.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Memalukan orang...

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman:** Dudukkk...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman:** *This is my floor.*

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Awaklah perangai tak senonoh.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Dahlah, cukup Yang Berhormat. Ya Yang Berhormat Menteri.

**Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]:** *Sexist remark.*

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman:** Dia guna perkataan 'sial' itu apa?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Cukup, cukup Yang Berhormat, *unparliamentary* dah cukup.

**Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]:** *No it's very clear, you know very well.*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Sial, bodoh, *unparliamentary.*

**Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]:** *No, sexist remark, he can't be allowed to go off like this.*

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman:** Ini kurang ajar ini!

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Tak apalah, *I don't know what he meant that is what I think he meant.*

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman:** Kurang ajar!

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Menteri sial!

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman:** Kurang ajar!

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Cukup Yang Berhormat..

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Menteri sial!

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman:** Kurang ajar!

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Tarik bahasa itu balik.

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman:** Kurang ajar!

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya, Yang Berhormat Menteri.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Kalau tuan hendak punya bahasa yang jahat, saya lagi baik!

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman:** Kurang ajar! Apa kamu hendak? Kurang ajar!

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Apa yang kurang ajar? Kamu yang ajar, awak yang ajar.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Menteri.

**Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]:** Yang Berhormat Menteri yang kurang ajar ini. Menteri yang kurang ajar.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Bahasa yang sial, dari Menteri yang sial!

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat.

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman:** Eleh, tengoklah siapa sial?

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Awaklah.

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman:** Alah, sudahlah!

**Seorang Ahli:** Cantik, bagus, cantik!

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman:** Sial, sial!

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Dah jawab dah Yang Berhormat.

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman:** Apa?! Kamu ingat aku takutkah?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Menteri, cukuplah Yang Berhormat. Yang Berhormat Shah Alam ya.

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman:** *You think I am afraid of you?* Alamak!

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Tuan Yang di-Pertua, jawablah soalan saya. Yang dia ini duduk...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya, saya minta jawapan dia, duduklah, duduklah Yang Berhormat ya.

**Seorang Ahli:** Yang Berhormat Menteri hendak jawab apa?

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Ini apa Yang Berhormat Menteri mula-mula bangun hendak jawab.

**Puan P. Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan]:** Tuan Yang di-Pertua, *is the word 'cock' allowed in Parliament?*

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Terus pergi melencong tempat lain, ini masalah dia ini.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya, *so many unparliamentary words* yang telah di-*uttered* Yang Berhormat ya. *That's why* saya sudah cakap, cukuplah.

**Puan P. Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan]:** Tuan Yang di-Pertua *is the word 'cock' allowed in Parliament? If not he has to take it back. Is the word cock allowed in Parliament? It's disgusting and he must take it back.*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Menteri, hendak jawab tak Yang Berhormat?

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman:** Apa dia?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Hendak jawab tak soalan?

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman:** Tak saya hendak tanya, yang dia panggil sial, sial ini pasal apa?

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Pasal awaklah, pasal guna bahasa itu.

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman:** Eh, *you* ingat saya dah tak ada bapakah? Tak ada emak bapakah?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Apa 'kok'? Apa 'kok'?

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman:** Apa dia?

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Tak sialkah itu?

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman:** Tak, nama dia siapa?

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Sial!

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman:** Eleh...

**Seorang Ahli:** Bodoh!

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman:** Di Dewan ini *you* bolehlah sial, sial macam itu kalau *you* berani, di luar!

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Sebab itu Yang Berhormat, cukuplah Yang Berhormat.

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman:** Di luar....*to repeat outside!*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Saya dah cakap tadi Yang Berhormat Menteri..

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Tuan Yang di-Pertua...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Kalau kita *prolong* benda ini, *prolong*. Kalau kita katakan sudah cukup, kita anggap bahawa dia merujuk kepada *surname*.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** *I'll do a PC and I will call you* Menteri sial *in front of all reporters*. Jom!

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman:** *You call...*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Menteri..

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Apa *you* nak cakap? Perangai tak senonoh.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Menteri..

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Pakai songkok, malukan Melayu!

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, cukup Yang Berhormat. Saya anggap bahawa tiada jawapanlah untuk soalan Yang Berhormat ya.



**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Tuan Yang di-Pertua, tak ini, kalau tak ada jawapan, suruh dia keluar sahaja, suruh dia keluar Tuan Yang di-Pertua.

**Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]:** Tuan Yang di-Pertua, kalau Tuan Yang di-Pertua rasa apa yang dia cakap itu okey, tolong Tuan Yang di-Pertua *repeat*. Kalau Tuan Yang di-Pertua berani apa yang dia cakap tadi tentang Yang Berhormat Seputeh.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Tak Yang Berhormat, *unparliamentary word* terlampau banyak di-*uttered*. Sebab itu kalau kita tidak *prolong*-kan daripada awal tadi, iyalah. Saya sudah buat keputusan, bahawa saya anggap dia merujuk kepada nama *surname, that's it*. Selesai di sana. Perkataan-perkataan..

**Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]:** *It's not the case, you know it's not the case.*

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** *...not to understand.*

#### ■ 1120

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Perkataan sial, kurang ajar semua *unparliamentary*.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** *We expect you to put the situation correct.* Jangan *pretend* tidak faham bahasa dia Tuan Yang di-Pertua. *You are much more intelligent than that.* Janganlah jatuhkan. Nampak macam tidak faham.

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman:** Tuan Yang di-Pertua, senang sahaja. *Leave to us to settle outside.*

**Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]:** Mana boleh.

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman:** *We settle outside.*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Tidak. Kira selesailah benda ini. Sudah habis Yang Berhormat.

**Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]:** You sedang mencemarkan Dewan ini.

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman:** *No, no, we settle outside,* terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Now outside.*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Saya jemput Yang Berhormat Dato Dr. Shamsul Anuar bin Haji Nasarah.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Apa punya Yang Berhormat Menteri *hoi*. Apa punya Yang Berhormat Menteri, soalan tidak jawab... *hoi, hoi. Hoi* Yang Berhormat Menteri, apa punya ....

**Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]:** Yang Berhormat Menteri tidak bertamadun.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Keluar, keluar Yang Berhormat Menteri. Keluarlah, keluarlah.

*[Dewan riuh]*

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Soalan aku mana hoi?

**Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]:** Yang Berhormat Menteri samseng.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Hoi, hoi soalan aku mana? Mana ada jawapan?

*[Dewan riuh]*

**Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** Ini dinamakan pembaharuan dalam Parlimen ya hebat semua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Miri, sebutkan Yang Berhormat.

**8. Dr. Michael Teo Yu Keng [Miri]** minta Menteri Kesihatan menyatakan sama ada bajet tambahan akan diberikan untuk tujuan pembinaan dua dewan bedah baru di Hospital Umum Miri.

**Timbalan Menteri Kesihatan [Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya]:** Terima kasih Yang Berhormat Miri. Soalan ini Tuan Yang di-Pertua adalah soalan khas untuk Hospital Miri Tuan Yang di-Pertua. Tentang Projek Pembinaan Dua Buah Bilik Bedah Hospital Miri yang baru melibatkan kos keseluruhan sebanyak RM10,800,800. Bajet yang telah diberikan adalah mencukupi. Projek ini masih dalam peringkat pembinaan dan peratus kemajuan projek ketika ini adalah 98.5 peratus. *Testing dan commissioning ...*

**Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]:** Tuan Yang di-Pertua, ini Yang Berhormat Pasir Salam ada dekat belakang ini.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Kita ada ramai *security* Yang Berhormat.

**Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]:** Mencabar keluar, keluar ini apa hal?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ramai bentara dekat sana.

**Seorang Ahli:** Inilah dia.

*[Dewan riuh]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Tidak payahlah sibuk Yang Berhormat. Yang Berhormat, kita ramai bentara dekat sana. Saya yakin bentara boleh kawal Yang Berhormat. Ya Yang Berhormat Menteri, teruskan Yang Berhormat. Jangan terganggu.

**Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya:** Tuan Yang di-Pertua, saya mula balik. Projek Pembinaan Dua Buah Bilik Bedah Hospital Miri yang baru ini melibatkan kos keseluruhan sebanyak RM10,800,800 dan bajet yang telah diberikan adalah mencukupi. Projek masih dalam peringkat pembinaan dan peratusan kemajuan adalah sebanyak 98.5 peratus. *Testing* dan *commissioning* sedang dijalankan bermula pada 17 November bulan ini.

Bilik bedah ini dijangka siap pada pertengahan Disember 2016. Peruntukan sejumlah RM900,000 telah dikeluarkan kepada Hospital Miri bagi tujuan perolehan peralatan perubatan untuk kegunaan dewan bedah baru yang tersebut Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat sila duduk. Ahli-ahli Yang Berhormat sila duduk ya.

**9. Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]** minta Perdana Menteri menyatakan apakah mekanisme terbaik yang sedang/telah dirangka oleh Kerajaan dalam memupuk semangat perpaduan antara kaum, menghormati agama antara satu sama lain dan tidak mencetuskan provokasi yang mampu meruntuhkan institusi perpaduan di dalam negara.

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Kurup]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya memohon terlebih dahulu untuk menjawab soalan Yang Berhormat Lenggong dijawab sekali dengan soalan nombor sebelas pada 23 November 2016 oleh Yang Berhormat Simpang Renggam kerana mempunyai maksud yang hampir sama.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya sila Yang Berhormat.

**Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Kurup:** Tuan Yang di-Pertua, kerajaan memang sedar pentingnya kepelbagaian kaum dan agama dan sentiasa terus kreatif mencari jalan untuk memupuk pemahaman yang lebih baik, hormat-menghormati dan saling menerima antara satu sama yang lain seperti berikut;

- (i) mengadakan aktiviti keharmonian agama bersama dengan badan-badan bukan kerajaan dan masyarakat sivil serta membangunkan

sebuah Pelan Strategik Bagi Jawatankuasa Mempromosikan Persefahaman dan Keharmonian Antara Penganut-penganut Agama Bagi Tahun 2016 dan tahun hadapan. Ia bertujuan untuk memupuk persefahaman dan keharmonian dalam kalangan pelbagai kumpulan penganut agama,

- (ii) menyebarkan mesej keharmonian antara agama dan memupuk semangat muhibah melalui Program *The World Interfaith Harmony Week* yang disambut pada minggu pertama bulan Februari setiap tahun,
- (iii) penubuhan pusat media sek komuniti dan seterusnya memperkasakan 1,028 orang media komuniti di seluruh negara untuk menyelesaikan pertikaian dan konflik kaum dan agama dalam komuniti setempat melalui pendekatan media komuniti,
- (iv) memupuk semangat toleransi dan kesederhanaan dalam kalangan rakyat berbilang kaum dan agama melalui sambutan Hari Toleransi Sedunia setiap tahun pada 16 November.

Tuan Yang di-Pertua, semangat patriotik dalam jiwa setiap warganegara khususnya dalam kalangan golongan muda hendaklah dipupuk dan disuburkan. Dari hakikat ini maka kerajaan melalui Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN) sememangnya aktif mengadakan program dan aktiviti seperti berikut,

- (i) mendidik asas silang budaya melalui aktiviti kokurikulum kepada para pelajar untuk memahami dan menghormati bahasa, agama dan budaya kaum-kaum lain demi memupuk perpaduan antara kaum;
- (ii) meningkatkan penghayatan dan pengamalan prinsip-prinsip Rukun Negara melalui 'Program My Rukun Negara' kepada pelajar-pelajar di 6,068 Kelab Rukun Negara di sekolah rendah dan 150 Sekretariat Rukun Negara di institusi-institusi pengajian tinggi;
- (iii) meneruskan secara agresif 'Program Latihan Industri Perpaduan' kepada mahasiswa untuk menggalakkan silang kerjaya dan budaya melalui penempatan pelajar bumiputera di syarikat-syarikat bukan bumiputera. Pada tahun 2015 seramai 1,022 orang pelajar berjaya menyertai Program Latihan Industri Perpaduan ini. Fasa kedua Program PLIP ini memberi penumpuan kepada

mahasiswa bukan bumiputera ditempatkan di syarikat bukan bumiputera atau GLC. Itu fasa kedua,

- (iv) meningkatkan interaksi dalam kalangan komuniti setempat melalui 'Program Sayangilah Komuniti' di 30 buah kawasan Rukun Tetangga di lokasi bandar dan pinggir bandar di mana sasaran kita ialah kumpulan B40 yang berisiko tinggi dan terdiri daripada pelbagai kaum
- (v) mewujudkan sebanyak 70 pasukan Skwad Unity di seluruh negara di peringkat akar umbi yang menekankan kepada hubungan kerjasama dan jaringan yang kukuh dalam kalangan masyarakat pelbagai kaum dan untuk mengukuhkan perpaduan khususnya melibatkan golongan muda;
- (iv) menggiatkan kerjasama strategik melalui Strategi Lautan Biru Kebangsaan (NBOS), di mana Polis Diraja Malaysia antara Angkatan Tentera Malaysia dan Skim Rondaan Sukarela melalui program RAPAT atau Rondaan Awam Polis dan Angkatan Tentera Malaysia, di 90 buah kawasan di seluruh negara untuk memelihara keamanan dan keselamatan kawasan kejiranan. KOSPEN dengan Kementerian Kesihatan Malaysia, *Urban Planning Unit* dengan Jabatan Pertanian, dan lain-lain lagi.

#### ■1130

Tuan Yang di-Pertua, semua inisiatif diambil berupaya meningkatkan penghayatan rakyat terhadap semangat-semangat patriotisme.

Menurut sumber Biro Tatanegara atau BTN, melalui kajian ulang tahun 2015 Indeks Patriotisme Negara menunjukkan tahap patriotisme rakyat Malaysia menghampiri tahap yang sangat baik, dan tinggi iaitu 4.19 daripada skala 5.

Usaha-usaha memupuk semangat perpaduan patriotisme secara berterusan, berupaya membantu model bangsa Malaysia yang dihormati dan disegani dan sekali gus membentuk kesepaduan masyarakat Malaysia yang lebih harmoni.

Namun demikian Tuan Yang di-Pertua, ditekankan lagi bahawa usaha-usaha memupuk semangat patriotisme ini bukanlah tanggungjawab kerajaan semata-mata malahan semua pihak sama ada agensi kerajaan, swasta dan badan-badan bukan kerajaan turut digesa bekerjasama melahirkan warganegara yang cinta akan tanah air. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Isu perpaduan penting dan besar dalam negara kita. Saya cuma hendak dapatkan jawapan daripada Yang Berhormat Menteri, apakah cabaran sebenar yang kita hadapi? Apakah kerajaan puas hati dengan program yang ada sekarang mampu untuk mengekang dan memastikan perpaduan rakyat benar-benar terbina? Terima kasih.

**Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Kurup:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat. Saya sudah katakan sebentar tadi, cabaran utama kita ialah yang ada berhubung kait dengan agama dan bangsa. Inilah selalu yang menimbulkan masalah kita semua.

Jadi saya sudah jawab- apa tindakan-tindakan, langkah-langkah dan juga yang dirancang oleh kerajaan untuk memelihara dan mengurus ini dengan sepanjang masa. Kita sudah juga mewujudkan satu buah pelan tindakan. *The next plan* tindakan perpaduan bagi keagamaan ini, seperti saya katakan tadi itu, sekarang JKMPA atau jawatankuasa tersebut sedang berbincang untuk mewujudkan satu buah pelan tindakan juga supaya mereka dapat mengenal pasti masalah-masalah yang selalu timbul, dan menimbulkan juga masalah kepada rakyat kita. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya, setakat itu Sesi Soalan Jawab Lisan untuk hari ini.

**Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]:** Tuan Yang di-Pertua, Peraturan Mesyuarat.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya.

**Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]:** Tuan Yang di-Pertua, saya merujuk kepada Peraturan Mesyuarat 26(1)(d)(p)- *privilege* dan juga *motion*.

Tuan Yang di-Pertua, ini mengenai tiga orang Ahli Parlimen yang telah ditahan oleh pihak polis yang menghalang mereka menjalankan tugas mereka sebagai Ahli Parlimen. Ketiga-tiga mereka Ahli Parlimen Seremban, Yang Berhormat Tuan Loke Siew Fook; Yang Berhormat Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin – Yang Berhormat Ampang; dan Yang Berhormat Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua. Mereka ditahan Tuan Yang di-Pertua selepas BERSIH....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat. Sebentar Yang Berhormat, sebentar Yang Berhormat.

**Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]:** ...Yang diadakan pada 19 November...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, sebentar Yang Berhormat. Saya faham maksud Yang Berhormat. Usul *point of order* ini tidak memerlukan *immediate action*. Yang Berhormat boleh kemukakan ketika Tuan Yang di-Pertua nanti masuk.

**Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]:** Tuan Yang di-Pertua, perkara ini...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Kalau tidak pun, saya akan rujuk jawapan nanti dan Tuan Yang di-Pertua akan buat semula.

**Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]:** Boleh saya baca? hanya lagi dua - *I don't want to repeat again*. Kami bersependapat bahawa pihak polis telah mencabuli kebebasan bersuara, kebebasan berhimpun dan kebebasan bergerak mereka seperti yang dijamin oleh Perlembagaan Persekutuan. Ini satu penghinaan. Saya harap pihak Tuan Yang di-Pertua mengambil maklum dan tindakan susulan diambil supaya perkara-perkara ini yang kerap kali terjadi pada kebelakangan ini sangat memalukan Parlimen Malaysia. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Terima kasih Yang Berhormat. Seperti yang saya katakan tadi saya akan minta Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua untuk membuat *ruling* dan komen mengenai tersebut.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Tuan Yang di-Pertua, saya ada Peraturan Mesyuarat juga. Peraturan Mesyuarat 21 Tuan Yang di-Pertua, *may I read?* Peraturan Mesyuarat 21(1)(a), "*Question may be put to Minister...*" Soalan saya - saya ingin tanya soalan ini kepada *Minister of Home Affairs*- Menteri Dalam Negeri berkaitan dengan penangkapan Puan Maria Chin di bawah SOSMA. Saya ingin bertanya di bawah Peraturan Mesyuarat 21. Boleh ya Tuan Yang di-Pertua? Iaitu berkaitan dengan....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** *You want to put the question now?*

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** *Yes, now. Because Peraturan Mesyuarat 21 very clear.*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** *I have to check* Yang Berhormat.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** *Very clear. You should give me rights...*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Sebentar, sebentar Yang Berhormat.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Peraturan Mesyuarat 21(1)(a)- "*Questions to Minister...*" yang terlibat dalam *affairs* yang dia terlibat. Ini di bawah bidang kuasa Yang berhormat Menteri Dalam Negeri Tuan Yang di-Pertua...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Sudah...

**Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]:** Memandangkan *its an urgent of public importance*, saya harap satu tindakan segera diambil mengenai perkara ini.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Peraturan Mesyuarat 21(1)(a) Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** *What is this?* Yang Berhormat saya akan bacakan Peraturan Mesyuarat daripada *the spirit of the whole content* - Peraturan Mesyuarat 21, Peraturan Mesyuarat 22, Peraturan Mesyuarat 22.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** *I have read the whole. In fact I want you to read also Peraturan Mesyuarat 22.*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** *That is what exactly the point.*

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** *It is independent in nature.* Maknanya Peraturan Mesyuarat 21(1) ini tidak ada kena mengena dengan Peraturan Mesyuarat 22 pun. *I don't know whether you want to invoke Peraturan Mesyuarat 22.* Akan tetapi Peraturan Mesyuarat 21 *is very clear. Otherwise* kita dalam Ahli Parlimen tidak boleh bangkit apa-apa isu pun. Semua Peraturan Mesyuarat tidak boleh bangkit, mana boleh. Sedangkan isu ini berlaku dalam - baru, ia baru lagi. Saya tanya soalan senang sahaja, *I don't put question to you* Tuan Yang di-Pertua. Saya tanya kepada Yang Berhormat Menteri...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** *The question is whether I can allow you or not. That is the question. That is why we are studying this point of order...*

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** *Yes, you can allow.*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** *Yes. In the court bila ada point of law* begini hakim boleh tangguh sehari dua untuk- so, sekarang ini kita kena bincang...

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** *No, no. No need to- this is not court of law. This is Parliament.*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** *That is what you interpret it. I got to do my interpretation.*

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** *Yes.*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** *So, I cannot be answering straight away.*

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** *I'm helping you, I'm helping you. I'm helping you to interpret.*

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Saya cadangkan Tuan Yang di-Pertua, biar soalan itu dikemukakan. Mungkin Menteri boleh jawab esok.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** *Ya, can reply later.*



**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Oleh sebab itu-tidak Yang Berhormat...

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Menteri boleh jawab kemudian.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Sama ada boleh atau tidak. Soalnya, sama ada boleh atau tidak.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Memang boleh.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Memang boleh.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** *Very clear.*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Di mahkamah, bila ada *point of law* hakim boleh tangguh seminit, sehari dua untuk menilai *point of law*.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** *Yes, I know. But, kalau di court of law, daripada awal lagi dia sudah benarkan ini.*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya, ya.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** ...Ini Parlimen, lambat ini.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** *That is how we interpret it.*

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** *If in court of law, I would definitely been given a chance to ask.*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Oleh sebab itu sama ada ini soalan lisan, boleh dikemukakan secara lisan ataupun secara bertulis.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** *Yes, the questions.*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Tidak apalah Yang Berhormat nanti kita akan buat, *you can rest the matter back in the afternoon, ya.*

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** *Cannot, cannot. I want to ask now.*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Jangan buat macam itu... [*Dewan riuh*] Sama ada soalnya sekarang- sama ada soalan ini boleh dikemukakan secara lisan atau bertulis, yang saya kena *interpret* melihat *standing order* secara *total*. Sama ada *I can allow you or not. The question is whether I can allow you or not.*

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** *Just small response.*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya, tidak apalah.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Peraturan Mesyuarat 21.....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Anggap itu keputusan saya Yang Berhormat.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** *No, sekejap, sekejap. I want to help you in making your decision.*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Saya minta Yang Berhormat untuk kemukakan balik. Nanti kita akan *study* dan keputusan akan dibuat.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Tuan Yang di-Pertua, Izinkan saya respons sedikit sahaja. Kalau Tuan Yang di-Pertua lihat pada Peraturan Mesyuarat 21 *is very clear- "Questions."* Ia tidak langsung ada *return or oral*.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** *Exactly. That is how we interpret it. Lets us interpret it our way.* Tengok keadaan secara terperinci Yang Berhormat. Oleh sebab itu saya katakan saya akan respons perkara itu, kita akan respons, Tuan Yang di-Pertua akan respons perkara itu kemudian.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** So, bila, bilakah?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Tidak apalah. Tuan Yang di-Pertua akan masuk sebentar nanti Yang Berhormat.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** *You are Speaker now.*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** *I can also make the ruling on that. You cannot question. That is my ruling.*

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** *You should assume the rule of Speaker now.*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** *That is my ruling. I will verify to the Speaker. That is my ruling.*

**Tuan Lim Kit Siang [Gelang Patah]:** *Point of order* Tuan Yang di-Pertua. Tadi Tuan Yang di-Pertua mengenai perkara yang dibangkit oleh Yang Berhormat dari Ipoh Barat, di mana Yang di-Pertua kata, terserah kepada *ruling* oleh Tuan Yang di-Pertua.

Tadi Yang Berhormat Sepang ada sebut, sungguhpun Tuan Yang di-Pertua, tetapi sekarang Timbalan Yang di-Pertua sedang mempengerusikan Mesyuarat ini, ada sama kuasa dengan Tuan Yang di-Pertua. Maka tidak patutlah perkara ini ditangguhkan oleh sebab ini satu perkara- dan penangkapan ketiga-tiga orang Ahli Parlimen tersebut yang mengganggu mereka menjalankan tugas mereka Parlimen dari Seremban; Yang Berhormat Ampang; dan Yang Berhormat Batu. Ini satu perkara yang sangat *urgent*, dan tidak boleh ditangguhkan sehingga Tuan Yang di-Pertua atau mana-mana- apabila ada perkara berbangkit dalam perihal Dewan ini, maka yang mempengerusikan Mesyuarat ini patutlah membuat satu keputusan dan bukan menangguhkan bicara.

## ■1140

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya, saya telah jelaskan tadi, Yang Berhormat. *Point of order* yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Ipoh Barat tidak mengganggu perjalanan mesyuarat, Yang Berhormat. So, ia melibatkan tentang kuasa yang lebih besar, sebab itu saya katakan bahawa Speaker akan respons. Saya ambil secara total *point of order* yang diambil dan *ruling* akan dibuat nanti, Yang Berhormat.

**Tuan Lim Kit Siang [Gelang Patah]:** Ya, sebenarnya ia mengganggu perjalanan mesyuarat oleh sebab ketiga-tiga Ahli Parlimen tidak boleh datang mesyuarat ini.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Cukuplah Yang Berhormat. Itu keputusannya, Yang Berhormat.

**Tuan Lim Kit Siang [Gelang Patah]:** Ini mengganggu perjalanan mesyuarat dan perlulah satu keputusan yang *urgent*, yang segera.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya.

**Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Tidak mengganggu sebab kuorum tetap cukup.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Tuan Yang di-Pertua, saya hendak sebut tentang usul atau pun *point of order* yang dibawa oleh Yang Berhormat Sepang. Ia melibatkan penggunaan SOSMA yang semua Ahli Parlimen telah terlibat dalam perbahasan yang mana jelas telah disebut hanya akan digunakan terhadap pengganas, *terrorist*. Tetapi, Maria Chin merupakan seorang yang ingin menuntut pilihan raya yang bersih secara aman, dituduh menggugat demokrasi. Bila tuntutan pilihan raya bersih merupakan satu ugutan terhadap demokrasi?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya, tidak payah. Cukup, Yang Berhormat.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Kesemua Ahli Parlimen yang undi tempoh hari menyokong SOSMA, semua bertanggungjawab. Oleh sebab itu, ia merupakan satu perkara yang perlu dibahas dengan segera.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat...

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Jawapan terhadap soalan yang hendak dikemukakan amat relevan. *Each and every individual MP is responsible. She is being detained for 28 days...*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat...

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** *Solitary confinement.*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Saya...

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Saya mohon Tuan Yang di-Pertua tentukan bahawa persoalan ini, soalan ini dapat dibahas.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya. Saya sudah buat keputusan tadi, Yang Berhormat.

### **RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT**

#### **RANG UNDANG-UNDANG KESALAHAN YANG BERHUBUNGAN DENGAN ANUGERAH 2016**

##### **Bacaan Kali Yang Pertama**

Rang undang-undang bernama suatu akta untuk mengadakan peruntukan bagi kesalahan yang berhubungan dengan anugerah dan pemakaian luar wilayah akta ini dan perkara-perkara yang berkaitan dengannya; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said]; dibaca kali yang pertama; akan dibaca kali yang kedua pada Mesyuarat ini.

#### **RANG UNDANG-UNDANG LAMBANG DAN NAMA (MENCEGAH PENGGUNAAN TAK WAJAR) (PINDAAN) 2016**

##### **Bacaan Kali Yang Pertama**

Rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Lambang dan Nama (Mencegah Penggunaan Tak Wajar) 1963; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said]; dibaca kali yang pertama; akan dibaca kali yang kedua pada Mesyuarat ini.

#### **RANG UNDANG-UNDANG KEBANKRAPAN (PINDAAN) 2016**

##### **Bacaan Kali Yang Pertama**

Rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Kebankrapan 1967; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said] dibaca kali yang pertama; akan dibaca kali kedua pada Mesyuarat akan datang.

**RANG UNDANG-UNDANG MEMBAHARUI UNDANG-UNDANG  
(PERKAHWINAN DAN PENCERAIAN) (PINDAAN) 2016**

**Bacaan Kali Yang Pertama**

Rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Membaharui Undang-undang (Perkahwinan dan Penceraian) 1976; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said]; dibaca kali yang pertama; akan dibaca kali kedua pada Mesyuarat akan datang.

**USUL**

**WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN DIBEBASKAN  
DARIPADA PERATURAN MESYUARAT**

**11.43 pg.**

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said]:**

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

“Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 12(1), Majlis Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga selesai dibahas dan diputuskan dalam peringkat jawatankuasa Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat dan Kementerian Pertahanan bagi Rang Undang-undang Perbekalan 2017 dan Usul Anggaran Perbelanjaan Pembangunan 2017 dan selepas itu Majlis Mesyuarat akan ditangguhkan sehingga jam 10 pagi pada hari Selasa, 22 November 2016.”

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Razali bin Ibrahim]:**

Saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Terima kasih, Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis untuk diputuskan. Masalahnya ialah usul seperti yang dikemukakan tadi hendaklah disetujui.

*[Usul dikemuka bagi diputuskan; dan disetujui]*

**RANG UNDANG-UNDANG****RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 2017****DAN****USUL****ANGGARAN PEMBANGUNAN 2017****Jawatankuasa**

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula pertimbangan atas “Rang Undang-undang Perbekalan 2017 dan Anggaran Pembangunan 2017 dalam Jawatankuasa sebuah-buah Majlis” **[Hari Kelapan]**

**[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa]**

*[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee) **mempengerusikan Jawatankuasa]***

**Maksud B.31 [Jadual] -**

**Maksud P.31 [Anggaran Pembangunan 2017] -**

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Kepala Bekalan B.31 dan Kepala Pembangunan P.31 di bawah Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan terbuka untuk dibahas.

Yang Berhormat Bukit Bintang.

**11.47 pg.**

**Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang]:** Terima kasih Tuan Pengerusi kerana memberi peluang untuk saya mengambil bahagian membahaskan B.31 dan P.31 Butiran 020000 – Pelancongan.

Tuan Pengerusi, pelancongan merupakan salah satu industri tambahan yang amat penting yang memainkan peranan di negara kita khususnya mendapat lebih hasil dan pendapatan, yang saya difahamkan yang ketiga terbesar untuk menambah hasil atau *revenue* di negara kita ini.

*[Timbalan Yang di-Pertua (Dato’ Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said) **mempengerusikan Jawatankuasa]***

Saya amat kesal kerana untuk Bajet 2017, peruntukan untuk Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan telah menurun 23 peratus. Satu angka yang amat besar

kerana kekurangan RM181 juta. Satu angka yang amat besar. Macam mana untuk Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan untuk mempromosikan berkenaan dengan pelancongan di negara kita?

Tuan Pengerusi, saya harap kerajaan haruslah menambah peruntukan kepada kementerian oleh sebab industri pelancongan merupakan salah satu industri yang amat penting. Ini bukan sahaja untuk mendapatkan lebih pelancong-pelancong dari luar negeri tetapi juga satu industri yang boleh memberi manfaat kepada banyak industri *downstream* khususnya perhotelan, kompleks membeli-belah dan pekerja-pekerja yang dalam semua industri ini. Saya harap ini boleh dipertimbangkan untuk menambahkan peruntukan dan bukan memotong peruntukan untuk kementerian ini.

Tuan Pengerusi, saya ingin tanya, oleh sebab peruntukan sudah kurang, macam mana Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan untuk mempromosikan kepada negara-negara seperti di negara China?

■1150

Saya difahamkan tahun 2015, pelancong negara China khususnya tahun 2015 seramai 120 juta orang ke luar negeri. Jika kita boleh dapat lima peratus, sekurang-kurangnya ada enam juta orang. Tahun ini saya dapat tahu hanya mungkin dua juta pelancong datang dari negara China tetapi di jiran negara kita Thailand, dapat lapan juta pelancong dari negara China melawat Thailand. Ini satu angka yang amat besar dan jika kita boleh mengambil bahagian mendapat lebih mempromosikan negara kita, saya rasa pelancong dari negara China akan bertambah.

Sekurang-kurangnya kalau lima peratus pun ada enam juta orang. Jika seorang pelancong membelanjakan RM3,000 kita akan dapat RM180 juta hasil ini. Saya harap Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan haruslah bertambah lebih usaha khususnya satu halangan yang kita menghadapi ialah visa. Walaupun *fees* visa dihapuskan tetapi setiap pelancong jika mahu ingin melawat Malaysia meminta visa ini haruslah dibayar Renminbi200 lebih kurang RM128 setiap satu *processing fees* untuk satu syarikat swasta.

Saya mencadangkan bahawa seharusnya mempromosikan Malaysia kepada China hapuskan visa ini sebab jika kita mengenakan satu *visa of arrival* (VOA), saya rasa lebih ramai pelancong-pelancong dari negara China, khususnya bandar raya yang *tier two*, bandar raya di China lebih ramai pelancong dari China ini. Ini satu harap Kabinet khususnya kerajaan dengan Kementerian Dalam Negeri dengan Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan seharusnya bekerjasama untuk mencari jalan macam mana boleh mempromosikan negara kita kepada negara China ini.

Tuan Pengerusi, ada satu— saya mencadangkan satu produk pelancongan seharusnya diadakan di Kuala Lumpur ini khususnya. Saya difahamkan Hutan Simpan Bukit Nanas satu-satunya destinasi boleh dipromosikan. Akan tetapi kemudahan asas yang amat kurang. Saya harap kementerian boleh bertambah peruntukan untuk mempromosikan, kerjasama dengan *Tourism Board* Kuala Lumpur ini, Wilayah Persekutuan untuk macam mana memajukan tapak ini untuk lebih pelancong-pelancong dari luar negeri ini.

Juga satu produk pelbagai makanan di Jalan Alor. Jalan Alor adalah salah satu tempat yang ramai pelancong datang mengunjungi oleh kerana boleh dapat pelbagai makanan di sana khususnya pelancong-pelancong dari Singapura, Thailand, Vietnam, ASEAN, *Japan*, Korea dengan Australia dan New Zealand. Saya boleh nampak ramai ini pelancong suka mengunjungi tapak ini. Seharuslah satu promosi di kawasan ini untuk memperkenalkan, mempromosikan Jalan Alor ini.

Juga saya ingin mengambil bahagian mengutarakan tentang Butiran 060000 – Perpustakaan Negara ini. Saya mendapati aktiviti perpustakaan bergerak di kawasan-kawasan perumahan ini tidak dijalankan lagi. Saya ingin tanya apa sebabnya dan mengapa ini telah berhenti. Mungkin tiada sambutan atau tiada peruntukan? Amatlah penting perpustakaan bergerak digiatkan semula lagi bagi menarik rakyat untuk kepada aktiviti membaca sebagai satu sumber ilmu pengetahuan dan mengelakkan mereka dari lalai. Saya minta kementerian boleh memberi keutamaan untuk mengaktifkan perpustakaan bergerak ini dimulakan satu lagi.

Dengan ini saya ucapkan terima kasih kepada Tuan Pengerusi memberi peluang kepada saya untuk mengambil bahagian. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya Yang Berhormat Sik.

**11.56 pg.**

**Dr. Mansor bin Haji Abd. Rahman [Sik]:** *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Terima kasih Tuan Pengerusi kerana memberi peluang kepada saya bercakap dalam peringkat Jawatankuasa dalam Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan.

Saya ingin bercakap berkenaan dengan kawasan saya iaitu Parlimen Sik. Kawasan saya terdapat banyak tempat yang sesuai untuk pelancongan terutama sekali ekopelancongan. Akan tetapi kebanyakannya masih dalam peringkat *proposal*. Pada hari ini saya ingin bercakap berkenaan dua buah tempat pelancongan yang telah sedia ada. Ini saya akan menyentuh berkenaan dengan Butiran 020100 – Dasar Pelancongan



dan Hubungan Antarabangsa, Butiran 020500 – Pembangunan Prasarana, Butiran 030200 – Hubungan Antarabangsa Kebudayaan dan Butiran 070200 – Pengurusan Muzium.

Tuan Pengerusi dan Yang Berhormat Menteri, di bawah butiran-butiran ini saya mengambil perhatian Yang Berhormat Menteri bahawa Sik boleh menjadi destinasi pelancongan dan kebudayaan yang terkenal. Di kampung saya sendiri iaitu Kampung Charok Padang mempunyai sebuah wat bukan wad hospital...

**Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya sebentar Yang Berhormat Sik. Pada Yang Berhormat yang menggunakan *hand phone* dan alat suara yang mengganggu kelicinan Dewan, harap tolong beri kerjasama ya. Ya, sila.

**Dr. Mansor bin Haji Abd. Rahman [Sik]:** Ya Tuan Pengerusi, di kampung saya ada sebuah wat iaitu Wat Siam. Wat bagi penganut beragama Buddha daripada etnik Thailand, etnik Siam yang juga wat ini turut dikenali sebagai Wat Botol, *Glass Bottles Temple*. Wat ini sangat penting sebagai simbol keagamaan dan juga kebudayaan masyarakat Siam yang menganut agama Buddha. Umur wat ini lebih kurang 100 tahun. Wat ini juga tersenarai dalam *Malaysia Book of Records* sebagai wat yang pertama–bukan wad ya, minta maaf wat. Wat yang pertama yang dibina daripada botol-botol kaca. Saya meneliti dan mendapati bahawa setiap cuti hujung minggu, para pelancong terutamanya dari China, Taiwan dan juga Thailand akan datang melawat keunikan wat ini. Mereka datang dengan bas. Bangunan utama wat ini dan menaranya dibina daripada botol.

Di dalamnya juga terdapat mini muzium yang menyimpan pelbagai senjata kuno dan tinggalan manuskrip kuno. Di dalam wat ini juga terdapat pelbagai kuil suci seperti Kuil Sampan Suci yang mempunyai sejarah dan keunikan misteri. Melihat kepada signifikan wat ini sebagai destinasi pelancongan dan kebudayaan, saya mohon pihak kementerian memberi peruntukan dan merancang program atau projek khusus untuk memperkasakan seni budaya dan warisan kepada tempat pelancongan ini supaya dapat dibawa ke peringkat antarabangsa. Perkara ini seterusnya dapat meningkatkan kesedaran dan pengetahuan masyarakat terhadap seni kebudayaan dan keagamaan ke arah perpaduan negara.

Saya juga mohon pihak kementerian agar melakukan lebih penyelidikan terhadap sejarah dan kebudayaan agama Buddha yang sinonim dengan masyarakat Siam di Sik, khususnya dan di Malaysia umumnya memandangkan mereka adalah bumiputera dan terdapat lebih kurang 100,000 orang masyarakat Siam di Malaysia majoriti di utara Semenanjung. Para penyelidik perlulah lebih gigih mengumpul,

memelihara dan mempamerkan ilmu pengetahuan sejarah dan kebudayaan ini kepada masyarakat Malaysia.

Seterusnya sekali lagi saya mohon kementerian memberi peruntukan untuk menonjolkan sejarah dan identiti Wat-wat Siam di Parlimen Sik yang terdapat lebih kurang tujuh buah wat dan sejarah identiti Wat Siam ini untuk menarik pelancong sebagai salah sebuah destinasi pelancongan di Parlimen saya.

■1200

Kedua, Tuan Pengerusi dalam kawasan saya terdapat Empangan Gubir. Terdapat beberapa kemudahan yang dibina di pulau ataupun di tanah di dalam empangan ini seperti chalet yang berada di dalam hutan sejauh satu setengah hingga dua jam perjalanan dari jeti. Tempat ini memang sangat cantik dan indah kerana terdapat elemen ekopelancongan dan juga *nature sanctuary*.

Di sini juga terdapat tapak *camping*. Chalet dan tapak *camping* ini telah dibina oleh kerajaan negeri melalui peruntukan yang diberikan oleh Kementerian Pelancongan namun dukacita ia tidak dijaga dengan rapi atau dipromosikan oleh pihak yang telah dilantik oleh Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN). Majlis Daerah Sik kemudiannya telah mendapat kelulusan untuk mengambil alih semua kemudahan itu sejak awal tahun ini tetapi menghadapi kekangan kewangan untuk proses *maintenance*.

UPEN juga telah melihat cadangan projek itu bersama-sama dengan Pejabat Pelancongan Negeri Kedah semasa pembentangan kepada pihak Kementerian Pelancongan. Oleh itu, sekali lagi saya memohon kepada kementerian agar memberi perhatian kepada projek ini dan dapat menyediakan peruntukan yang secukupnya untuk tujuan penyelenggaraan dan baik pulih.

Akhir sekali, Yang Berhormat Menteri oleh kerana kedua-dua projek atau tempat ini berpotensi menaikkan nama Malaysia sebagai destinasi pelancongan yang menarik kepada pelancong asing maka saya pohon peruntukan sekali lagi khususnya dalam bajet ini untuk kedua-dua tempat pelancongan ini. Sekian, Yang Berhormat Sik mohon menyokong. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Tumpat.

**12.02 tgh.**

**Dato' Kamarudin bin Jaffar [Tumpat]:** Terima kasih, Tuan Pengerusi kerana memberi peluang kepada saya terlibat dalam bahas berkaitan dengan Kementerian Pelancongan. Saya yakin Menteri Pelanconganlah orang yang paling gembira Tuan Pengerusi, bila melihat kadar nilai ringgit turun menjunam sekarang ini. *[Tepuk]* Kerana

ini mempunyai implikasi sekurang-kurangnya untuk Kementerian Pelancongan yang mungkin menggalak pelancong untuk datang ke Malaysia. Oleh sebab itulah Yang Berhormat Menteri Pelancongan, kita menyokong Bersih kerana Bersih boleh menarik pelancong ke negara ini. Jadi, ini adalah yang kita mahu di kalangan kita Ahli-ahli Parlimen bercakap dengan positif dan tidak menggunakan kata-kata kesat terhadap sesiapaupun khususnya di kalangan anggota Parlimen kita sendiri.

Tuan Pengerusi, saya hanya ada dua poin kecil tetapi penting untuk saya kemukakan. Pertamanya di bawah Butiran 020100 – Dasar Pelancongan dan Hubungan Antarabangsa. Saya sekadar memikirkan bahawa pada penglihatan dan pengalaman saya pesta buku adalah suatu benda yang menarik orang-orang sama ada dalam negara ataupun luar negara kita. Dalam negara kita sudah tentu ada *event* yang dipanggil pesta buku termasuk Pesta Buku Islam, Pesta Buku Antarabangsa dan sebagainya.

Saya memikirkan bahawa mungkin kementerian ini berminat untuk melihat kepada bidang ini sebagai satu lagi tempat ataupun *event* yang boleh menarik pelancong domestik dan luar negara iaitu dengan menggalakkan, memperbanyakkan lagi menerusi usaha inisiatif daripada kementerian ini supaya misalnya dalam negara kita ini tiap-tiap bulan ada Pesta Buku Antarabangsa tentang sains, Pesta Buku Antarabangsa tentang sosiologi, tentang sejarah, tentang agama dan sebagainya supaya negara kita antara yang akan dikenali dan diketahui oleh pelancong dalam dan luar negara ialah banyaknya dan regularnya *event* yang berlandaskan kepada bentuk pesta-pesta buku. Jadi pesta-pesta seperti itu mungkin diadakan di Kuala Lumpur, mungkin di Kota Kinabalu bergilir ke Kuching atau Kota Bharu, Kelantan, Kuala Terengganu dan sebagainya, mungkin dikaitkan sekali lagi dengan tema pesta-pesta buku yang seperti saya cadangkan tadi.

Kedua Tuan Pengerusi ialah di bawah Butiran 01100 – Program Penyediaan/Peningkatan Kemudahan Pelancongan. Saya ingin merujuk khusus di bawah butiran ini dan saya harap ianya di bawah jagaan Yang Berhormat Menteri kita tentang cadangan untuk membangunkan Kampung Laut dalam Parlimen Tumpat iaitu menerusi acara yang terpentingnya ataupun perkara yang terpenting dalam cadangan tersebut ialah untuk memindahkan kembali masjid antara tertua dalam negara kita ini Masjid Kampung Laut. Daripada sekarang hanya berada di kawasan Nilam Puri di Kelantan juga, hendak dipindahkan balik ke kawasan asalnya di Kampung Laut, Tumpat, Kelantan.

Pada dasarnya saya fikir cadangan ini bukanlah tidak baik tetapi ianya mempunyai implikasi-implikasi yang tertentu. Pada diri saya kesan pertama dalam

sekitar tahun 1968, 1969 dahulu oleh pimpinan kerajaan negeri ketika itu dan mengikut bacaan saya dengan kerjasama yang sepenuhnya oleh badan-badan NGO seperti Persatuan Sejarah Malaysia dan lain-lainnya ialah untuk memindahkan masjid tersebut kerana ianya sering dilanda banjir dan akhirnya telah pun didapati oleh kerana banjir tidak terkawal, mengancam masjid itu sendiri.

Jadi, cadangannya pindah ke Nilam Puri dan implikasi ataupun sebab yang penting ia dipindahkan ke Nilam Puri pun dapat kita fahami. Bahawa ketika itu Kerajaan Negeri Kelantan di bawah Datuk Asri Haji Muda ingin mewujudkan di Nilam Puri itu sebagai pusat ilmu Islam, ditubuhkan maktab-maktab pengajian peringkat tertinggi hingga ke universiti dan ditubuhkan cawangan Universiti Malaya dan sebagainya di tempat yang dinamakan Nilam Puri.

Ini berlaku sekitar 50 tahun yang lalu. Sekarang ada cadangan untuk pindah balik ke Kampung Laut. Akan tetapi Tuan Pengerusi, Kampung Laut sudah pun ada masjid yang besar dan diperbesarkan lagi dan ditinggikan lagi lantainya supaya ianya tidak diancam oleh banjir yang mungkinlah sehebat mana sekalipun. Jadi yang kedua, cadangan memindahkan itu telah menimbulkan reaksi di kalangan masyarakat, penduduk, tuan rumah, tuan tanah ataupun yang menyewa dan menduduki yang hendak ditempatkan masjid yang hendak dipindahkan ini. Jadi ini dalam penglibatan saya dengan orang kampung itu menimbulkan kemarahan oleh mereka dan mereka telah berusaha melalui peringkat kerajaan negeri dan kawasan ini adalah kawasan DUN nya Yang Amat Berhormat Menteri Besar Kelantan sendiri.

Jadi saya hendak mencadangkan kepada Yang Berhormat Menteri dan kementerian supaya memikirkan sekali lagi dan saya tahu bahawa ianya melibatkan peningkatan pelancongan di Kampung Laut itu bukan sahaja pemindahan masjid tetapi menggalakkan ataupun menyusun semula industri-industri makanan tempatan sambal daging, sambal-sambal ikan, ayam dan sebagainya juga dodol dan sebagainya hendak diperbaiki dan diperelekkkan. Itu saya fikir tidak kita anggap sebagai tidak baik malah ianya baik tetapi penempatan masjid ini telah melibatkan tuan tanah, tuan rumah penduduk di situ.

Adakah tidak mungkin pada sayalah, kalau masjid itu hendak dipindahkan dan kalau teorinya hendak dipindahkan ke tempat asal, tempat yang hendak dipindahkan sekarang ini bukannya tempat asal masjid tersebut. Masjid tersebut sekarang ini adalah di dalam air di tebing sungai di Kampung Laut tersebut. Jadi kalau ianya hendak dipindahkan biarlah kita buat dengan sebaik-baiknya, sesempurna-sempurnanya, pindah ke tempat yang asal. Ianya dalam air tetapi kalau digabungkan dengan strategi dan rancangan-rancangan hendak membuat projek untuk menambak pantai, menambak

tebing sungai untuk menjadikan benteng daripada banjir-banjir yang akan datang, kenapa tidak ditambak tanah yang mana asalnya Masjid Kampung Laut itu berada, bentengkan tempat yang hendak ditambak itu supaya kita menyelesaikan dua masalah iaitu masalah tempatnya.

Kalau hendak pulangkan, pulanglah *to the real original place*, dengan izin Tuan Pengerusi. Kalau dipindahkan ke Kampung Laut, orang mempertikaikan masjid yang sebenar asalnya 100 meter daripada sini bukan di sini. Kenapa tidak tempatkan di tempat yang asal kalau projeknya dan nilai sejarah, nilai etika, nilai emosi kita sebagai rakyat Kelantan hendak lihat masjid yang asalnya dipindahkan 50 tahun dahulu hendak balik ke tempat yang asal, biarlah ianya ditempatkan di tempat yang benar-benar asal kepada masjid tersebut.

Jadi ianya boleh menyelesaikan masalah membenteng sungai itu, mencantikkan lagi dan yang terpentingnya membiarkan dan menjadikan rakyat di Kampung Laut itu gembira kembali, puas hati kembali, kawasan mereka dimajukan, masjid lama mereka dipulangkan diletakkan di tempat yang asal yang mereka boleh sebutkan kepada anak cucu mereka inilah tempat yang asal masjid itu. Kita kembalikan dan saya rasa ini suatu pendekatan yang terbaik untuk kebaikan semua dan kepentingan kita bersama. Terima kasih, Tuan Pengerusi.

#### ■1210

**Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, tidak ramai? Lagi tiga orang sahaya. Yang Berhormat Bukit Gantang, Bayan Baru, Kota Melaka, Kota Kinabalu. Baru bangun. Yang Berhormat Jerantut sudah *ready*? Sila.

#### 12.10 tgh.

**Tuan Haji Ahmad Nazlan bin Idris [Jerantut]:** Terima kasih Tuan Pengerusi memberi peluang kepada saya untuk mengambil bahagian dalam perbahasan mengenai dengan Kementerian Pelancongan ini. Pertamanya tahniah kepada kementerian ini yang berusaha keras untuk terus menggalakkan pelancong-pelancong dari luar negara untuk datang bagi menambahkan hasil negara.

Walau bagaimanapun, saya ingin menarik perhatian kepada kementerian ini khususnya daripada segi Butiran 020000 – Pelancongan, berkaitan dengan pembangunan prasarana. Seperti mana yang kita tahu kawasan saya iaitu di Parlimen Jerantut seperti juga dengan Parlimen Yang Berhormat Kuala Krau, tempat Tuan Pengerusi sendiri, banyak kawasan menarik yang berasaskan kepada ekopelancongan ataupun lebih dikenali dengan kawasan hutan hujan tropika yang menggamit pelancong

dari luar negara khususnya di kawasan negara-negara Eropah yang kawasan hutan ini memang tidak ada di negara mereka seperti di kawasan tempat kita.

Kelebihan inilah yang sepatutnya digunakan oleh kerajaan untuk menambahkan lagi promosi kawasan-kawasan seperti mana yang saya katakan tadi. Contohnya seperti Taman Negara. Saya nampak akhir-akhir ini, sebahagian daripada prasarana pelancongan yang ada di beberapa kawasan ini perlu di naik taraf atau ditambah baik. Khususnya, apabila kesan banjir pada tahun 2014 masih ada lagi kawasan-kawasan ini yang agak tidak diperbaiki dengan sepenuhnya.

Jadi, kalaulah kawasan-kawasan ini, tempat-tempat ini, kita tidak perbaiki sepenuhnya tentulah ia mengurangkan kehadiran pelancongan itu. Jadi, saya mengharapkan agar kita kementerian khususnya dapat memberi perhatian kepada kawasan-kawasan ini. Ini kerana seperti mana yang saya katakan tadi, hutan kawasan-kawasan yang ada kaitan dengan sejarah misalnya di Jerantut ada Gua Kota Gelanggi. Di kawasan Tuan Pengerusi sendiri ada kawasan Gunung Senyum yang ada kaitan dengan sejarah Malaysia sendiri.

Mengapa tidak kementerian mempromosikan lebih banyak lagi kawasan-kawasan yang ada tinggalan sejarah ini. Agar maklumat ini dapat dikongsi dengan pelancong-pelancong yang datang. Kita jangan ingat apabila misalnya contoh Taman Negara ini sudah terkenal, maka kita tidak perlu lagi mengadakan promosi yang lebih hebat. Ini kerana walaupun sesuatu perkara itu baik tetapi kalau kita tidak selalu ingatkan, maka ia akan lama-kelamaan dia akan ketinggalan.

Jadi, saya mengharapkan agar kementerian dapat memperbanyakkan lagi promosi-promosi untuk kawasan-kawasan yang saya katakan tadi. Di Jerantut ini, selain daripada gua, kita ada paya, kita ada air jeram yang boleh dipromosikan. Ini juga saya rasa menarik perhatian pelancong-pelancong dari luar. Jadi, saya harap sangatlah agar kemudahan-kemudahan pelancong di kawasan ini dapat diperbaiki.

Satu perkara lagi yang menjadi masalah saya nampak ialah bagi kawasan-kawasan yang seolah-olah dilihat pertindihan dari segi pengawasan dan juga pentadbiran. Misalnya, bertindih dengan kementerian yang lain. Ini kerana kawasan pelancongan melibatkan kawasan hutan ini, ia banyak bertindih dengan Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar misalnya. Kalau di Taman Negara ini, kawasannya sebahagiannya dikawal oleh PERHILITAN. Akan tetapi, dalam itu —dalam kawasan yang dikawal oleh PERHILITAN itu, juga kawasan pelancongan. Jadi, dilihat macam ada cerita macam 'Bangau oh bangau'. Ada satu kes yang ditolak kepada kementerian NRE dan satu keadaan pula, ini kata di bawah Kementerian Pelancongan. Ini juga saya harap

dapat diperbaiki supaya kemudahan-kemudahan yang ada ini tidak ketinggalan untuk kita pertingkatkan tarafnya.

Selain daripada itu juga, saya mengharapkan agar kementerian cuba meletakkan ataupun membuka pusat-pusat pelancongan di bawah kementerian sendiri. Khususnya, di kawasan-kawasan yang menjadi tumpuan pelancong. Misalannya, di Jerantut ini. Kehadiran pelancong daripada luar negara begitu ramai tetapi tidak ada pusat penerangan pelancong yang di bawah kelolaan kementerian sendiri —yang ada, mungkin diusahakan oleh pihak persendirian. Tentulah yang diusahakan oleh pihak persendirian ini tidak sebaiknya, tidak serancaknya jika sekiranya ia diuruskan sendiri oleh Kementerian Pelancongan.

Jadi, saya mengharap agar dalam Bajet 2017 ini, pihak kementerian dapat memikirkan untuk membuka satu pejabat bagi pusat penerangan pelancongan di bandar Jerantut bagi memudahkan ataupun menyebar luaskan lagi maklumat. Bukan sahaja berkaitan dengan kawasan pelancongan di Jerantut tetapi malah di kawasan-kawasan yang berhampiran dengan Jerantut seperti parlimen-parlimen yang berhampiran seperti Maran, Kuala Krau dan juga Kuala Lipis sendiri.

Tuan Pengerusi, saya rasa itu sahaja untuk saya hendak kongsi pada hari ini. Sekian. Terima kasih. Saya menyokong.

**Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya. Yang Berhormat Bukit Gantang.

**12.16 tgh.**

**Tuan Idris bin Haji Ahmad [Bukit Gantang]:** *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan selamat pagi. Terima kasih pada Tuan Pengerusi, terima kasih pada Yang Berhormat Menteri. Saya hendak bahas berkenaan dengan Butiran 020500 – Pembangunan Prasarana iaitu saya hendak menyentuh berkenaan dengan pengendalian ataupun jenama *homestay* yang sekarang ini masyhur digunakan di negara kita sebagai salah satu tempat untuk penginapan sama ada penginapan pelancong-pelancong dalam negara ataupun di luar negara.

Jadi, di sini timbul persoalan yang perlu diberikan perhatian terutamanya daripada segi sudut pengendali-pengendali *homestay* ini. Kita tidak mahu hanya nama dia *homestay*, jadi orang boleh bayangkan tempat itu tempat yang selesa, bersih dan elok. Akan tetapi apabila kita masuk, tidak menepati dengan apa yang dinamakan sebagai *homestay* ataupun tempat penginapan kita waktu kita menjadi pelancong. Lebih malu lagi kalau pelancong itu ialah pelancong dari luar negara. Jadi sebab itu, saya harapkan supaya penggunaan jenama *homestay* ini perlulah sama ada di-*trademark*-

kan ataupun dipiawaikan mengikut standard-standard yang tertentu, supaya tidak menyalahgunakan nama itu sebaliknya tidak menepati.

Kadang-kadang kita tengok bantalnya lusuh, cadar yang tidak menepati dengan apa yang sepatutnya ada, bilik air yang kotor —yang tidak bersihlah. Saya rasa itu menyebabkan kita pun kalau masuk situ terutama *first and last*. Maknanya, itulah pertama kali kita masuk *then* kita tidak *recommmend* untuk orang lain. Jadi sebab itu, saya harapkan supaya perkara ini perlu dititikberatkan sama ada dalam bentuk latihan dan sebagainya, perlu diberikan oleh Kementerian Pelancongan.

Kedua, ialah berkenaan dengan Bukit Gantang yang terkenal dengan kawasan buah-buahan termasuklah juga di kawasan Padang Rengas. Saya harapkan supaya industri pelancongan ini boleh kita bawa untuk dalam kebun yang kita rasakan kita tidak pernah bawa mereka ke dalam kebun rambutan kah, duku kah, dokong kah, durian kah, untuk kita masuk melihat dan di sana secara tidak langsung kita akan dapat memberikan atau mendekatkan pelancong dengan industri-industri pertanian yang ada di dalam kawasan itu terutamanya pada musim buah-buahan. Secara tidak langsung juga, kita akan mendapat memberikan satu bentuk industri baru hiliran yang lain seperti mana jem buah-buahan, tempoyak, lempuk dan perkara-perkara yang berkaitan dengan buah-buahan yang boleh dipopularkan untuk kita menggalakkan pelancong ke tempat itu dalam kebun-kebun tadi.

Isu yang ketiga ialah berkenaan dengan hal yang berkaitan dengan kawasan kelip-kelip di Kampung Dew perlu diberi perhatian. Saya sudah bangkitkan beberapa kali berkenaan ini, terutama dalam soal kerana tempat hinggapan kelip-kelip di kawasan Kampung Dew itu terdapat di sebelahnya ada kolam udang. Ini kerana kolam udang itu bila lampunya itu, dia akan mengganggu daripada segi flora dan fauna. Jadi, terutamanya dalam soal kelip-kelip ini, akan mengganggu kehidupan dia. Jadi, perlu diberi perhatian kerana kolam udang ini, dunia lain boleh kita buat tempat lain tetapi janganlah buat di tempat yang menjadi tempat untuk kelip-kelip itu berada dekat dengan sungai Kampung Dew yang saya rasakan perlu diambil tindakan kerana ini kita bimbang takut berlakunya kepupusan apabila daripada segi kehidupan tabii dia itu diganggu, dia akan menyebabkan kelip-kelip ini tidak lagi akan membiak di kawasan tersebut.

#### ■1220

Begitu juga dengan bantuan untuk mereka yang dari jeti dekat dengan Kampung Dew mereka hendak pergi melawat pada waktu malam terutamanya saya mengharapakan supaya adanya di sana galakkan bantuan sama ada bantuan pinjaman atau pinjaman sebagainya untuk bot-bot yang agak selesa untuk membawa pelancong



daripada jeti dekat Kampung Dew itu untuk pergi melawat di kawasan kelip-kelip yang berada di dalam tempat itu.

Yang akhir sekali ialah berkenaan dengan hal yang berkaitan- bukan akhir, kedua terakhir iaitu berkenaan dengan jeti di Kuala Sepetang. Saya harapkan supaya ditambah baik kerana hujung minggu situ orang yang hendak ke Pulau Sangga agak ramai kadang-kadang mencecah sampai seribu lebih, hampir dekat dengan 40 buah biji bas setiap hujung minggu. Jadi jeti di kawasan itu agak *vibe* dan agak lemah. Jadi kita harapkan supaya dapat untuk dikendalikan ataupun diberikan perhatian yang lebih ke situ.

Akhirnya sekali berkenaan dengan Butiran 20300 – Pelesenan Pelancongan. Ini saya hendak menyentuh berkenaan dengan pengendali umrah ini. Apabila kadang-kadang bila sebut pengendali umrah orang bayang bawah Jabatan Perdana Menteri. Sebenarnya pengendali umrah ialah bawah Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia. Jadi pengendali umrah ini saya hendak dapatkan penjelasan kerana ada daripada kalangan jemaah yang pergi umrah tiba-tiba mereka membatalkan. Mereka tidak sempat, tidak boleh pergi kerana ada masalah-masalah yang sendiri yang sakit dan sebagainya. Maka mereka tidak jadi pergi ataupun ada masalah Visa kah dan sebagainya mereka tidak dapat.

Jadi saya hendak tanya, berapa peratuskah potongan yang patut diambil oleh pengendali-pengendali umrah ini. Ini kerana saya dapat maklumat kadang-kadang potong sampai seribu, dua ribu yang saya rasa agak melebihlah yang menzalimilah daripada segi jemaah yang tidak jadi pergi tadi.

Jadi saya hendak tanya daripada kementerian berapa peratus kah yang diletakkan dari segi standardnya untuk membolehkan sama ada tolak dari segi pengurusan dari segi kerugian dan sebagainya yang boleh diambil oleh pihak syarikat itu tadi dan keduanya saya hendak tanya juga setakat ini berapa banyak syarikat-syarikat pengendali umrah yang diambil tindakan akibat daripada mereka telah melakukan perkara yang tidak bermoral dan juga menyalahi dari segi undang-undang ketika mereka mengendalikan jemaah umrah ini. Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih kepada Menteri.

**Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Setiu.

**12.23 tgh.**

**Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya tidak banyak- ada satu, dua perkara saya sahaja.

Saya ingin menyentuh kepada Butiran 020000 – Pelancongan. Lebih kepada pembangunan industri dan juga pembangunan prasarana. Sebenarnya kalau hendak dikira destinasi pelancongan ini sebenarnya perlu pada kita kekalkan dan dipertingkatkan lagi dalam usaha kita untuk menjana ekonomi negara dan juga penduduk setempat.

Yang paling saya hendak nyatakan di sini adalah berkenaan dengan tanah becah Setiu iaitu *Wetland* Setiu. Dia *Wetland* Setiu sebenarnya ia berpotensi dijadikan destinasi ekopelancongan yang mampu menjana yang saya katakan tadi menjana ekonomi penduduk setempat.

Jadi satu strategi saya katakan ekopelancongan, ini harus dirancang dengan baik untuk- kerana di kawasan tanah becah Setiu ini dia- fauna flora dia memang hebat sekali. Kalau kita lihat satu-satu tanah becah ini ataupun tanah lembap dipanggil dia ada sembilan ekosistem dia. Dia daripada lautnya, pantainya kemudian tanah lumpur, lagunnya- laguna, muara dan juga sungai. Dia mula dari atas hutan sana dia di sepanjang jalan- di sepanjang pantai itu mula dari hutan dan juga paya bakau.

Kalau tidak silap saya dia mempunyai lebih kurang 100 spesies paya bakau di kawasan tersebut. Setakat ini belum tercemar lagi kerana kita- saya telah mendidik anak-anak tempatan supaya menjaga kawasan tersebut tidak dirosakkan.

Tempat ini sebenarnya menjadi tempat pendaratan penyu yang kita panggil penyu hijau, atau disebut *Chelonia Mydas*. Ini penyu hijau saya rasa ramai tidak pernah tengok. Jadi saya jemput semualah satu hari datanglah ke daerah Setiu. Saya akan tunjukkan *insya-Allah*. Ada lagi sebenarnya tarikan lain iaitu kedatangan burung-burung daripada *Siberia* ataupun *Mongolia* terutama dalam musim sejuk dia orang datang ke daerah Setiu ini.

Jadi banyak perkara-perkara lain yang boleh dilihat. Kalau kita lihat pantai di sebelah pantai dia ada sungai. Di sebelah sungai itu adanya pokok bakau tadi. Kalau kita lihat memang cantik. Kalau kita buat *boating*-kah, ataupun *cruise*-kah sebagainya memang menyeronokkan. Saya hendak jemput kalau boleh Dato' Menteri datang ke tempat saya dan kita bangunkan kawasan ini. *Insya-Allah* antara tercantik di Malaysia malah di dunia sekali pun.

Dalam usaha kita hendak membantu terutama anak-anak mudalah sebab zaman sekarang pun tidak salah anak muda ini untuk menjadi kaya. Kita lihat baru-baru ini ada anak muda yang cukup kaya dengan kekayaannya dengan rumahnya berjuta-juta tapi masalah dia sorokkan dia punya kekayaan- bukan sorok kekayaan, sorok punca pendapatannya. Akan tapi di tempat saya tidak hendak sorok saya hendak bagi dia orang kaya tidak salah dengan cara pelancongan. Akan tetapi walaupun sorok macam

mana pun ada orang bela juga. Mereka yang berjuang selama ini pun untuk supaya-punca-punca kekayaan seseorang supaya diheboh-hebohkan tapi ramai yang diam bila kita tengok kita pada pihak yang sebelah sana kebiasaannya mereka diam sebab kena atas muka sendiri.

**Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]:** Yang Berhormat Setiu mohon mencelah sedikit.

**Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** Ada terasa ya. Sikit terasa sudah. Cerita tanah becah Setiu.

**Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]:** Tuan Pengerusi, Yang Berhormat Setiu membuat satu cadangan yang agak menarik bahawa semua pada kita ini seolah-olah mesti memaklumkan kepada dunia sumber kekayaan ataupun kemiskinan kita-bukan semestinya kaya sahaja. Ertinya Yang Berhormat Setiu mencadangkan, mengikut apa yang saya nampak, kalau ada timbul persoalan misalnya Yang Berhormat Setiu ada tiga buah kereta tolong isytiharkan harta.

Yang Berhormat Padang Rengas ada - ada apa Yang Berhormat Padang Rengas?

**Seorang Ahli: 20.**

**Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]:** Ya.

**Seorang Ahli: 20.**

**Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]:** Jumlah 20 buah kereta termasuk 12 *humvee* contohlah ya. Isytiharkan harta kepada umum itu.

#### ■1230

Jadi apakah Yang Berhormat Setiu bergerak ke arah itu dengan mengambil contoh budak muda tadi entah mana dapat kekayaannya, bila orang bangun maka dia mesti mendedahkannya seperti kata Menteri Wilayah dulu, kalau kita dedahkan kita dalam bahaya orang tahu kita kaya kita tak selamat. Jadi macam mana pandangan Yang Berhormat Setiu dalam bab ini. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail Haji Mohamed Said]:** Inilah sebenarnya sudah tak ikut kepala dan butiran...

**Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** Ha kepala sudah lari sebenarnya, saya bagi contoh sahaja. Saya hendak katakan bahawa memang dia selalu kepala lari. Saya hendak bagi contoh kawasan saya, saya hendak supaya anak-anak muda saya berkecimpung dalam pelancongan dan akan isytiharkan mendapatkan kekayaan melalui pelancongan. Dapat kita tahulah, ini bukan maknanya daripada ada seorang bercakap mengatakan perniagaan bapanya, yang seorang lain cakap daripada eksport *furniture* ya, dia eksport *furniture* berjuta-juta dalam masa berapa tahun. Jadi,

itulah maksud saya bukanlah jadi saya rasa soalan daripada Yang Berhormat Kuala Krai ini tidak boleh jawab sebenarnya. Cuma saya hendak cerita fasal pelancongan sahaja.

Dia lari saya bagi contoh sahaja. Dia sudah terasa panas sebab dia sendiri yang agak membela juga lah. Tetapi kalau berlaku sebelah kita, agak-agak tidak tahu apa jadilah dia suruh apa kepada semua...

**Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]:** Minta maaf lah kalau kita hendak bagi contoh pemimpin BN lagi banyak kaya-kaya, kalau semua kita minta semua dedahkan tak habis cerita kita ini Yang Berhormat Setiu. Yang Berhormat Setiu dedahkan punca kekayaan beli kereta itu.

**Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** Kenapa yang cepat sangat ini, kenapa Yang Berhormat Kuala Krai cepat sangat panas kenapa ini?

**Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]:** Sebab dulu Yang Berhormat Setiu ini bekas hakim. Jadi bila banyak harta itu boleh menimbulkan persoalan. Dedahkan. Sudah tentulah tak bersetuju betul tak? Jadi jangan merapu membawa cadangan yang bukan-bukan.

**Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** Saya sebagai Ahli Parlimen biasanya banyak kereta. Tetapi saya bekas hakim tak ada kereta. Bukan semualah, ada seorang, dua itu yang ada kereta banyak kan simpan dekat rumah, itu yang jalan raya jadi sesak, itulah sebab-sebabnya. Di kawasan Ampang itu jalan raya sesak, kerana ada orang yang memiliki kereta banyak.

Okey, lain-lain kawasan yang saya hendak sebut di Setiu ini ada lagi sebenarnya, Lata Cakah dia ada Lata Cakah dia sebenarnya air terjun. Dia memang tempatnya memang cantiklah kalau hendak kira dia setaraf dengan destinasi yang lain-lain itu, Sekayu, Lata Tembakah dekat-dekat di kawasan Besut dan juga di Hulu Terengganu.

Dan ia bila dilihat memang cantiklah dan indah dan belum dicemarkan lagi. Kata orang cantik bagai anak dara desa yang belum diusik. Inilah yang perlu dilihat oleh pihak Kementerian Pelancongan. Satu lagi juga ada lagi Lata Payung di juga kawasan Setiu. Lata Payung ini juga memang cantik dan saya jemput jugalah pihak kementerian untuk ke sana. Yang lain-lain adalah Pantai Penarik, Pantai Rhu 10, banyak. Pulau Redangnya memang sudah sedia dimajukan. Cuma yang lain-lain ini, saya minta pihak kementerian ada tak ura-ura untuk memajukan kawasan-kawasan yang saya sebutkan tadi.

Indahnya satu lagi di Pantai Rhu 10 dan Penarik ini, dia ada pengusaha ICT iaitu pengusaha kepada ikan celup tepung. Bukan setakat ikan sahaja dia ada lagi udang,

sotong dan sebagainya. Telur sotong pun ada, jadi saya minta supaya tempat-tempat begini dijadikan destinasi pelancongan. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Bayan Baru.

**12.34 tgh.**

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Terima kasih Tuan Pengerusi dan terima kasih Yang Berhormat Menteri kerana sanggup duduk sini dan dengar semua perbincangan kita. Saya ingin memulakan dengan 020200 – Pusat Malaysia Rumah Kedua Ku (MM2H) saya hendak Menteri kalau boleh bagikan statistik apakah kejayaan MM2H ini kerana kita tiap-tiap tahun berbelanja besar untuk tujuan ini. Saya nampak bahawa kalau kita mempunyai kalau ramailah kalau sudah ramai MM2H, kementerian boleh pertimbangkan untuk mewujudkan *enclave-enclave* untuk katakan *Japan town* kah, atau *Korean town* dan sebagainya.

Sebab saya nampak bahawa keunikan Malaysia adalah tarikan pelancong dari seluruh dunia. Keunikan Malaysia juga adalah kerana kita ada ramai, pelbagai budaya dan sebagainya, semua boleh hidup bersama. Saya nampak bahawa kalau kita ada satu, katakan contohnya di kawasan Pulau Pinang, di kawasan warisan Pulau Pinang kita ada *China Town*, kita ada *Japan Town*, ada *Korean Town* sehinggakan *Indonesian Town* dan sebagainya, dia akan menarik pelancong-pelancong luar negeri untuk wujud, pergi ke sana.

Jadi MM2H, warga-warga MM2H boleh memainkan peranan sebegini kalau kementerian boleh berkoordinasi dengan katakan *embassy-embassy* dan komuniti tersebut untuk mewujudkan *enclave-enclave* tersebut, dia akan menarik lebih ramai pelancong. Kedua adalah pelesenan pelancongan 020300 dan saya telah bangkitkan kepada kementerian bahawa ada setengah vendor atau *tourist guide* yang cuba membawa *tourist-tourist* ke tempat-tempat yang bukan dalam *itinerary* kerana mereka hendak dapatkan komisen dan sebagainya. Jadi ini adalah isu yang perlu *enforcement* daripada kementerian supaya kita tidak ada setengah orang yang merosakkan nama dan juga industri pelancongan di Malaysia.

Saya ingin merujuk kepada kebudayaan 030300. Kita nampak bahawa puluhan juta diberikan kepada kebudayaan dan juga pengurusan acara. Tetapi saya nampak bahawa acara-acara yang diwujudkan itu walaupun bagus dan mempunyai tarikan tertentu tetapi ini adalah acara *One-Off*. Selepas itu dia tunggu tahun depan untuk datang dan sebagainya. Jadi saya nampak ROI itu tidak begitu baik kerana kalau boleh gunakan wang itu sebagai infrastruktur atau mewujudkan tapak-tapak yang membaiki

tapak-tapak untuk mempromosi dan juga sebagainya itu akan lebih bermanfaat. Ini kerana program itu *One-Off* selepas itu habis. Kita nampak bahawa mungkin hanya segelintir kecil sahaja yang sanggup datang kerana program tersebut itu sahaja. Tetapi duit yang begitu banyak perlu dan juga tenaga kerja yang begitu banyak perlu digunakan untuk tujuan program acara-acara tersebut.

Saya juga ingin *touch on* Arkib Negara - 050000. Kita nampak bahawa Arkib Negara ini memainkan peranan yang sangat penting untuk mencatatkan sejarah-sejarah Malaysia dan juga segala dokumen-dokumen yang bersejarah. Setiap hari kita mencipta sejarah. Jadi, Arkib Negara itu memainkan peranan yang sangat penting untuk merekodkan semua perkembangan tentang negara kita. Walau bagaimanapun saya nampak bahawa saya terima beberapa rungutan daripada *researcher* bahawa Arkib Negara ini tidak begitu mesra kepada mereka. Ada sesetengah mereka terpaksa *register*, tunggu, tunggu selepas itu tidak dapat. Walaupun dokumen yang diminta itu tidak dapat diberikan kepada mereka.

Jadi mereka lebih sanggup pergi sampai ke London, sampai ke Singapura untuk mendapatkan dokumen-dokumen yang bersejarah dan di sana mereka ada *what do you call freedom of information policy* di mana mereka boleh dengan mesra dan cepat dapatkan dokumen-dokumen yang perlu. Tetapi di Malaysia dia macam, dia kena *proof* segala bentuk tujuan, baru boleh mendapatkan bantuan. Ini adalah pada pendapat saya bukan mesra kepada *researcher* yang ingin mengkaji sejarah Malaysia dan kita tahu bahawa yang betul-betul berminat untuk mengkaji Malaysia itu tidak banyakkah. Oleh sebab Malaysia bukan dalam peta politik yang sangat penting *it is international politic* dan orang luar yang ingin mengkaji kita, golongan yang sangat cukup kecil.

#### ■1240

Jadi saya rasa kita perlu sebenarnya menarik lebih ramai orang mengkaji tentang sejarah Malaysia. Dan kita tahu bahawa ada pula kerana *confidence* itu tidak ada, maka sesetengah dokumen seperti Tun Dr. Ismail *tape* dan Tun Dr. Ismail *paper*. Waris-waris mereka sanggup bagi kepada Singapura *rather than* Malaysia. Saya rasa ini perlulah kita kena *reflect and we have to evaluate* dan menukar sesetengah polisi yang sangat kolot dan tidak mesra.

Perpustakaan Negara - 060000. Saya nampak bahawa Perpustakaan Negara kita kena *push* lagi supaya Malaysia, masyarakat yang berminat membaca dan saya nampak bahawa perlulah usaha yang lebih lagi untuk supaya Perpustakaan Negara kita bukan hanya bertumpu di kawasan bandar tapi di kawasan luar bandar, kerana kita terpaksa berlumba-lumba dengan *digital age*. Di mana ramai sekarang budak-budak

kecil lebih berminat iPad daripada membaca. Dan ini adalah suatu yang sangat serius dan saya rasa kerajaan harus memupuk lagi budaya membaca.

Akhir sekali adalah Warisan Negara – 080000. Saya ingin menarik perhatian kepada Menteri bahawa ada dua tapak warisan yang sangat penting di mana *overlooked by ministry*. Kedua-dua tapak itu adalah *Snake Temple* di Bayan Baru, di mana merupakan satu tokong yang mempunyai keunikan yang menarik pelancong dari seluruh dunia kerana di tokong tersebut ada ular. Ular tinggal dalam tokong itu ia akan berjinak-jinak. Ia bukan- ia macam *control by the God snake* oleh Tuhan, maka ia berjinak-jinak di sana dan ia memang satu tarikan yang cukup unik dan tokong tersebut telah berusia lebih daripada 100 tahun. Kalau boleh saya minta supaya kerajaan boleh mengisytiharkan sebagai tapak warisan negara, dan juga kalau boleh mendapatkan UNESCO *Heritage* punya *recognition*.

Satu lagi ialah *War Museum* juga berada di kawasan Bayan Baru. Di mana tapak itu adalah tapak yang bersejarah, cukup bersejarah. Tetapi sekarang diuruskan oleh pihak swasta. Kalau kementerian boleh memberi peruntukan dan promosi yang secukupnya, membaiki tapak-tapak tersebut seperti *War Museum*, sekarang ia dalam keadaan yang kurang memuaskan, *maintenance* kurang memuaskan. Walaupun diuruskan oleh swasta tetapi ia memang *heritage site*. Jadi ini adalah cadangan saya kepada kementerian supaya memberi peruntukan kepada *Snake Temple* dan juga *War Museum* dan juga, mengisytiharkan kedua-dua tapak ini sebagai tapak warisan negara.

Akhir sekali adalah juga warisan negara. Kita nampak bahawa di negara lain mereka berusaha bersungguh-sungguh untuk mendapatkan UNESCO *Heritage*. Bukan sahaja, UNESCO *Heritage* ada pelbagai jenis, ada yang *botanical*, taman dan sebagainya, tugu dan sebagainya. Dan saya rasa kementerian boleh cuba mendapatkan lebih ramai, lebih banyak lagi *recognition* supaya kita boleh meletakkan kawasan-kawasan tapak warisan kita di Malaysia dalam peta dunia warisan. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Kinabatangan.

**1244 tgh.**

**Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin, sedikit sahaja iaitu tiga perkara, pembangunan seni, pelancongan dan kebudayaan. Pertama sekali saya ingin merakamkan terima kasihlah kepada kementerian dan Menteri dia sendiri sebab baru-baru ini berbesar hati memberi sumbangan kepada Persatuan Bangsa Sungai Air di Kinabatangan untuk mengadakan Pesta Damas. Dan *alhamdulillah* pesta itu telah dikategorikan oleh kerajaan negeri

dalam kalendar pelancongan negeri Sabah itu sendiri. Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

Bukan itu sahaja, bahkan salah satu persatuan seni saya di Kinabatangan juga telah dibawa oleh Yang Berhormat Menteri menjelajah Eropah untuk membuat persembahan kebudayaan. Dan mereka amat terharu dan mereka banyak mempelajari perkara-perkara yang baru yang belum pernah lalui. Melalui program itu juga, maka Kinabatangan sudahlah salah satu pusat pelancongan yang terkenal akan bertambah lagi pengunjung-pengunjung daripada luar negara untuk mengunjungi Kinabatangan.

Jadi Yang Berhormat Menteri, memang pada dasarnya negara kita ini memerlukan kehadiran pelancong-pelancong. Sudah tentu, kalau boleh untuk Kinabatangan, kalau boleh jangan ditinggalkan supaya mungkin pelancong-pelancong daripada luar negara, daripada Eropah, daripada Asia sendiri dapat berkunjung ke pusat-pusat pelancongan yang tidak ada di dunia lain seperti *Imbak Canyon* di Tongod ini pun mendapat tempat di hati pelancong-pelancong dan juga tempat-tempat *proboscis monkey* yang di mana setiap kali saya pergi, saya nampak ada saja *researcher* daripada China, daripada Jepun, daripada Korea, daripada Australia tidak henti-henti membuat *research*.

Saya pun tidak tahu apa yang dia buat *research* di sana. Sebab spesis *proboscis monkey* ini untuk maklumat Menteri ia lain. Ia lebih kurang kelompok dia 50-40 lebih. Tapi dalam 50 spesis itu, satu saja jantan dia, tidak boleh ada dua. Kalau ada dua, ia berperang, yang kalah lari dulu. Kalau dia *recover* balik baru dia lawan balik. Jadi mungkin itu salah satu kajian yang dibuat, mungkin ada dia makan yang menguatkan badan tenaga batin dia. Tapi kita tidak tahu, jadi banyak lagi bukan itu saja.

Bahkan Kerajaan Negeri Sabah juga telah mempergiatkan pembukaan pusat-pusat pelancongan demi untuk memastikan bahawa Kinabatangan ini menjadi kunjungan pelancong-pelancong daripada negara dan luar negara. Tiap-tiap hari kita ada menerima lebih kurang dua hingga 300 pelancong yang datang ke seluruh Kinabatangan daripada seluruh negara. Jadi ini menambahkan pendapatan masyarakat di setempat. Terima kasih Yang Berhormat Menteri, mudah-mudahan ada lagi peruntukan 2017 kami pun memohon jua. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi[Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Kota Melaka.

**12.47 tgh.**

**Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin juga mengambil bahagian dalam perbahasan Peringkat Jawatankuasa B.31-



Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan. Saya merujuk kepada Butiran 01900 – Pembangunan *Ecotourism*. Saya ingin minta pandangan Yang Berhormat Menteri, iaitu tentang projek taman laut yang sudah giat berlaku di beberapa negeri di Malaysia ini. Adakah projek-projek ini menjejaskan usaha kementerian dalam pembangunan *ecotourism* ini. Adakah sebarang koordinasi atau perbincangan di antara Kementerian Pelancongan dengan kementerian-kementerian yang lain yang meluluskan projek taman laut.

Butiran 49000 – Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia. Yang Berhormat Menteri, saya sering kali melawat tapak-tapak yang mereka mempamerkan atau menjualkan barangan atau kraf tangan tetapi saya dapati bukan semua ini kraf tangan tempatan. Kita dapat banyak lagi peniaga-peniaga yang menjualkan kraf tangan negara lain termasuk Indonesia, negara China dan lain-lain. Mungkinkah ini kerana mereka dapat pulangan atau *profit* lebih, berbandingkan kraf tangan tempatan. Satu, saya ingin tahu bagaimana dengan kajian perbadanan ini dan apakah usaha untuk kementerian ini untuk mempromote kraf tangan tempatan atau kraf tangan Malaysia yang tulen, bukan *imitation*, dengan izin.

Butiran 20400 – Pembangunan Industri Pelancongan. Di negeri Melaka, saya didapati bahawa ada projek-projek yang mega untuk pelancongan yang akan dibina atau dibangunkan oleh negara asing.

#### ■1250

Saya ingin tanya kementerian, bagaimanakah perhubungan antara kementerian dengan pemaju-pemaju dari negara asing. Apakah produk pelancongan yang mereka akan dibangunkan atau apakah bahan-bahan pelancongan yang mereka akan dipamerkan? Adakah kementerian telah menitikberatkan semua projek pelancongan dari negara asing ini perlu mengutamakan nilai-nilai kebudayaan dan lain-lain dari negara kita? Di Melaka saya ingat sedang dua, tiga projek dikatakan akan membawa berpuluh ribu pelancong ke Melaka. Akan tetapi saya ingin tahu tarikan pelancong dari negara asing atau negara tempatan kepada projek ini. Adakah produk pelancongan ini betul-betul adalah untuk membangunkan sektor pelancongan di negara kita?

Saya juga ingin maklum kepada Yang Berhormat Menteri dan dewan yang mulia ini tentang dua projek pelancongan di negeri Melaka yang memang bukan— hanya tidak membantu tentang pembangunan sektor pelancongan ini tetapi dapat jadi *eyesore* terutama projek monorel yang terbengkalai. Sampai hari ini masih tidak dapat beroperasi dengan baik. Pembinaan *reef* pun sebahagian tidak dapat disempurnakan. Bagaimanakah kementerian atau pihak berkuasa di negeri Melaka ini dapat menyelesaikan projek ini secepat mungkin atau pun tidak semua akan jadi satu projek

gajah putih atau satu projek yang menyakitkan pandangan pelancong dan orang tempatan?

Sama juga dengan projek pembersihan dan pengindahan Sungai Melaka. Memang kita perlu terima bahawa salah satu tarikan yang besar untuk pelancong bukan hanya dari negara asing tetapi daripada pelancong tempatan, perlu mengambil bahagian atau mereka menyertai *ferry cruise* Sungai Melaka. Akan tetapi fasa satu dan fasa dua, nampaknya belum disempurnakan pembinaannya. Sebahagian itu memang jadi masalah dan akibat fasa kedua tidak dapat beroperasi. Ini memang sudah lama, saya difahamkan kerana dikatakan peruntukan untuk projek ini tidak cukup dan mereka masih pohon. Apakah keputusan permohonan mereka? Saya harap kalau Menteri dapat memberitahu.

Tentang slogan untuk tahun depan oleh Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan, juga ingin Menteri beritahu dekat Dewan ini. Saya memang setuju dengan Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain tentang peruntukan untuk kementerian ini perlu ditambah. Saya harap kalau Menteri dapat beritahu dekat Dewan ini, dalam program-program kementerian ini, manakah program yang paling perlu peruntukan tambahan dengan kadar segera. Saya percaya Ahli-ahli Yang Berhormat di Dewan ini, pun akan semua menyokong usaha-usaha ini kerana Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan salah satu yang dapat menambah hasil negara kita.

Untuk satu yang akhir, iaitu untuk tahun depan pada bulan Februari, di negeri Melaka ada satu program keagamaan dan kebudayaan yang paling-paling unik iaitu sebuah tokong Cheng Hua Kiong Temple salah satu yang paling *old, the one oldest temple in* Melaka. Ia akan menganjurkan satu rondaan tongkang, tongkang iaitu satu kapal yang besar mengikut dengan semua penganut dan juga lain-lain upacara keagamaan. Kali pertama rondaan tongkang dari tokong ini berlangsung pada tahun 1854 iaitu sudah 162 tahun. Ini kali kedua rondaan tongkang yang dianjurkan oleh tokong ini. Ia akan melibatkan melebihi 4,000 orang yang akan menyertai rondaan ini dan juga program ini telah dapat promosi dari media tempatan dan juga media dari antarabangsa. Tujuan rondaan tongkang ini adalah untuk menangkap semua roh jahat atau syaitan yang menyebabkan penyakit dan membawa masalah susunan sosial dengan menggunakan kapal besar untuk menghantar mereka pergi. Kos keseluruhan untuk menganjurkan program ini dianggarkan RM720,000 yang pasti ia akan menarik berpuluh ribu pelancong ke negeri Melaka.

Pada tahun 2001, sebuah tokong yang lama yang lain iaitu Tokong Yong Chuan Tian pernah menganjurkan rondaan tongkang dan kementerian Yang Berhormat pun ada memberi bantuan dan sumbangan kepada rondaan itu. Sebab saya minta itu Yang

Berhormat Menteri dapat kali ini juga memberikan bantuan yang kuat dan sumbangan dan harap ia akan dimasukkan dalam kalendar kementerian ini untuk tahun depan. Terima kasih Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Kuala Kangsar.

**12.57 tgh.**

**Datin Mastura binti Tan Sri Dato' Mohd Yazid [Kuala Kangsar]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Kuala Kangsar bertuah kerana Yang Berhormat Menteri adalah jiran dan abang kami. Jadi usaha-usaha pelancongan kita dari Parlimen Kuala Kangsar, Yang Berhormat Menteri sangat arif.

**Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Abang kena sayang pada adik.

**Datin Mastura binti Tan Sri Dato' Mohd Yazid [Kuala Kangsar]:** *Insyah-Allah.* Moga permintaan saya bagi pihak orang Kuala, Yang Berhormat Menteri dapat pertimbangan, terima kasih. Saya merujuk kepada Butiran 020500 – Pembangunan Prasarana. Pertamanya, seperti Yang Berhormat Menteri maklum, kita di Kuala bertuah kerana mempunyai pengaruh Sungai Perak yang mencorakkan perkembangan bandar Kuala Kangsar menjadi begitu menarik dan unik. Kawasan lembah Kuala Kangsar adalah pusat tumpuan seawal perkembangan bandar Kuala Kangsar sehingga hari ini. Sehingga menjadi persinggahan utama pelancong yang berkunjung ke bandar Kuala Kangsar.

Pada masa ini kira-kira 700 lebih peniaga kecil yang terlibat yang menjalankan perniagaan di kawasan ini yang sebilangan besarnya adalah peniaga bumiputera. Kawasan lembah juga telah dibina kedai-kedai mini, pergeraian dan *kiosk* perniagaan yang mampu disewa oleh peniaga kecil. Kawasan ini juga menjadi tumpuan aktiviti rekreasi yang telah dibangunkan taman-taman awam seperti taman bandar, laman budaya, jeti pelancongan dan mini Stadium Kuala Kangsar.

Tuan Pengerusi saya mencadangkan, pembangunan secara bersepadu perlu digerakkan yang meliputi pembangunan komersial, pembangunan kemudahan awam, dan juga pembangunan taman-taman pinggir Sungai Perak, dengan bertujuan mengambil kelebihan yang ada di sepanjang Sungai Perak bersama kementerian-kementerian yang lain. Cadangan ini melibatkan beberapa pembangunan yang telah dirancang yang melibatkan beberapa komponen lain seperti pembangunan semula kawasan lembah yang meliputi:

- (i) pembangunan komersial bazaar rakyat – *Grand Bazaar*;

- (ii) tempat letak kereta bertingkat,
- (iii) pusat pelancongan dan bazar kraf tangan;
- (iv) pembangunan rangkaian taman-taman pinggiran Sungai Perak; dan
- (v) pembangunan semula laman budaya.

Kawasan pembangunan adalah melibatkan kawasan tanah kerajaan dan kawasan rizab sungai Perak yang berkeluasan lebih kurang 50 ekar. Berdasarkan anggaran awal kos pembangunan, dianggarkan RM60 juta dan boleh dijalankan secara berfasa. Pembangunan ini juga dijangka dapat memperkemaskan dan memperkukuhkan imej bandar Kuala Kangsar sebagai Bandar Diraja yang menjadi tumpuan pelancong-pelancong melalui penyediaan kemudahan awam dan perbandaran yang berkualiti, selamat dan terkini.

Keduanya, butiran yang sama Tuan Pengerusi. Saya memohon kepada Yang Berhormat Menteri dan kementerian untuk membangunkan kawasan Air Panas Ara Panjang di dalam DUN Manong yang telah lama ditinggalkan. Satu potensi dan tempat pelancongan yang unik di kawasan pedalaman Parlimen Kuala Kangsar. Ia akan menjana pendapatan untuk orang kampung yang sangat memerlukan pembangunan di kawasan Manong tersebut.

Saya terus ke Butiran 020600 – Pusat Pelancongan Malaysia. Sekiranya, kita pernah melayari laman web Pusat Pelancongan Malaysia (MaTiC), kita akan perasan bahawa laman web ini menyediakan *trip planner*. Masalahnya saya melihat *trip planner* di laman web ini ialah ia tidak mempunyai jadual dan pengalaman perjalanan percutian, sebaliknya ia meminta pengguna untuk mengisi sendiri jadual perjalanan mereka. Adakah Menteri bersetuju sekiranya MaTiC menyediakan dan mempromosi laluan pelancongan tambahan yang berhampiran destinasi pelancongan utama untuk menggalakkan pelancong untuk mengembangkan jadual perjalanan mereka ke destinasi-destinasi yang masih kurang dikenali?

**Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Panjang lagi.

**Datin Mastura binti Tan Sri Dato' Mohd Yazid [Kuala Kangsar]:** Ada dua lagi butiran.

**Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, sila.

**Datin Mastura binti Tan Sri Dato' Mohd Yazid [Kuala Kangsar]:** Butiran 030200 –Hubungan Antarabangsa Kebudayaan. Saya ingin mencadangkan supaya kalau boleh Yang Berhormat Menteri dapat memberi pencerahan mengenai kajian-kajian pasaran atau *marketing research* yang telah dibuat di kementerian untuk memahami keperluan dan kehendak pelancong dari negara-negara jiran dan mengenal

pasti pelbagai isu yang menghalang pertumbuhan dari pasaran itu serta berunding dengan pihak berkepentingan yang berkaitan.

Butiran 020400 – Pembangunan Industri. Di dalam analisis keperluan tenaga manusia dalam industri pelancongan di Malaysia menunjukkan, industri pelancongan telah menyumbang sebanyak 22.1 peratus tenaga manusia pada tahun 2015. Memandangkan sektor pelancongan semakin sektor peluang dan pendapatan yang penting negara, saya amat berminat untuk mengetahui lebih lanjut mengenai program *volunteerism*. Saya ingin memohon agar pihak kementerian dapat memberikan maklumat tentang jumlah sukarelawan yang telah terlibat di dalam program *volunteerism* ini dan bagaimanakah tenaga mereka digunakan di dalam program ini. Adakah ia berkesan membantu industri pelancongan kita dan adakah Malaysia mempunyai cukup tenaga kerja di dalam bidang pelancongan yang cukup terlatih untuk masuk ke dalam pasaran kerja industri pelancongan? Itu sahaja, Tuan Pengerusi. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Terima kasih. Majlis bersidang dalam Majlis Mesyuarat.

*[Majlis Mesyuarat bersidang semula]*

*[Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said) **mempengerusikan mesyuarat]***

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Pokok Sena. Sila Yang Berhormat Pokok Sena. 2.30 ya. Baiklah, kita tangguhkan persidangan kita hingga jam 2.30 petang dengan Yang Berhormat Pokok Sena.

***[Mesyuarat dtempohkan pada pukul 1.03 tengah hari]***

***[Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang]***

***[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Jawatankuasa]*****

**2.32 ptg.**

**Tuan Pengerusi:** Majlis dalam Jawatankuasa.

**Puan P. Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan]:** Tuan Pengerusi, *point of order*.

**Tuan Pengerusi:** Belum kita mulai Yang Berhormat, sudah *point of order*. Bila punya *point of order* ini.

**Puan P. Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan]:** *[Ketawa]*

**Tuan Pengerusi:** Salahkah tadi saya kata Majlis dalam Jawatankuasa.

**Puan P. Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan]:** Tidak. Bukan terhadap Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi:** Okey, sila.

**Puan P. Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Tuan Pengerusi, saya ingin membangkitkan *point of order*, Peraturan Mesyuarat 36(4), menjadi kesalahan bagi ahli-ahli Dewan yang menggunakan bahasa kurang sopan, biadab atau membuat pernyataan yang seksis. Dalam masa ini saya ingin merujuk menggunakan peraturan mesyuarat ini merujuk Ahli Parlimen Pasir Salak ke Jawatankuasa Hak dan Kebebasan atas perkataan dengan izin, *unparliamentary* yang telah digunakan dalam Dewan yang mulia ini terhadap Yang Berhormat Seputeh.

Tuan Pengerusi dengan izin, saya ingin mengulangi apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Pasir Salak tadi, *“The only woman with a ‘kok’ is in Seputeh.”* Dan kenyataan yang dikeluarkan oleh Yang Berhormat Pasir Salak pada masa itu bukanlah apabila beliau bertikam lidah ataupun berbahas dengan Yang Berhormat Seputeh. Masa itu Yang Berhormat Seputeh duduk diam saja.

**Seorang Ahli:** Bohong!

**Puan P. Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan]:** *It’s not even her topic* sebab pada masa itu Yang Berhormat Timbalan Menteri harus menjawab soalan dari Yang Berhormat Pokok Sena tetapi beliau lari daripada tajuk. *He’s trying to find an avenue to insult somebody as what he normally does and he picked* Yang Berhormat Seputeh.

Jadi saya rasa Tuan Pengerusi, benda ini telah lama berkali-kali, berulang dalam Dewan yang mulia ini. Ahli-ahli Parlimen dari sebelah sana, saya tidak perlu cakap siapa. *I think MPs from BN know who are the one who used bad language against MPs on this side* Tuan Pengerusi. *We have been called “pondan”, we’ve been called “Tong San”, “Balik Tong San”, we have been called “apek”, and today precedent the word “kok” was used in the Dewan Rakyat.*

**Seorang Ahli:** *[Berucap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Puan P. Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan]:** Saya berpendapat Tuan Pengerusi, dalam Dewan yang mulia ini, perkataan-perkataan seperti *“kok”* tidak harus, tidak patut digunakan oleh seorang Ahli Parlimen dan beliau tidak mohon maaf dan tidak menarik balik.

**Tuan Pengerusi:** Terima kasih Yang Berhormat.

**Puan P. Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan]:** Yang Berhormat Timbalan Menteri.

**Tuan Pengerusi:** Terima kasih Yang Berhormat.

**Puan P. Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan]:** Saya ingin dapat penjelasan atau komen daripada Tuan Pengerusi supaya benda ini tidak berulang lagi. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Terima kasih Yang Berhormat. Saya baru masuk Yang Berhormat, saya tidak tahu pun apa yang berlaku tadi. Jadi saya rasa apa yang berlaku tadi itu tidak akan, tidak- ada Timbalan saya yang duduk sini. Jadi *I thought the issue is a settled issue whatever has been, what's transpired this morning.*

**Puan P. Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan]:** Tuan Pengerusi, *with all respect, after Yang Berhormat Pasir Salak, without answering Yang Berhormat Pokok Sena's question, beliau buat U-turn, masuk sini, panggil Yang Berhormat Shah Alam macam ini... [Menunjukkan isyarat tangan] Suruh dia keluar. It's very unbecoming of a Parliamentarian.*

**Tuan Pengerusi:** Okey, *I take note.*

**Puan P. Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan]:** Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi:** *I will ask my...*

**Puan P. Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan]:** *But what happened just now was your Timbalan, mentioned that this matter would be referred to you. He said, "Let the Tuan Pengerusi handle it later on, in the afternoon".*

Tuan Pengerusi, *with all respect to the Chair that you are sitting in, it is not Timbalan or Tuan Pengerusi, but the Chair you are sitting in, you must make a decision now. I appeal to you.*

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat, Yang Berhormat. *How am I going to make a decision if I don't know what happened and what's transpired?*

**Puan P. Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan]:** *But the Chair you are sitting in Tuan Pengerusi.*

**Tuan Pengerusi:** *Yeah but how am I going to make a- you want make me a superman that I don't know what's transpired this morning...*

**Puan P. Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan]:** Tuan Pengerusi, *it is all over the news. It was- the videos are out. It is all out...*

**Tuan Pengerusi:** *Okey, it's all over, the news I have not seen the news.*

**Puan P. Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan]:** Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi:** *I just came in. I just came back from Kota Kinabalu. I just checked in. Baru saya masuk dalam Chamber. Saya tidak tahu apa-apa pun. So be fair, let me see what happened and transpired.*

**Puan P. Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan]:** *Then when will we get a decision Tuan Pengerusi?*

**Tuan Pengerusi:** *You see, Ahli-ahli Yang Berhormat tadi, apa yang berlaku tadi bermakna berlaku tadi. Saya tidak tahu pun siapa yang hadir tadi. So how are you going to ask me to make a ruling on something that I do not know? Hey, come on, be fair.*

**Puan P. Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan]:** *We are telling you now, Tuan Pengerusi.*

**Beberapa Ahli:** *[Berucap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Tuan Pengerusi:** Ahli Yang Berhormat, duduk Yang Berhormat.

**Puan P. Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan]:** Okey, okey.

**Tuan Pengerusi:** *Were you here this morning, were you?*

**Puan P. Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan]:** *I was here.*

**Tuan Pengerusi:** *So what happened? What was the ruling by the Timbalan.*

**Puan P. Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan]:** *He referred to you.*

**Tuan Pengerusi:** *Waiting for me? Okay, waiting for me, so let me look into the matter first.*

**Puan P. Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan]:** *Thank you. I hope we will get a good judgement out of this Tuan Pengerusi. After you look at the matter.*

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat, Yang Berhormat, *all the time I give good judgement but not many of you agree with my judgement.* Okey sila.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Saya pun tadi ada. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Apa lagi, peraturan mesyuarat?

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Peraturan mesyuarat. Tadi saya ada bagikan Peraturan Mesyuarat 21.

**Tuan Pengerusi:** Peraturan mesyuarat?

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** 21.

**Tuan Pengerusi:** 21?

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** 21(i)(a).

**Tuan Pengerusi:** 21(i)(a).

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** *So when I, bila saya rujuk peraturan itu, Yang Berhormat Timbalan Speaker menyatakan bahawa dia juga akan merujuk isu ini kepada Tuan Yang di-Pertua untuk ruling.*

**Tuan Pengerusi:** *You bangkitkan tadi Peraturan Mesyuarat 21?*

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** (i)(a).

**Tuan Pengerusi:** Peraturan Mesyuarat 21(i)(a). Pertanyaan-pertanyaan boleh diadakan kepada Yang Berhormat Menteri-Menteri berkenaan dengan hal-hal yang dalam urusan jawatan mereka.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Ya.



**Tuan Pengerusi:** Okey.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** *So, I put. Saya tidak sempat tanya question lagi sebab Deputy Speaker mengatakan bahawa, beliau akan meminta ruling daripada Tuan Pengerusi, sama ada saya boleh tidak bertanya soalan itu. Sama ada bertulis atau lisan. Saya mengatakan bahawa sepatutnya beliau yang buat keputusan.*

**Tuan Pengerusi:** *Okay, what is your point?*

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** *My point is that, I want to ask a question under this peraturan untuk Yang Berhormat Menteri Dalam Negeri menjawab sama ada kenapakah Marina Chin ditahan di bawah SOSMA. Itu saja soalan saya.*

**Tuan Pengerusi:** Kenapakah?

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** *Why she was arrested under SOSMA? Maria Chin. Yang berkaitan dengan BERSIH sebab sekarang ini beliau ditahan di bawah SOSMA.*

■1440

Saya difahamkan beliau diletakkan di bawah *solitary confinement*. Jadi saya rasa tidak patutlah. Sebab kita tahu sekarang Tuan Pengerusi bahawa SUHAKAM telah buat satu *ruling* semalam bahawa perhimpunan BERSIH ini sudah legal, dan beliau mengatakan apabila *legal, I don't see any justification for the police or anybody to arrest, and then detain Maria Chin under SOSMA* sebab *SOSMA is meant for terrorist*.

**Tuan Pengerusi:** Okey, okey *I get the point*.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Okey *thank you* Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi:** *Saya, I will ask your question. You are asking me because...*

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** *I am not asking you, I am asking Minister through you.*

**Tuan Pengerusi:** *Yes, yes that is why I'm saying because you are using Peraturan Mesyuarat 1(a). Apabila kita gunakan sesuatu peraturan mesyuarat itu, we must take to the spirit of peraturan mesyuarat. Peraturan mesyuarat Yang Berhormat, tidak boleh kita abuse kan, you are with me?*

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Yes.

**Tuan Pengerusi:** Okey, *now you tell me what is the scope of Peraturan Mesyuarat 1(a). You tell me in all sincerity because you are practicing lawyer...*

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** *It is all honesty and sincerity my interpretation of 21 Sub Peraturan 1(a), I can ask any question, so long the question berkaitan dengan skop bidang kuasa Menteri. Itu saya punya fahaman Tuan Pengerusi. Oleh sebab soalan ini berkaitan dengan SOSMA di bawah bidang kuasa Menteri Dalam*

Negeri. Saya rasa beliau berhak untuk jawab, saya berhak untuk tanya. Itu saya punya *in all honesty and sincerity*.

**Tuan Pengerusi:** Okey, *I get it*.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Saya harap Tuan Pengerusi juga menjawab dengan *sincere* dan *honest*.

**Tuan Pengerusi:** *Yes, yes of course I will...*

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Okey *I will*. Ahli Yang Berhormat, *if I were to agree with your interpretation, then* kita tidak payah lagi ada Peraturan Mesyuarat 22(2), tidak payah ada Peraturan Mesyuarat 27 yang menghendaki Notis. Tafsiran saya pada...

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi:** Nanti dulu Yang Berhormat, okey. Tafsiran saya kepada Peraturan Mesyuarat 21(1)(a) mengenai dengan perkara-perkara yang kita boleh tanya kepada Menteri yang ikut *proper Notice*, baru Menteri jawab. Akan tetapi kalau dalam perbahasan, misal kata dalam perbahasan Peringkat Jawatankuasa yang pada ketika itu relevan dengan apa pertanyaan Yang Berhormat itu, apa pun Yang Berhormat boleh berdiri, boleh tanya dan terpulang kepada Speaker ataupun Timbalan Speaker yang *presiding*, sama ada ia mengikut peraturan mesyuarat atau tidak.

Akan tetapi kalau dalam hal ini, *specifically you interpret 21(1)(a)* dalam tafsiran Yang Berhormat, saya tidak *agree* dengan itu, kerana ini melibatkan dengan perkara-perkara yang ditanya kepada Menteri yang memerlukan Notis. Kalau saya benarkan begitu Yang Berhormat, tidak payahlah kita ada Peraturan Mesyuarat 27, Peraturan Mesyuarat 26, Peraturan Mesyuarat 22(2) yang baru. Jadi, *I don't agree with that. So I hope that issue is settle*.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Tuan Pengerusi, boleh saya memberi penjelasan sedikit Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi, saya telah membaca beberapa kali khususnya Peraturan Mesyuarat 22. Tuan Pengerusi, *I'm sorry I have to refer to English version here*.

Pertamanya kalau kita tengok 21, ia mengatakan, *"The questions..." nouns plural*, sedangkan dalam 22, *"a question..." A question means a new question*, ia bukan merujuk kepada 21 *unless*, *"the question..." Is different from grammatical point of view*.

So saya mengatakan bahawa 21 *stand on its own. Otherwise* Tuan Pengerusi, kalau kita nak memberikan Notis kepada semua soalan, ada isu-isu yang mungkin berlaku contohnya dalam sejam, *so we cannot ask question unless we have to give a Notice. Just imagine under 22, you have to give two hours' Notice. If happen within one hour*, macam mana hendak bagi Notis.

Saya rasa Tuan Pengerusi, tujuan Parlimen ini adalah, *di-design this* peraturan adalah untuk dalam keadaan-keadaan tertentu, *you can ask question, you can raise you* punya isu yang ada *public importance* yang memerlukan tindakan segera.

Saya rasa 21 terpakai dalam kes ini sebab ini kes yang penting. Penahanan seorang wanita- *solitary confinement under SOSMA* yang kita tahu SOSMA ini *is meant for terrorist*.

So Tuan Pengerusi, saya rasa *with due respect* keputusan Tuan Pengerusi, saya harap Tuan Pengerusi boleh *reconsider* balik- peraturan 21 kalau dibaca secara berhati-hati Tuan Pengerusi, memang *clear, "Questions to the Minister..." (a) I'm asking about (a) not (b) or not even 26 or 27*, semua saya rasa tidak relevan.

Jadi saya harap Tuan Pengerusi dapat- saya bukan nak dapatkan, saya hanya nak tanya soalan yang *simple*, kenapa dia ditahan di bawah SOSMA, itu sahaja. Kalau dia kata okey sebab, *she's terrorist, then okay we accept the reply. Then we go to the court, that's another matter*. Cuma saya nak tanya sekarang ini, *I think I am title to ask question to the Minister under 21 without Notice. My understand* inilah. Terima kasih Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi:** Ya, ya, Yang Berhormat *it not what you said but if I would to allow that again, I think it is not proper*. Umpamanya saya bagi contoh. Kita sedang berbahas dengan Kementerian Pelancongan dalam agenda tengah hari ini Kementerian Pelancongan. *All of sudden*, satu Yang Berhormat Bakri terus dia berdiri. Dia kata, *"Tuan Pengerusi, Peraturan Mesyuarat 21(1)(a)"*.

Saya kata, sila Yang Berhormat Bakri. Selepas itu Yang Berhormat Bakri tanya mengenai dengan soal mengapakah sekarang harga minyak saya bertanya kepada Menteri yang berkenaan- terus turun.

Jikalau saya *agree* dengan Yang Berhormat punya *interpretation, I go to allow* Yang Berhormat Bakri punya pertanyaan seperti begitu walau masih ada satu lagi Ahli Yang Berhormat berdiri dan bertanya pula dengan satu kerana dia menggunakan Peraturan Mesyuarat 21(1)(a). *You see? Begitu*.

Akan tetapi kalau pada ketika yang dibahas itu, mengenai dengan kementerian yang berkenaan, kalau tengah hari ini dengan pelancongan. Dalam waktu berbahas, siapa pun boleh berdiri tanya dengan perkara-perkara mengenai dengan pelancongan. Kadang-kadang yang ditujukan kepada Menteri itu pun, kalau Menteri yang betul, kalau soalan itu tidak sama dengan soalan asal, kita tidak benarkan kerana ia tidak ada kena-mengena dengan soalan asal. Itu pengertian saya Yang Berhormat.

Sila Yang Berhormat Pokok Sena.

**2.47 ptg.**

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya hendak mengambil bahagian dalam B.31, Kementerian Pelancongan. Saya hendak menyentuh Butiran 020000 iaitu Pelancongan.

Saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri, apa usaha kementerian dalam meningkatkan promosi pelancongan setempat khususnya di kawasan pelancongan yang tidak ataupun sukar untuk laluan pengangkutan awam itu masuk. Ini sangat penting untuk membolehkan pihak kerajaan menerokai kawasan-kawasan yang di luar bandar ataupun kawasan-kawasan pedalaman tetapi mempunyai unsur-unsur pelancongan, produk pelancongan yang sangat baik untuk diperkenalkan kepada pelancong-pelancong sama ada dalam negara kita ataupun tidak tetapi ia mengalami kesukaran kerana ketiadaan pengangkutan awam di sana.

Selalunya tempat-tempat yang begini tidak diberikan perhatian oleh *travel agency* dan sebagainya. Jadi saya fikir bahawa ini merupakan satu yang harus diusahakan oleh kementerian. Contoh saya katakan, contoh kalau nanti di Merbok itu Sungai Batu, kawasan penemuan baru, kajian sejarah lama dan sebagainya. Kalau nanti selesai kajian tersebut, maka sudah tentu itu akan melahirkan satu buah produk pelancongan bukan sahaja kepada dalam negara tetapi ia akan menarik pelancong-pelancong dari luar negara sedangkan kawasan di situ tidak ada pengangkutan awam. Jadi bagaimana nak sampai ke kawasan itu dengan kemudahan-kemudahan yang harus disediakan?

Yang kedua Tuan Pengerusi, adakah kementerian sedar selama ini daripada pemerhatian saya, banyak program yang dibuat oleh kementerian yang saya tidak menafikan ada keperluannya tetapi ia lebih bersifat kepada program hangus- "*One-Off*"?

Umpamanya contoh, program-program itu *grand*, besar, umpamanya contoh macam belon panas. Kemudian *Citra Warna*, memang besar dan ia mempunyai unsur-unsur yang boleh menarik perhatian, pelancong-pelancong khususnya pelancong luar negara ke dalam negara kita.

**■1450**

Saya tidak menafikan tentang program-program yang bersifat sebegini merupakan satu yang baik dengan memakan belanja yang besar. Akan tetapi, sejauh mana pula kementerian membelanjakan satu peruntukan yang lebih baik untuk program-program yang bersifat secara kajian atau *research* yang berdokumen?

Saya hendak tunjuk contoh program-program berbentuk kajian berdokumen yang seharusnya dilihat oleh pihak kementerian ialah seperti kajian tentang pemetaan budaya yang sifatnya *local*, daripada *local* setempat itu sampailah ke tempat yang lebih

besar. Ini yang harus dilihat sebab setakat hari ini, saya lihat bahawa ia lebih banyak dilakukan oleh badan-badan NGO, persatuan-persatuan dan sebagainya yang kemudian diperkenalkan kepada kementerian. Akan tetapi sejauh mana pula, bagi saya, bahawa usaha kementerian dalam melihat usaha-usaha sesetengah pihak daripada badan-badan bukan kerajaan ini yang sanggup turun ke padang untuk membuat kajian tentang peta budaya? Maksudnya dengan adanya peta budaya ini, apabila kita berkomunikasi dengan komuniti setempat, kita akan dapat lihat bagaimana tempat-tempat baru, produk-produk baru yang boleh diperkenalkan.

Contohnya saya kata bahawa kalau dalam sesetengah kawasan, umpama kawasan saya, maknanya mungkin boleh dibuat kajian tentang kota budaya yang sudah ataupun yang belum diterokai. Ini kerana di kawasan saya, salah satu tempatnya ialah Makam Diraja Langgar yang punya sejarah di situ ada makam bapa kemerdekaan yang pertama, Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj. Bagaimana untuk kita hendak memperkenalkan kepada masyarakat khususnya pelancong-pelancong tempatan itu untuk melihat dan menerokai tempat-tempat yang seperti ini.

Begitu juga, bagi saya, bahawa antara lain dalam peta budaya ini saya cadangkan membolehkan pelancong setempat ataupun luar mendapat info yang lebih jelas dalam sesuatu kawasan yang dilawati. Saya letakkan di sini dalam peta budaya ini boleh dimuatkan antaranya ialah peta budaya daripada segi laluan makanan. Maksudnya kawasan-kawasan *area* yang terkenal dengan makanan, hasil-hasil makanan yang baik di seluruh negara kita termasuk kawasan-kawasan dusun buah-buahan yang boleh diperkenalkan lagi sebagai tempat pelancongan kepada pelancong-pelancong.

Kemudian laluan sejarah umpamanya. Laluan sejarah yang banyak dalam negara kita ini supaya hendak dijadikan peta budaya ini. Kemudian laluan *shopping* umpamanya, laluan membeli-belah. Akan tetapi yang ini saya lihat bahawa memang banyaklah yang kita perkenalkan tetapi ia sangat kurang tempat-tempat yang saya maksudkan tadi. Kemudian begitu juga dengan laluan penginapan, *homestay* di kawasan-kawasan setempat yang perlu diperkenalkan kepada masyarakat pelancong dan sebagainya.

Jadi apabila wujudnya peta budaya ini, bagi saya bahawa sedikit sebanyak, Tuan Pengerusi, boleh membantu banyak golongan. Sebagai contoh, pemandu teksi umpamanya. Laluan-laluan ini maknanya mereka boleh dapat mempertingkatkan lagi pendapatan mereka. Pengusaha *homestay*, pengeluar produk-produk hasil tempatan dan pemandu pelancong tempatan. Maksudnya kita boleh membantu golongan-golongan ini untuk meningkatkan kerjaya mereka dan juga menambahkan pendapatan mereka.

Sebab, macam saya katakan tadi, agensi-agensi pelancongan ini *depa* tidak begitu melihat kepada perkara-perkara sebegini.

Jadi saya harap agensi-agensi pelancongan dalam pihak kerajaan ini boleh turun padang untuk melihat kawasan-kawasan yang berpotensi untuk diketengahkan dan kita dapat berkomunikasi, dapat maklumat daripada komuniti.

Keduanya Butiran 080000 – Warisan Negara. Saya hendak mintalah pihak Kementerian Pelancongan ini khususnya Jabatan Warisan ini dapat berjumpa dengan pihak Kerajaan Negeri Kedah untuk memperjelaskan supaya mereka faham tentang keperluan untuk mendaftar ataupun hendak gazetkan tempat-tempat sebagai warisan.

Ini kerana banyak kali saya tanya soalan ini. Memang di negeri Kedah ini tidak ada tempat-tempat bangunan yang digazet, yang diwartakan sebagai bangunan warisan sedangkan ia mempunyai sejarah. Masjid Zahir, Balai Nobat, Jam Besar, kemudian Balai Istana Lama, tempat perkahwinan Yang di-Pertuan Agong sekarang, dahulu dan juga tempat pertabalan Baginda di situ, menjadi sultan dan sebagainya. Ini tempat-tempat sejarah termasuk Istana Anak Bukit sendiri.

Jadi saya lihat apabila jawapan yang diberikan, kerajaan tidak minta, Kerajaan Negeri Kedah tidak buat permohonan. Jadi saya harap jangan tunggu Kerajaan Negeri Kedah. Mungkin *depa* ini lembap, *slow* sedikit. Jadi kena pihak kementerian turun untuk berikan penjelasan. Mungkin *depa* ada persepsi takut kata macam kita serah kepada Kerajaan Pusat ambil alih harta negeri Kedah. Sedangkan, ini satu manfaat yang baik untuk memastikan ia juga akan lebih dikenali dan sebagainya selepas itu.

Kemudian akhir sekali Tuan Pengerusi, Butiran 140000 – ASWARA.

Dahulu saya pernah cadang dan dapat jawapan daripada Yang Berhormat Menteri bahawa ASWARA itu akan dinaikkan taraf untuk menjadi Universiti P. Ramlee. Saya hendak tahu perkembangan selanjutnya kerana ini sebagai satu penghargaan kepada Allahyarham P. Ramlee yang banyak memberikan hiburan yang ada pengajaran-pengajaran yang boleh kita dapat daripada beliau. Saya fikir bahawa belum kita temui lagi anak seni yang begitu hebat dalam negara kita yang seharusnya dapat kita perkenalkan kepada generasi baru. Kalau kerajaan telah bersetuju, saya sangat bersetuju dengan cadangan yang saya sebut sebelum ini.

Jadi saya harap Yang Berhormat Menteri dapat jawab. Jangan lari keluar Dewan sudahlah. Biar Yang Berhormat Pasir Salak sahaja lari keluar Dewan. Saya pun bertanya dengan baik. Saya percaya Yang Berhormat Menteri ini, Tuan Pengerusi, Yang Berhormat Menteri yang *cool*, dia tidak ada panas baran, hendak lari keluar Dewan dan sebagainya. Dia memang bagus. Jadi kalau saya tidak adapun, kalau saya tidak ada dalam penggulungan nanti, jangan pula Yang Berhormat Menteri oleh sebab Yang

Berhormat Pokok Sena tidak ada, dia lari keluar Dewan. Tidak boleh. Sebab, mungkin saya ada hal waktu Yang Berhormat Menteri buat penggulungan.

Terima kasih Tuan Pengerusi. Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

**Tuan Pengerusi:** Sila Yang Berhormat Bagan Serai.

**2.56 ptg.**

**Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. *Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, salam sejahtera.

Tuan Pengerusi, izinkan saya untuk mengalu-alukan kehadiran dalam Dewan Rakyat ini pelbagai kaum dan bangsa, wakil-wakil Rukun Tetangga dan Sahabat Parlimen Bagan Serai [*Tepuk*]

Saya menyentuh, Tuan Pengerusi, Butiran 020400 – Pembangunan Industri di bawah B.31 dan Butiran 01900 – Pembangunan *Ecotourism* di bawah P.31.

Tuan Pengerusi, sektor pelancongan ini satu sektor yang boleh menjanakan kewangan, dana yang banyak dan boleh memajukan sesebuah negara. Dalam dunia ini, mana-mana negara yang ada tempat-tempat yang orang suka melawat, minat melawat, maka tempat ini akan jadi hebat.

Di negara kita ini, sektor pelancongan menyumbang keenam dalam ekonomi kita dan sektor pelancongan ini telah menaikkan ekonomi, menyediakan banyak pekerjaan dan juga memberikan nilai komersial negara kita di dunia ini. Seramai 176.9 juta orang pelawat direkodkan pada tahun 2015 dengan peningkatan sebanyak 14.5 peratus berbanding tahun 2014. Pada tahun 2015, bilangan perjalanan domestik meningkat 81 peratus kepada 235.2 juta.

Apa yang saya hendak katakan di sini kita lihat bagaimana perkembangan pelancongan. Jadi saya tidak nampaklah kalau kita kata di negara kita ini rakyat menderita, rakyat mana menderita? Hari ini kita lihat *airport* penuh, *highway* penuh, orang pergi umrah, orang makan angin, orang jalan-jalan. Orang jalan pergi Vietnam, pergi merata-rata tempat dalam dunia ini. Mereka yang ada kemampuan lebih pergi lebih jauh lagi. Jadi bermakna sektor pelancongan- dan kehebatan rakyat di negara kita ini.

Begitu juga Tuan Pengerusi, saya ingin bawa Dewan yang mulia ini kepada tempat saya di Parlimen Bagan Serai. Di Parlimen Bagan Serai, kita ada Pulau Orang Utan. Pernah dengar Pulau Orang Utan? Pernah dengar orang utan? Pernah tengok orang utan? Inilah satu-satunya tempat di Malaysia Barat yang ada pusat konservasi orang utan yang mana orang utan ini spesies terancam yang mempunyai DNA 97

peratus seperti manusia. Kira macam kita juga. Lebih kurang sama sahaja, 97 peratus. Dia pun cerdik. Dia boleh tahu kita, dia tengok kita macam-macam.

Akan tetapi, saya jemputlah semua untuk datang ke Pulau Orang Utan di Parlimen Bagan Serai. Ini kerana apabila dapat tengok- orang utan ini dia duduk atas pokok. Di Bagan Serai, kita memulakan sektor pelancongan ini pada tahun 2000 dan diasaskan di sebuah pulau 35 ekar. Seluas 15 ekar dijadikan tempat konservasi dan ditubuhkan satu buah yayasan dinamakan Yayasan Pulau Orang Utan Bukit Merah pada tahun 2008 yang mana pengkerusinya Tan Sri Dato' Dr. Haji Mustafa Kamal dengan perbelanjaannya yang hebat menghampiri RM7 juta. Bukan senang tetapi di sinilah sebuah tempat di mana orang boleh datang untuk beriadah, untuk berehat, untuk mempelajari, untuk mengkaji dan melihat bagaimana keistimewaannya.

#### ■1500

Kedudukan Bagan Serai ini cukup cantik tempat dia. Antara Utara dengan Selatan, di tepi *highway* sahaja. Kita turun di *highway*, turun di *interchange* umpamanya di Bukit Merah ataupun Kamunting ataupun Alor Pongsu sekarang ini, kita boleh pergi ke Pulau Orangutan.

Tuan Pengerusi, di sini orang utan diwujudkan pusat R&D, kajian, konservasi, pendidikan. Setakat ini, ada 24 orang utan di sana dan kalau kita pergi di sana, kita akan masuk terowong. Dulu terowong ini 200 meter, sekarang dah jadi 400 meter. Orang datang ramai. Jadi kita masuk pulau itu, kita akan duduk dalam terowong, orang utan akan tengok kita. Orang utan akan tengok kita. Orang utan berkeliaran di pulau itu, dia akan tengok, dia kata ini orang utan. Gamaknya, dia kata kita orang utan sebab kita dalam terowong. Jadi kita dapat melihat mereka bagaimana mereka berkeliaran dan sebagainya.

Di pulau ini, pembelajaran tentang spesies orang utan ini, setakat ini ada lebih 6,000 orang pelajar telah mendekati daripada 20 buah universiti dan praktikal dilakukan oleh banyak universiti. Sebutlah universiti *research*, Universiti UPM, USM, UKM, UMS, UMT, UMK semua menghantar pelajar-pelajar untuk membuat praktikal di sana, bagaimana mereka dapat menimba ilmu dan buat kertas kerja untuk *final year* umpamanya dan sebagainya.

Dalam bidang R&D ini, ada juga universiti contohnya UKM dan USM mengadakan pemerhatian PhD mereka di situ, *Masters* program mereka di situ. dalam satu kajian dinyatakan di sini, jumlah pelancong yang datang ini 80 peratus dari luar negara. Hanya 20 peratus dari dalam negara. Ini menunjukkan betapa orang kita minat kepada sesuatu perkara, untuk mendalami satu perkara, untuk mengetahui dalam satu perkara yang uniklah sebenarnya. Saya selalu kata unik, sebab apa, sudah begitu lama



tempat ini diwujudkan tetapi orang kita tak ramai. Orang kita datang untuk mandi-manda di *theme park* sahaja.

Jadi saya menyerulah supaya banyak lagi usaha-usaha promosi dilakukan. Hari ini ada satu *microbiology lab* yang terkini dengan peralatan yang canggih dan baru dan memang Yayasan Pulau Orang Utan menjemput pelajar-pelajar dalam dan luar negara untuk menyambung pembelajaran di sana.

Tuan Pengerusi, saya ingin bertanya kepada kementerian, apakah perancangan terhadap Pulau Orangutan ini pada masa akan datang? Apakah ada bentuk program aktiviti yang boleh dilakukan oleh kementerian bersama kerajaan negeri bagi mempromosikan lagi? Apakah inisiatif kementerian mengetengahkan mengenai peri pentingnya memelihara spesies terancam ini? Adakah kerajaan akan menggalakkan GLC lain umpamanya, syarikat-syarikat lain mengambil satu jenis spesies untuk dijadikan kajian dan kita menjadi ternama di dunia ini kerana kita mengkaji spesies yang terancam ini. Adakah perancangan kementerian dalam memperbanyakkan lagi serta mempelbagaikan lagi program *volunteer tourism* di Pulau ini dengan pihak GLC lain. Saya ingin bertanya kementerian sebab Yayasan ini telah hampir melebihi 10 tahun, bagaimanakah kerajaan membantu Yayasan ini untuk meneruskan usaha-usaha mengkaji dan meneruskan konservasi terhadap spesies orang utan ini?

Tuan Pengerusi, saya ingin juga mengemukakan satu lagi pembaharuan umpamanya pembangunan yang akan wujud di Parlimen Bagan Serai iaitu Bandar Technopolis Perdana. Ini perkara yang baru yang mana kerja-kerja tanah sudah bermula untuk membina jalan 1.8 kilometer daripada *interchange* Alor Pongsu ke Bandar Technopolis Perdana ini. Di sini idea yang telah disampaikan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar Perak pada satu ketika dulu iaitu mewujudkan universiti dan industri di mana universiti mengajar dan industri melatih mereka ini untuk persediaan memasuki alam pekerjaan. Jadi ini satu usaha yang penting yang mana dapat membawa pelajar-pelajar, dapat membawa ramai orang lagi kepada kawasan Parlimen Bagan Serai dari satu aspek *ecotourism*, dari sudut aspek pembangunan industri pelancongan, dari satu aspek pembangunan pembelajaran itu sendiri.

Jadi hari ini MK telah berusaha untuk mencari industri-industri berimpak tinggi untuk datang ke kawasan ini sama ada di dalam negeri atau luar negeri untuk bersama-sama dan juga kolaborasi di antara universiti-universiti di dalam negeri dan juga di luar negeri dan juga ada kolaborasi dengan Invest Perak dan juga MIDA. Ini satu *approach* yang saya katakan di sini untuk menarik industri sama ada untuk membeli tanah dan berusaha di situ ataupun untuk buat kerjasama bersama-sama dengan MK Land di situ.

Tuan Pengerusi, seperti yang saya katakan tadi, ekopelancongan satu perkara yang sangat penting dan boleh menarik ramai orang. Kita lihat di negara Malaysia ini di mana ada banyak ekopelancongan, itu yang terbaik. Saya ambil untung, yang paling untung orang Melakalah. Saya dengar ada perkataan kata, "*Going to Malacca is like going to Malaysia*", *something like that*, dengan izin, sebab di Melaka ada macam-macam. Tiga hari pun tak habis. Jadi bagaimana dengan tempat-tempat yang lain?

Saya bagi contoh, kerajaan patut beri tumpuan, kementerian patut beri tumpuan di tempat-tempat yang lain. Contohnya saya hendak sebut ini, Parlimen Bagan Serai. Datanglah tengok, promosi sama supaya ramai orang dapat datang sini supaya pembangunan pelancongan, *ecotourism* juga berjaya di kawasan Parlimen Bagan Serai dan rakyat dapat kerja...

**Datuk Rozman bin Isli [Labuan]:** Boleh, Yang Berhormat Bagan Serai.

**Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Rakyat dapat kerja, dapat menambahkan ekonomi.

**Datuk Rozman bin Isli [Labuan]:** Ya, Tuan Pengerusi.

**Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Ya, Yang Berhormat Labuan, silakan Yang Berhormat Labuan.

**Datuk Rozman bin Isli [Labuan]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Hebat Yang Berhormat Bagan Serai. Saya rasa apa yang telah dibuat oleh Yang Berhormat Bagan Serai selama ini memang satu buah benda yang perlu diberikan sokongan. Tak hairanlah hari itu Yang Berhormat Bagan Serai malah meminta untuk diadakan *airport* lagi di Bagan Serai ini sebab memang potensinya tinggi untuk pelancong-pelancong datang ke Bagan Serai dan Bagan Serai ini terletak di antara dua buah bandar yang sudah popular, Pulau Pinang dan Kuala Lumpur. Jadi saya hendak tanya, boleh tak Yang Berhormat Menteri untuk kita sokong sikit Bagan Serai ini. Hebat sangatlah Bagan Serai ini.

**Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Terima kasih Yang Berhormat Labuan. Yang Berhormat Labuan ini orang yang berfikiran jauh, dia ada visi. Dia nampak jauh itu, dia nampak Bagan Serai boleh berkembang. *Alhamdulillah*, terima kasih kepada kerajaan dengan adanya *interchange* yang baru di Alor Pongsu, maka kita harap ada pembangunan ekonomi akan lebih bersemarak, lebih rancak lagi, dapat memberikan kebaikan lagi kepada rakyat di Parlimen Bagan Serai. Terima kasih Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi:** Sila Yang Berhormat Kuala Krai.

**3.06 ptg.**

**Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin mengemukakan sedikit pandanganlah kepada kementerian ini dan terima kasih Yang Berhormat Menteri kerana sudi menunggu, berada di dalam Dewan. Dia tengah cutilah itu.

Saya ingin menyentuh mengenai program 8 kementerian iaitu Warisan Negara. Kalau kita pergi keluar negara, kunjungan lawatan-lawatan *tourism* kita, saya pernah ke Kosovo dan ditunjukkan satu *tunnel* di Pristina yang kecil sahaja *tunnel*-nya, berapa ratus meter sahaja, kecil. Menarik tetapi menjadi kunjungan pelawat-pelawat yang begitu ramai. Jadi bila sahabat kita di Pristina itu bertanya kepada saya, di Malaysia adakah gua-gua atau *caves* macam ini? Kecil sahaja, kita terpaksa tunduk berjalan itu. saya kata di Malaysia, kita ada gua yang boleh mengisi tiga buah Boeing 747 dalamnya. Jadi dia pun terkejut.

Maksud saya ini, walaupun kecil tetapi ia menarik minat pengunjung-pengunjung kerana ia merupakan *tunnel* yang digunakan pada satu ketika pada zaman perang mereka. Bagi kita, saya rasa kita banyak *tunnel* yang boleh kita jadikan tempat-tempat lawatan. Kita dimaklumkan di Sungai Lembing misalnya, kita ada lombong-lombong tinggal yang merupakan antara *tunnel* yang paling dalam yang boleh kalau disusun, diatur, diperbaiki, dibuatkan ciri-ciri keselamatannya akan menarik minat bahawa ini satu buah industri pernah berlaku di Sungai Lembing yang begitu hebat. Mungkin juga di Bukit Besi di Terengganu yang mempunyai kesan-kesan industri perlombongan yang boleh dijadikan tempat-tempat menarik.

Walaupun tempat-tempat ini jauh dari bandar-bandar besar tetapi mereka mempunyai jalan-jalan hubungan yang baru seperti lebuh raya Pantai Timur yang kalau diiklankan sebagai tempat-tempat *tourism*, ia akan menarik minat. Itu walaupun bukannya warisan tetapi tempat-tempat peninggalan yang boleh kita rekodkan sebagai tempat-tempat yang menarik. Apa yang saya hendak sentuh sebenarnya mengenai program untuk menyelamatkan warisan-warisan negara khususnya sekolah-sekolah.

Kita ada sekolah seperti *Malay College Kuala Kangsar*, bangunannya menarik. Memang pun dalam perhatian kementerian. Di sebelahnya kita ada satu buah sekolah yang juga sama umur, malah lebih tua daripada MCKK iaitu Clifford Kuala Kangsar, Sekolah Menengah Clifford juga mempunyai bangunan-bangunan yang lama yang ada nilai-nilai sejarahnya.

**■1510**

Kalau kita ke Pulau Pinang, mungkin *Penang Free School*, kalau kita ke Alor Setar, di sana ada *Sultan Abdul Hamid College* yang juga mempunyai struktur-struktur

bangunan yang kuat, yang masih cantik yang perlu dilindungi. Kalau kita ke Kota Bharu, SIC iaitu *Sultan Ismail College*, mungkin saya tertinggal Parit Buntar. Ada sekolah, kah? Sila.

**Dato' Dr. Mujahid bin Yusof Rawa [Parit Buntar]:** Saya minta laluan. Ini sebenarnya soalan yang saya hendak ajukan tetapi sudah Yang Berhormat Kuala Krai sudah sebut, Yang Berhormat. Disebut *Penang Free School*. Saya kebetulan *Old Frees* dan baru ini baru menyambut 200 tahun. Saya kira itu sekolah yang tertua. Jadi saya ingin sebagai *Old Frees*, bukan sebagai Ahli Parlimen. Sebagai *Old Frees* juga, saya juga ingin tahu sejauh manakah usaha kerajaan untuk menjadikan bangunan *Penang Free School* sebagai bangunan warisan yang boleh dianggap sebagai paling unik di negara ini kerana dia merupakan sekolah yang tertua iaitu 200 tahun. Bukan sahaja di Malaysia tetapi juga di seluruh Asia Tenggara. Jadi saya mohon ada satu tindakan yang diambil sebagai *Old Frees*. Terima kasih.

**Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka]:** Yang Berhormat Kuala Krai.

**Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]:** Terima kasih Yang Berhormat Parit Buntar.

**Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka]:** Yang Berhormat Kuala Krai.

**Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]:** Sekejap. Jawapannya sedikit sahaja. Kalau saya Menteri, 10 tahun yang lalu...

**Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka]:** Bukan, ada berkaitan, ada berkaitan. Sama juga.

**Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]:** Ya, ya. Kalau saya Menteri, 10 tahun yang lalu saya sudah masukkan senarai *Old Frees*.

**Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka]:** Bolehkah?

**Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]:** Sila, sila.

**Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Terima kasih Yang Berhormat Kuala Krai. *Melaka High School* iaitu kedua. *Penang Free School* yang paling tua dan Melaka yang kedua. Harap masukkan dalam senarai sekolah-sekolah yang perlu dipertahankan. Terima kasih.

**Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]:** Ya, terima kasih Yang Berhormat Kota Melaka. Saya sebenarnya hendak *round* seluruh negara. Baru tiba Alor Setar ke Kota Bharu, ke SIC. Kemudian kalau kita tengok di Pahang kita ada *Clifford School* juga ya. Bangunan-bangunan lama. Di Johor Bahru kita ada *English College*. Di Melaka, ada *Melaka High School* dan juga KGV. Kemudian kita ada di Kuala Lumpur tentulah ada *Victorian Institution*, *St. John Institution* dan banyak sekolah yang lain. Juga sekolah-sekolah ataupun bangunan di Tanjung Malim. SITC satu ketika yang merupakan satu

buah bangunan ikonik. Jadi apa usaha kementerian untuk memastikan bangunan-bangunan sekolah ini *dipreserve*. Pembangunan boleh dilakukan di sekeliling. Di sisi-sisi, di depan, di belakang tetapi bangunan-bangunan induk yang menjadi ikonik struktur ini perlu kita *preserve*kan.

Selain daripada itu, saya juga ingin bertanya. Kita bercakap tentang sekolah. Di beberapa buah tempat di Balkan sekarang ini, orang sudah mula menziarahi semula pondok-pondok ataupun sekolah-sekolah agama zaman kemasyhuran *Sufisme*. Mereka ada tempat-tempat itu dan dibawa pelancong-pelancong untuk melawat dan menimbulkan balik kenangan-kenangan dan juga semangat. Jadi, bagaimanakah tentang kita di Malaysia ini?

Apa perancangan kementerian untuk memastikan pondok-pondok atau sekolah-sekolah agama yang lama yang ada di Malaysia ini baik di Kelantan mungkin di Kedah yang boleh dikenal pasti dan dijadikan juga tempat-tempat yang perlu dijaga sebagai warisan, diiklankan sebagai pusat-pusat dan gedung-gedung ilmu yang telah membina sejarahnya sendiri dan memberikan sumbangan kepada pembangunan agama di negara kita ini. Mungkin tempat-tempat ini ada supaya kita dapat majukan dan diperkenalkan kepada dunia.

**Dr. Izani bin Husin [Pengkalan Chepa]:** Yang Berhormat Kuala Krai, minta laluan.

**Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]:** Ya, sila.

**Dr. Izani bin Husin [Pengkalan Chepa]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Yang Berhormat Kuala Krai, di Kelantan selain daripada tempat-tempat peranginan air terjun, budaya, makanan yang baik, di sana ada pondok-pondok pengajian Islam yang lama seperti Pondok Pasir Tumbuh, Sungai Durian, Lubuk Tapas dan lain-lain. Ini bagi membolehkan orang ramai tahu bagaimana Islam berkembang di Kelantan. Adakah Yang Berhormat Kuala Krai bersetuju bahawa Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan sepatutnya meningkatkan atau memperkenalkan pelancongan Islam di pondok-pondok ini dan seterusnya boleh membina pondok-pondok *homestay* di beberapa buah pondok ini sebagai tarikan kepada pelancongan Islam di Kelantan. Terima kasih.

**Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]:** Ya, terima kasih Yang Berhormat Pengkalan Chepa. Itu yang saya maksudkan dalam sebutan yang saya buat tadi mengenai sistem pendidikan pondok yang terkenal. Saya pun tahu di sesetengah pondok sudah ada *guesthousenya*, rumah-rumah tetamu yang memberikan ruang kepada pengunjung-pengunjung. Bukan sekadar keluarga, orang yang duduk di pondok tetapi pelancong-pelancong juga untuk menikmati suasana tenang, hening di kawasan-

kawasan menimba ilmu ini. Jadi kalau ia boleh di *mainstreamkan* di dalam *info* ataupun maklumat kementerian ini, saya pasti orang yang mencari maklumat ini di seluruh dunia akan terjumpa dan akan lebih mudah.

Macam kita juga kalau hendak mencari tempat-tempat tinggal yang bukan hotel, yang bukan *homestay* tetapi dalam *Airbnb* ada. Jadi ini semua adalah maklumat-maklumat yang saya rasa sangat penting dan sangat berguna kepada negara kita dan akan menambahkan masyhur negara kita dari sudut yang berlainan daripada biasa iaitu ikon-ikon moden tetapi kita juga prihatin dan berminat kepada ikonik-ikonik *structures* yang berusia tetapi masih cantik dan masih membawa sejarah yang manis kepada negara kita. Sekian, terima kasih, Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat Labuan.

### 3.16 ptg.

**Datuk Rozman bin Isli [Labuan]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin mengambil kesempatan di sini untuk mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih kepada Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan yang telah banyak membantu kawasan saya, Labuan selama ini dalam mencuba untuk mengurangkan kesan penurunan aktiviti ekonomi disebabkan oleh merudumnya minyak dan gas. Saya merasakan kementerian ini perlu diberikan bajet yang lebih besar tetapi sedih juga tengok ia dikurangkan sebab dalam keadaan global sekarang, saya lihat industri inilah yang boleh dan berpotensi untuk dikembangkan dan seterusnya dapat membantu ekonomi negara.

Saya terus kepada Butiran 45100 – Naik Taraf Muzium sebab di Labuan sekarang ini sebenarnya kita sudah menerima ramai pelancong terutamanya pelancong daripada China yang sudah melimpah daripada Kota Kinabalu dan datang ke Labuan. Kita juga mencuba untuk mendapatkan *direct flight* tempahan, *chartered flight* tetapi selama ini mendapat cabaran dengan susahnyanya untuk mendapat kelulusan oleh syarikat-syarikat *chartered flight* yang baru. Macam mana pun kita terus berusaha untuk mendapatkan mungkin *airline-airline* dari luar negara yang kita jangkakan akan bermula awal tahun hadapan.

Dengan sebab itulah sebenarnya Labuan kena bersedia untuk memastikan kita mempunyai produk-produk yang cukup. Memang daripada komen selama ini pelancong-pelancong terutamanya daripada China ini sangat suka dengan Labuan dengan keadaan yang begitu aman, bersih, teratur dan mempunyai banyak tarikan-tarikan selain daripada makanan, *seafoodnya* dan sebagainya. Ia juga mempunyai beberapa buah muzium.

Jadi Butiran 45100 – Ubahsuai dan Naiktaraf Muzium.

Kita ada beberapa buah muzium di Labuan. Muzium Marin, Muzium Labuan dan juga Muzium Chimney. Kami merasakan Muzium Labuan itu perlu dibesarkan ataupun diganti bangunannya supaya kita boleh membuatnya sebuah produk yang akan dapat menjadi tempat untuk dilawati oleh pelancong-pelancong China yang bakal datang ke Labuan dengan ramainya dan juga Muzium Marin. Muzium Marin kita perlukan penambahbaikan daripada segi ikan-ikannya. Saya difahamkan rangka ataupun tulang ikan paus yang besar itu akan dipindahkan dari Labuan ke muzium yang lain. Sudah tentu ia akan mengurangkan lagi tarikan sebab ia adalah satu yang ikonik di muzium itu sebenarnya. Saya berharap, keputusan itu dipertimbangkan semula kalau sekiranya betul ia akan dipindahkan.

#### ■1520

Selain daripada itu juga, Labuan kita mempunyai beberapa buah tempat bersejarah yang kita perlukan perhatian ataupun bajet untuk bantu kita dalam penyelenggaraan dan seterusnya dalam *events* yang kita adakan seperti di *Memorial Park*. *Memorial Park* satu buah tanah persemadian hero-hero perang *World War II* yang saya difahamkan adalah yang terbesar di Asia Tenggara di mana kita adakan setiap tahun *Remembrance Day* yang kita adakan baru-baru ini yang cukup berjaya. *Alhamdulillah*. Kami rasakan ini boleh diperbesarkan lagi. Jadi kita berharap akan dikenal pastikan ia sebagai satu *event* yang boleh diperbesarkan, yang boleh melibatkan banyak lagi negara Komanwel untuk bersama.

Selain daripada itu, kita juga ada *Surrender Point*. *Surrender Point* ini lebih sebenarnya kerjasama dengan Jepun di mana Jepun *surrender* untuk Borneo dulu di *Surrender Point*. Untuk pengetahuan semua, sebenarnya General Douglas MacArthur pun ada turun ke Labuan semasa *surrender* tersebut. Kita rasakan kita boleh adakan lagi satu *event* yang berkaitan dengan *Surrender Point* ini ataupun kita sekaligus dengan *Remembrance Day* tersebut.

Satu lagi peninggalan British juga *Botanical Garden* yang mana baru-baru ini kita lancarkan satu program men-*identify*-kan tapak asal Rumah Bumbung 12. Rumah Bumbung 12 ini rumah Kerajaan British di mana Residen Labuan dahulu berada. Kita difahamkan pada waktu itu ia adalah di antara bangunan kerajaan yang paling gemilang di rantau Asia Tenggara. Untuk pengetahuan juga, sebenarnya Residen pertama Labuan James Brooke. Sebelum dia menjadi raja di Sarawak, sebenarnya dia Residen ke Labuan. Lawatan beliau ke Palawan membuatkan sebuah bandar ataupun *city* di Palawan dinamakan atas nama beliau iaitu namanya *Brooke's Point*. Ini sebenarnya ia ada kaitan dengan Labuan dan dia *very historical*, dengan izin.

Jadi saya harap Rumah Bumbung 12 ini dapat diberi sokongan dengan memberikan bajet untuk kita dirikan semula dengan bentuk dan saiz yang sama supaya ia boleh menjadi dan menambah lagi produk di Labuan untuk memastikan kedatangan pelancong-pelancong yang akan datang ke Labuan akan mendapat produk yang cukup untuk mereka lawati.

Selain daripada itu juga dan ini saya rasa ada kaitannya dengan warisan di butiran Warisan Negara di mana Butiran 080100 di mana walaupun mungkin bangunan tidak banyak lagi tertinggal di Labuan selepas Perang Dunia Kedua tetapi kita ada empat *rack* yang tenggelam yang sebenarnya dikatakan adalah di antara *rack diving site* yang terbaik di rantau ini. Saya rasa kita perlu beri perhatian untuk *preserve rack* ini. Oleh sebab untuk pengetahuan Dewan dan Tuan Pengerusi, salah satu *rack* tersebut itu selalu diselam dan di-*vandalize* sebab mungkin kualiti besinya dan tebal besinya yang baik itu membuatkan ia dicuri untuk dijadikan ataupun untuk dijual sebagai *scrap iron*. Jadi kita perlukan sebenarnya *protection* untuk memastikan ia terus menjadi pusat tarikan kepada *divers*.

Selain daripada itu Labuan banyak lagi yang perlu kita berikan perhatian untuk kita mempertingkatkan produk. Saya sebutkan dengan cepat, di Labuan kita pulau yang *flat*, yang udaranya bersih. Jadi sebenarnya sangat sesuai untuk dijadikan tempat berbasikal selain ia akan menyumbang kepada program *low carbon* kita juga yang akan menjadikan ia menarik untuk pelancong. Jadi *bicycle track* dan juga yang kita panggil *walking trail* yang kita ingin adakan di Labuan iaitu kita difahamkan sekarang ini yang diminati juga adalah *long walking trail* sebagai produk di mana Labuan kita boleh buat di sekeliling Labuan supaya ia akan mendapat sambutan seperti yang diadakan di Jeju Island.

Tadi dengar ada beberapa buah produk yang boleh di-*promote* yang dikatakan pelancongan Islam ataupun *Islamic Tourism*. Sebenarnya, di Labuan kita ada satu makam ulama yang kita panggil makam Tuanku Syarif Kedah yang mana ia sudah pun mendapat pengunjung setiap tahun dan sentiasa dikunjungi oleh orang-orang yang datang dari Brunei, Limbang, Lawas, Sipitang dan di rantau Teluk Brunei dan juga dari *Singapore* kadang-kadang yang mana ia satu buah tempat yang perlu kita perbaiki sebab ia dalam keadaan yang begitu menyedihkan. Padahal, ia tempat yang dikunjungi ramai termasuk sebenarnya Sultan Brunei yang sebelum ini pun pernah datang mengunjungi tempat tersebut.

Lagi satu kita ada Pulau Daat yang sekarang ini adalah *for sale* yang dulu diluluskan untuk perlombongan minyak dan gas. Saya berharap ia akan dibangunkan sebagai tempat pelancongan seperti Sentosa Island di *Singapore* sebab ia berada betul-



betul dekat dengan bandar Labuan dengan keluasan 600 lebih ekar. Sayang kalau kita tidak bangunkan ia sebagai pusat pelancongan.

Terima kasih Tuan Pengerusi. Masa pun sudah habis. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat Bachok. Jarang saya dengar Yang Berhormat Bachok berhujah. Sila.

### 3.17 ptg.

**Tuan Ahmad Marzuk bin Shaary [Bachok]:** *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Terima kasih Tuan Pengerusi kerana memberi ruang kepada saya untuk mengambil bahagian berbahas sama dalam Jawatankuasa Kementerian Pelancongan ini.

Saya ingin bahaskan Butiran 020000 – Pelancongan; dan juga Butiran 030000 – Kebudayaan; dan Butiran 080000 – Warisan Negara.

Pertama sekali, saya memuji usaha Kerajaan Persekutuan dan juga Kerajaan Negeri Kelantan dalam membina Projek Kampung Warisan di Kampung Laut yang bernilai RM55 juta yang bakal memperkayakan lagi warisan kebudayaan negeri Kelantan dan pemangkin kepada sektor pelancongan. Saya cadangkan Projek Kampung Warisan ini, Kampung Laut sebagai Projek Kampung Warisan ini menitikberatkan soal pola pembinaan Masjid Kampung Laut. Dr. Azhar Ibrahim, seorang penyelidik kebudayaan dari Universiti Nasional Singapura pernah mengkritik pola untuk bentuk pembinaan di Kelantan yang kurang mengikut seni bina reka bentuk Masjid Kampung Laut. Saya ingin juga bertanya kepada kementerian, berapakah jumlah pekerjaan dan perniagaan yang bakal diperoleh rakyat Kelantan daripada Projek Kampung Warisan ini? Begitu juga, berapakah jumlah anggaran pelancong yang akan datang apabila projek ini siap satu masa nanti?

Saya juga ingin cadangkan supaya Taman Tema Al-Quran dimasukkan dalam komponen Kampung Warisan ini. Ini kerana menurut sejarah Kelantan, adalah antara negeri yang terawal menerima kemasukan Islam di Semenanjung ini ialah negeri Kelantan. Ia juga pernah menjadi pusat pengajian Islam di Nusantara, Kelantan ini. Idea Taman Tema Al-Quran ini saya pernah lontarkan satu ketika dahulu dalam Dewan ini pada ketika membahaskan Bajet 2015 dan ia mendapat sambutan yang sangat baik, publisitinya di laman sosial dan juga saya dihubungi oleh pihak tertentu bagaimana untuk meneruskan hasrat tentang projek Taman Tema Al-Quran ini. Barangkali ia satu perkara yang sangat baru dan sangat sukar untuk dilaksanakan secara sepenuhnya.

Saya mencadangkan kepada kementerian supaya mengambil jujuk tertentu. Sebagai contoh, saya pernah nyatakan dan pihak Menteri pernah *offer* kepada saya

untuk pergi membawa tempat yang ada taman tema tumbuh-tumbuhan dalam Al-Quran yang ada di Dubai. Sehingga sekarang Menteri tidak bawa lagi saya pergi ke sana.

■1530

So, saya masih menuntut janjiilah. Kita boleh pergi tengok bagaimana tumbuh-tumbuhan yang ada dalam Al-Quran diletakkan pada satu tamandan ia menjadi tarikan pelancong yang sangat menarik di sana. Jadi kalau boleh dimasukkan juga taman tema Al-Quran dan dimulakan dengan Taman Tema Tumbuh-tumbuhan yang ada dalam Al-Quran seperti anggur, buah delima, bermacam-macam, zaitun, tin dan sebagainya. Ini satu perkara yang belum lagi dilaksanakan dalam negara kita. Saya yakin ia boleh menarik pelancong khususnya dalam konteks Pelancongan Islam.

Saya juga ingin bertanya, adakah Kelantan tidak dijadikan destinasi utama bagipakej-pakej dan Pelancongan Islam? Sebab tidak nampak secara jelas. Kawasan saya, Bachok ini, disebut sebagai bandar Pelancongan Islam. Kalau boleh pihak kementerian memberi tumpuan dengan kekuatan bajet yang ada ini untuk menambah nilai lagi apa yang ada di kawasan saya, Bachok itu. Kemudian, apakah program-program dan jumlah peruntukan yang disediakan bagi pakej dan produk Pelancongan Islam ini?

Saya juga pernah mencadangkan satu ketika dahulu, sebagaimana ada di Mesir, di Iskandariah untuk dilaksanakan, *ladies friendly beach*, dengan izin, iaitu pantai yang mesra wanita kerana pelancong Islam daripada Timur Tengah ini yang kebiasaannya mereka berhijab, datang ke negara kita, mereka juga nakmengambil kesempatan untuk mandi-manda di pantai tetapi sehingga setakat hari ini, belum lagi ada sebagaimana di Mesir, satu buah pantai yang khusus untuk wanita dan mesra kepada wanita. Barangkali mereka masuk ke situ dengan rasa lebih menjaga aurat mereka dan sangat berjaya apabila dilaksanakan di Mesir. Boleh dirujuk pada Pantai Marina di Mesir yang juga saya pernah sebut dalam Dewan ini.

Kemudian, saya juga ingin menyebut tentang aspek sejarah yang dilupakan juga iaitu tentang kedatangan Islam ke Semenanjung oleh Sayyid Hussain Jamadil Kubra yang tidak begitu diambil berat oleh Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan. Barangkali kita boleh menumpukan tentang aspek sejarah bagaimana kemasukan Islam ke Semenanjung ini yang sumbangan besarnya oleh Sayyid Hussain Jamadil Kubra. Kemudian, saya juga mengambil contoh bagaimana Danau Tok Uban telah didirikan Masjid Sultan Brunei sebagai simbol kepada hubung kait peristiwa bersejarah ini.

Tuan Pengerusi, saya juga ingin menyentuh Butiran 150200 – Program Kursus Emolumen kepada Kakitangan Kontrak.

Soalan saya, kenapa perlu ditambah RM1,717,500 iaitu hampir RM2 juta untuk perbelanjaan kakitangan kontrak yang masuk dalam bajet Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan pada kali ini.

Kenapa pula diadakan Butiran 160100 – Perluasan Program Dasar Sedia Ada iaitu peruntukan baru sebanyak RM9,446,200 di mana RM6,036,600 adalah yang berkaitan dengan pertambahan kepada emolumen.

Lebih mendukacitakan pada pandangan saya, peruntukan yang memberi manfaat kepada rakyat seperti Butiran 02800 – Program Peningkatan Kemudahan *Homestay* dipotong daripada RM650,000 kepada hanya RM500,000. Saya mohon penjelasan daripada pihak kementerian terhadap pemotongan dan kewajaran pemotongan ini.

Saya juga ingin menarik perhatian kepada Butiran 40600 – Program Pemuliharaan/Pemugaran Tinggalan Sejarah yang berjumlah RM27 juta yang meningkat tiga kali ganda daripada peruntukan asal. Apakah peruntukan khusus untuk kawasan saya di Bachok dan Kelantan secara umumnya?...

**Dr. Izani bin Husin [Pengkalan Chepa]:** Yang Berhormat Bachok, sedikit...

**Tuan Ahmad Marzuk bin Shaary [Bachok]:** Ya.

**Dr. Izani bin Husin [Pengkalan Chepa]:** Tuan Pengerusi, Yang Berhormat Bachok menyebut tinggalan sejarah. Di kawasan Pengkalan Chepa terutamanya di Pantai Sabak., Pantai Kuala Pak Amat, di sana tempat asal, di mana tempat Jepun mendarat. Di sana banyak tugu untuk mempertahankan negeri yang telah- hasil daripada hakisan itu telah masuk ke dalam laut. Apakah Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan boleh mengadakan bentuk replika pertahanan kubu-kubu tadi dan juga dimasukkan fakta-fakta sejarah yang berkaitan dengan perkara tersebut?

**Tuan Ahmad Marzuk bin Shaary [Bachok]:** Ya, saya bersetuju kerana di pesisir pantai di Kelantan ini banyak kesan peninggalan sejarah yang masih lagi utuh. Kubu-kubu yang dibina sewaktu Perang Dunia Kedua itu masih lagi boleh kita lihat di beberapa buah lokasi dan ia terbiar. Saya tidak tahulah sama ada dengan cakap-cakap kata berhantu kah, apakah?

Jadi kalau Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan ambil alih, paling tak ada, boleh buat tempat untuk bagaimana melihat perjuangan orang dulu-dulu dalam mempertahankan tanah air.

Kemudian, saya juga ingin mencadangkan usaha yang lebih serius bagi mengumpulkan kembali dan memelihara koleksi kitab-kitab lama. Koleksi tuan-tuan guru pondok yang kian musnah akibat banjir besar yang melanda Kelantan tahun 2014. Banyak juga sekolah pondok yang kita lihat dalam semenjak, dua menjak ini, yang

terbakar menyebabkan hilang warisan-warisan, kitab-kitab tulisan, yang kita bimbang satu ketika nanti ia terus hilang daripada pengajian di pondok-pondok.

Saya juga ingin mencadangkan ia juga diguna pakai bagi memelihara kota purba. Peruntukan yang ada ini diguna pakai untuk memelihara kota purba di Gunung Cinta Wangsa.

Bagi memelihara kesan sejarah di sepanjang Sungai Kelantan, saya ingin bertanya, tapak sejarah yang bakal musnah, banyak mana akibat daripada pembinaan Empangan Lebir dan juga Nenggiri yang dalam proses Rancangan Malaysia dan juga dalam bajet kita pada kali ini. Kita bimbang dengan pembinaan Empangan Lebir dan Nenggiri ini, banyak memusnahkan kesan-kesan sejarah yang ada di pesisir sungai.

Terakhir, apakah usaha kerajaan dalam memelihara warisan sejarah yang bakal musnah ini? Apakah sudah dalam perancangan pihak kementerian untuk mengekalkan warisan sejarah ini dan keasliannya? Sekian terima kasih, Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi:** Sila, Yang Berhormat.

### **3.37 ptg.**

**Tuan Haji Ahmad Lai bin Bujang [Sibuti]:** *Bismillaahir Rahmaanir Rahiim.* Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya juga ingin berbahas di Peringkat Jawatankuasa Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan.

Butiran 020000 – Pelancongan; dan Butiran 020500 Pembangunan Prasarana.

Tuan Pengerusi, dengan keadaan nilai Ringgit kita yang sudah menurun, boleh dikatakan kemasukan pelancong ke Malaysia semakin bertambah seperti di kawasan saya, di Miri dan di Sibuti yang mempunyai tarikan pelancong selain daripada menawarkan pelancongan yang murah, sekali gus dapat memberi pendapatan kepada rakyat yang menjalankan aktiviti sampingan seperti jualan makanan, menawarkan perkhidmatan sebagai pemandu pelancong. Saya ingin memberi contoh satu, dua buah tempat yang termasyhur di Sarawak.

Katakan di Kuching, Taman Budaya Negeri Sarawak dan juga baru-baru ini mengadakan pesta *Dragon Boat Festival* yang baru dilakukan dua, tiga hari yang lalu. Di Miri juga ada *Yacht Club* dan '*Grand Old Lady*' *Well Oil, No 1*, dengan izin. Ketiga, *Lambir Waterfall* yang cantik menawan. Keempat, *Mulu Caves* dan *Wind Caves* di Baram. Di kawasan saya, *Niah Caves*, *oldest caves* in Sarawak dan lain-lain lagi. Ini kawasan pelancongan di Sarawak. Sebab itulah kita mohon kepada Yang Berhormat Menteri Pelancongan dan Kebudayaan dan juga kepada Timbalannya, supaya memohon *direct flight* dari China dan Hong Kong, *direct* ke Miri supaya pelancongan dapat dijalankan dengan baiknyanya.

Seperti di Parlimen Miri dan Sibuti, keunikan kawasan Pantai Tusan, Pantai Bungai, menawarkan aktiviti pelancongan hujung minggu dan mulai menjadi tarikan riadah seperti *Ultra Beach Run* dan penerokaan sektor hakisan tebing yang membentuk kepala kuda atau pun dipanggil *Drinking Horse*. Ini menjadi tarikan yang begitu hebat kepada pelancong tempatan dan pelancong yang datang dari luar.

■1540

Tuan Pengerusi, saya juga ingin memohon kepada pihak kementerian supaya kita membuat papan-papan tanda seperti yang kita lihat di luar negara. Contohnya di Amsterdam yang mengatakan "*I am Amsterdam*". Apakah salahnya jika kita buat papan tanda ini di seluruh negara kita, "*I am now in Kuala Lumpur, I'm now in KLCC*". Lebih kurang macam itu. Boleh juga dibuat kepada kawasan saya, "*I am now at Tanjung Bunga*" dan sebagainya.

Butiran 150300 – Perpustakaan Desa.

Bagi meningkatkan memberi peluang kepada anak-anak luar bandar, mendapat perkhidmatan perpustakaan di luar bandar saya merasakan hal ini tidak begitu memuaskan. Selain menyediakan perpustakaan desa, saya ingin mencadangkan agar konsep perpustakaan ini diperluas lebih banyak lagi di kawasan rumah-rumah panjang dan kawasan-kawasan di luar pesisir bandar.

Ini kerana jika kita untuk meminjam buku kepada kawasan bandar, ia memakan masa dan jauh. Kalau ada kenderaan bergerak membawa buku-buku ini ke kawasan rumah panjang dan perpustakaan yang di luar pesisir bandar, saya rasa banyak lagi anak-anak kita yang berminat untuk membaca buku. Saya amat yakin bahan-bahan bacaan kepada anak-anak pendalaman dan luar bandar hanya terhad bacaan di sekolah tetapi tidak ada lah peluang menikmati buku-buku yang boleh disediakan oleh perpustakaan. Saya mencadangkan agar perpustakaan ini menggunakan konsep *cabin library* yang boleh- lebih murah dibina dan diperbanyakkan di kawasan luar bandar seperti kawasan saya Sibuti. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat Seputeh.

**3.43 ptg.**

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya hendak rujuk kepada Butiran 110000 – Lembaga Penggalakan Pelancongan Malaysia; dan juga Butiran 040000 – Pengurusan.

Tuan Pengerusi, apabila saya baca Butiran dalam dan juga angka-angka dalam bajet untuk Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan, saya rasa hairan yang jumlah peruntukan kepada kementerian ini telah pun jatuh daripada RM973,166,000 kepada

RM785,830,000 yang pengurangan sebanyak RM187 juta. Saya rasa hairan satu kementerian yang di mana bajetnya dipotong dengan begitu banyak, begitu drastik, sedangkan apabila kita lihat nilai mata wang Ringgit kita ini telah turun begitu banyak. Ini waktu yang paling baik bagi kerajaan untuk mempromosikan pelancongan di Malaysia.

Ini kerana pelancong asing akan mendapati yang benda-benda yang dijual dan juga kos pelancongan di Malaysia ini akan jadi lebih murah. Ini juga bermaksud yang Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan sebenarnya perlu diberi lebih peruntukan bagi mereka untuk menjalankan promosi di merata-rata tempat di dunia ini. Akan tetapi kesianlah kepada Yang Berhormat Menteri Pelancongan, *his stands are tight*.

Tuan Pengerusi, yang saya mesti juga memuji Yang Berhormat Menteri Pelancongan dan Kebudayaan walaupun Menteri Barisan Nasional, apabila pembangkang puji mereka, mereka rasa bimbang tetapi puji, pujilah. Ini kerana yang hari ini saya baca di *Malay Mail Online* yang semalam- Yang Berhormat Menteri berkata, dengan izin, *“Mass protests like BERSIH 5 is proof that Malaysia practices a healthy democracy that will boost tourism and it is a good advertisement for Malaysia. We ensured that we allow for a peaceful rally even if it is against the law”*. Juga, *“The rally itself is peaceful and gives me confidence that we can hold many more”*.

So, sebenarnya semua ini kenyataan yang cerdik daripada pihak Menteri. Saya hanya ingin menyeru yang Menteri-menteri lain di Kabinet kita ini belajar daripada Menteri Pelancongan dan Kebudayaan ini... [*Tepuk*] Supaya mereka mempunyai fikiran yang terbuka terhadap himpunan seperti BERSIH. Jangan minta polis pergi *block* jalan sana-sini sehingga bas tidak boleh masuk, kereta tidak boleh masuk. Jangan bagi pelbagai ugutan, dan tangkap kita masuk lokap sehari sebelum himpunan BERSIH.

Kesian kepada yang Pengerusi Bersih Puan Maria Chin Abdullah itu, sekarang beliau ditahan di bawah SOSMA. Kita tahu SOSMA adalah untuk *terrorist* dan dia bukan *terrorist*. Orang yang kata hendak adakan berlumuran darah dan keganasan itu, yang baju merah itu tidak diambil- hanya ditangkap, ditahan empat hari sahaja, tetapi Puan Maria Chin seorang wanita, seorang *single mother* dan terpaksa ditahan di bawah SOSMA dan sekurang-kurangnya 28 hari.

Di mana kerajaan apabila SOSMA diluluskan di Dewan yang mulia ini, kerajaan yang Timbalan Menteri- Perdana Menteri itu pernah janji ia tidak akan digunakan terhadap ahli politik dan juga aktivis-aktivis. Akan tetapi sekarang kita lihat janji ini telah pun dimungkiri oleh pihak kerajaan. Saya hendak- apabila saya puji kepada, puji Yang Berhormat Menteri Pelancongan dan Kebudayaan, saya juga hendak minta Yang Berhormat Menteri Pelancongan dan Kebudayaan ini haruslah juga kongsi pandangan yang terbukanya, fikirannya kepada IGP, kepada Timbalan Menteri, Menteri

Dalam Negeri dan Menteri-Menteri yang lain. Supaya kita ada satu kenyataan yang selaras di antara mereka, supaya kenyataan dibuat oleh mereka itu tidak memalukan Malaysia di media antarabangsa.

Tuan Pengerusi, saya juga baca hari ini yang mana Yang Berhormat Menteri pergi mengadakan- buat ucapan di satu *Inaugural Bangladesh Global Summit* yang mana beliau berkata, dia akan mempromosi Malaysia sebagai *second home for the Bangladeshi*. Jadi kami pun rasa hairan, kenapakah sekarang yang kerajaan hendak menyasarkan *Bangladeshi* untuk datang ke Malaysia jadikan *second home*?

Saya ingat kita sudah ada ramai pekerja *Bangladeshi* di negara kita ini. Adakah mereka sasaran yang betul bagi kementerian untuk membuat kenyataan? *Welcome Bangladeshi from all around the world, to make Malaysia as a second home*. Jadi saya mungkin hendak minta Yang Berhormat Menteri Pelancongan dan Kebudayaan mungkin boleh memberi lebih penjelasan tentang kenyataan dibuat oleh beliau semalam itu.

Tuan Pengerusi, saya juga hendak tanya tentang- bila peruntukan untuk pengurusan bagi kementerian itu telah pun juga dikurangkan sebanyak RM81 juta iaitu di bawah Butiran 040000.

Saya rasa kesianlah kerana peruntukan untuk pengurusan juga dipotong begitu banyak, dan saya juga pernah baca tentang Yang Berhormat Menteri kata, "Kementerian akan mengenakan bayaran ataupun cukai terhadap hotel". Setiap pelancong yang masuk duduk di hotel kita itu, kementerian akan pungut cukai beberapa Ringgit. Bolehkan Yang Berhormat Menteri mungkin beri lebih penjelasan tentang ini? Adakah ia akan dikuatkuasakan pada tahun depan, atau bilakah ia akan dikuatkuasakan? *What is the latest decision* berkenaan dengan ini?

■1550

Satu lagi tentang Parlimen kita bila kita pergi ke Australia, bangunan Parlimen di Canberra ia satu buah tapak pelancongan. Kita kalau pergi ke Australia bagi mereka *first time* pergi ke Australia mesti pergi melawat Parlimen dan lawatan itu sekurang-kurangnya satu jam. Bila kita pergi ke London dan Parlimen di London juga sebuah destinasi pelancongan yang mana mereka ada pegawai khas untuk membawa pelancong untuk melawat banyak bilik dan juga bangunan Parlimen yang telah lama itu telah berabad-abad itu.

Saya rasa sekarang kerajaan telah gunakan enam tahun untuk menambahbaikkan atau *repair* bangunan Parlimen ini kita lihat banyak projek itu sudah enam tahun kita pun tak tahu apa yang telah dibuat. Kami ini masih meringkuk di Dewan yang kecil ini tetapi saya percaya dan kami juga berharap selepas ia siap, ia akan jadi sebuah bangunan yang canggih dan mungkin boleh menarik pelancong.

Akan tetapi saya pernah lihat bas pelancong yang masuk mereka mahu buat *U-turn* pun susah dan bas kelihatan hampir tumbang saya tengok saya pun rasa bimbang dan kita tidak ada *parking* untuk bas dan sebagainya dan bas terpaksa *park* di Taman Tugu Negara dan sebagainya. Jadi adakah kerajaan juga akan fikir Parlimen dijadikan satu buah tempat destinasi bagi pelancong asing atau pelancong tempatan untuk datang ke sini?

Kalau ada rancangan seperti ini mungkin Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan haruslah bagi *training* kepada Menteri dan Timbalan Menteri jangan keluarkan kenyataan yang seksis. Jangan keluar kenyataan yang bukan-bukan yang memalukan Kabinet dan juga Parlimen kita ini di Dewan yang mulia ini dan mereka haruslah dihantar untuk *gender sensitization course*. Supaya apabila pelancong asing datang ini mereka tidak berasa hairan oh adakah mereka datang ke zoo kah ataupun datang ke Parlimen. Ini cadangan kepada Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan supaya kita ini menjadi Menteri dan Timbalan Menteri yang beradab seperti Menteri Pelancongan dan Kebudayaan kita.

Akhirnya ialah tentang kita sekarang hendak mempromosi pelaburan dari China untuk datang ke Malaysia saya percaya satu sasaran, negara sasaran bagi Kementerian Pelancongan adalah juga China jadi adakah kementerian mempunyai pegawai yang fasih dalam bahasa Cina, bahasa Tionghoa yang cukup bagi mereka untuk mengadakan lebih banyak *arrangement* dan deal dengan pihak China supaya kita boleh menarik lebih pelancong dari China untuk masuk ke Malaysia. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat Rantau Panjang.

**3.53 ptg.**

**Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd. Yusoff [Rantau Panjang]:** Terima kasih Tuan Pengerusi.

Terima kasih kerana memberi peluang kepada saya untuk bahas di Peringkat Jawatankuasa B.31, P.31, Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan. Pertama sekali saya menyentuh Butiran 020500 berkaitan dengan Pembangunan Prasarana.

Apa yang ingin saya tempuh di sini ialah sejauh mana kerajaan, kementerian memantau tempat-tempat rekreasi seperti air terjun dan tempat-tempat pelancongan yang melibatkan sungai, bukit dan sebagainya yang mana kita lihat hampir kebanyakan tempat-tempat sebegini sangat lemah dari sudut penyelenggaraannya termasuk daripada segi kebersihan tempat, jalan ataupun *guard* yang mengurus tempat begitu juga termasuk tandas dan kemudahan bilik air, keselesaan dan ada tempat rekreasi seperti ini yang membahayakan pencemaran air sungai berlaku.



Ada kalangan pelancong-pelancong domestik kita yang pergi tempat sebegini mereka dijangkiti kuman, jangkitan kencing tikus, ada yang terkena denggi dan sebagainya. Jadi sejauh mana kerajaan melihat tempat-tempat yang menarik yang dianugerahkan oleh Allah kepada negara kita yang begini banyak di seluruh negara kita ini diselenggarakan dengan baik. Termasuk juga air terjun yang tertinggi di negara kita di Gunung Stong. Jadi sejauh mana perkara ini dilihat dan diselenggarakan dinaik taraf untuk memastikan kualiti tempat pelancongan kita.

Kedua ialah saya ingin tahu tentang projek pembinaan Jambatan Muhibbah. Yang Berhormat Menteri pernah menjanjikan perkara ini yang mana di Rantau Panjang ini penghubung jambatan yang menghubungkan dengan negara Thai jambatan Muhibbah yang begitu lama yang sangat sempit dan sesak. Perkara ini telah diisytiharkan oleh Yang Berhormat Menteri akan pembinaan Jambatan Muhibbah baru yang dinaik taraf.

Jadi sehingga kini, saya tengok tidak ada apa-apa sedangkan saya kira sudah lebih dua tahun saya kira menteri mengisytiharkan perkara ini dan saya ingin tahu statusnya macam mana dan bilakah projek ini akan dilaksanakan dan rakyat sangat menanti-nanti dan tertunggu-tunggu. Kita yakin Yang Berhormat Menteri seorang yang sangat prihatin dan sudah tentulah di sebelah kita sebagai di Rantau Panjang sebagai pintu masuk tempat pelancongan daripada Thai ini kita ingin melihat imej negara kita sekurang-kurangnya setaraf dengan negara jiran, *insya-Allah*.

Seterusnya ialah saya ingin menyentuh berkaitan dengan Butiran 03000 – Kebudayaan yang mana di antara program yang dibuat oleh kementerian iaitu Kempen Budi Bahasa.

Jadi saya ingin tahu, sejauh mana pencapaiannya dan saya kira apakah pihak kementerian mungkin keperluan juga Kempen Budi Bahasa perlu dibuat juga kepada Ahli-ahli Parlimen termasuk kepada Menteri dan Timbalan Menteri. Supaya tidak timbul isu sebagaimana yang disebut oleh Yang Berhormat Seputeh tadi, perkataan-perkataan yang tak sepatutnya dilemparkan kepada sama ada Ahli Yang Berhormat wanita, atau Ahli-ahli Parlimen yang lain.

Jadi mungkin kempen berbudi bahasa ini perlu diperluaskan dan saya ingin tahu setakat ini apakah pencapaiannya dan begitu juga isu-isu berkaitan dengan masalah budaya masyarakat kita yang semakin merisaukan kita termasuk tidak hormat orang tua, tidak menyayangi kanak-kanak, tidak mencintai keluarga. Mungkin perkara ini boleh diperluas disebarkan, *insya-Allah*.

Seterusnya berkaitan dengan Butiran 060000 berkaitan dengan perpustakaan.

Jadi saya ingin tahu apakah program untuk menaik taraf perpustakaan dalam negara kita termasuk juga perpustakaan desa. Kita lihat antara keghairahan remaja hari

ni yang minat kepada media baru, mereka tak berminat membaca buku. Jadi sejauh mana keberkesanan program yang telah dibuat oleh pihak kementerian terutama daripada segi kempen membaca dan apakah program yang dibuat terutama di desa-desa untuk memastikan peluang atau kemudahan perpustakaan ini dapat dinikmati.

Adakah kerajaan bercadang untuk bekerjasama terutama di kawasan pedalaman supaya masjid, surau atau tempat-tempat awam ini boleh juga mereka manfaatkan untuk kita memperkasakan perpustakaan ini supaya budaya membaca ini menjadi budaya rakyat negara Malaysia? Saya ingin mencadangkan supaya suasana perpustakaan ini dinaik taraf supaya ia selesa dan menjadi tempat remaja seronok berada di perpustakaan dengan suasana yang selesa. Jadi perkara ini sejauh mana diberi perhatian dan dilaksanakan dalam tahun 2017 ini.

Seterusnya saya ingin menyentuh Butiran 13000 berkaitan dengan Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia.

Sejauh mana usaha yang telah dibuat oleh pihak kementerian untuk mempromosi hasil-hasil kraf tangan dalam negara kita. Negara kita sangat kaya dengan hasil-hasil kraf tangan tetapi kita lihat hari ini persaingan dengan industri plastik menyebabkan ramai yang tidak mahu menggunakan barang-barang kraf tangan. Contoh seperti hasil rotan, jarang sekali. Kadang-kadang suri rumah lebih guna contoh tudung saji plastik dengan tudung saji rotan, mereka lebih minat guna tudung saji plastik mungkin dengan harga yang lebih murah dan sebagainya.

Bakul sampah kebanyakan guna bakul sampah plastik. Padahal kita mempunyai banyak hasil-hasil kraf tangan daripada sumber semula jadi kita termasuk tikar mengkuang yang sekarang sudah- industri ini hampir pupus. Begitu juga termasuk juga hiasan, termasuk keris dan hiasan daripada tempurung termasuk juga kain batik, songket yang bukan semata-mata untuk dijadikan pakaian tetapi boleh dijadikan barang-barang lain seperti hiasan dinding ataupun beg ataupun dan sebagainya.

Jadi sejauh mana perkara ini telah diberi perhatian oleh pihak kementerian untuk menjadikan kraf tangan ini sebagai industri yang mendapat pulangan baik untuk hasil dalam negara kita. Apakah promosi yang telah dibuat keluar negara untuk memastikan industri kraf tangan ini mendapat pasaran di peringkat antarabangsa?

#### ■1600

Saya ingin menyentuh juga berkaitan dengan kawasan pelancongan dalam kawasan saya iaitu berkaitan dengan penaik taraf- naik taraf kemudahan infrastruktur di kawasan Rantau Panjang. Sebagaimana yang kita tahu, kawasan Rantau Panjang ini kawasan yang menjadi tarikan pelancong domestik khususnya untuk membeli belah barang-barang dari Thailand. Akan tetapi, banyak kemudahan infra yang perlu ditambah

dan dinaik taraf. Contoh, kemudahan hotel yang sangat kurang. Jadi, apa yang paling-satu kerugian kepada rakyat ataupun penduduk tempatan. Pelancong datang dari luar terpaksa mereka menginap di Kota Bharu ataupun di Golok. Ini kerana kemudahan hotel yang tidak mencukupi di Rantau Panjang.

Jadi, perkara ini menyebabkan hasil limpahan kedatangan pelancong itu dapat kepada rakyat negara lain. Begitu juga, kita tengok pusat dari sudut kemudahan-kemudahan asas yang lain. Termasuk juga saya ingin tahu tentang naik taraf pusat pelancongan di Bukit Kwong. Di Rantau Panjang ada satu buah kawasan peranginan yang pemandangan sangat cantik, kawasan tadahan air yang- empangan yang sangat cantik di kelilingi dengan bukit-bukit yang sangat menyejukkan mata hati, pemandangan kita.

Jadi, tetapi kawasan ini tidak ada kemudahan yang menyebabkan tidak menjadi satu boleh memberi impak ekonomi kepada rakyat tempatan. Jadi, saya ingin tahu adakah perancangan pihak kementerian untuk memastikan keindahan semula jadi yang disediakan oleh Allah ini di setiap Parlimen ini diambil perhatian untuk memberi impak yang baik kepada rakyat tempatan. Begitu juga, saya ingin tahu setakat ini- kita tengok dalam negara kita dengan penurunan nilai ringgit dalam negara kita yang menyebabkan tarikan pelancong luar datang ke negara kita. Akan tetapi, paling rugi apabila promosi kita tidak meluas.

Jadi, saya ingin tahu dengan keadaan yang ada pada hari ini contohnya di kawasan saya sendiri kawasan bebas cukai. Apakah program yang telah dirancang oleh pihak Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan untuk menarik lebih ramai bagi pelancong-pelancong daripada negara jiran khususnya untuk datang membeli belah ke Rantau Panjang? Khususnya, saya fokus pada Pasar Siti Fatimah yang telah dibina di bawah Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan sebelum ini kita tengok seolah-olah suasana yang agak muram apabila kurangnya sambutan daripada pelancong-pelancong luar untuk masuk. Mungkin suasana bangunan dan sebagainya.

Jadi, saya mengharapkan pihak Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan memperbanyakkan promosi termasuk label dan sebagainya ataupun program-program yang boleh menarik lebih ramai lagi terutama pelancong daripada negara jiran untuk sama membantu menaikkan taraf ekonomi rakyat dan sekali gus boleh membantu terutama golongan peniaga-peniaga kecil. Jadi, itu sahaja Tuan Pengerusi. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ada 19 orang Yang Berhormat.

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Semua suka bahas. Bagilah.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya tapi cukuplah Yang Berhormat. Tidak apalah saya akan panggil Yang Berhormat Ipoh Barat dan lepas itu saya minta Yang Berhormat Menteri menjawab.

#### **4.03 ptg.**

**Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ada satu perkara yang mustahak iaitu mengenai empayar Majapahit Kingdom, di mana baru-baru ini telah di dapati di Sungai Melaka. Saya difahamkan bahawa daripada penyiasatan awal di dapati bahawa ia banyak di antara relik-reliknya adalah dari tahun 1293 ke-1527. Maka ia akan menjadi- kalau betullah itu lebih kurang, saya difahamkan dua kilometer jauh di bawah sungai. Jika ia boleh disimpan untuk dinikmati oleh orang ramai, ia akan menjadi satu buah tempat yang bagus untuk pelancong di negara ini.

Saya harap kementerian dapat mengambil tindakan supaya kita jangan macam Bujang Valley dan sebagainya. Di mana banyak perkara telah dimusnahkan akibat *commercial activity*. tetapi ini *relics* dari Majapahit Kingdom, dapat dipastikan baru-baru ini oleh kerajaan negeri yang telah mengisytiharkan bahawa itu ada di tempat tersebut. Maka, saya harap kementerian dapat mengambil tindakan susulan untuk memberi perhatian dan memberi satu deklarasi mengenai tersebut. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya. Sila Yang Berhormat Menteri.

#### **4.04 ptg.**

**Menteri Pelancongan dan Kebudayaan [Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz]:** Tuan Pengerusi, pertama sekali saya mengucapkan banyak-banyak terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam peringkat jawatankuasa bagi bajet Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan. Saya mula dengan Yang Berhormat Bukit Bintang. Saya ucapkan terima kasih Yang Berhormat Bukit Bintang minta supaya ditambahkan saya punya bajet yang telah pun dipotong. Betul Yang Berhormat. Potong cukup teruk sekali. Lebih 23 peratus.

Itu jika dibandingkan dengan Bajet 2015- banding dengan tahun 2014 lagi teruklah. Walau bagaimanapun, kita akan lakukan yang terbaik daripada peruntukan yang telah diberikan kepada kita. Yang Berhormat bangkit berkenaan dengan Jalan Alor. Yang Berhormat ini minat Jalan Alor ya? Kita ucap terima kasihlah telah dapat mentransformasikan Jalan Alor yang dahulu dengan Jalan Alor yang sekarang memang banyak perbezaan dia. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Jalan Alor sememangnya

telah dipromosikan oleh kementerian sebagai destinasi makanan yang wajib dikunjungi oleh pelancong-pelancong.

Menerusi agensi kementerian iaitu *Tourism Malaysia*, Jalan Alor telah dimasukkan sebagai salah sebuah destinasi wajib dalam *brochure*, risalah dan juga lawatan media *MegaFam*. Selain ia turut mempromosikan semasa acara *Fabulous Food 1Malaysia's Street and Restaurant Food Festival* pada tahun 2013 dahulu secara meluas. Kita sentiasa mendengar pandangan daripada pihak-pihak seperti Yang Berhormat bagaimana untuk kita terus memberikan perhatian ke Jalan Alor dan memang dia sudah pun terkenal di seluruh dunia. Baru-baru ini pun dengan ihsan Kementerian Wilayah, Yang Berhormat Menterinya kita telah meluluskan peruntukan untuk mengelakkan lagi prasarana, kemudahan yang ada Jalan Alor. Jadi, itu akan kita terus lakukan. Ya, Yang Berhormat- Jalan Alor.

Yang Berhormat juga bangkit berkenaan dengan *visa fee*. Semua negara mengenakan *processing fee*. Walaupun *visa fee* itu kita telah mansuhkan, tetapi apabila seseorang itu hendak mendapatkan visa masuk ke negara kita. Dia terpaksa menyediakan *centre* di mana semua permohonan yang dibuat *online* akan pergi kepada satu *centre* dan di situlah ia akan diproses. Jadi, kita mengenakan USD25. Itu kalau 15 hari ke atas tetapi kalau 15 hari ke bawah yang dipanggil e-Visa, itu kita cuma kenakan USD20 sahaja.

Akan tetapi, kalau kita banding dengan negara-negara lain sememangnya kita masih lagi yang termurah. Ini kerana Singapura mengenakan USD46, *Myanmar* dan *Cambodia* mengenakan USD50 dan Thailand dia ada promosi sekejap, boleh masuk secara bebas tetapi lepas itu dia berhenti dan sekarang dia kenakan USD57. Cuma saya difahamkan itu bahawa di Indonesia mereka sedang giat mempromosikan melawat Indonesia- "*Wonderful Indonesia*." Dia bagi semua orang masuk, bawa pasport sahaja. Akan tetapi, itu pun saya kira hanya sebagai pada waktu promosi sahaja. Selepas itu, saya kira mereka juga akan mengenakan balik visa.

#### ■1610

**Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Tujuan saya ialah untuk memudahkan lebih ramai pelancong-pelancong dari negara China. Oleh sebab di Thailand dia *visa on arrival* atau VOA, lebih mudah, mereka tidak perlu untuk pergi *center* di negara China untuk memohon itu visa ini. Mereka bila sampai di Lapangan Terbang Bangkok terus boleh minta *visa on arrival*. Ini satu langkah yang lebih mudah untuk pelancong yang senang dapat masuk melawat negeri kita dan belanja lebih wang di negara kita ini. Saya beri ini satu cadangan, harap boleh pertimbangkan oleh kementerian. Terima kasih.

**Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz:** Ya, terima kasih. Kalau tidak silap saya, sememangnya kita juga ada VOA . Kita juga membolehkan pelancong-pelancong masuk ke Malaysia menggunakan VOA melalui pintu masuk udara di KLIA, KLIA 2, Lapangan Terbang Antarabangsa Bayan Lepas, Lapangan Terbang Antarabangsa Senai, Lapangan Terbang Antarabangsa Kota Kinabalu dan Lapangan Terbang Antarabangsa Kuching selama tujuh hari dan yurannya ialah sebanyak USD100. Jadi, kita pun ada. Tapi kita menggalakkan itu supaya pelancong merancang lawatan mereka dan memproses visa itu di negara asal.

VOA ini selalunya kepada mereka yang, sebagai contohlah, kalau dia pergi ke Singapura dan dia tahu Malaysia sudah dekat, dia tidak ada visa Malaysia, dia boleh pergi ke Johor Bahru, dia boleh ambil VOA. Itu kita benarkan.

Sememangnya kita mengalu-alukan kedatangan pelancong-pelancong dari negara China. Sebab itu baru-baru ini kementerian saya telah menjadualkan perjumpaan Jack Ma dengan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri di mana kita telah diberikan kebenaran oleh Jack Ma untuk menggunakan portal dia yang *Flying Pig* itu supaya dimasukkan kita punya pakej ke Malaysia ini dimasukkan dalam dia punya portal dan dia boleh akses kerana *user* dia ada 400 juta lebih.

Jadi ini semua segala usaha yang kita lakukan untuk mempromosikan pelancongan ke Malaysia di negara China. Sasaran kita pada tahun ini ialah dua juta dan setakat bulan lapan, saya telah difahamkan kita telah pun mencecah 1.5 juta. Pada tahun 2015, keseluruhan kedatangannya ialah 1.7 juta. Tadi setakat ini untuk tahun 2016, kita telah capai 1.5 *million*. Jadi sasaran kita untuk mendapat dua juta pada tahun ini, *insya-Allah*, itu akan dapat kita capai. Pada tahun 2018, harapan kita adalah untuk mendapat..

**Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang]:** [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*].

**Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz:** [*Ketawa*] Dah tahu dah. Empat juta dahulu. Empat juta tahun 2018. Tahun 2020 baru kita hendak sasar lapan juta. Terima kasih.

Lagi Yang Berhormat Bukit Bintang berkenaan Hutan Simpan Bukit Nanas ini. MOTAC, kementerian saya telah meluluskan RM6.5 juta pada *Rolling Plan* Pertama Rancangan Malaysia Ke-10 untuk membina kemudahan pelancongan di Taman Eko Rimba Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur yang terletak dalam Hutan Simpan Bukit Nanas. Kemudahan yang telah dibina adalah *canopy walk*, tandas, *walking trails* dan dataran awam. Projek ini telah pun siap pada tahun 2015.

Jadi kalau Yang Berhormat fikir ada benda lagi hendak kita buat, kita buatlah. Cuma...

**Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang]:** *[Bangun]*

**Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz:** Yang Berhormat, nantilah kejap. Bagi saya habis dulu.

Cuma, kita minta- saya dengar ucapan daripada Ahli-ahli Yang Berhormat, semua bertanya tentang penyediaan tempat-tempat riadah, tempat-tempat pelancongan di kawasan masing-masing. Kita sentiasa membantu kalau ada permintaan tapi permintaan itu kena buatlah. Cuma, satu sahaja, yang amat mendukacitakan kita ialah kerana daripada segi penyelenggaraan. Mereka tahu hanya minta tetapi bila hendak menyelenggarakan, itu bukan di bawah tanggungjawab kementerian saya. Kalau penyelenggaraan itu, ia mesti dibuat oleh pejabat daerah, kerajaan tempatan. Mereka yang bertanggungjawab.

Selalunya bila kita setuju dan kita bina, masalahnya ialah penyelenggaraan. Mungkin satu tahun *toilet* elok, lepas itu tidak dipedulikan. Penyelenggaraan bukan tanggungjawab kita. Penyelenggaraan ialah tanggungjawab kerajaan tempatan, pejabat daerah. Jadi ini yang mendukacitakan kita.

Saya telah pergi banyak tempat di mana kementerian saya telah memberikan peruntukan membina berbagai-bagai prasarana tapi akhirnya bila saya melawat, saya tengok kerosakannya itu berlaku begitu teruk sekali. Ini Ahli-ahli Yang Berhormat mesti bagi tahu kepada pejabat daerah sendiri, kerajaan tempatan supaya mereka menjaga hak-hak rakyat, prasarana yang disediakan kena jaga dengan baik. Kalau tidak jaga dengan baik, rosak, minta lagi. Saya sudah catat yang mana kementerian sudah beri, kalau minta balik, saya tidak bagi sudah sebab kita boleh bagi sekali. Akan tetapi penyelenggaraan itu mesti dilakukan oleh kerajaan tempatan. Itu mesej yang saya hendak sampaikan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat supaya mendesak kerajaan tempatan masing-masing menjaga harta-harta awam ini.

**Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Memang kata Yang Berhormat Menteri tepat oleh sebab laluan-laluan jalan yang masuk ini Hutan Rimba Bukit Nanas ini sudah usang dan banyak rosak oleh sebab penyelenggaraan tidak menjaga tempat-tempat yang sedia ada.

Oleh sebab itu, saya haraplah jabatan yang berkenaan iaitu Jabatan Hutan Wilayah Persekutuan haruslah mengambil tindakan untuk memperbaiki semua kerosakan ini. Juga pihak PBT atau pihak berkuasa tempatan iaitu DBKL harus mengadakan peruntukan memperbaiki kerosakan ini oleh sebab tong sampah itu sudah rosak, laluan-

lalu masuk hutan ini sudah rosak. Ini satu peruntukan harus diberikan kepada mereka.

Terima kasihlah Yang Berhormat Menteri telah memberikan penjelasan tentang ini kerosakan. Terima kasih.

**Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz:** Terima kasih Yang Berhormat. Jadi Ahli-ahli Yang Berhormat kena desak kerajaan tempatan masing-masing ya.

Saya hendak ucapkan selamat datang kepada Yang Berhormat Batu.

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Kena dua malam sana.

**Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz:** Ya kah ?

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Terima kasih.

**Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz:** Ya. Bagi dia rehat sedikitlah.

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Pelancong ramai datang.

**Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz:** Ada. Itu bagus itu. Lepas kenyataan saya itu Yang Berhormat dilepaskan itu.

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** [*Ketawa*] Menteri Pelancongan patut *engage* BERSIH sebagai *consultant* bagaimana kita boleh tarik lebih ramai pelancong datang ke Kuala Lumpur.

**Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz:** Betul.

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Betul, betul

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Betul ya.

**Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz:** Sebelum Yang Berhormat Batu sebut pun saya sudah keluar sudah *online* sebab saya hendak jumpa dengan *organizer* BERSIH yang keenam. Tapi bagi tahu tarikh pada saya dulu. Saya boleh masuk dalam kalender.

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Akan tetapi yang penting, SOSMA jangan gunakan.

#### ■1620

**Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz:** Itu bukan bawah saya, saya pelancongan.

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Yang Berhormat Menteri kena bawa dalam Kabinet kalau...

**Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz:** Dia orang sudah baca, saya punya *online*. Okey.

Yang Berhormat Bukit Bintang juga bercakap tentang bajet dikurangkan, macam mana kita mempromosi pelancong-pelancong daripada negara China. Jadi kita mengambil inisiatif pemasaran melalui kerjasama pintar seperti Alitrip tadilah saya



sebut, Jack Ma punya Alitrip. Ini semua kita buat kerana kita hendak tengok bajet sudah kena potong jadi cara mana kita boleh mempromosikan. Satu daripadanya ialah dengan persetujuan kerjasama dengan Jack Ma punya Alitrip.

Kemudian kita ada pelaksanaan secara NBOS itu berkonsepkan *public-private partnership*. Umpamanya penyertaan *Tourism Malaysia* dalam *China International Travel Mart*, secara perkongsian *cost* dengan *Malaysia Inbound Chinese Association* dan *Malaysia Inbound Tourism Association*. Kita buat *smart partnership* dengan *private sector* menggunakan mereka punya kerjasama untuk kita mempromosi *tourism* kepada pelancong-pelancong daripada negara China. Jadi kalau Yang Berhormat pun ada cadangan-cadangan lain yang boleh membantu sudah, tentu kita akan laksanakan kalau kita dapati ia boleh membantu.

Yang Berhormat juga bangkit berkenaan dengan kenapa perpustakaan bergerak dihentikan. Perkhidmatan perpustakaan bergerak masih lagi aktif dan dilaksanakan melalui Perpustakaan Awam Negeri dan perpustakaan di bawah pentadbiran DBKL. Jadi kalau Yang Berhormat menyebut itu sebenarnya saya tidak tahu di mana yang berlaku yang dikatakan itu bahawa ia diberhentikan.

**Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang]:** Kawasan Bandar Tun Razak.

**Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz:** Kawasan Bandar Tun Razak, kita akan maklum di situ. Sehingga kini sebanyak 83 bilangan bas bergerak dengan 1,409 bilangan perhentian di seluruh negara. Di samping perkhidmatan perpustakaan bergerak kerajaan juga telah menubuhkan perpustakaan statik seperti 1,125 buah perpustakaan desa, 92 buah perpustakaan komuniti di taman-taman perumahan seluruh negara. Jumlahnya ditambah sebenarnya. Di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur terdapat empat buah perpustakaan bergerak dengan 40 bilangan perhentian di taman perumahan.

Di samping itu DBKL telah dan akan membina 61 buah perpustakaan komuniti di kawasan perumahan. Jadi kalau di mana nanti, saya ambil kiralah Yang Berhormat kata tadi Bandar Tun Razak, okey baik. Yang Berhormat Kota Melaka, ramai peniaga di Kota Melaka menjual produk kraf dari negara luar seperti Indonesia dan China. Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan menerusi Kraftangan Malaysia, kita sentiasa berusaha untuk memajukan dan membangunkan industri kraf tempatan menerusi program pemasaran kraf, program pendidikan dan program pembangunan kraf dan Program 1Daerah 1Industri. Di negeri Melaka, Kraftangan Malaysia mempunyai cawangan di Ayer Keroh yang menyelaras semua aktiviti pembangunan industri.

Jadi apa yang berlaku, Yang Berhormat kata macam menjual barang-barang dari Thailand dan juga negara China. Saya rasa ini satu perkara yang sukar untuk kita

bendung sebab ini kita *free market*. Kita tidak boleh mengenakan apa-apa sekatan atau tindakan diambil kalau sekiranya orang itu menjual barang yang bukan daripada buatan negara kita. Tidak ada undang-undang yang boleh kita gunakan. Malah kalau kita pergi ke- Yang Berhormat kata Amsterdam. Siapa kata tadi Amsterdam, Yang Berhormat kah? Di Amsterdam...

**Seorang Ahli:** Yang Berhormat Sibuti.

**Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz:** Yang Berhormat Sibuti kata Amsterdam. Kalau kita pergi sana, saya pun kalau beli barang sana, saya sendiri akan *check*, kadang-kadang dekat belakang itu ada "*Made in China*". Jadi kalau itu saya tidak belilah. Jadi benda ini berlaku di merata dunia malah kalau pergi ke United Kingdom, London pun begitu juga. Kalau beli barang *check* tengok belakang kalau ditulis "*Made in China*" kita tahulah itu bukan buatan tempatan.

Jadi ini satu perkara yang tidak boleh kita halang. Ia merupakan amalan *free market* dan cuma pelanconglah. Macam kita apa yang kita buat, macam kraf tangan saya kata tadi kita ada pusat kita sudah tentu di pusat kita itu, barang-barang yang dijual barang-barang kraf tempatan. Itu sudah pasti. Jadi kalau kita boleh uar-uarkan kepada pelancong-pelancong iaitu kita ceritalah kalau mahu beli barang buatan tulen Malaysia pergilah ke kedai kraf begitu. Itu kita boleh lakukan.

**Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka]:** Terima kasih, Tuan Pengerusi. Yang Berhormat Menteri saya memang setuju bukan senang kita dapat mengawal kegiatan begini atau perniagaan begini. Akan tetapi saya perlu menasihatkan terutama ada tapak-tapak yang khasnya untuk tarikan pelancong dan dipamerkan kraf tangan Malaysia, ada yang datang dari negara China cakap ini semua buat di negara China bukan kraf tangan Malaysia. Oleh sebab itu saya harap kita kena berikan bukan amaran atau nasihat kepada semua yang mengusahakan tapak pelancongan yang untuk menarik pelancong.

Kalau di pasar malam kah, macam Jonker Walk itu terpulung kerana mereka tahu memang itu *open market* lah seperti Yang Berhormat Menteri katakan itu memang. Akan tetapi jikalau saya pergi berkunjung ke kampung tradisi di sana saya percaya kraf tangan dan bahan-bahan itu memang dibuat oleh penduduk tempatan tetapi kalau yang sampai sana yang saya beli saya nampak ini sama juga di Jonker Walk, semua pun dibuat daripada negara China atau di Indonesia. Itu yang saya katakan mereka merasa tertipu. Apakah pemantauan atau kawal selia kementerian terhadap kegiatan ini? Terima kasih.

**Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz:** Kalau macam kraf tangan punya kedai, maksud saya kraf tangan itu Kraftangan Malaysia iaitu agensi di bawah kementerian

saya, kalau orang kata kedai itu kedai kita, memang barang kita tetapi kalau penjualan kraf tangan di tempat-tempat lain itu bukan di bawah kawalan kita. Cuma kalau Yang Berhormat boleh, sekali lagilah, buka saya hendak tolakkan tanggungjawab ini kepada kerajaan tempatan tetapi kalau kerajaan tempatan itu yang mengeluarkan lesen untuk mereka buka kedai maka kerajaan tempatan sebenarnya boleh mengambil tindakan iaitu kalau mereka rasa barang-barang itu bukan barang dari Malaysia merekalah boleh mengambil tindakan. Jangan mengeluarkan lesen berniaga.

Jadi ini semua bukan senang sebab sebenarnya akhir nanti dia kata "*Kita hendak cari makan pun susah. Itu tidak boleh, ini tidak boleh.*" Ini soal orang cari orang berniaga. Dia berniaga dan tidak ada halangan sebenarnya menjual barangan dari luar negara tetapi saya faham memang pelancong rasa tertipu. Akan tetapi sebab itu saya kata tadi kita pelancong kena berhati-hati. Saya pun ke mana-mana pergi saya mesti tengok, kalau "*Made in China*" kah, kalau "*Made in Thailand*" kah or even "*Made in Malaysia*," barang yang di luar negara saya tidak akan beli. Baik saya beli di Malaysia. Jadi itu berkenaan dengan hal yang dibangkit oleh Yang Berhormat berkenaan dengan barang-barang seperti ini.

#### ■1630

Kemudian, Yang Berhormat juga bercakap berkenaan dengan upacara Wangkang ini. Saya memang minat sebenarnya untuk menjadikan masjid, tokong, kuil, gereja, sebagai *Religious Tourism* punya produk.

Jadi saya juga tertarik dengan upacara *Wangkang* ini. Memang saya tahu ia satu upacara yang cukup lama dan sebenarnya saya tanya pada Yang Berhormat. Kalau terpulang pada saya, buat tiap-tiap tahun, bagus. Akan tetapi ini Yang Berhormat sebut kata ia tidak boleh, ia mesti ada masanya. Yang *last* sekali 2001. Jadi, upacara *Wangkang* telah diiktiraf sebagai warisan kita di bawah Akta Warisan Kebangsaan 2005 iaitu Akta 645.

Kajian lanjut sedang dijalankan bagi mengenal pasti potensi pencalonan termasuk mempertimbangkan cadangan kemungkinan pencalonan secara bersama dengan negara China di bawah *Representative List of the Intangible Cultural Heritage UNESCO* ini sedang kita lakukan. Akan tetapi itulah, malangnya ia berlaku *last* sekali tahun 2001. 15 tahun dahulu. Saya sebagai Menteri Pelancongan, saya suka kalau tiap-tiap tahun. Bincanglah dengan pihak tokong. Sekurang-kurangnya buat *mini one* kah apa kah, macam mana ya.

**Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka]:** Ya, saya akan sampaikan pandangan dan permintaan daripada Yang Berhormat Menteri kepada jawatankuasa mereka. Memang saya difahamkan mereka perlukan nasihat atau arahan daripada Dewa Ong Yah iaitu

dewa mereka dan tokong ini lah. Setiap tahun pada tiga belas hari lunar, tahun lunar Cina punya, mereka ada buat rondaan, tetapi bukan dengan Wangkang tetapi buat rondaan. Akan tetapi Wangkang ini hanya kerana mengikut apa yang dikatakan oleh medium itu bahawa tahun ini, katakan tahun depan akan banyak masalah susunan masyarakat dan juga ada penyakit-penyakit yang luar biasa. Sebab itu dikatakan, perlukan buat rondaan yang besar-besaran. Sebab itu harap Perdana Menteri dapat memberikan sumbangan dan bantuan terhadap program ini. Terima kasih.

**Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz:** Kementerian saya akan beri dan mintalah mereka untuk membuat permohonan secara bertulis kepada kementerian saya.

Kemudian Yang Berhormat Kota Melaka bangkit berkenaan dengan produk-produk pelancongan yang dibangunkan oleh pelabur-pelabur luar negara seperti produk-produk di Melaka. Kementerian Pelancongan mengalu-alukan *investment* asing ke negara ini terutamanya untuk membina infrastruktur pelancongan dan produk-produk baru. Kementerian Pelancongan juga ada menyediakan kemudahan pinjaman seperti Tabung Pembangunan Infrastruktur Pelancongan di bawah Bank Pembangunan dan Tabung Khas Pelancongan di bawah SME Bank untuk membina hotel, taman tema dan lain-lain.

Berkenaan dengan monorel Melaka, pada Rancangan Malaysia Ke-10 iaitu 2011 hingga 2013, MOTAC telah memperuntukkan RM13.2 juta untuk membina projek monorel di pesisiran Sungai Melaka. Projek ini dilaksanakan secara *joint venture* dengan Kerajaan Negeri Melaka melalui Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah. *Portion* kementerian telah siap dan manakala pengoperasian monorel diserahkan untuk pengurusan sepenuhnya oleh Kerajaan Negeri Melaka. Jadi Yang Berhormat kena minta kepada Kerajaan Negeri yang *Exco* nya ialah Ketua Menteri. Dia memang minat dalam bidang pelancongan ini dan dia mempromosi kuat pelancongan di negeri Melaka dan dia sentiasa bersama dengan saya dalam ekspo-ekspo pelancongan. Saya percaya perkara ini juga saya akan bangkit dengan beliau supaya dia jangan jadi *eyesore* lah.

**Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka]:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri, Tuan Pengerusi. Saya difahamkan peruntukan atau kos pembinaan yang bakinya sudah *qoute* lebih daripada anggaran atau anggaran kos pada mulanya, dikatakan perlukan peruntukan tambahan. Mungkin Yang Berhormat Menteri dapat bertimbang sekali untuk, kalau katakan bahagian kementerian sudah selesai, bahagian kerajaan negeri masih belum. Saya ingat kalau dapat bincang dengan Ketua Menteri Melaka mungkin dapat mendahulukan kalau ada peruntukan tambahan supaya kita dapat habiskan keseluruhannya. Jangan jadikannya *eyesore* atau projek 'gajah putih'. Terima kasih.

**Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz:** Baik Yang Berhormat. Saya akan bangkitkan perkara ini dengan Ketua Menteri Melaka dan kita juga kena pujuk Menteri Kewangan supaya jangan potong bajet kementerian saya.

Yang Berhormat dari Sik bercakap berkenaan dengan kemudahan ekopelancongan di daerah Sik Kedah. Saya hendak maklumkan iaitu pada tahun 2011- ini penting untuk Ahli Parlimen Sik tahu kerana boleh memaklumkan kepada...

**Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]:** Tuan Pengerusi, *standing order* Tuan Pengerusi. Yang Berhormat Menteri ,maaf ya.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya.

**Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]:** Peraturan Mesyuarat 17. Panas ini, kenapakah Dewan panas? Itu yang hendak tanya itu. Terima kasih Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya. Kita minta pihak tertentu untuk melihat kesejukan, kepanasan *aircond* ini.

**Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]:** Ya, terima kasih. *Sorry* Yang Berhormat Menteri ya.

**Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz:** Tahun 2011, kita telah beri RM600,000 untuk peningkatan kemudahan pelancongan Ulu Muda, daerah Sik. Tahun 2012, kita telah memberi RM500,000 untuk menaik taraf kawasan rekreasi empangan Sik, jalan masuk longkang dan pontun. Pada Rancangan Malaysia Ke-11, MOTAC mengalukan cadangan daripada Parlimen Sik untuk mempelbagaikan produk pelancongan di Kedah. Permohonan boleh disalurkan melalui pejabat UPEN untuk pertimbangan bagi *Rolling Plan* Ketiga.

Kita di kementerian ini sokong, sebab kita suka setiap daerah itu bersaing secara sihat untuk mempromosikan daerah masing-masing dengan memperkenalkan produk yang kita tidak kenal dulu. Kita bukan hanya hendak mempromosi satu buah tempat yang telah dikenali sahaja tetapi tempat-tempat baru ini kita hendak juga mempromosi. Jadi Ahli-ahli Yang Berhormat yang fikirkan di daerah masing-masing ada produk yang unik seperti mana saya sebut tadi, hantarlah permohonan kepada saya dan kita boleh salurkan melalui pejabat UPEN. Pejabat UPEN ya, untuk pertimbangan RP ketiga, *Rolling Plan* Ketiga.

Yang Berhormat Sik juga mohon adakan peruntukan dan aktiviti bagi masyarakat Siam di daerah Sik. Saya sememangnya amat bersetuju dan kita sentiasa mempromosikan sambutan orang-orang Siam ini. Kita panggil dia orang Siam, bukan orang Thai ya. Kalau orang Thai dia orang Thailand, tetapi dia adalah orang Malaysia, dia daripada keturunan Siam.

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Yang Berhormat Menteri orang Siam kah?

**Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz:** [*Ketawa*] Ini sudah masuk Islam. Itu jadi Melayu. Jadi, JKKN akan mengadakan program perantisan di kawasan masyarakat Siam di daerah Sik pada tahun 2017. Ahli Parlimen Sik ada?

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Tidak ada Yang Berhormat.

**Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz:** Tidak ada ya? Dia kena ambil maklum ini ya. Tahun depan kita akan buat program perantisan dan saya sebut tadi mempromosikan program-program mereka seperti yang orang kata *Loi Krathong*, kemudian yang *water festival* itu- *Songkran*.

■1640

Jadi kita selalu membantu mereka, dan sememangnya pada tiap-tiap tahun kita memberikan peruntukan untuk mereka jalankan upacara ini dan selalunya dilakukan di Kelantan, di Kedah dan juga di Perlis. Ada juga di kawasan saya di Hulu Perak pun juga ada kita bantu mereka.

Kemudian, Yang Berhormat Sik juga memohon peruntukan bagi memartabatkan seni dan budaya warisan di Sik dan untuk menjalankan penyelidikan dan sejarah budaya macam dekat Siam. Jadi yang ini saya akan beri jawapan bertulis kepada Yang Berhormat Sik kerana dia tidak ada di sini.

Yang Berhormat Tumpat, ada. Yang Berhormat Tumpat minta diadakan Pesta Buku. Saya bersetuju Yang Berhormat, sebab orang Malaysia ini saya difahamkan pembacaan buku dia pun sudah turun setahun. Kalau dulu ada lapan ke berapa belas buku, sekarang sudah turun balik. Jadi Pesta Buku Antarabangsa Kuala Lumpur diadakan setiap tahun dan dianjurkan oleh Majlis Buku Kebangsaan Malaysia, bawah Kementerian Pendidikan, Malaysia. Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan sentiasa memberi sokongan dan bekerjasama dalam penganjuran pesta buku ini sama ada yang di peringkat antarabangsa atau pun malah juga Pesta Buku Peringkat Negeri yang dianjurkan oleh perpustakaan awam negeri-negeri yang diadakan sepanjang tahun pun kita sokong.

Perpustakaan Negara juga turut mengambil bahagian dengan menjalankan pelbagai aktiviti dan kempen galakkan membaca. Jadi kalau macam, saya pun bersetuju dengan Yang Berhormat itu kita buat macam *Book Festival* di Hannover, German. Kita buat begitu dan kita masukkan dalam kalendar, kalendar pelancongan kita. Jadi saya bersetuju sangat, pesta buku ini dijadikan sebagai penarikan pelancong-pelancong ke negara kita.

Di Masjid Kampung Laut, adalah dalam proses pewartaan untuk diangkat sebagai tapak warisan di bawah Akta Warisan Kebangsaan 2005. Dalam peringkat kita nak jadikan sebagai warisan, warisan tapak itu. Isu pindah ini, Jabatan Warisan Negara akan melihat dan menilai isu perpindahan Masjid Kampung Laut ke tapak asal.

Akan tetapi, tapak asal pun tengah-tengah sungai. Memandangkan banyak perkara perlu diperhalusi terlebih dahulu dari sudut warisan, kita akan sokonglah, maknanya kalau kerajaan negeri buat, kita akan sokong usaha mereka tetapi seperti mana yang saya sebut tadi banyak perkara yang perlu diperhalusi, termasuk pandangan daripada orang kampung sendiri sebab Yang Berhormat sebut itu betul lah mungkin kalau nak diletakkan balik di tempatnya, letaklah di tempat yang betul. Jadi kalau letak tempat lain mungkin tidak kenalah, yang kita nak jaga bukan sahaja bangunan itu, tapak itu pun kita nak wartakan. Jadi saya akan tunggulah keputusan daripada kerajaan negeri.

Tahun 2016, MOTEC telah meluluskan peruntukan sebanyak RM500 ribu untuk menaik taraf pelancongan galeri kebudayaan wayang kulit. Saya pergi ke tempat itu, kasihan saya tengok. Rumah pun tepi tebing sudah senget dan ia merupakan tempat yang orang-orang pelancong-pelancong pergi. Dia pergi ke situ untuk melihat wayang kulit. Akan tetapi tempat itu cukup teruk sekalilah. Jadi saya telah membuat keputusan untuk mendirikan satu buah galeri untuk wayang kulit itu. Dan sukacita dimaklumkan, sudah ada persetujuan tempat sebab dalam wayang kulit itu pun kata kalau buat dalam kampung sangat jauh, dia pun sudah tua, kalau boleh buat dekat rumah dia.

Jadi memang ada satu buah tapak kosong kepunyaan kerajaan negeri yang dekat dengan rumah dia. Elok pun kita bina atas tanah kerajaan sebab ini bukan milikan peribadi, ia nanti apabila siap kita hendak serahkan kepada kerajaan tempatan. Yang Berhormat kena pergi tengoklah, sebab kalau nanti kita sudah buat saya percaya satu tahun lepas sudah siap saya pergi, macam-macam lah rosaklah, penyelenggaraan bukan tanggungjawab kementerian. Ia tanggungjawab kerajaan tempatan. Jadi kita mengalu-alukan cadangan daripada Ahli Parlimen Tumpat untuk mempertingkatkan kemudahan pelancongan di Kelantan. Saya selalu pergi Yang Berhormat, tahu kan.

Masjid Kampung Laut kesemua hal berkaitan sejarah dan kebudayaan negeri Kelantan, ia memang di bawah Lembaga Muzium Negeri Kelantan, yang dipengerusikan oleh Exco Kebudayaan negeri Kelantan. Cadangan pembinaan telah mengambil kira pandangan, saya diberitahu mengambil kira pandangan daripada pakar-pakar konservasi bangunan dan Universiti Malaysia Kelantan dan Universiti Teknologi Malaysia di Skudai. Jadi mereka sudah berurusan dan kita akan tunggu apa keputusan yang diambil yang terbaik untuk tempat di Tumpat.

Yang Berhormat Jerantut ada?

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ada, Yang Berhormat.

**Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz:** Ada. Okay. Mempertingkatkan kemudahan pelancongan di Taman Negara, Pahang.

Kementerian telah memberi banyak perhatian kepada taman negara sepanjang Rancangan Malaysia Ke-10 iaitu 2011 hingga 2012. MOTEC telah memperuntukkan RM4.24 juta bagi melaksanakan empat buah projek di Taman Negara, Pahang dan pada RMK Ke-11 iaitu pada tahun 2016 kita telah memperuntukkan RM500 ribu untuk memperbaiki kemudahan pelancongan di taman negara yang terjejas oleh banjir, ini yang telah kita bantu.

Kemudian MOTEC juga telah memperuntukkan RM500 ribu ke Taman Negara Kuala Tahan, Pahang. Saya jawablah.

Gunung Senyum, Jabatan Warisan Negara telah memperoleh keizinan bersyarat daripada pihak berkuasa negeri Pahang, untukewartakan tapak warisan negeri Pahang di bawah Akta 645, termasuklah Taman Negara dan Hutan Lipur Gunung Senyum serta Kota Gelanggi. Dengan pewartaan di bawah Akta Warisan Kebangsaan ini, maka pemuliharaan, pemeliharaan dan perlindungan tapak lebih terjamin serta sekali gus menjadi tarikan pelancong. Sebab itu lah kalau ada rosak baru-baru ini, kita bagi duit sebab dia sudah warta sebagai warisan kebangsaan. Jadi mana-mana tempat yang kalau Yang Berhormat punya tempat di mana-mana kalau nak dapat penyelenggaraan daripada kita, wartakan sebagai Warisan Kebangsaan.

Kemudian, Yang Berhormat Jerantut juga Kaunter Penerangan Pelancongan di Taman Negara, Pahang, Jerantut.

*Tourism Malaysia* sememangnya membekalkan brosur ke beberapa buah agensi pelancongan dan hotel yang beroperasi di taman negara tersebut. Memandangkan ketibaan pelancong asing adalah bermusim, masih belum ada keperluan untuk mewujudkan kaunter penerangan yang tetap. Di samping itu, kebanyakan pengunjung bertanya mengenai produk-produk yang terdapat di sekitar taman negara, dan ia boleh dijawab dan dibantu oleh agensi pelancongan yang terbabit. Kementerian mengalu-alukan sekiranya kerajaan negeri Pahang atau Pihak Berkuasa Tempatan ingin membuka Kaunter Penerangan, Kementerian bersedia membantu daripada segi latihan dan brosur sekiranya ia dilaksanakan.

■1650

Statistik saya hendak sebutlah, di Taman Negara Pahang, Jerantut, tahun 2015 bulan Januari ke September, 51,397. Tahun 2016, 59,101 daripada Januari ke



September. Jadi ada kenaikan 15 peratus. Tahniahlah kepada Ahli Parlimen Jerantut yang berjaya meningkatkan pelancong-pelancong ke Taman Negara Pahang ini.

Yang Berhormat Bukit Gantang ada? Oh ada ya. Ingat mu tidak ada. Yang Berhormat Bukit Gantang, adakah terdapat pinjaman untuk pembelian bot bagi membawa pelancong melawat ke Kampung Dew yang terkenal dengan produk pelancongan kelip-kelip? Kementerian saya dengan kerjasama SME Bank, kita ada menawar Yang Berhormat, pinjaman tabung khas pelancongan yang merupakan *soft loan* yang mana *interest* murahlah, rendah untuk membiayai pembelian bot bagi tujuan pelancongan kepada penggiat industri yang layak.

Jadi kalau Yang Berhormat punya orang kawasan, dia terlibat dalam pelancongan, hendak beli bot, mari jumpa saya ya. Jumlah minimum pinjaman RM250,000. Itu yang minimum dan jumlah maksimum ialah RM30 juta. Jadi kalau hendak beli bot RM250, tapi murah lagilah, ingat tidak sampai RM250,000, *kot* bot. Boleh jumpalah, tidak ada sebarang masalah. Untuk sebarang maklumat lanjut serta permohonan ini secara *online* silalah layari [www.motex.gov.my](http://www.motex.gov.my). Senang saja, [motex.gov.my](http://motex.gov.my).

Isu penggunaan jenama *homestay*. Untuk makluman Yang Berhormat, perkataan *homestay* satu perkataan umum dan digunakan secara meluas. Permohonan kementerian untuk mendapatkan hak cap dagangan daripada MyIPO telah ditolak pada tahun 2015. Kita hendak ambil jenama tapi tidak boleh fasal dia penggunaan umum ya. Kementerian ini hanya memantau dan menyelaras *homestay* yang berdaftar dengan kementerian. Bagi *homestay* yang beroperasi individu dan tidak berdaftar dengan kementerian adalah luar dari bidang kuasa dan tanggungjawab kementerian ini.

Jadi untuk hendak menjaga kualiti Yang Berhormat sebut tadi, kita mengeluarkan sebuah sijil macam bentuk sijil dan kita akan letakkan di rumah, yang di mana *homestay* itu adalah merupakan *homestay* dalam kita punya program. Jadi kita juga akan bagi tahu pada orang, kalau pelancong-pelancong datang, duduk *homestay*, carilah *homestay* yang ada tandatangan saya mengatakan ini sah, merupakan *homestay* yang dijamin oleh kerajaan. Jadi dengan cara itu kita boleh pastikan dia punya *hygiene* dia semua eloklah.

Jadi yang lain itu kita tidak boleh tahan. Itu di bawah kerajaan tempatan. Sama ada mereka melesenkan ataupun tidak, itu kerajaan tempatan. Akan tetapi yang *homestay* dalam program kita, kita akan bagi sijil ya. Sebagai rujukan, *homestay-homestay* yang berdaftar dengan kementerian ini akan dibekalkan dengan plag rasmi kementerian dan kita akan masuk dalam *website* kita nama-nama *homestay* yang di bawah kita punya program. Jadi kalau kita mintalah kalau rakyat Malaysia dia hendak

pergi duduk *homestay*, tengok, layari kita punya *website*. Yang tidak ada nama di situ, itu bukan kita punya, kita tidak menjamin kebersihan. Ya Yang Berhormat.

**Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd. Yusoff [Rantau Panjang]:** Terima kasih Yang Berhormat. Saya ingin tahu sedikit saja. Berkaitan dengan penyelarasan harga ataupun *rate* sewa *homestay*. Adakah kementerian memantau ataupun memastikan supaya tidak ada pihak pemilik *homestay* mengambil kesempatan dengan meletakkan sewaan yang tinggi? Minta penjelasan.

**Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz:** Yang bawah program kita, ya. Maknanya kalau dia berdaftar *homestay* itu dengan kita, kita tentukan dia punya tarif, dia punya *rate* ya. Akan tetapi yang *hat* bukan bawah kita, tidak boleh kawal. Itu kita kena desak kepada kerajaan tempatan kita supaya mereka mengawal. Jangan sewenang-wenangnya satu orang itu boleh mengatakan bahawa ini *homestay*, silalah mari. Akan tetapi itulah masalahnya kadang-kadang kalau kita halang pula, mereka mencari makan dengan menyewakan bilik. Jadi dia cari rezeki. Jadi ada masalah juga sikit di sini.

**Datuk Mohd Idris bin Jusi [Batu Pahat]:** [Bangun]

**Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz:** Akan tetapi yang mana yang di bawah jagaan kementerian saya, kita jamin iaitu harga yang kita tentukan.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Batu Pahat bangun Yang Berhormat.

**Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz:** Nanti saya habis ini sekejap. Ini Yang Berhormat Bukit Gantang, kualiti ini, *homestay* lagi ini ya. Dalam usaha meningkatkan prestasi dan kualiti kementerian, kualiti perkhidmatan, *homestay* yang berdaftar dengan kementerian itu kita boleh jamin ya dan *ASEAN Homestay Standard* kita ada, *ASEAN Homestay Standard* akan dilaksanakan supaya kualiti perkhidmatan *homestay* di negara ini setaraf dengan *homestay* di negara-negara ASEAN. Jadi kita ada keluar piawaian. Jadi kita pastikan standard dia mesti setaraf dengan negara-negara ASEAN yang lain.

Selain daripada itu, kursus asas *homestay* yang diwajibkan kepada pengusaha-pengusaha *homestay*. Kursus lain yang diberikan, “*We Are The Host*”, kursus keusahawanan, kursus bahasa Inggeris, bengkel kraf tangan dan kebudayaan, kursus pembangunan pakej. Ini semua kita adakan bagi meningkatkan kualiti produk-produk *homestay* kita. Yang ini yang kita kawal. Yang tidak berdaftar kita tidak boleh buat apa. Cuma kita bagi tahu kepada pelancong-pelancong layarilah *website* kita untuk melihat *homestay* yang mana yang dijamin oleh kementerian.

Sila Yang Berhormat Batu Pahat.

**Datuk Mohd Idris bin Jusi [Batu Pahat]:** Tuan Pengerusi dan Yang Berhormat Menteri. Antara tujuan utama *homestay* dan ada satu buah produk baru sekarang yang

diperkenalkan di kawasan Batu Pahat di Parit Tengah iaitu Inap Desa ialah untuk memberikan pertambahan pendapatan kepada anak-anak desa, orang-orang kampung. Boleh tidak saya mencadangkan kepada Yang Berhormat Menteri supaya kawasan-kawasan *homestay* yang ada, maknanya ada satu rangkaian dan juga Inap Desa yang telah terdiri dan terasuh dan terdidik dengan baik, kementerian mewujudkan pusat-pusat niaga kampung supaya produk-produk kampung yang dikeluarkan oleh kawasan-kawasan perkampungan setempat juga menjadi pusat persinggahan para pelancong.

Saya ingin juga mencadangkan Tuan Pengerusi sebab tadi tidak ada kesempatan untuk turut sama dalam perbahasan ialah supaya barangkali dalam program-program seperti *ecotourism* dan lain-lain yang boleh sebenarnya turut serta oleh kementerian lain. Jadi maknanya kalau lah Kementerian Kebudayaan boleh *initiate the programme* supaya program-program industri yang dibina oleh kementerian-kementerian lain, ladang-ladang seperti yang berlaku di sekali lagi di Parit Tengah ada lebih kurang ada 6,000 ekar ladang nenas jadi tempat tumpuan. Jadi pusat tumpuan pelancong.

Jadi maknanya kalau dibuat secara *integrated* antara kementerian dan juga antara pelancongan desa dengan pantai dengan bandar itu disatukan, itu barangkali dapat menghidupkan lagi program pelancongan. Misalnya kalau satu-satu kawasan katalah di Johor atau di Batu Pahat. Bagaimanakah pandangan Yang Berhormat Menteri?

**Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz:** Jawapan kepada kedua-dua itu adalah ya, betul dan kita sememangnya bekerjasama dengan semua kementerian dan jabatan-jabatan yang mana kalau ada sahaja elemen pelancongan, kita sentiasa bekerjasama. Termasuk kadang-kadang kubur pun kita buat *tourism* juga. Tidak ada apa yang di negara kita ini yang tidak boleh dikaitkan dengan pelancongan. Buaya pun pelancongan, kelip-kelip tadi, pelancongan. Itu bawah...

**Seorang Ahli:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz:** *Haunted building* pun macam disebut kalau di, kita ada *scary tourism*. Ya betul, betul. Ya, melawat tempat-tempat *haunted places*. Kalau Yang Berhormat pergi ke London, ada *walk* lagi dekat Whitechapel fasal dulu pembunuhan berlaku pada tahun 1800 lebih.

#### ■1700

Seorang *murderer* yang bunuh dipanggil apa itu? *[Disampuk]* Ya, dia, Jack apa? *Jack the Reaper*. Ada *Jack the Reaper Walk*. Jadi sebenarnya semua benda ini *tourism*. Dia menarik perhatian. Orang dah tak mahu tengok dah bangunan-bangunan, orang tak mahu tengok. Saya tahu dia ada *scary tourism*, *fear tourism*. Jadi semua dan saya sebut

tadi dah, malah saya ada berjumpa dengan rakan saya, ini untuk Yang Berhormat Bukit Bintang- tidurkah?

**Dato' Haji Mohd. Zaim bin Abu Hasan [Parit]:** Yang Berhormat Menteri, bagi Yang Berhormat Menteri?

**Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz:** Yang Berhormat Bukit Bintang, saya pergi ke Perkuburan Cina Hokkien di apa itu, saya pun cadang... *[Disampuk]* Ha, Kwong Tong, Kwong Tong ya.

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Kwong Tong, Kwong Tong..

**Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz:** Di Sungai Besi, kan? Saya cadang untuk jadikan *tourism spot* sebab saya tengok dia punya kubur-kubur itu, batu-batu itu tahun 1901, macam-macam, lama dan janganlah jadikan tempat itu tempat yang menakutkan. Kita kena buat tempat itu kerana dia tengah-tengah bandar, biarlah dia jadi tempat orang berjalan, *joggingkah*, apakah. Lama-lama hantu pun lari.

**Dato' Haji Mohd. Zaim bin Abu Hasan [Parit]:** Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz:** Ya.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Parit.

**Dato' Haji Mohd. Zaim bin Abu Hasan [Parit]:** Parit.

**Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz:** Nanti sekejap, nanti sekejap, sekejap. Saya tak habis lagi. Jadi sebab itu kepada saya, kita memberi kerjasama dengan semua Yang Berhormat Batu Pahat ya. dengan semua jabatan di bawah kementerian-kementerian yang lain asalkan mereka minta kerjasama, kita akan beri dan kita juga sebagai contoh, dia ada dua cara. *Top-down, down-up* ya. Kadang-kadang dari bawah yang minta kepada kita untuk menjadikan satu buah tempat itu sebagai pelancongan. kadang-kadang kita juga tengok pula kalau ada potensi, kita kena *approach* jabatan itu dan mengatakan boleh tak kita nak buat *touristic* punya *spot*kah, di tempat-tempat berkenaan. Jadi ini telah dilakukan selama hari ini dan kita sentiasa terbuka untuk bekerjasama dengan sesiapa sekali pun. Ya, Yang Berhormat Parit.

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Eh Yang Berhormat Menteri, ada satu *tourism* penculikan.

**Dato' Haji Mohd. Zaim bin Abu Hasan [Parit]:** Nanti dulu, sabar dulu.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Parit dulu Yang Berhormat.

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** *Tourism* penculikan di Semporna dan Lahad Datu.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Seputeh. Yang Berhormat Parit ya.

**Dato' Haji Mohd. Zaim bin Abu Hasan [Parit]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Yang Berhormat Menteri, bila Yang Berhormat Menteri bercakap pasal tanah kubur tadi, kami di Parit itu banyak makam Diraja yang bila tiap-tiap tahun, Tuanku Sultan dalam istiadat pertabalan akan berkunjung ke semua makam-makam Diraja sebelum- jadi saya hendak tahu apakah perancangan yang dibuat oleh Kementerian Pelancongan bagi membangunkan industri pelancongan di kawasan Parlimen Parit terutama pula di Parit itu ada pula satu buah tempat nama dia tempat pemulihan tuntung dan Parit ini berhampiran dengan Lumut.

Jadi kalau ada pakej yang boleh diaturkan, maksudnya sebelum ke Lumut, singgah di Parit *nengok* makam-makam Diraja, *nengok* juga pusat-pusat tuntung, baru terus tidur di Lumut. Apakah pandangan Yang Berhormat Menteri? Terima kasih.

**Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz:** Bagus, sebab ada orang pelancong yang minat kepada perkara seperti yang disebut oleh Yang Berhormat.

Tengok tuntung bertelur, tepi sungai, atas tebingkah, selepas itu pergi ke makam-makam, memang ada, memang ada minat. Saya percaya Kerajaan Negeri Perak menerusi badan promosi pelancongan negeri Perak telah menyediakan pakej ini. Jadi Yang Berhormat, kalau nanti saya akan melawatlah ke Parit, kita akan tengok apa lagi yang ada di situ. Ya, baik.

Yang Berhormat Seputeh tak ada apa ya?

Kemudian Yang Berhormat Bukit Gantang...

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** *[Berucap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz:** Ya, mencuri kan? Ha?

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** *Tourism* penculikan di Sabah, itu tempat...

**Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz:** Ha, *Tourism* penculikan. Tak yang sebenarnya yang kena culik itu, dia sebenarnya diculik di Tawi-Tawi, bukan di Sabah. Ya, betul. Dia di Tawi-Tawi, kemudian sebenarnya dia pun *girlfriend* dia orang Filipina yang meninggal itu. Jadi dia tak ada kaitan dengan di negeri Sabah ini. Dia ditangkap di Tawi-Tawi. Akan tetapi Yang Berhormat, saya hendak sebut satu lagi, kawasan *border maritime* Malaysia dengan Filipina ini, pulau-pulau Filipina ini terlalu dekat dengan Sabah yang menyebabkan sempadan Filipina dengan Malaysia ini sudah terlalu rapat. Oleh sebab di bawah kerajaan yang dahulu, Filipina, dia tidak mengiktiraf Sabah sebagai hak Malaysia. Jadi dia tidak ada *border patrol* di laut. Yang patrolnya kita sahaja dan apabila benda ini berlaku, dia lari masuk ke perairan Filipina, kita tak boleh masuk dah.

Dia berlaku- bermaknanya tanggungjawab untuk menjaga *border* ini, Malaysia sahaja, Filipina dia langsung tak ambil tahu, sebab tidak sempadan Filipina dengan Malaysia mengikut pandangan Kerajaan Filipina. Itu yang kita susah. Kalau dua-dua menjalankan *patrol* di *border* senanglah kita tetapi ini Malaysia sahaja. Akan tetapi baru-baru ini Duterte telah memberi kebenaran kepada kita iaitu kalau sekiranya sesuatu perkara penculikan itu berlaku di perairan Malaysia, kalau mereka masuk ke Perairan Filipina kita dibenarkan untuk mengejar sehingga dapat tangkap. Jadi selama hari ini tak boleh. Jadi saya hendak sebut ini kerana bukan kerana kita tak boleh kawal tetapi kita tidak mendapat kerjasama daripada Kerajaan Filipina yang tidak menjaga sempadan perairan. Mereka bukan- jadi hendak buat *tourism* penculikan tak bolehlah.

Yang Berhormat Bukit Gantang lagi ya. Yang Berhormat Bukit Gantang ada promosi lawatan ke kebun Bukit Gantang. Yang Berhormat, boleh Yang Berhormat? Memang saya sudah sebut tadi iaitu apa sahaja merupakan pelancongan. Kita mempromosikan pakej durian di Hong Kong. Pada musim durian sahaja, kita buat pakej *durian eating*, habis jual. Orang yang *queue* di Hong Kong, saya masih ingat, saya ada di situ- yang *queue* hendak beli kita punya pakej ini dia *queue* satu buah bangunan, punya panjang. Ini kerana mereka datang. Dia kerja sampai hari Jumaat, dia datang hari Jumaat, dia balik pagi Isnin. Pergi makan durian sahaja, habis laku. Jadi memang kalau kebun-kebun ini, memang boleh merupakan produk pelancongan.

Saya pergi ke Jelebu baru-baru ini Kuala Klawang, di Chennah. Di Kampung Chennah saya pergi, ada satu *farmer*, dia ada kebun. Dia ada 300 pokok durian. Dia bagi tahu kepada saya, semusim sahaja dia boleh dapat sejuta. Semusim, makan durian. Durian yang tidak ada harga. Maknanya hari pertama, hari kedua musim itu ada harga, lepas itu dilambakkan tak ada harga tetapi kalau kita panggil orang daripada negara China datang, dia memang suka makan durian. Jadi memang betul Yang Berhormat, kalau ada kebun-kebun pun boleh dijadikan sebagai tarikan pelancong. Yang Berhormat bagi tahu kepada saya di mana kebun-kebun di Bukit Gantang, kita boleh promosikan untuk...

**Dato' Sri Wee Jeck Seng [Tanjong Piai]:** Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz:** ...Kebun-kebun kita boleh buat promosi lawatan. Tiada masalah. Ya, Yang Berhormat Tanjong Piai.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Tanjong Piai.

**Dato' Sri Wee Jeck Seng [Tanjong Piai]:** Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Yang Berhormat Menteri, di Parlimen saya ada kampung perairan laut air masin. Jadi pada kebiasaannya pada hari Jumaat, Sabtu, Ahad, ramai

pelancong beribu-ribu. Akan tetapi hari kebiasaannya tiada pelancong. Jadi minta jasa baik mungkin Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan bantu bagaimana boleh mendapatkan ramai pelancong pada hari-hari kebiasaan. Terima kasih.

**Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz:** Mungkin kita pergi ke Tanjong Piai, memang betul. Memang betul itu satu buah kampung perairan. Saya tengok di bagan-bagan itu telah pun didirikan hotel-hotel dan memang- dan di seberang ada pulau, *swamp*, pokok bakau, memang cantik betul. Memang betul, memang cantik, saya sudah pergi. Yang Berhormat cakap itu betul. Memang dia hari Jumaat, Sabtu, Ahad ramai. Hari lain itu kosong sikit tetapi itu biasalah Yang Berhormat. Bagi dia orang *restlah* kan. Pasal tiga hari itu kerja kuat betul, memang ramai, memang ramai. Orang Singapura, *domestic tourism* pergi, memang ramai. Yalah, kalau maknanya selalunya begitulah. Bila bukan hari cuti dia lengang sedikit.

■1710

Akan tetapi saya rasa kalau di situ juga, Yang Berhormat, saya tahu masakan laut pun ada. Jadi saya ingat kalau hari lain pun- sebenarnya Tanjong Piai tidaklah jauh sangat dari Johor Bahru itu sebenarnya. Ada jalan elok semua. Saya rasa kita boleh penuhkan pelancong-pelancong pada hari-hari lain kalau kita ada restoran-restoran lebih banyak lagi yang terkenal, masakannya sedap, orang akan datang.

Saya setuju, Yang Berhormat. Kalau ada apa lagi Yang Berhormat Tanjong Piai hendak buat, beritahu. Cuma kadang-kadang ada juga orang yang pergi Tanjong Piai tapi naik jeti pergi ke Karimun.

Akan tetapi betul, Tanjong Piai memang saya begitu bangga sekali. Cukup bangga melihat satu buah kampung nelayan Cina sekarang ini mereka bukan sahaja hidup atas bela ikan tetapi pelancongan memberikan wang yang lebih kepada mereka. Di samping mereka juga membuat kerja-kerja bela ikan, macam-macam sebenarnya.

Jadi memang Tanjong Piai terkenal termasuk tempat yang dikatakan *the southernmost tip of mainland Asia*, betul tak? Saya sudah pergi, sudah melawat dah. Betul. Di situ pun kalau kita naikkan bendera Malaysia situ dan kita tulis sahaja. Sebenarnya kita ada bagi duit, Yang Berhormat, kepada tempat di Tanjong Piai itu. Baru-baru ini ada banjir kah apa, laut tinggi sedikit, sudah rosak. Akan tetapi kita akan ganti balik. Okey, tahniah.

**Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]:** [Bangun]

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Kota Tinggi bangun.

**Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz:** Yang Berhormat Kota Tinggi? Okey, okey.

**Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya hendak tanya Yang Berhormat Menteri. Saya baru balik Melaka semalam. Saya tengok Melaka ini dia punya *health tourism* memang berkembang maju, sudah ada *airport* dan sebagainya. Ini satu segmen.

Satu lagi segmen saya tengok yang amat menarik ialah *sport tourism*. Kita lihat banyak *golf course*- contohnya. Adakah kerajaan, kementerian bercadang untuk membuat pakej-pakej istimewa atau membuat promosi lebih hebat menarik *golf tourism* contohnya, atau *sport tourism* ke Malaysia? Terima kasih.

**Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz:** Yang Berhormat, *golf tourism* memang satu seksyen, sektor pelancongan yang kita promosi. Kita ada lebih daripada 220 *golf course* di Malaysia. Kita jual pakej ini di Jepun, di Korea dengan memperkenalkan itu bahawa *play golf 24/7/365*. Makna sepanjang tahun. Berbeza dengan di tempat-tempat lain, apabila datang *winter*, tidak boleh main golf. Kita memang 24 jam sebab malam pun boleh main golf. Jadi memang betul, Yang Berhormat, kita mempromosikan golf. Dan pada setiap tahun kita ada pakej di mana mereka hanya datang main golf sahaja.

Baru-baru ini ada satu *charter flight* daripada- saya lupa dah- Shenyang kah mana, dari China, datang dekat 200 orang main golf sahaja dan dia ikut dia punya penyanyi yang dia suka, Jody Chiang, penyanyi China, bawa *charter flight* main golf sahaja selama seminggu.

Jadi memang betul, *golf tourism* satu sektor yang kita galakkan dan memang kita promosikan *golf tourism* ini. Kalau Yang Berhormat ada cadangan yang lain, boleh beritahu. Mungkin *kot* ada lagi *golf course* yang kita tidak kenali lagi, boleh kita promosikan.

Kalau boleh Yang Berhormat minta Yang Berhormat Menteri Besar Johor jadi Exco Pelanconganlah, senang sedikit saya berkira dengan dia. Pasal di Melaka itu, Ketua Menteri, dia adalah juga Exco Pelancongan. Jadi dia boleh promosi secara *direct*, senang. Jadi dia boleh buat keputusan apa sahaja demi kepentingan pelancongan.

Yang Berhormat Bukit Gantang juga...

**Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]:** Yang Berhormat Menteri, sedikit boleh tak? Sedikit saja lagi.

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Boleh.

**Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz:** Sedikit? Okey.

**Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]:** Terima kasih Yang Berhormat Seputeh. Sebab apa, golf ini ada *Golf Channel* dan *followersnya* memang ratusan juta. Jadi kalau kita boleh *get Tourism Malaysia* dalam *Golf Channel* ini dan kita ada *golf-golf courses* yang memang *top the range* macam Els yang baru buka



di Johor, Datai dan banyak lagi. Jadi saya ingat ini satu aspek yang kita boleh *promote*. Cuma satu saya tengok mungkin kita nak kena ada kedi-kedi yang *up to the standard* jugalah. Itu sahaja. Mungkin kalau Tourism boleh tengok. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya, sudah melebihi satu jam, Yang Berhormat.

**Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]:** Yang Berhormat Menteri, tolong alu-alukan Yang Berhormat Ampang baru balik.

**Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz:** Tuan Pengerusi, saya sudah jawab. Jadi saya ingat kita hendak habis malam ini ada lagi dua kementerian, jadi yang mana yang saya tidak sempat jawab, saya akan beri jawapan yang bertulis. Terima kasih.

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Seputeh puji Yang Berhormat Menteri tetapi Yang Berhormat Menteri tidak jawab.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

**Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]:** Kita hendak senarai nombor kereta 20 buah itu.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Jawapan yang bertulislah, Yang Berhormat ya.

**Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz:** Jawapan bertulis.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM785,830,000 untuk Maksud B.31 di bawah Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

*[Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui]*

*[Wang sebanyak RM785,830,000 untuk Maksud B.31 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM214,936,200 untuk Maksud P.31 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan bagi tahun 2017 hendaklah diluluskan.

*[Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui]*

*[Wang sebanyak RM214,936,200 untuk Maksud P.31 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan 2017]*

**Maksud B.48 [Jadual] -  
Maksud P.48 [Anggaran Pembangunan 2017] –**

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Kepala B.48 dan Kepala Pembangunan P.48 di bawah Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat terbuka untuk dibahas.

Yang Berhormat Permatang Pauh.

**5.17 ptg.**

**Datuk Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail [Permatang Pauh]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Minta maaf, saya lari sebab ambil masa sekejap untuk menunaikan solat Asar.

Terima kasih Tuan Pengerusi kerana memberikan peluang kepada saya untuk berucap dan membahaskan Kepala Butiran 010100 – Khidmat Pengurusan, kod 20000 di bawah belanjawan bagi Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat.

Menurut butiran ini, anggaran belanjawan tahun 2016 RM64 juta. Bagi tahun 2017, anggaran ini telah jatuh mendadak, Tuan Pengerusi, kepada RM6 juta sahaja. Ini merupakan pengurangan yang ketara sebanyak 75 peratus. Sebanyak 75 peratus diskaun untuk wanita. Saya meminta penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri mengenai apakah kewajaran di sebalik pengurangan-pengurangan ini?

Saya merujuk pula kepada Butiran 020200 – Pelaksanaan Dasar Wanita.

Ini penting, Tuan Pengerusi. Perbelanjaan ini di bawah butiran yang telah dikurangkan daripada RM11.2 juta kepada RM6.9 juta sahaja. Ini bermaksud pelaksanaan dasar wanita mengalami kekurangan perbelanjaan sebanyak 38 peratus. Mengapakah begitu ketara sekali pengurangan-pengurangan ini? Apakah dasar-dasar yang hendak dilaksanakan? Sekiranya kementerian tidak sudi membelanjakan wang dalam hal ini, bukankah pelaksanaan dasar-dasar tersebut akan terjejas?

Bukan setakat itu sahaja, Tuan Pengerusi. Kod 400000 menunjukkan perkembangan yang sama. Perbelanjaan bagi kod ini telah mengalami kekurangan mendadak sebanyak 70 peratus iaitu daripada RM4 juta pada tahun 2016 kepada RM1.2 juta sahaja pada tahun 2017.

Saya meminta Yang Berhormat Menteri menyatakan senarai badan yang telah menerima perbelanjaan ini serta badan-badan yang telah dipotong perbelanjaannya. Apakah kesan akibat pemotongan itu? Saya khuatir kerana perbelanjaan masih dipotong walaupun jumlah pada tahun 2016 sudah pun begitu rendah.

**■1720**

Kekurangan sebanyak RM2.8 juta ini tidak munasabah. Alangkah baiknya jika Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sudi mengorbankan penerbangan jet yang menelan belanja RM2.8 juta duit negara kita dan akan berjimat untuk disalurkan ke unit ini kerana kalau kita lihat apa yang telah disoalkan oleh Yang Berhormat Seputeh bahawa Perdana Menteri telah pergi ke Europe, Amerika, Milan. Apabila dah sampai ke Washington, pergi pula ke Milan. Kalau dibandingkan dengan Presiden Jokowi, Indonesia ataupun Perdana Menteri Singapura yang pergi bercuti mengambil *commercial flight*. Ini yang kita boleh melihat sebagai bandingan.

Seterusnya saya merujuk juga kepada Butiran 020500 – Bimbingan dan Kaunseling di mana belanjawannya hanyalah RM478,400 sahaja, kurang daripada setengah juta.

Hal ini amatlah merunsingkan kerana bimbingan dan kaunseling perkara yang sangat penting terutama sebagai sistem sokongan- *support system* Tuan Pengerusi, bagi mangsa-mangsa keganasan domestik terutamanya. Untuk pengetahuan Dewan yang mulia ini, mangsa keganasan domestik terdapat anggaran sebanyak 3,300 kes-kes keganasan domestik yang dilaporkan setiap tahun di mana kebanyakan mangsanya terdiri daripada kaum wanita.

Belanjawan setengah juta ini bermaksud kementerian hanya sudi membelanjakan RM144 sahaja bagi setiap mangsa penderaan yang memerlukan khidmat kaunseling. Sila mengambil maklum bahawa anggaran ini tidak termasuk bilangan kes-kes keganasan domestik yang tidak dilaporkan. Selalunya dalam apa-apa kes *domestic violence*, dengan izin, hanya 40 peratus dilaporkan, 60 peratus lagi tidak dilaporkan. Kalaulah dipotongnya perbelanjaan untuk kaunseling yang 40 peratus pun, bayangkanlah bagaimana masalah *domestic violence*, keganasan rumah tangga, keganasan domestik ini boleh ditangani dengan cara yang lebih baik lagi. Inilah yang kita kluatir.

Merujuk pula kepada Butiran 040300 – Kaunseling dan Psikologi.

Hanya RM1.6 juta diperuntukkan bagi 2017 berbanding dengan RM2.2 juta pada tahun ini, 2016. Kaunseling dipotong lagi. Sebagai seorang doktor, dulunya saya memang kerja doktor, saya ingin menegaskan bahawa bantuan kaunseling psikologi amat penting untuk kaum wanita, bukan sahaja wanita tetapi kanak-kanak, warga emas dan orang kelainan upaya demi menjaga kesihatan mental mereka. Ini yang penting.

Saya ingin merujuk kepada program khusus Butiran 070800 – Sosioekonomi Keluarga Miskin.

Tuan Pengerusi, keluarga miskin, menurut kod 40000 pemberian pada tahun 2016 ialah RM235 juta. Bagi tahun 2017, jumlah tersebut dipotong sebanyak 21 peratus turun kepada RM185 juta sahaja. Jadi Tuan Pengerusi, program ini bertujuan untuk membantu keluarga-keluarga miskin. Dengan pelaksanaan cukai barang dan perkhidmatan (GST) dalam situasi kemelut ekonomi sekarang ini, sukar buat saya untuk mempercayai bahawa bilangan keluarga miskin telah jatuh sebanyak 21 peratus. Bukankah pemotongan ini bermaksud kita secara tidak langsung mendera keluarga-keluarga miskin yang sudah pun terpaksa menghadapi GST dan kenaikan harga barangan. Ingat, ini umlah perbelanjaan bukannya kos bekalan perkhidmatan ataupun emolumen. Penurunan sebanyak RM50 juta ini terlalu tinggi dan tidak patut dilaksanakan.

Jika kita memberi RM1,000 setahun kepada setiap keluarga miskin, potongan RM50 juta bermaksud 50 ribu buah keluarga akan gagal menerima bantuan kewangan ini. Kita potong 50 ribu buah keluarga miskin, adakah ini patut kita lakukan dalam negara kita ini? Peruntukan ini sepatutnya ditingkatkan supaya keluarga-keluarga miskin dapat mengharungi ekonomi yang teruk pada tahun hadapan.

Di kawasan saya, saya memerhatikan bilangan keluarga yang datang untuk meminta bantuan kebajikan telah naik sebanyak 20 peratus sampai 30 peratus. Ini yang berlaku, mereka datang meminta bantuan. Kalaulah di tempat-tempat lain, tidak tahulah BN tidak dapat *kot* tetapi di tempat kami memang mendapati bahawa orang yang datang untuk meminta bantuan itu memang naik jumlahnya. Kalau kerajaan potong, ini satu penganiayaan terutama kepada mereka yang kurang berpendapatan.

Jika kita memberi, yang saya baca tadi itu, sehubungan dengan itu saya menolak belanjawan pembangunan ini dan mencadangkan ia dipinda. Saya kira bahawa inilah sepatutnya untuk kerajaan meminda, fikirkan lagi baik-baik dan bagaimana rakyat menderita. Dengarlah rintihan rakyat. Ya lah, memanglah kata tugas Perdana Menteri terbang sana, terbang sini, menyanyi juga, mungkin itu adalah salah satu daripada tugas Perdana Menteri, karaoke diplomasi. Memang saya baca, memang dia kata karaoke diplomasi. Mungkin diberikan, kata ini ialah tugas Perdana Menteri tetapi janganlah diabaikan rakyat. Ini yang saya pada petang ini mohon agar dipinda dan diberikan cadangan untuk membaik pulih peruntukan untuk Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat ini.

Jadi saya harap Menteri akan menyemak semula isu-isu yang saya bangkitkan tadi. Sekejap ya Tuan Pengerusi, *last point*.

Tuan Pengerusi, sebelum saya mengakhiri, saya ingin menimbulkan satu lagi isu berkaitan kebajikan jururawat-jururawat di hospital awam. Saya difahamkan bahawa

bayaran kerja lebih masa *overtime* buat pekerja-pekerja hospital ini terutama para jururawat telah tertunggak selama tiga sampai empat bulan. Saya ingin bertanya apakah ini benar wahai Menteri? Rakan-rakan saya juga merungut bahawa kenaikan harga barang dan cukai GST telah membebankan hidup mereka sebagai jururawat.

Jadi oleh sebab majoriti profesion jururawat meliputi kaum wanita dan ini Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, saya berharap agar Menteri turut meneliti isu ini dan membuat perubahan sewajarnya. Seperti mungkin idea sebagai Menteri Kesihatan sebagai- hak jururawat-jururawat kita dapat dipertahankan. Saya diberitahu bahawa dulunya jururawat-jururawat yang ada *post basic training specialization, post basic training* mendapat *allowance* RM100 sebulan tetapi semenjak graduan-graduan 2015, mereka mendapat surat bahawa elaun RM100 sebulan itu telah dimansuhkan. Adakah ini benar, saya hendak bertanya dengan Menteri? Terima kasih Tuan Pengerusi.

#### **5.28 ptg.**

**Dato' Dr. Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya terus kepada Butiran 020200 – Pelaksanaan Dasar Wanita.

Saya melihat kementerian ada menyasarkan peningkatan program kemahiran wanita melalui Program Inkubator Ibu Tunggal ataupun *in short*, dengan izin, I-KIT dan juga Program Inkubator Keusahawanan Wanita ataupun I-KeuNita.

Jadi, soalan saya kepada pihak kementerian saya hendak memohon kementerian untuk menyatakan jenis-jenis program kemahiran yang telah dilaksanakan untuk tahun 2016 ini dan berapakah jumlah penerima kedua-dua program yang saya nyatakan ini. Daripada jumlah ini, pohon juga untuk menyatakan berapakah yang telah diperuntukkan untuk kawasan Parlimen Parit Sulong. Untuk kawasan tersebut, bagaimanakah pemilihan peserta ini telah dibuat? Dan juga saya nak bertanya kepada pihak kementerian sama ada program kemahiran ini akan dikembangkan kepada sebagai contoh servis dari rumah ke rumah memandangkan servis seperti itu boleh menarik dan menambah pendapatan terutamanya kepada generasi wanita.

#### **■1730**

Seterusnya bawah I-KeuNita ini juga, saya hendak bertanya kepada pihak kementerian sama ada program-program yang diletakkan di bawah ini, adakah ia termasuk kepada perniagaan atas talian dan bagaimanakah pemantauan untuk setiap peserta ini dibuat?

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Jawatankuasa]***

Seterusnya kepada Butiran 071500 – PAWE.

Saya hendak bertanya kepada pihak kementerian di bawah tajuk ini, apakah jenis aktiviti yang dianjurkan dan apakah perbezaan di bawah butiran ini dengan Butiran 071600 – Unit Penyayang Warga Emas? Dan apakah tujuan diadakan PAWE ini dan bagaimanakah penglibatan JKM di peringkat daerah- maknanya dengan izin, *involvement of JKM* di setiap daerah?

Seterusnya kepada Butiran 040900 – Warga Emas.

Apakah ada perancangan untuk pusat warga emas ini ditubuhkan di kawasan Parlimen Parit Sulong? Saya rasa, keperluannya ada sekarang dan mohon sekiranya ada peruntukan supaya dipertimbangkan di kawasan Parlimen Parit Sulong.

Seterusnya ke Butiran 030200 – Latihan.

Di bawah butiran ini, saya melihat pihak kementerian ada menyediakan latihan khusus buat pegawai, kakitangan kementerian dan juga staf di bawah agensi kementerian yang saya kira bertujuan untuk meningkatkan pengetahuan dan kemahiran mereka mengenai isu-isu pembangunan sosial. Jadinya, sehubungan dengan itu, soalan saya adalah, apakah pihak kementerian ada menetapkan sebarang KPI bagi warga kementerian yang perlu dicapai berikutan dana bagi latihan ini menelan satu perbelanjaan yang agak besar? Bagaimanakah pihak kementerian memastikan pelaksanaan program latihan ini dapat memberi pulangan yang begitu positif kepada kerajaan?

Seterusnya Butiran 040400 – Pentadbiran Negeri dan Daerah.

Saya tengok ada peningkatan di sini dan saya melihat juga jumlah Pejabat Kebajikan dan Masyarakat Daerah dijangka akan meningkat kepada 150 berbanding dengan jumlah 147 pada tahun sebelumnya. Soalan saya, daerah manakah penambahan pejabat kebajikan ini dan berapakah jumlah peruntukan? Saya juga hendak bertanya, untuk Daerah Batu Pahat ini, berapa jumlah yang telah disalurkan untuk kebajikan masyarakat terutamanya di Daerah Batu Pahat ini?

Satu soalan yang saya hendak tanya kepada pihak kementerian ini mengenai pegawai JKM daerah itu sendiri. Adakah dia di bawah Pusat ataupun di bawah negeri? Berapa lamakah sekiranya ada bencana- sebagai contoh baru-baru ini di kawasan Parlimen saya, terdapat bencana ribut. Saya hendak bertanya kepada pihak kementerian, berapa lamakah sehingga selesai daripada proses *complain* ataupun laporan kepada pihak JKM sehingga ia dapat diselesaikan? Berapa lama proses tersebut? Ini kerana sesetengahnya saya tengok belum sempat hendak terima, sudah hujan balik. Itu saya minta pihak kementerian untuk melihat perkara ini. Sebab sekiranya

lambat, ia akan menyusahkan penduduk setempat yang sudah semestinya mereka ketika ini berada dalam kesusahan.

Seterusnya kepada Butiran 070800 – Sosioekonomi Keluarga Miskin.

Di bawah butiran ini, saya mohon kementerian untuk menyatakan kriteria dan syarat kelayakan bagi penerima bantuan ini dan apakah kategori rakyat yang layak untuk mendapat bantuan ini sama dengan kategori B10 eKasih ataupun berdasarkan isi rumah yang berada di bawah pendapatan garis kemiskinan negara?

Seterusnya saya gabungkan sekali Butiran 090100 – AZAM Niaga; Butiran 090300 – *Home Help*; dan Butiran 090400 – Anjung Singgah.

Daripada jumlah ini, saya mohon hendak bertanya mengenai jumlah dalam Ringgit Malaysia bagi setiap kelulusan bagi AZAM Niaga ini dan saya juga hendak bertanya mengenai program ini dan syarat kelayakannya dan siapakah yang memberi ataupun menjadi orang yang boleh- maksud saya apa yang saya hendak tanyakan di sini adalah, siapakah yang boleh memanjangkan nama siapa yang boleh memohon untuk program AZAM Niaga ini? Saya ada mendengar *complain* mengenai Program AZAM Niaga ini yang telah dibuat *interviewnya*, yang telah diluluskan tetapi sampai sekarang saya mendengar bahawa tidak ada apa-apa tindakan yang dibuat oleh pihak kementerian. Jadi saya hendak bertanya pendirian kementerian mengenai perkara ini.

Untuk menerusi Program *Home Help* ini pula, saya hendak mohon supaya kementerian memaklumkan jumlah sukarelawan untuk program ini yang mendaftar di Daerah Batu Pahat.

Akhir sekali, saya hendak bertanya kepada pihak kementerian mengenai peranan yang dimainkan oleh program Anjung Singgah dalam menaik taraf kehidupan golongan gelandangan. Adakah kementerian bercadang untuk melebarkan lokasi projek Anjung Singgah ini? Mungkin bukan sahaja terletak di Kuala Lumpur tetapi juga di tempat-tempat lain. Apakah tindakan pihak kementerian dalam waktu yang sama berusaha untuk mengurangkan ataupun *zerorisekan* gelandangan terutamanya di Ibu Kota ini? Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat Parit Buntar.

**5.36 ptg.**

**Dato' Dr. Mujahid bin Yusof Rawa [Parit Buntar]:** Terima kasih kepada Tuan Pengerusi.

Saya ingin merujuk kepada Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat pada Butiran 010000 iaitu di bawah Butiran Dasar Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, serta Pelaksanaan Dasar Sosial Negara.

Tuan Pengerusi, saya ingin bertanya kepada kementerian. Pertama ialah tentang jumlah rumah perlindungan bagi keganasan rumah tangga. Ini juga termasuk rumah perlindungan kanak-kanak dan saya mohon supaya disenaraikan mengikut negeri-negeri, yang pertama. Kedua, sejauh mana program-program yang dijalankan di bawah pusat ataupun rumah-rumah perlindungan itu berkesan. Ini kerana keganasan rumah tangga hari ini adalah sesuatu yang agak membimbangkan dalam negara kita. Akan tetapi apa yang lebih membimbangkan kita ialah sejauh manakah keberkesanan kita menanganinya melalui perlindungan kepada mangsa mahupun dalam keganasan rumah tangga ataupun kanak-kanak yang menjadi mangsa kepada *domestic violence* ini.

Seterusnya, dalam butiran yang sama, saya ingin bertanyakan tentang bagaimanakah wanita-wanita yang bekerja, ibu-ibu yang terpaksa menyusukan anak pada waktu mereka bekerja ini. Saya mahu tahu bagaimana kementerian mengendalikan tempat-tempat penyusuan dan penjagaan bayi bagi ibu-ibu yang bekerja. Saya menerima banyak aduan khususnya di pihak sektor swasta yang tidak terlalu sensitif. Mungkin kerana kos dan sebagainya, sedangkan ia merupakan satu buah dasar bagi kerajaan untuk memastikan bahawa setiap ibu yang bekerja itu, anak-anak yang perlu kepada penyusuan dan penjagaan itu dapat diberikan tempat yang selesa. Jadi mohon penjelasan, sejauh mana tempat-tempat ini khususnya di sektor swasta dikuatkuasakan.

Seterusnya, saya ingin membawa perhatian Yang Berhormat Menteri kepada isu yang lebih besar iaitu yang ada kaitannya tentang *maternity leave* dan sebagainya. Kita sedia maklum dalam bancian yang terkini, kita dapati bahawa peningkatan kadar kelahiran bagi setiap isi rumah itu semakin menurun di negara kita ini.

#### ■1740

Menjadi satu buah dasar kerajaan sebelumnya menggalakkan *birth rate* yang tinggi, kadar kelahiran yang tinggi. Ini juga termasuk daripada segi kita berada pada satu buah negara yang dipanggil *ageing nation* iaitu orang yang berumur 65 tahun ke atas lebih ramai daripada kadar kelahiran yang diperlukan. *Now*, sudah tentu perkara tersebut perlu mendapat sokongan dari sudut menggalakkan lebih ramai anak.

Dalam hal ini, saya ingin merujuk kepada tindakan kementerian terhadap Akta Pekerjaan 1955 yang jikalau kita melihat dari sudut *maternity leave* yang dikatakan *paid maternity leave* (PML) diberi sepanjang 60 hari tempoh *maternity* itu. Manakala *paternity leave* pula selama dua hari bagi bapa yang menerima kelahiran bayi *natural* daripada keluarga dia.

Saya ingin mengetahui daripada pihak kementerian beberapa perkara. Pertama, 60 hari dalam konteks seorang ibu yang baru melahirkan anak belum cukup, terutama



melibatkan soal penyusunan dan sebagainya. Maka itu, adakah kerajaan bercadang untuk menilai semula tempoh jangka masa 60 hari ini kepada 90 hari yang lebih realistik dan lebih praktikal dengan maksud bayar, gaji terus berjalan. Itu satu.

Kedua, negara-negara dunia yang lain sudah pun memperkenalkan apa yang dikatakan sebagai *parental leave*. Hari ini tanggungjawab *shared responsibility* dalam membina rumah tangga yang bahagia bukan hanya terletak kepada isteri dalam konteks bayi yang baru dilahirkan. Ia juga dipertanggungjawabkan kepada si suami. Oleh itu, suami juga perlu diberi cuti yang sama tempohnya supaya kedua-dua dapat menumpukan kepada menjaga bayi yang baru lahir ini. Ada negara-negara selain dari Malaysia yang negara-negara seperti Finland, Denmark, Sweden, Belgium, Iceland dan Norway telah pun memperkenalkan apa yang dikatakan sebagai *parental leave*. Mereka juga layak untuk masih mendapat *paid leave* ini sama macam *paid maternity leave*.

So, sejauh mana usaha kerajaan sudah serius untuk melihat perkara ini? Oleh sebab dasar yang kita hendak memperkenalkan ini iaitu meningkatkan kadar kelahiran supaya *population* kita yang kita *target* sampai kepada had dia. Kita tidak mahu negara kita ini tidak ada ganti daripada generasi-generasi baru. Maka sebab itu, dalam kita hendak mencapai maksud ini perlu ada *consistency* kita dalam konteks Akta Pekerjaan 1955 yang saya kira Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat harus mengambil serius bagi mendesak Akta Pekerjaan 1955 ini dipinda.

Seterusnya saya juga ingin bertanya ibu yang melahirkan lima orang anak, empat orang anak hanya diberikan *paid maternity leave*. Manakala yang lebih daripada itu tidak dapat *paid maternity leave* walaupun mereka berhak mendapat 60 hari. Bagi saya ini tidak adil kerana walaupun dia tidak mendapat *paid maternity leave*, ini menandakan bahawa kita seolah-olah pada waktu yang sama galakan supaya lebih ramai anak tetapi pada waktu yang sama tidak memberi ruang kepada ibu-ibu yang melahirkan lebih daripada empat orang anak ataupun lima orang anak ini.

Oleh sebab itu, saya harap kita jangan mengehadkan *natural bond* daripada ibu-ibu ini, supaya tidak dihadkan, supaya selaras dengan dasar kita hendak meningkatkan kadar kelahiran dalam negara ini. Kalau tidak dia akan menjadi *redundant* ataupun dia *contradict* dengan dasar kerana seorang ibu yang melahirkan lebih daripada lima orang anak ini tidak akan mendapat *paid maternity leave*. Walaupun dia mendapat 60 hari cuti, ini suatu bentuk *discrimination* juga kepada wanita yang sepatutnya diberi galakan melahirkan lebih daripada empat orang anak atau lima orang anak.

Seterusnya, ialah isu *adopted babies*, anak angkat yang diambil bukan daripada *natural babies* ataupun daripada ibu yang mengandungkan anak itu, melahirkan anak tetapi *adopted* iaitu anak angkat. Itu pun tidak ada peruntukan bagi mereka yang ada

anak angkat yang memerlukan juga penjagaan daripada mereka ini, umur mungkin bawah daripada setahun. Ini kerana ada yang mengambil anak angkat, lahir-lahir itu terus diambil anak angkat. So, saya mencadangkan kalau boleh diletakkan juga anak angkat ini, *adopted children* di bawah umur setahun ke bawah yang diambil oleh ibu bapa perlu juga diberi *paid maternity leave* supaya mereka juga diberi keadilan kerana tidak ada bezanya antara kanak-kanak yang lahir *natural* dengan kanak-kanak yang diambil sebagai anak angkat.

Akhirnya, saya ingin bertanya kepada kementerian tentang tindakan yang dibuat supaya tidak berlaku diskriminasi kepada kaum wanita di tempat kerja mahupun ketika mereka mengandung kerana banyak kes yang menunjukkan bahawa ibu-ibu yang melahirkan anak mungkin ibu-ibu yang mengandung ada kes yang mereka dibuang daripada tempat kerja dia dan sebagainya. Jadi saya harap *based on* kita punya persetujuan dalam hak membela dan menindas wanita ini, diskriminasi terhadap wanita ini diberi perhatian juga kepada peruntukan-peruntukan di tempat kerja dan sebagainya supaya tidak berlaku diskriminasi. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Terima kasih. Yang Berhormat Kuala Selangor.

**5.47 ptg.**

**Dato' Sri Dr. Haji Irmohizam bin Haji Ibrahim [Kuala Selangor]:** *Bismillaahir Rahmaani Rahiim.* Terima kasih Tuan Pengerusi kerana mengizinkan saya untuk turut sama membahaskan bagi Peringkat Jawatankuasa Butiran B.48 Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat.

Tuan Pengerusi, saya ingin merujuk kepada Butiran 040000 – Kebajikan Masyarakat.

Saya mengakui bahawa Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat telah melaksanakan *Program Home Help* yang telah memberikan signifikan yang sangat besar dalam usaha kerajaan untuk meningkatkan lagi kesejahteraan hidup masyarakat khususnya di dalam komuniti yang kurang bernasib baik dan juga terpinggir.

Saya melihat Tuan Pengerusi, menerusi *engage* mekanisme ini warga emas dan orang kurang upaya (OKU) yang memerlukan bantuan akan dibantu untuk menjalankan kerja harian dan lain-lain perkhidmatan bantuan sokongan sosial yang bersesuaian. Penglibatan lebih ramai sukarelawan dalam program ini juga saya lihat sebagai satu strategi serampang dua-mata selain daripada misi melahirkan lebih ramai lagi ahli komuniti untuk terlibat dalam kegiatan kesukarelawan. Program ini juga dapat membantu menjayakan agenda di peringkat nasional iaitu sebagai persediaan awal

untuk menyediakan tenaga modal insan bagi membantu mewujudkan satu ekosistem sistem sokongan yang sosial, lebih efektif dan dinamik.

Justeru itu, peri pentingnya *Program Home Help* ini saya ingin memohon agar sukarelawan *Home Help* di Parlimen Kuala Selangor dapat ditambahkan lagi jumlahnya kepada 10 orang bagi mengatasi kekangan dan kekurangan yang dihadapi pada masa kini. Saya juga ingin mencadangkan kepada pihak kementerian agar sukarelawan *Home Help* ini dapat diwujudkan satu kerjasama NBOS dengan pihak universiti awam dan swasta yang menawarkan kursus kerja sosial di samping bertujuan mendedahkan lagi para remaja dalam lapangan khusus yang diremajai oleh mereka.

Selain daripada itu juga bagi memastikan nasib warga emas terus diberikan perhatian khusus, saya juga mohon agar pihak kementerian dapat mempertimbangkan permohonan saya agar dapat dibina sebuah pusat jagaan warga emas atau menaiktarafkan pusat jagaan warga emas yang telah wujud dalam Parlimen Kuala Selangor ini.

Tuan Pengerusi, saya ingin merujuk kepada Butiran 070000 – Program Khusus.

Berdasarkan Statistik Remaja Hamil Jabatan Kesihatan Negeri 2012 hingga 2015, tiga buah negeri dengan statistik tertinggi remaja berumur 10 tahun hingga 19 tahun hamil ialah Sarawak sebanyak 5,246, Johor sebanyak 2,427 dan Selangor sebanyak 1,603.

#### ■1750

Manakala rekod Jabatan Pendaftaran Negara mendedahkan 159,725 kelahiran anak luar nikah atau tidak sah taraf telah didaftarkan di seluruh negara sejak tahun 2013 hingga tahun 2015. Laporan PDRM juga telah menunjukkan jumlah pembuangan bayi di negara ini 432 buah kes sejak tahun 2011 sehingga Jun 2015 dengan kejadian kehamilan luar nikah. Melihat kepada peningkatan statistik yang ditunjukkan, timbul perasaan sayu saya dan juga simpati saya yang mana saya tertanya-tanya dalam pemikiran saya, mengapa ia terjadi.

Harus diketahui bahawa zaman remaja merupakan peralihan terhadap perubahan semula jadi seks kerana peringkat remaja merupakan peringkat perkembangan seks yang paling aktif. Sesetengah hormon meningkat secara mendadak pada peringkat ini seperti hormon *testosterone* bagi lelaki manakala *estradiol* bagi perempuan. Pada peringkat remaja juga mempunyai keinginan untuk mengetahui tentang seksual, berfikir tentang tarikan seksual dan bagaimana untuk melakukan seks. Secara tidak langsung ia mendorong kepada natijah untuk melakukan seks ditambah pula dengan kegagalan menyesuaikan diri dengan perkembangan yang berlaku.

Perkara ini bukan sahaja berlaku di negara kita, Malaysia, malah masalah ini juga berlaku di peringkat global dan menjadi cabaran dalam pembentukan ketamadunan manusia. Ketirisan nilai dan juga keutuhan akhlak dalam kalangan remaja yang terlibat dengan masalah ini juga menjadi satu persoalan yang *significant* untuk kita fikirkan dan kupas dalam mendepani cabaran era globalisasi.

Tuan Pengerusi, justeru itu bagi mengatasi masalah ini, saya ingin bertanya kepada pihak kementerian, sejauh mana program-program yang dijalankan oleh pihak kementerian dapat mengurangkan masalah khususnya kehamilan luar nikah ini. Sejauh mana pihak kementerian mengeluarkan atau memperkenalkan modul-modul terutamanya bagi memastikan bahawa kita dapat mengekang aliran-aliran negatif yang saya fikir sangat membahayakan terutama bagi faktor yang sangat kuat mendorong remaja ke arah perilaku seks ini.

Ini kerana saya lihat teknologi terkini merupakan salah satu elemen terutama telefon pintar atau telefon bimbit yang dilengkapi dengan kemudahan akses yang mana remaja boleh mengakses apa jua maklumat termasuklah bahan lucah. Bahan lucah inilah yang mudah diakses sehingga menggunakan internet, memberi kesan langsung kepada remaja terlibat dengan salah laku seks ini.

**Puan P. Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan]:** Tuan Pengerusi...

**Dato' Sri Dr. Haji Irmohizam bin Haji Ibrahim [Kuala Selangor]:** Okey, sila.

**Tuan Pengerusi:** Sila.

**Puan P. Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan]:** Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih Yang Berhormat Kuala Selangor. Saya ingin dapat pendapat daripada Yang Berhormat Kuala Selangor sama ada selain daripada program PEKERTI yang dijalankan oleh Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat yang khususnya memilih beberapa buah sekolah untuk menjalankan program-program pendedahan kepada *sex education* bermula daripada golongan *primary school*.

Apa pandangan Yang Berhormat Kuala Selangor sekiranya Parlimen ini meluluskan melalui Kementerian Pendidikan, satu pendekatan untuk mengajar kanak-kanak dari bangku sekolah dengan izin *maybe from kindergarten on good touch, bad touch and sex education*. Mungkin kita boleh *rebrand the title sex education so that the public don't think*, dengan izin, *that it is towards sex but more of menghormati perbatasan, persempadanan lelaki dan perempuan, what is good touch and bad touch*. Apakah pandangan Yang Berhormat Kuala Selangor? Terima kasih.

**Dato' Sri Dr. Haji Irmohizam bin Haji Ibrahim [Kuala Selangor]:** Terima kasih Yang Berhormat Batu Kawan atas pertanyaan tersebut. Saya fikir sudah tentu saya ingin ajukan kepada pihak kementerian terutama langkah-langkah pihak kementerian dalam

usaha-usaha NBOS sama ada dengan pihak Kementerian Pendidikan mahu pun dengan MCMC kerana saya fikir sudah sampai masanya apabila merujuk kepada elemen ini, perlu ada elemen-elemen pencegahan dan juga elemen pendidikan.

Saya fikir sudah tentunya apabila menyebut tentang perkara ini, yang paling penting kita hendak mengetahui kenapakah semakin hari semakin meningkat jumlah anak luar nikah dalam negara kita. Jadi sudah tentunya dalam apa yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Batu Kawan tadi, pihak kementerian boleh menyatakan selepas ini.

Tuan Pengerusi, seperkara lagi saya ingin bertanyakan kerana saya lihat pada ketika ini elemen-elemen dalam konteks teknologi terkini terutama sekali ialah aplikasi-aplikasi *online chatting* yang sedia ada seperti *WeChat*, *BeeTalk*, *Facebook Messenger* dan seumpamanya telah menjadi satu aplikasi yang popular di kalangan khususnya generasi muda. Adakah ini juga telah memberikan ruang kepada pertambahan bilangan anak luar nikah di Malaysia kerana ia seakan-akan tiada pemantauan dilaksanakan terhadap aplikasi ini.

Adakah pihak kementerian ingin mencadangkan, mungkin, sudah sampai masanya aplikasi-aplikasi ini dipantau bukan hanya pihak kementerian, tetapi kerjasama pihak kementerian dengan pihak dengan pihak SKMM dan sebagainya. Ini kerana saya lihat, statistik dari Bukit Aman menunjukkan bahawa sejak tahun 2014 hingga kini, 80 peratus kes rogol yang dilaporkan kepada pihak polis dimulakan menerusi *online*.

Saya lihat ini satu perkara yang harus diambil perhatian oleh pihak kementerian kerana teknologi tanpa pengawasan juga menjadi punca kepada gejala sosial ini. Oleh itu, saya amat berharap pihak kementerian, mungkin, sudah sampai masanya menganjurkan pelbagai program kesedaran kerana kita tidak mahu generasi muda yang akan menjadi golongan manusia, yang akan menjadi pewaris kepada negara ini, peningkatan elemen negatif ini akan membahayakan terutama sistem komuniti dan masyarakat kita.

Saya juga mungkin ingin mencadangkan supaya pihak kementerian dapat menganjurkan kempen-kempen kesedaran terhadap bahaya aplikasi ini sekiranya disalahgunakan terutamanya di kalangan masyarakat di peringkat sekolah. Mungkin pihak kementerian juga boleh melakukan pendedahan tentang bahayanya aplikasi ini kepada ibu bapa kerana saya amat yakin ramai di antara ibu bapa mungkin, tidak mengetahui mengenai kewujudan aplikasi ini dan moral para remaja sehingga menjadi faktor kepada pertambahan bilangan anak luar nikah di Malaysia. Ini sebagaimana statistik yang dinyatakan tadi. Jadi Tuan Pengerusi, saya mengucapkan terima kasih. Kuala Selangor menyokong.

**Tuan Pengerusi:** Sila.

**5.57 ptg.**

**Puan Teo Nie Ching [Kulai]:** Terima kasih Tuan Pengerusi, mengizinkan saya untuk mengambil bahagian dalam perbahasan hari ini. Saya ingin menyentuh 020000 – Pembangunan Wanita.

Semasa perbahasan saya pada 2 November, saya telah mengeluarkan satu soalan kepada Yang Berhormat Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat. Bagaimanakah kita hendak mengatasi diskriminasi terhadap wanita di tempat kerja swasta terutama golongan yang sedang mengandung? Jawapan daripada Yang Berhormat Menteri pada masa itu adalah selain daripada Perlembagaan Persekutuan, Akta Kerja 1955 yang menyentuh perkara yang berkaitan dengan diskriminasi terhadap wanita telah dipinda dan berkuat kuasa pada 1 April 2012.

Walau bagaimanapun, saya rasa memang pindaan telah dibuat tetapi kuasanya ataupun keberkesanannya adalah sangat *limited*, sangat tidak mencukupi. Kalau kita ikut undang-undang yang diperuntukkan setakat ini, seksyen 37 memperuntukkan bahawa dengan izin, *I quote, "A female employee is entitled to maternity leave for 60 days so long as she has been working, she has been employed by the employer at any time in the four months immediately before her confinement and second, she has been employed by the employer for a period or periods amounting in the aggregate to not less than 90 days during nine months immediately before her confinement"*.

Ini undang-undang setakat ini. Maksudnya, memang setiap pekerja wanita sepatutnya berhak untuk mendapatkan *maternity leave* yang tidak kurang daripada 60 hari tetapi di sini, saya ada satu kontrak yang dibuat antara BP Healthcare Group dengan doktor wanita mereka. *Clause 12* menyatakan bahawa *maternity leave* ataupun cuti bersalin dinyatakan di sini, dengan izin, *I quote, "Female doctors are not entitled to any maternity leave within the first year of called service. After one year of service, you are entitled to 30 days paid maternity leave"*.

Tuan Pengerusi, kontrak ini satu percanggahan yang jelas dengan Akta Kerja kita tetapi kita hendak tanya di sini, apakah tindakan yang kita boleh buat terhadap syarikat-syarikat seperti *BP Healthcare Group* ini?

**■1800**

Kontrak ini dibuat pada tahun 2013, 2014 selepas pindaan terhadap Akta Kerja berkuat kuasa. Akan tetapi masih ada syarikat-syarikat di sektor swasta yang membuat kontrak sebegini, satu pencegahan yang jelas terhadap Akta Kerja kita. Kalau kita hendak tunggu pekerja wanita ini pergi ke mahkamah untuk saman syarikat mereka, saman *employer* mereka saya rasa ini satu beban yang cukup besar terhadap wanita

yang telah ditindas ini. Jadi saya rasa kita perlu ambil tindakan yang lebih proaktif. Apa tindakan yang boleh diambil oleh Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat untuk membantu golongan wanita ini?

Saya rasa ini bukan kontrak dengan seorang doktor wanita sahaja tetapi ini kontrak untuk ke semua doktor wanita di dalam syarikat tersebut *which* saya percaya adalah lebih – syarikat ini menyatakan bahawa mereka ada lebih daripada 1,000 buah pusat di seluruh Malaysia. Jadi berapa banyak doktor wanita dan jururawat wanita yang telah menandatangani kontrak yang sama? Kenapakah kita perlu tunggu sampai ada seorang pekerja wanita tampil ke depan untuk menyaman syarikat ini? Kita kementerian perlulah mengambil tindakan yang keras terhadap syarikat-syarikat yang degil macam ini untuk memastikan bahawa mereka mematuhi segala-gala syarat ini yang diperuntukkan di bawah Akta Kerja.

Saya rasa cukup geram terhadap syarikat ini kerana saya terima banyak aduan terhadap syarikat ini. Ini satu kisah yang memang berlaku. Seorang doktor wanita memang selama ini kerja di klinik Seremban. Akan tetapi apabila beliau mengandung selama enam bulan, beliau terima satu Notis untuk pindah ke klinik di Kajang. Beliau perlu pindah ke klinik Kajang dalam tempoh masa seminggu sahaja. Doktor wanita ini pernah mengalami *miscarriage* sebanyak tiga kali. Jadi beliau tidak ada pilihan.

Beliau meminta syarikatnya beri beliau masa yang lagi panjang dua minggu untuk beliau boleh *settle down* di Kajang, tetapi syarikat ini cakap tidak boleh. Kalau *you* tidak ingin ikut arahan, jadi *you* terus letak jawatanlah. Jadi doktor wanita ini memang tiada pilihan kerana dari Seremban ke Kajang, satu *journey* pergi ke sana satu jam. Kalau hendak balik dari Kajang ke Seremban satu jam lagi. Jadi beliau tidak ada pilihan. Pada akhirnya beliau terpaksa untuk letak jawatan.

Saya rasa Tuan Pengerusi, sekiranya golongan doktor wanita di pihak swasta juga ditindas sebegini, bagaimana dengan golongan wanita, pekerja wanita lain yang tidak berpendidikan begitu tinggi? Jadi di sini saya memang minta bahawa kementerian kita perlulah ambil tindakan yang lebih progresif kerana satu kajian yang dibuat oleh *Women's Aid Organisation (WAO)* telah menunjukkan bahawa *I quote, "44 percent of women in the workforce had either lost a job, missed out on promotion, demoted or put through prolonged probation because they are pregnant. 49 percent said they fear losing their jobs or being sidelined because of their pregnancy. More than 30 percent said they were asked if they were pregnant or of their plan to get pregnant when they are interviewed for a job and 31 percent said, they delayed plans to get pregnant for fear of losing a job or promotion"*. Jadi saya rasa diskriminasi terhadap wanita yang

mengandung di tempat swasta adalah begitu jelas. Jadi kita perlulah ambil tindakan yang lebih keras.

Selain daripada itu, saya ingin merujuk kepada Butiran 040800 – Kanak-kanak.

Di sini ada satu statistik yang tertulis pada muka surat 577. Permohonan pengambilan anak pelihara diproses. Saya rasa sekarang seperti tadi yang disebut oleh Ahli Parlimen Kuala Selangor bahawa pembuangan *baby* suatu isu yang cukup serius. Saya hendak tanya di sini, apabila seseorang bayi itu dibuang, kita tidak tahu siapa ibu bapa mereka. Jadi adakah *baby* ini adalah berhak untuk mendapat kewarganegaraan Malaysia? Ini kerana kalau ikut undang-undang kita, kalau ibu *baby* itu bukan warga Malaysia, jadi *baby* itu tidak layak untuk mendapat kewarganegaraan Malaysia. Jadi mereka akan menjadi *stateless children*, dengan izin.

Jadi saya di sini hendak tanya, bagaimana Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat akan membantu *babies* yang cukup kesian selepas ibu bapa mereka membuang mereka di tempat sahaja- di tempat awam? Bagaimana, siapakah yang akan jaga mereka? Adakah mereka akan dapat kewarganegaraan Malaysia? Supaya kita boleh memastikan bahawa golongan ini mereka berhak untuk pergi ke sekolah menerima pendidikan, mereka boleh pergi ke hospital kerajaan dan menerima rawatan pada kadar yang paling murah.

Kalau kita tidak bantu golongan ini, kalau kita biarkan mereka untuk terus menjadi *stateless children* dengan izin, maksudnya mereka tidak boleh pergi ke sekolah rendah ataupun sekolah menengah. Walaupun kalau mereka hendak pergi ke sekolah menengah ataupun universiti, mereka perlu bayar fi penuh seperti warga asing. Ini adalah cukup tidak adil terhadap golongan ini. Jadi saya di sini memang hendak tanyalah, apa itu rancangan Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat untuk membantu golongan ini?

Selain daripada itu, isu terakhir seperti yang telah disentuh oleh Ahli Parlimen Parit Buntar. Saya rasa cukup gembira kerana ada seorang Ahli Parlimen lelaki. Bukan dia sahaja dan juga Ahli Parlimen Kuala Selangor hari itu juga ada sentuh tentang isu *breastfeeding mother*. Saya seorang *breastfeeding mother*, saya hendak tanya apa itu rancangan kementerian untuk terus bantu *breastfeeding mother* supaya kita ada satu suasana pekerjaan yang lebih *breastfeeding friendly*? Sekian itu sahaja, terima kasih Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi:** Ya, Yang Berhormat Bandar Tun Razak.

**6.07 ptg.**



**Tan Sri Dato' Seri Abdul Khalid bin Ibrahim [Bandar Tun Razak]:** Terima kasih. *Bismillaahir Rahmaanir Rahiim.*

Tuan Pengerusi, saya mohon kebenaran untuk membincangkan perkara B.48 dalam Bajet 2017, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat. Butiran 070000; butiran khas Butiran 071500 – Pusat Aktiviti Warga Emas (PAWE); dan Butiran 071600 – Unit Penyayang Warga Emas (UPWE).

Sebelum saya pergi jauh lagi, izinkan saya berkongsi tiga fakta penting yang pernah saya sebutkan dalam perbincangan bajet dasar. Pertama, terdapat sekarang lebih daripada tiga juta jumlah penduduk Malaysia yang berusia 60 tahun dan ke atas. Menurut statistik kesihatan 2014, jangka hayat bagi lelaki ialah 72.5 tahun manakala wanita 77.2 tahun. Malaysia bakal menjadi negara warga emas dalam tempoh 15 tahun di mana 15 peratus daripada jumlah penduduk keseluruhan negara akan terdiri daripada mereka yang berusia melebihi 60 tahun. Ini akan memberi kesan kepada isu berkaitan perubahan sosioekonomi dan khususnya kesejahteraan masyarakat.

Pada 11 Oktober 2016 yang lepas, saya telah memenuhi jemputan untuk membentangkan satu Kertas Kerja dalam dialog berkenaan dasar warga emas bersama-sama pakar-pakar yang berkenaan dan Ahli Parlimen Asia. Perjumpaan tersebut diadakan di Kuala Lumpur dan Parlimen Malaysia juga menjadi hos perjumpaan tersebut. Dalam Kertas Kerja tersebut, saya telah memberitahu bahawa perlunya tindakan secara menyeluruh dalam memenangi peningkatan bilangan warga emas.

#### ■1810

Antara lain, saya meramalkan kemungkinan berlakunya beberapa perkara seperti berikut. Pertama, isu kekurangan tenaga terlatih untuk memastikan penjagaan kesihatan dan perubatan yang cekap dan berkesan bagi warga emas bakal meruncing jika tidak ditangani segera dari sekarang.

Kedua, warga emas akan semakin terasingkan, dan terabai kerana prasarana komuniti dan kemudahan awam tidak mesra warga emas dan tidak memudahkan mereka untuk hidup berdikari dalam jangka masa panjang

Ketiga, kelompok baru golongan miskin dan berpendapatan rendah akan muncul malah meluas kerana jumlah simpanan warga emas terlalu rendah dan tidak mencukupi untuk menampung kos sara hidup di kalangan warga emas akibat tiada dasar spesifik untuk menggalakkan simpanan hari tua.

Keempat, reformasi dana kebajikan dan penjagaan sosial kurang diberi perhatian dan jarang dibincangkan. Jurang dalam penjagaan sosial yang semakin melebar ini akan membawa bencana kepada masyarakat khususnya warga emas masa depan.

Kelima, terdapat jurang antara penawaran perumahan untuk pesara berbanding dengan permintaan dan belum ada satu buah dasar khusus untuk memenuhi keperluan ini.

Keenam, ekonomi negara kehilangan sumbangan berpotensi oleh warga emas yang dianggarkan lebih besar, berbilion, terutama di kalangan warga emas yang masih produktif dan ada keupayaan namun terhalang akibat peluang terhad daripada segi pekerjaan atau pilihan untuk menyumbang kepakaran dan pengalaman di samping waktu kerja yang tidak fleksibel.

Ketujuh, rata-rata trend saiz keluarga masa kini semakin mengecil dengan bilangan anak-anak yang semakin berkurangan. Fenomena ini berlaku pada kadar yang sangat pantas sehingga tidak dapat dikejar oleh sistem alternatif memastikan penjagaan sosial warga emas didahului, banyak dipermudahkan dengan bilangan ahli keluarga yang besar;

Oleh itu, Tuan Pengerusi, demi mengelakkan pelbagai kemungkinan yang saya sebut sebentar tadi yang telah berlaku, banyak negara telah menggubal undang-undang mengenai pengurusan kebajikan warga emas. India, Kanada, Australia dan juga Singapura antara negara-negara yang sudah melakukannya.

Oleh itu, untuk merancang Akta Pengurusan Warga Emas di Malaysia sebagai permulaan, saya sekali lagi mencadangkan sebelum akta dikemukakan, lebih baik Ahli-ahli Parlimen mengetahui tentang keadaan-keadaan yang sebenar iaitu supaya kertas putih merangkumi profil demografi, keperluan penjagaan dan perkembangan warga emas menjelang tahun 2030 disediakan untuk dibentangkan di Parlimen. Dalam masa terdekat, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat boleh memulakan inisiatif untuk menghasilkan satu Kertas Putih yang dicadangkan.

Terima kasih. Saya menyokong.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat Sibuti.

#### **6.14 ptg.**

**Tuan Haji Ahmad Lai bin Bujang [Sibuti]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya terus ke peringkat jawatankuasa Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat. Butiran 070400 – Kurang Upaya PDK.

Tuan Pengerusi, perkhidmatan seperti pusat pemulihan dalam komuniti daripada pihak kerajaan telah memberikan sinar dan harapan kepada keluarga yang mempunyai anak-anak daripada golongan OKU untuk mendapat pemulihan melalui penglibatan masyarakat setempat. Di kawasan saya Sibuti, bagi rakyat di kawasan parlimen, pembukaan PDK di Batu Niah amat bermakna. Saya merasakan kerajaan perlu banyak

melakukan sesuatu kepada golongan OKU di kawasan luar bandar di mana-mana sahaja di Malaysia. Kekurangan perkhidmatan pemulihan pada golongan OKU menyebabkan mereka membesar dipinggirkan oleh masyarakat umum.

Bagi keperluan tahun 2017, saya berharap pihak kementerian dapat memperuntukkan bagi menaik taraf keperluan PDK di Batu Niah dengan pembekalan alat *sensory* bagi membolehkan program pemulihan dapat dijalankan. Kami ahli wakil rakyat, ADUN dan Parlimen, telah memberikan bantuan untuk mereka mengelolakan tempat dan sewaan rumah PDK itu.

Saya terus ke Butiran 071500 – Pusat Aktiviti Warga Emas (PAWE). Kita berterima kasih kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak kerana telah dalam bajetnya mengatakan untuk membantu rakyat yang susah, rakyat yang memerlukan bantuan.

Tuan Pengerusi, terlebih dahulu saya mengalu-alukan rancangan kerajaan yang akan mewujudkan lapan lagi Pusat Aktiviti Warga Emas (PAWE) bagi memberi ruang kepada golongan warga emas mendapat pusat menjalankan aktiviti riadah dan sosial.

Sebahagian besar penduduk luar bandar di kawasan Parlimen saya Sibuti terdiri daripada warga emas. Menjadi harapan saya pada tahun 2017, pihak kementerian dapat mempertimbangkan agar salah sebuah pusat aktiviti warga emas ini dapat diperuntukkan kepada Parlimen Sibuti dan dicadangkan dibuat di Pekan Bekenu.

Bagi makluman Dewan ini, salah seorang pemimpin masyarakat Dayak kawasan saya iaitu Pemanca Wilson baru sahaja mendapat anugerah penggerak pusat warga emas paling aktif di Sarawak. Saya berharap agar dengan mewujudkan pusat aktiviti luar bandar di kawasan luar bandar, maka lebih banyak lagi manfaat kepada warga-warga emas untuk menjalani pelbagai aktiviti untuk menjalankan penghidupan mereka sekali gus dapat meningkatkan semangat warga emas yang tersebut.

Saya percaya, dengan peruntukan yang ada pada Menteri Kewangan dan kementerian ini, bolehlah memberikan bantuan-bantuan dan prasarana yang baik kepada warga emas yang akan hidup beberapa tahun sahaja lagi. Terima kasih. Saya menyokong.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat Kapar hari ini ada bercakap ya? Belum ya? Yang Berhormat Rantau Panjang sudah cakap, Yang Berhormat Seputeh sudah cakap...

**Tuan Manivannan A/L Gowindasamy [Kapar]:** Belum, Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat Batu Kawan sudah cakap. Silakan Yang Berhormat Kapar, jangan panjang sangat. Yang Berhormat Seputeh menunggu.

**6.19 ptg.**

**Tuan Manivannan A/L Gowindasamy [Kapar]:** Terima kasih Tuan Pengerusi kerana memberikan saya ruang untuk membahaskan P.48 dan B.48 terutama sekali butiran pertama yang saya hendak bawakan adalah Butiran 040300 – Kaunseling dan Psikologi.

**■1820**

Dianggarkan penurunan telah berlaku daripada 2.1 juta kepada 1.6 juta. Ini berkaitan dengan kesihatan mental. Jadi, saya ingin menunjukkan soalan saya kepada kementerian daripada 1.6 juta ini, jumlah peratus dana yang akan diagihkan mengikut pecahan-pecahan untuk wanita yang kena dera, lelaki yang kena dera, kanak-kanak yang kena dera, pelajar-pelajar sekolah yang kena dera ataupun kes-kes liwat yang sedang berlaku pada masa ini termasuk warga emas dan OKU. Sepatutnya kerajaan kementerian buat masa ini telah ada peratus untuk kes-kes mengikut kumpulan sasaran ataupun golongan sasaran. So, itu saya hendak kementerian nanti terangkan bagaimana mereka hendak guna pakai 1.6 juta ini mengikut klasifikasi-klasifikasi yang telah saya bangkitkan tadi.

Di samping itu, isu kedua yang saya hendak bangkitkan adalah sekarang banyak sangat kes-kes di mana cikgu yang diberi tanggungjawab dan amanah yang amat berat berlaku kurang senonoh ataupun kurang sopan dengan pelajar-pelajar terutamanya di sekolah rendah. Apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh kementerian untuk menyasat kes-kes yang melibatkan kanak-kanak terutamanya pelajar-pelajar di sekolah rendah? Baru-baru ini, kita ada sembilan orang pelajar dikenal pasti telah diliwat oleh seorang guru tetapi hukuman yang telah dijatuhkan adalah memindahkan guru itu sekolah lain.

Saya rasa kementerian yang terlibat secara langsung terhadap kanak-kanak perlu mengambil inisiatif yang sewajarnya, berjumpa dengan pelajar-pelajar tersebut, mangsa-mangsa tersebut, kenal pasti trauma yang telah dihadapi oleh pelajar-pelajar itu dan memberi satu surat ataupun kertas kerja ataupun kertas siasatan kepada Kementerian Pendidikan. Rekomen-rekomen begitu perlu dilakukan oleh kementerian yang sepatutnya bertanggungjawab iaitu kementerian yang sedang kita bincangkan pada hari ini. So, saya hendak tahu ada tidak kementerian telah mengambil inisiatif turun ke sekolah-sekolah tersebut bincang dengan pelajar-pelajar tersebut. Kalau ada terangkan ataupun jelaskan langkah-langkah yang telah diambil.

Saya juga ingin tekankan, Tuan Pengerusi. Kementerian juga, sepatutnya mengawal selia cikgu-cikgu kaunseling yang ada di setiap sekolah. Saya tidak tahu, saya hendak tahu adakah guru-guru kaunseling ini hanya dipilih daripada Kementerian

Pendidikan dihantar ke sekolah-sekolah tanpa ada pemantauan atau kawal selia daripada Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat ini. Sepatutnya, saya rasa perlu ada satu buah platform ataupun satu kerjasama di antara kedua-dua kementerian.

Sebab saya tidak pasti guru-guru kaunseling yang berada di sekolah-sekolah ini mempunyai kelayakan yang sewajarnya, kemahiran sewajarnya. Boleh memberi kaunseling kepada pelajar-pelajar atau tidak. So, kalau Kementerian Pendidikan diberi kuasa yang menyeluruh dan saya rasa kuasa itu tidak disempurnakan sebab saban hari kita ada kes-kes di mana cikgu bersikap tidak senonoh dan melampaui batas ataupun tidak berhemah. Jadi, saya rasa penglibatan kementerian perlu secara serius, perlu secara jelas mengambil inisiatif untuk membantu Kementerian Pendidikan dan mengelakkan situasi sebegini berlaku di sekolah.

Seterusnya Butiran 041100 – Kebajikan Produktif.

Apabila saya baca objektif tentang kebajikan produktif ini, Tuan Pengerusi. Dia mengatakan mengatur strategi untuk memperkasakan taraf sosioekonomi penerima bantuan ke arah hidup berdikari di samping menyelaraskan pemberian bantuan kepada kumpulan sasar jabatan serta mengurus mangsa-mangsa bencana selaras dengan arahan MKN. Bila saya baca ini, saya berpendapat bahawa kementerian mengambil inisiatif untuk membantu mangsa-mangsa ataupun sesiapa yang memerlukan bantuan bersikap berdikari.

Akan tetapi, yang saya terkejut dana sebanyak RM16 juta diturunkan kepada RM1 juta dan kod yang menjadi persoalan kod 40000 – Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap iaitu turun sebanyak RM12 juta menjadi sifar. So, macam mana penurunan ini hendak memastikan objektif awalnya iaitu hendak membantu meningkatkan, memperkasakan taraf sosioekonomi. Selepas itu bantu mereka ke arah hidup berdikari. RM12 juta jadi kosong, Tuan Pengerusi.

So, saya tidak faham macam mana objektif ini yang ada dalam buku bajet ini boleh dicapai. Itu saya minta Yang Berhormat Menteri ada dalam Dewan ini memberi penerangan sebentar nanti.

Saya teruskan dengan Butiran 040900 – Warga Emas. Ini pun saya tekankan kod 40000 – Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap. Di mana berlaku juga kekurangan daripada RM2.7 juta kepada RM1.06 juta. Ini berkenaan dengan situasi warga emas yang telah diterangkan panjang lebar oleh Yang Berhormat Bandar Tun Razak tadi.

Saya pun mengambil berat bila warga emas di pingirkan, dicitirkan dan kita nampak wang dana yang di peruntukan dari tahun ini ke tahun depan telah berkurangan. Hampir lebih 50 peratus kekurangan telah dilakukan di sini. So, macam

mana? Adakah kerajaan telah berpuas hati bahawa 2016 dengan RM2.7 juta kita telah laksanakan semua program, telah memperkasakan warga emas, kita di tahap yang baik? Oleh sebab itu, pada tahun ini, kita kurangkan kepada RM1.06 juta? Itu saya perlu bangkitkan dan saya perlu penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri. Kita tidak mahu potong, potong dan potong peruntukan tetapi tidak ada mekanisme. Tidak ada satu penjelasan, tidak ada satu penghalusan untuk memperbaiki keadaan yang sedia ada.

Terakhir, Tuan Pengerusi. Saya hendak masuk tentang kanak-kanak- Butiran 040800 – Kanak-kanak.

Kalau saya tidak sentuh pasal kanak-kanak tidak sahlah. Saya rasa kementerian tahu yang saya hendak bangkitkan adalah tentang ada peningkatan dekat sini daripada RM77 juta meningkat RM80 juta. Terima kasih. Sebab saya rasa dana perlu diberikan secukupnya untuk kanak-kanak diberi ilmu, kemahiran dan pengetahuan di Malaysia.

Kalau lagi banyak lagi baik, lagi bagus. Saya terima bila dana diberikan dengan lebih banyak. Akan tetapi, isu yang saya hendak bangkitkan adalah tentang isu pengasuh atau *Training for Trainers* (TOT) yang mendapat latihan Kursus Asas Asuhan Kanak-kanak (KAAK) dan juga kursus asuhan PERMATA. Saya hendak bangkitkan, Yang Berhormat Menteri asuhan berlaku di kementerian ini tetapi dana untuk PERMATA di Kementerian, Jabatan Perdana Menteri.

Saya telah beberapa kali bangkitkan soalan mengapa tidak boleh meletakkan program PERMATA di bawah Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat? Saya rasa kementerian ini sepatutnya lebih jitu, lebih tepat, lebih mempunyai mekanisme untuk menjayakan program PERMATA. Saya lagi sekali membuat cadangan bahawa program PERMATA terpaksa ataupun diwajibkan diletakkan di bawah kementerian ini. Sekian. Terima kasih, Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi:** Sila. Saya beri keutamaan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat wanita. Sila, Yang Berhormat Kuala Kangsar. Sila.

## **6.29 ptg.**

**Datin Mastura binti Tan Sri Dato' Mohd Yazid [Kuala Kangsar]:** Terima kasih Tuan Pengerusi.

Saya terus merujuk kepada Butiran 040800 – Kanak-kanak.

Tuan Pengerusi, antara perkara yang paling membimbangkan ketika ini penderaan seksual pada kanak-kanak. Penderaan seksual terhadap kanak-kanak mempunyai kesan jangka masa pendek dan jangka masa panjang.

Sekiranya trauma yang dihadapi oleh mangsa tidak ditangani sebaik-baiknya seperti diberikan kaunseling, rawatan psikiatri mangsa boleh mengalami kemurungan, tekanan selepas trauma, gelisah, takut, gangguan tidur, hilang selera makan, paranoid, sukar untuk mempercayai orang lain, kecenderungan jadi pemangsa apabila mereka dewasa dan pelbagai simptom lain.

#### ■1830

Terdapat 571 kes telah difailkan di mahkamah melibatkan kes penderaan seksual kanak-kanak termasuk sumbang mahram dan perkenalan melalui internet dalam masa tiga bulan pertama tahun ini.

Persoalan yang ingin saya timbulkan di sini, sejauh mana rumah kanak-kanak di bawah kelolaan Jabatan Kebajikan Masyarakat berfungsi bagi melindungi kanak-kanak yang mengalami penderaan seksual dan apakah usaha kementerian setelah mengkaji keberkesanannya dan kanak-kanak ini dimasukkan dalam tempoh 18 bulan hingga tiga tahun dan adakah tempoh ini *expedient*, dengan izin? Apakah usaha kementerian untuk membuat *follow up* sepanjang hayat sebab kita harus menerima hakikat bahawa penderaan seksual selalunya terkesan sepanjang hayat dan perlu dipantau?

Mengenai jenayah pedofilia, ia gangguan psikiatri yang amat menjijikkan. Saya mengalu-alukan kempen-kempen yang berbentuk visual di semua media yang memberi penerangan dan penekanan perdana dan berani tentang apa itu ruang peribadi, *personal space* dan apa itu sentuhan selamat dan tidak selamat dan harus bermula dari prasekolah. Malah, saya menyarankan supaya kementerian menggalakkan ibu bapa yang patut dididik dan di-*counsel* supaya mereka boleh melakukan pendidikan ini awal-awal lagi dari rumah.

Tuan Pengerusi, tidak ada hukuman berat untuk jenayah pedofilia dan pernyataan dan peruntukan jelas harus ada untuk melindungi kanak-kanak mangsa pedofilia. Apakah usaha kementerian untuk meningkatkan *security cyber* dan juga mewujudkan sekumpulan polis siber khas dan serius untuk mengambil tindakan terhadap laman sesawang lucah dan mengenal pasti penjenayah-penjenayah ini?

Saya juga ingin mengutarakan usaha-usaha untuk mengelakkan kanak-kanak kita ini *evolve* atau menjadi atau mengamalkan budaya hidup LGBT yang semakin berleluasa sekarang. Saya mencadangkan faktor-faktor pemboleh ubah dalam pembentukan karakter jantina seseorang kanak-kanak seperti persekitaran ibu dan bapa dan sekolah-sekolah dibuat sejelas-jelasnya dalam bimbingan-bimbingan kaunseling dan usaha disiplin dalam pembentukan karakter jantina yang sesuai mengikut fitrahnya.

Butiran 020400 – Pembangunan Kapasiti.

Di Kuala Kangsar, wanita yang tidak berkemampuan dan berbakat memerlukan tempat beraktiviti. Sekarang mereka banyak menggunakan balai raya dan rumah-rumah kawan-kawan untuk menjalankan aktiviti dan mengeluarkan produk-produk. Ia tidak sesuai Yang Berhormat Menteri dan tempatnya tidak tersusun dan tidak lestari serta sendiri.

Saya mohon kepada Yang Berhormat Menteri untuk memberi satu formula bagi memberi wanita-wanita tempat yang jelas dan tetap. Mungkin, apa pandangan Menteri sekiranya masalah tanah menjadi satu halangan, kita boleh mewujudkan kabin-kabin yang berhawa dingin untuk penempatan sementara di beberapa buah tempat di mana ada permintaan yang tinggi, sementara ada usaha lain untuk memberi mereka penempatan yang tetap.

Seterusnya Butiran 020500 – Bimbingan dan Kaunseling.

Realiti kehidupan kini perlunya ada perimbangan antara karier dan juga keluarga seorang wanita. Ia satu kemahiran sebenarnya, bukan satu perkara yang semula jadi. Jangan kita hanya mengajar atau kaunseling mengenai hak-hak seorang wanita, hak-hak seorang suami dan kewajipan-kewajipannya ketika menjalankan kursus perkahwinan. Soalan saya, adakah kementerian mempunyai kawalan terus ke atas semua modul di kursus-kursus perkahwinan dan sekiranya ada, saya menyarankan supaya kemahiran mengimbangkan karier dan keluarga menjadikan antara kaunseling yang utama?

Saya ingin bertanya juga, apa usaha kementerian terhadap iklan-iklan yang masih menggunakan wanita sebagai bahan yang tidak tertib, songsang dan seperti token hingga menyebabkan kesan-kesan negatif yang tidak langsung memberi nilai positif di dalam masyarakat dan menganggap wanita warga kelas kedua. Sekian sahaja Tuan Pengerusi, saya menyokong.

**Tuan Pengerusi:** Kalau boleh, setelah Yang Berhormat Batu Kawan, Yang Berhormat Rantau Panjang, Yang Berhormat Seputeh, Yang Berhormat Ampang berhujah, kalau boleh Menteri jawab. Saya rasa cukup ramai yang...

**Puan P. Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan]:** Yang Berhormat Sungai Siput.

**Tuan Pengerusi:** Okey Yang Berhormat Sungai Siput. Penghabisan Yang Berhormat Sungai Siput. Sila Yang Berhormat Batu Kawan.

**6.35 ptg.**

**Puan P. Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan]:** Terima kasih, Tuan Pengerusi.

Saya mulakan dengan Butiran 010500 – Pelaksanaan Dasar Sosial Negara.



Pada 14 November, *Reuters* memaparkan satu artikel dengan izin, "*How Malaysia allows child abuse to go unpunished.*" Mengikut statistik PDRM, 12,987 kes penderaan seksual kanak-kanak dilaporkan dari Januari 2012 sehingga Julai 2016. Dakwaan sebanyak 2,189 kes dan penyabitkan hanya 140. Dalam 17 tahun operasi PS *The Children* sebuah NGO, ada kosong pendakwaan jenayah seksual terhadap kanak-kanak.

Tuan Pengerusi, apabila kadar sabitan rendah, maka masyarakat tidak ada lagi kepercayaan terhadap satu sistem perundangan di negara kita. Apa yang saya hendak bangkitkan di sini mengikut laporan ini, data-data dan maklumat berhubung jenayah seksual terhadap kanak-kanak dilindungi di bawah Akta Rahsia Rasmi dengan izin, *all the data that is about child sexual abuse, it has been classified under the Official Secret Act.*

Saya ingin bertanya di sini kepada kementerian, siapakah yang telah meluluskan atau mencadangkan supaya data-data yang perlu diterbitkan untuk kepentingan masyarakat umum ini di-*parking* atau di-*classified* di bawah Akta Rahsia Rasmi? Mengapa *why is there a need to park all these important vital information not just to public but to law makers and to NGOs under such a law, such an act?* Apakah kepentingan data-data ini diletakkan di bawah Akta Rahsia Rasmi? Ini memang dengan izin, *very shocking towards Malaysia and also* pendekatan yang sedang diambil oleh kementerian untuk menangani jenayah-jenayah pedofilia dan jenayah seksual kanak-kanak.

Tuan Pengerusi, saya pasti Ahli-ahli Parlimen di sini rela dan akan sedia untuk bekerjasama dengan kementerian dalam isu ini dan saya berharap kementerian juga bersama-sama dengan kita untuk membanteras jenayah seksual terhadap kanak-kanak.

Saya *move to the next issue* Tuan Pengerusi, Butiran 010200 – Dasar Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat.

Saya ingin merujuk kepada satu artikel yang saya baca baru sahaja dalam *Free Malaysia Today*, "*Wife- beating cop escapes jail.*" Tuan Pengerusi, saya tidak faham mengapa Hakim Mahkamah Tinggi membenarkan rayuan oleh seorang anggota polis, Mohd Hafizam Ahmad yang telah menumbuk dan menampar isterinya pada 16 Jun 2016 dan *despite whatever has been said and done*, dia telah terlepas daripada hukuman penjara.

Tuan Pengerusi, saya rasa ini menunjukkan atau menggambarkan satu *precedent* yang amat berbahaya terhadap perlindungan wanita di negara ini. Jika beliau seorang anggota polis, adakah ia bermakna beliau mendapat hukuman yang lebih ringan daripada dengan izin, *the man on the street?* So, saya tidak faham *how a*

*policeman who has wrecked his wife, punched his wife and kicked his wife or slapped his wife, dengan izin be escaped from jail?*

Saya ingin mendengar apa pandangan Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat *because* pada masa yang mereka sedang *to work on Domestic Violence Act*, saya mendapat khabar bahawa akan ada pindaan kepada *Domestic Violence Act* tetapi *with all this in mind, the effort, the work, the energy put by the officers and the staffs, we still have judgments like this that undermine the crime of domestic violence*. Jadi saya ingin mendapat pandangan daripada Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat.

Tuan Pengerusi, bergerak kepada Butiran 040800 – Kanak-kanak.

Ia menunjukkan peningkatan daripada RM77 juta peruntukan kepada RM80 juta. Pada masa kami mengalu-alukan kenaikan peruntukan ini tetapi saya ingin bangkitkan pada bulan Jun tahun ini dalam Dewan Negara, beberapa Senator telah membangkitkan isu pengemis kanak-kanak.

■1840

Saya ingin tanya di sini mengapa masih ada lagi isu pengemis kanak-kanak walhal dengan izin, *we have so many homes and all this efforts, NGO's working to rescue children from the street* tetapi bilangan kanak-kanak yang mengemis masih lagi meningkat. Saya ingin bertanya di sini setakat ini peruntukan yang digunakan untuk menangani isu ini di manakah agihan peruntukan tersebut?

Saya ingin bertanya *for the record*, mengapa Senator Datin Paduka Chew Mei Fun dalam jawapannya di Dewan Negara bulan Jun lalu mengatakan pihaknya tidak mempunyai statistik kanak-kanak peminta sedekah yang terlibat dalam gengsterisme dan menjadi mangsa pedofilia. Saya rasa Tuan Pengerusi, *this brings back to my question of why information like this is park under the OSA*.

Saya faham di bawah Akta Rahsia Rasmi isu-isu yang berkenaan dengan *International Relation and also* dengan *defense* saya faham *if this are park under Official Secret Act but why should information on child abused, fedophilia, sexual crimes against children, violents against children still be park under the Official Secret Act. Who are we protecting? Who is these government protecting? Are there people from the ministry involved in it? Are there people from the government involved in it?*

*This is very very strange*, Tuan Pengerusi. *At the time when we are moving forward* negara kita mengambil langkah ke hadapan untuk menggubal undang-undang baru untuk melindungi kanak-kanak daripada jenayah seksual, *we find that we have taken a huge step backwards by parking information like this under OSA*. Jadi saya minta penjelasan daripada kementerian.

Saya bergerak ke poin saya seterusnya Tuan Pengerusi, 04000 – Kebajikan Masyarakat. Setakat ini dalam penelitian saya dalam Belanjawan 2017, saya belum lagi lihat apa-apa peruntukan untuk ibu tunggal daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat. *So there is no allocation at all* Tuan Pengerusi *for single mothers* dan realitinya *that single mothers have to compete with families, husband and wife* yang berpendapatan RM1,500 dan ke bawah. *Single mothers who are doing the job as father, mother and provider for the family have to compete with full complete families with father, mother and childrens.*

Saya rasa ini memang tidak adil Tuan Pengerusi dan saya berharap kementerian mengambil cadangan saya dan saya pasti semua Ahli Parlimen yang lain setuju dengan saya. Sudah tiba masa kita ada satu peruntukan baru untuk ibu tunggal dan saya ingin *point out* di sini syor-syor daripada jaringan Rakan Ibu Tunggal yang datang berjumpa dengan Kaukus Wanita *to put forward their proposal and suggestion.*

Antara syor-syor mereka adalah perlindungan untuk setiap kanak-kanak miskin melalui tempat selamat. Makanan seimbang dan bantuan berkaitan dengan pembelajaran seperti *tuition* semasa ibu tunggal di tempat kerja akan memperkasakan masyarakat dan menjadi benteng kepada masalah ponteng sekolah, buli dan lain-lain. *Second* cadangan Tuan Pengerusi, sewa yang rendah serta subsidi pembelian rumah untuk ibu tunggal dan ketiga, Pusat Aktiviti Kanak-kanak di setiap kawasan rumah kos rendah oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat termasuk dengan pegawai psikologi.

Tuan Pengerusi, *I'm move on to my next few point, very quickly* 071400 – Membanteras Pmerdagangan Orang. Saya difahamkan mengikut *Trafficking in Person Report* 2016 Malaysia, alhamdulillah daripada Tier 3 telah naik ke Tier 2. Jadi ini menunjukkan ada pendekatan, ada pembaharuan *that has been improvement* dalam usaha-usaha kerajaan ini untuk membanteras pmerdagangan orang.

Akan tetapi saya lihat peruntukan belanjawan telah berkurangan dari RM4.26 juta kepada RM3.06 juta. Jadi saya ingin tahu kenapa ada *reduction* dalam Belanjawan *when the effort has been very good and successful.* Saya ingin tahu bilangan *investigation* dan *persecution* terhadap agensi atau sesiapa yang memperdagang manusia dan bilangan kanak-kanak yang telah diperdagangkan warganegara Malaysia dan juga kanak-kanak bukan warganegara.

Tuan Pengerusi, *I'm move on to my next point, my next* butiran 010200 – Dasar Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat *again.* Ini saya ingin bawa di sini saya pernah baca dan dengar dalam Dewan yang mulia ini komitmen Kementerian Wanita terhadap meminda undang-undang dengan izin *discriminatory towards women sebab, it is against the Federal Constitution Article 8* yang menjamin *gender equality for all in this country* dan secara khususnya saya ingin merujuk kepada Akta SOCSO 1966.

Tuan Pengerusi, *this is very old act as we know. So when it drafted in the past it was during the time a very old mindset, old thinking, old norms.* Akan tetapi apa yang saya ingin bawa di sini sekiranya isteri itu bekerja untuk suami dengan di bawah Akta SOCSO ini, *she is denied a benefit at the end of the day.* Jadi saya ingin bertanya kepada kementerian, apakah undang-undang yang akan dipinda oleh kementerian yang telah dijanjikan oleh kementerian *against discrimination towards women. What are these act that are gonna be amended and when they will be amended.*

Tuan Pengerusi, *my last and final point is on...*

**Seorang Ahli:** Sudah merah sudah..

**Puan P. Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan]:** Merah okay janji bukan baju merah. *So, my last point Tuan Pengerusi is on* kaunseling dan psikologi seperti Yang Berhormat Kuala Kangsar kata tadi. Saya nampak peruntukan untuk kaunseling dan psikologi berkurangan. Memandangkan kes-kes pedofilia sekarang ini meningkat *and everybody knows it is a mental issue,* Tuan Pengerusi *and then it is most into a physical issue.* Jadi saya hendak bertanya di sini mengapa ada pengurangan dalam peruntukan untuk kaunseling dan psikologi memandangkan *we need more allocation now for our officers, our staff from JKM to go down to the ground to educate the people on* kesihatan mental. Dengan ini saya ucapkan terima kasih Tuan Pengerusi, saya harap Yang Berhormat Menteri boleh memberi penjelasan yang baik. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat Rantau Panjang.

#### 6.46 ptg

**Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd Yusoff [Rantau Panjang]:** Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya mulakan perbahasan saya dengan peringatan doa yang diajar oleh Allah kepada kita, *[Membaca sepotong doa]* Supaya Allah SWT kurniakan kepada kita pasangan hidup dan zuriat yang menjadi penyejuk kepada mata hati dan supaya kita semua menjadi pimpinan orang yang bertaqwa.

Tuan Pengerusi, kalau kita melihat bajet yang telah dibentangkan ini di peringkat Jawatankuasa kita melihat penurunan bajet yang begitu ketara sedangkan negara kita sedang sarat dengan pelbagai masalah yang sedang melanda terutama yang melibatkan wanita, keluarga dan masyarakat. Isu yang melibatkan eksploitasi wanita, diskriminasi wanita, penganiayaan, penderaan kanak-kanak termasuk kepada kerosakan institusi keluarga. Kadar perceraian yang begitu tinggi, begitu juga termasuk berkaitan masalah rogol, masalah remaja yang hamil di luar nikah semua ini memerlukan pemantauan, memerlukan sentuhan kerajaan dan kepimpinan dengan lebih dekat.

Jadi saya tidak faham dalam keadaan negara kita sarat dengan pelbagai masalah yang begitu berat tetapi peruntukan semakin dikurangkan. Saya ingin penjelasan daripada pihak kementerian macam mana kementerian menangani pelbagai isu dalam negara kita dalam keadaan kewangan yang semakin terhad.

Saya ingin menyentuh butiran 020200 – Pelaksanaan Dasar Wanita dan 010200 – Dasar Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat. Di sini kita melihat bagaimana dalam negara kita banyak lagi sistem ataupun peraturan ataupun penguatkuasaan undang-undang perlu diperketatkan ataupun dibuat pemantauan yang sebaiknya supaya tidak ada penganiayaan terhadap terutama pekerja-pekerja wanita. Kerajaan menyasarkan 59 peratus tenaga wanita di pasaran pekerjaan menjelang 2020.

Jadi untuk mencapai negara maju sumbangan wanita cukup penting. Sejauh mana kementerian memantau segala kebajikan, keperluan ataupun kepentingan akta yang ada ini telah membela kaum wanita. Kalau kita lihat sebagaimana rakan-rakan yang lain telah menyebutkan contohnya eksploitasi wanita. Bagaimana wanita dijadikan bahan iklan. Rata-rata dalam media perdana hari ini dalam sama ada melalui akhbar ataupun media elektronik. Jadi apakah tindakan kementerian menjadikan wanita ini sebagai alat dagangan. Ini adalah satu diskriminasi ataupun eksploitasi yang menjatuhkan maruah wanita. Apakah program kerajaan untuk memartabatkan wanita dalam negara kita.

Jadi begitu juga berkaitan dengan diskriminasi wanita. Ada wanita yang mereka dilarang memakai pakaian menutup aurat semasa kerja kerana mematuhi arahan syarikat. Saya bagi contoh bagaimana pakaian pramugari. Saya selalu menerima aduan daripada pramugari yang beragama Islam mereka dilarang berpakaian mengikut cara Islam semata-mata kerana mematuhi kehendak syarikat sedangkan ini adalah satu kewajipan dalam Islam. Begitu juga sebagaimana disebutkan oleh rakan saya tadi berkaitan dengan ibu mengandung. Diskriminasi kepada ibu mengandung termasuk juga kita lihat dalam isu yang berkaitan.

#### ■1850

Diskriminasi ini juga, kita lihat bagaimana mereka yang bekerja tetapi mereka tidak dibenarkan untuk menyeimbangkan antara keperluan anak dan rumah tangga. Jadual kerja yang anja, yang sesuai untuk seimbangan keluarga. Jadi saya harap perkara ini diberi perhatian oleh kerajaan termasuk juga cuti. Jangan hanya cuti bersalin, jangan hanya menghadkan untuk lima orang anak, Kalau kita hendak melahirkan ke arah negara kita mem[unyai penduduk ke arah tuju puluh juta rakyat Malaysia. Macam mana kita hendak mencapai dalam keadaan kita mengenakan yang terhad. Saya kira Tuan Pengerusi, anak yang ramai tidak menjadi halangan. Saya sendiri mempunyai

anak 12 orang, tidak menjadi halangan untuk saya aktif dalam masyarakat dan memberi sumbangan kepada negara. [*Dewan tepuk*]

Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh lagi berkaitan dengan Butiran 020200 berkaitan dengan program peningkatan kemahiran wanita. Saya ingin tahu program I-Kit dan I-KeuNita sejauh mana pencapaian setakat ini, berapa orang yang telah berjaya dan apakah program ini telah dilaksanakan dalam kawasan saya di Rantau Panjang?

Saya ingin juga menyentuh tentang Butiran 020500 – Bimbingan dan Kaunseling. Isu yang ada di depan kita selain daripada isu masalah penderaan dan sebagainya, isu keruntuhan isi rumah tangga. Jadi apakah program-program yang dilaksanakan hari ini berkesan? Apakah peranan yang dimainkan oleh kaunseling kita hari ini berkesan untuk menangani isu yang menyebabkan kadar penceraian yang begitu tinggi yang menjadi mangsanya adalah anak-anak dan keluarga dan seluruhnya? Begitu juga kes keganasan rumah tangga, saya ingin tahu berapakah statistik yang ada yang melibatkan isu-isu keganasan rumah tangga hari ini dan apakah penyelesaian kerajaan dalam menangani isu ini?

Kita ingin menyentuh juga berkaitan dengan Butiran 041100 – Kebajikan Produktif, yang mana pengurusan yang berkaitan dengan isu pengurusan mangsa bencana yang diselaraskan dengan Arahan Majlis Keselamatan Negara. Saya ingin fokus di sini ialah isu bantuan untuk mangsa banjir. Kita lihat di pusat-pusat perpindahan banjir, isu yang masih lagi belum berpuas hati, bagaimana kebajikan terutama kepada mangsa-mangsa banjir di kalangan ibu-ibu bersalin. Tuan Pengerusi, kalau kita lihat pusat-pusat perpindahan banjir melibatkan seluruh penduduk, wanita ada yang baru bersalin satu hari, dua hari, mereka terpaksa berada dalam kesejukan dengan keadaan simen yang sejuk. Bagaimanakah mereka hadapi dalam perkara ini untuk menjaga kesihatan mereka? Begitu juga warga emas yang sakit terlantar, yang terpaksa dibawa tidur di atas simen dalam keadaan yang sangat tidak selesa.

Jadi saya harap, supaya di masa akan datang pihak kerajaan untuk memastikan kebajikan ataupun kebaikan untuk mangsa-mangsa banjir yang melibatkan wanita terutama ibu bersalin, kanak-kanak yang masih kecil termasuk juga warga emas yang uzur. Supaya diberi perhatian khas, untuk kebajikan mereka terutama di musim banjir. Begitu juga bantuan makanan ataupun bantuan kepada mangsa-mangsa banjir, hari ini kita lihat Jabatan Kebajikan Masyarakat memberi sumbangan dan bantuan kepada mangsa banjir yang berpindah di pusat pemindahan banjir. Tetapi apa yang paling menyentuh hati kita juga ialah mangsa-mangsa banjir yang berada di kampung-kampung yang terkepung air. Ada bantuan kerajaan tetapi selepas air kering baru

sampai bantuan. Sebenarnya mereka diperlukan di saat terkepung, di saat putus segala bekalan.

Saya berpengalaman pernah menghantar bekalan di kampung menggunakan bot kecil, bagaimana mereka menangis apabila kita hantar bantuan, kerana mereka sudah putus bekalan mereka tidak boleh keluar untuk pergi ke pekan. Pekan pun memang tutup kerana dalam keadaan bencana terutama bencana besar. Jadi, saya harap supaya pihak Kebajikan Masyarakat melihat isu ini bukan sahaja semata-mata bantuan kepada mangsa yang berpindah di pusat perpindahan banjir, tetapi juga mangsa-mangsa yang terkepung yang berada di pedalaman kampung mereka. Mungkin tidak tenggelam tetapi di sekelilingnya mempunyai air yang mereka tidak boleh mendapat bekalan, terputus bekalan. Bayangkan kalau berminggu mereka dalam keadaan sedemikian, sudah tentu memberi kesan kepada kanak-kanak dan juga orang tua.

Begitu juga saya ingin tahu berkaitan dengan masalah iaitu Butiran 090100 berkaitan dengan program Azam Niaga. Saya ingin tahu sejauh mana kejayaan program yang telah dibuat oleh pihak kerajaan. Sebab saya lihat ada juga mereka yang mendapat bantuan di bawah program Azam Niaga, mereka hanya simpan sahaja peralatan, tetapi tidak beroperasi sebagaimana yang diharapkan. Jadi apakah pemantauan yang dibuat supaya projek-projek ini tidak hanya tinggal laporan dalam Parlimen ataupun laporan dalam buku sahaja? Tetapi kita hendak biar benar-benar berkesan yang boleh menyelesaikan masalah ekonomi penduduk setempat. Jadi saya harap supaya perkara ini diberi perhatian.

Seterusnya akhir sekali, saya ingin menyentuh berkaitan dengan isu berkaitan dengan remaja hamil yang banyak disentuh oleh rakan-rakan kita yang kita dapat makluman dalam Dewan ini. Remaja hamil dalam sekarang ini, yang sedang hamil dalam keadaan luar nikah melebihi 16,000 orang. Tahun lepas sahaja, Kementerian Kesihatan menyebutkan 18,000 orang bayi tidak sah taraf lahir melalui hospital kerajaan. Tahun ini baru bulan November 16,000 remaja hamil yang mengandung anak luar nikah. Jadi apakah penyelesaian pihak kementerian? Perkara ini perlu ditangani dengan bersungguh-sungguh. Jadi saya harap semua pihak kerajaan perlu menguatkuasakan undang-undang. Ibu bapa perlu mendidik anak-anak mereka dengan tarbiah dengan didikan agama. Anak-anak perlu diberi kefahaman pendidikan yang sebenar supaya kita dapat menyelesaikan isu ini demi masa depan negara. Jadi, Tuan Pengerusi terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Seputeh.

**6.56 ptg.**

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin merujuk kepada Butiran 020200 – Pelaksanaan Dasar Wanita. Tuan Pengerusi, saya hendak sambung sedikit apa yang disebut oleh Yang Berhormat Rantau Panjang tadi tentang remaja, gadis remaja yang hamil yang mana trend ini sebenarnya berlaku di seluruh dunia termasuk juga di Malaysia. Kalau kita lihat trend statistik daripada Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu, 11 peratus daripada kelahiran global melibatkan remaja di antara 15 hingga 19 tahun. Setiap tahun ada 16 juta remaja di antara umur 15 hingga 19 tahun melahirkan bayi di seluruh dunia. Jadi, kita juga ada statistik tentang isu ini di Malaysia seperti apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat Rantau Panjang tadi.

Saya rasa ini adalah satu isu yang mana kementerian haruslah cuba mengkaji isu mungkin bersama dengan NGO-NGO wanita dan juga NGO sosial. Saya pernah menghadiri satu seminar pada bulan lepas tentang isu remaja yang hamil, di mana dalam seminar ini ada banyak isu yang dibangkitkan dari sudut agama dan dari sudut kesihatan dan sebagainya. Daripada seminar itu saya difahamkan Malaysia telah meratifikasi konvensyen mengenai hak kanak-kanak pada 17 Februari 1995. Kalau kita lihat undang-undang dalam negara kita ini perkahwinan menjadi tidak sah jika di mana-mana satu pihak di bawah umur 18 tahun kecuali bagi perempuan yang telah mencukupi umur 16 tahun dibenarkan berkahwin jika mendapat lesen kebenaran daripada Ketua Menteri di bawah seksyen 21(2). Ketua Menteri atas budi bicara beliau boleh memberi lesen di bawah seksyen ini kepada perempuan di bawah umur 18 tahun tetapi mesti mencukupi umur 16 tahun.

Saya faham ada lapisan masyarakat kita yang percaya kalau bagi gadis remaja mereka mempunyai hak untuk kahwin awal, tetapi kita juga haruslah faham yang remaja di bawah 18 tahun mengalami kematangan fungsi, mereka berada dalam peralihan *psycho social* dari *childhood dependency* kepada *functional independence autonomous adult* dan tulang mengalami proses mineralisasi untuk mendapat kepadatan yang optimum, tulang pelvis yang belum matang dan kehamilan akan mengakibatkan masalah fizikal remaja, akan jejaskan kesihatan mereka dengan lebih ketara. Jadi adalah bagi doktor semua berpendapat bahawa adalah wajar bagi umur minimum perkahwinan dinaikkan kepada 18 tahun bagi kedua-dua lelaki dan juga perempuan tanpa pengecualian. Jadi saya berharap yang pihak kementerian boleh berbincang tentang cadangan daripada pihak doktor dan juga NGO wanita ini dengan lebih mendalam. Ini kerana kita lihat bagi gadis remaja yang adakan hubungan seksual pada waktu mereka berada dalam sekolah menengah ini memang menjejaskan masa depan dan menjejaskan kesihatan mereka.



**■1900**

Kita lihat yang kes buangan bayi itu telah pun semakin meningkat, kerana mereka tidak tahu macam mana nak beritahu ibu bapa mereka, mereka telah pun hamil dan mereka melakukan satu kesalahan yang mereka bimbang tidak akan dimaafkan oleh ibu bapa mereka. Saya difahamkan di Amerika Syarikat, adanya NGO yang mewujudkan satu kempen *No Apologies. No Apologies* maksudnya adalah *no sex before marriage*, tanpa hubungan seks sebelum perkahwinan. Saya rasa kempen seperti ini adalah saya rasa satu proses pendidikan sosial yang mana kementerian sebenarnya boleh bekerjasama dengan pihak NGO, pihak sekolah dan pihak pertubuhan agama di seluruh negara kita ini supaya kita adakan satu kempen kesedaran di kalangan remaja dan kita boleh adakan kempen seperti ini di sekolah. Di mana, remaja kita ini mereka akan sedar bahawa mereka haruslah bertanggungjawab atas tubuh badan mereka, dan tidak senang adakan hubungan seks dengan teman lelaki mereka atau pun lelaki yang mereka mungkin tidak begitu kenali.

Tuan Pengerusi, bila kami sebut tentang hal ini kita mendapati ramai gadis remaja ditipu atau pun jatuh cinta dengan lelaki yang bermuslihat melalui media sosial. Kadang-kadang mereka tidak begitu mengenali lelaki yang mendampingi mereka itu. Akan tetapi mungkin kerana yang adat atau fikiran yang telah pun dimasukkan dalam keadaan mereka ialah mereka mesti kalau tidak kahwin mereka ada masalah. Jadi saya cadangkan kerajaan adakan undang-undang asuhan seksual atau pun *sexual grooming*. Saya difahamkan bahawa terdapat NGO dan juga media yang tengah mengadakan kempen untuk menyeru kerajaan mengadakan *anti-grooming laws*.

Di Australia seseorang pelaku bersalah atas kesalahan asuhan seksual. Jikalau dia berkomunikasi dengan seseorang di bawah umur bagi tujuan eksploitasi seksual. Undang-undang Australia membezakan antara perolehan dan asuhan seseorang kanak-kanak dengan mengenakan penalti sebanyak 15 tahun, dan 12 tahun masing-masing. Di Singapura, di bawah undang-undangnya seseorang pelaku bersalah jikalau bertemu atau ditangkap dalam perjalanan untuk berjumpa dengan seseorang kanak-kanak di bawah umur, selepas berkomunikasi atau bertemu dengan kanak-kanak tersebut dua kali atau lebih, dengan niat untuk melakukan kesalahan yang berunsur seksual. Jadi berlaku dipercayai bahawa kanak-kanak itu adalah tidak lebih daripada 16 tahun.

Maksudnya di Singapura ada *anti-grooming laws* seperti yang saya sebutkan tadi. Begitu juga di United Kingdom, ia adalah menjadi satu kesalahan jika berlaku bertemu atau ditangkap dalam perjalanan untuk berjumpa dengan seseorang kanak-kanak di bawah umur, selepas berkomunikasi atau bertemu dengan kanak-kanak tersebut dua kali atau lebih dengan niat untuk melakukan kesalahan yang berunsur

seksual. Bagi mencegah potensi asuhan seksual melalui internet, hukuman bagi jenayah tersebut boleh ditingkatkan kepada 10 tahun. Jadi kita lihat di negara-negara maju dan termasuk negara jiran kita ini, ada undang-undang seperti ini saya rasa negara kita ini perlu juga ada undang-undang seperti ini supaya untuk melindungi kanak-kanak, remaja gadis kita ini daripada ditipu, didampingi oleh lelaki yang ada muslihat dan ini juga merupakan satu langkah bagi kita untuk mencegah kehamilan di kalangan gadis remaja.

Akhirnya Tuan Pengerusi, saya terbaca dalam berita di mana Menteri Pembangunan Wanita kita ini kata saya ikut ya, "*There will be no more new welfare homes for the aged set up by the government from now on and Women, Family and Community Development Minister, Datuk Seri Rohani Abdul Karim said more and more people now tended to send their aged parents and relatives to these homes instead of caring for them in their twilight years. Such a habit must be stopped. So, there is no plan for any new such home to add to the nine in existence, she said when opening the Kampung Malaysia Jaya Activity Centre for Senior Citizen here today.*"

Jadi kenyataan yang dibuat pada 6 November, saya rasa kesallah apabila saya baca kenyataan yang dikeluarkan oleh Menteri Pembangunan Wanita ini. Saya faham yang bajet kementerian dikurangkan, tapi saya rasa ini satu masalah sosial. Kalau kerajaan tidak mengadakan rumah untuk warga tua, kita lihat yang warga tua yang khususnya mereka yang sakit, mereka yang dibuang oleh anak-anak mereka ini, *they have nowhere to go*. Saya pernah dengar NGO warga tua yang berkata kepada saya kadang-kadang hospital panggil mereka kerana ada orang tua yang sakit tapi dibuang oleh anak-anak mereka, dan hospital tidak mahu jaga mereka jadi terpaksa panggil NGO untuk bawa orang tua yang sakit itu pergi ke *old folks home* mereka. Saya cadangkan kementerian mungkin boleh adakan *public private partnership* untuk mengadakan rumah untuk orang tua untuk mengatasi masalah sosial yang tidak dapat diatasi oleh kesemua pihak di masyarakat kita. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat Ampang.

**7.06 mlm.**

**Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]:** *Bismillahir rahmanir rahim*, terima kasih Tuan Pengerusi. Tuan Pengerusi saya ingin membuat Butiran 01000. Yang mana saya juga seperti rakan-rakan yang lain sebelah sini juga ingin menyatakan rasa dukacita apabila melihat peruntukan untuk Kementerian Wanita ini tidaklah seberapa dan ya pada tahun ini juga turun sebanyak 0.5 peratus. Sudahlah tidak banyak tapi menurun lagi. Sedangkan kita lihat peranan wanita dalam negara ini adalah sangat

penting. Wanita merupakan hampir separuh lebih separuh ataupun separuh rakyat kita adalah wanita.

Jika kita lihat kepada tenaga kerja kementerian-kementerian terlibat dengan tenaga kerja wanita adalah Sumber Manusia, dan juga Kementerian Pendidikan di mana warga guru banyak juga wanita, dan juga Kementerian Kesihatan di mana doktor dan jururawat adalah banyak orang perempuan. Jadi, saya rasa sudah tiba masanya satu pendekatan baru dalam menyediakan bajet ini untuk memastikan bahawa Kementerian Wanita itu tidaklah seperti kementerian menempel-nempel sahaja. Menempel dekat sumber manusia, menempel dekat pendidikan, menempel dekat kesihatan. Ia nya mesti satu bajet yang lebih besar yang mana Kementerian Wanita boleh meletakkan dasar-dasar untuk membudayakan wanita, untuk mempertingkatkan perkhidmatan wanita khususnya dalam bidang-bidang yang saya sebut tadi.

Tuan Pengerusi, saya ingin nak sebut juga ya. Kita lihat walaupun dalam bajet pengurusan ada penambahan sebanyak 27 peratus kalau tidak silap saya, sebanyak—ada peningkatan daripada RM230 juta pada tahun ini, peningkatan sebanyak 101.75 peratus ya, peningkatan yang besar. Tapi malangnya bila saya lihat dari Butiran 03100, kita dapati bahawa 27 peratus daripada peruntukan itu digunakan untuk naik taraf bangunan KPWKM di Lot 4G, 11, Putrajaya. Tahun 2016 tidak apa-apa, tahun 2017 RM62 juta diperuntukkan iaitu 27 peratus daripada peruntukan pembangunan. Jadi, begitu juga dengan kebanyakan daripada butiran-butiran dalam Kementerian Wanita dan Keluarga dan sebagainya. Depot simpanan keperluan mangsa bencana naik sebanyak RM20 juta, rumah pesakit melarat naik sebanyak hampir RM9 juta, rumah kanak-kanak meningkat hampir RM8 juta, Rumah Sri Kenangan naik RM5 juta, Sekolah Tunas Bakti naik hampir RM5 juta, rumah perlindungan khas naik sebanyak RM2.2 juta.

Jadi sedangkan kita pada kala ini bagaimana kita hendak mencapai itu, menaik taraf semua bangunan kementerian terutama pada ketika ekonomi amat lembap dan hasil Kerajaan Persekutuan lemah.

#### ■1910

Untuk Butiran 03100 – Naiktaraf Bangunan KPWKM di Lot 4G11, Putrajaya yang tadi saya sebut, itu juga ada tambahan juga iaitu bajet dalam Butiran 071700 sebanyak RM5 juta. Jadi kalau RM62.5 juta untuk pembangunan dan lagi RM5 juta untuk mengurus, jadi saya rasa ini satu pendekatan yang tidak seimbang untuk perbelanjaan-perbelanjaan yang lain yang lebih memerlukan, Tuan Pengerusi.

Saya ingin sentuh juga tentang Butiran 020000 – Pembangunan Wanita yang mana kita lihat dalam ucapan Perdana Menteri, beliau kata beliau akan

memperuntukkan RM2 bilion untuk I-Kit, I-KeuNita dan juga *Women Career Comeback* dan beliau menyasarkan 59 peratus tenaga pekerja pada tahun 2020.

Jadi pada tahun 2020, sasaran kita ialah 13,200 buah tadika dan sekarang hanya ada 5,421 sahaja tadika. Jadi bagaimana hendak mencapai sasaran untuk menambah dan meningkatkan tenaga kerja wanita sebagai 59 peratus sekiranya tidak ada tampungan untuk taska-taska untuk membantu ibu-ibu untuk menghantar anak-anak mereka ke taska-taska ini agar memberi keselesaan kepada ibu-ibu untuk pergi bekerja dan menyumbang kepada ekonomi negara?

Jadi kalau kita lihat satu laporan pada September 2016, mengatakan bahawa hampir 80 peratus hingga 90 peratus tadika akan ditutup kerana ada dasar gaji minimum. Jadi tadika-tadika yang mana tidak mampu yang hanya mengenakan bayaran sebanyak RM300 ke bawah harus memikirkan untuk menutup tadika mereka kerana tidak mampu.

Jadi saya rasa wang perbelanjaan yang harus ditumpukan adalah untuk membangunkan institusi taska ini agar dapat menampung ibu-ibu yang bekerja agar mereka boleh menghantar anak-anak mereka ke taska ini agar mendapat keselesaan dan saya pun berharap taska-taska ini mencapai satu kualiti penjagaan kanak-kanak yang lebih tinggi agar ibu-ibu ini akan dapat bekerja dengan selesa.

Tuan Pengerusi, saya juga ingin menyentuh Butiran 010200 – Dasar Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat. Saya lihat dalam Laporan *World Economic Forum* di mana tahap pencapaian politik dalam negara kita bagi orang perempuan masih lagi di tangga 100 ke atas dibandingkan dengan negara-negara tidak maju seperti *Philippines*, Thailand dan sebagainya yang lebih jauh ke depan. Jadi saya juga melihat *Millennium Development Goal* (MDG) yang mana mengangkat agenda *gender equality and women empowerment*. Saya juga hendak tanya apakah pencapaian MDG kita dalam perspektif *gender equality* dan juga *women empowerment*? Apakah pencapaian kita setakat ini? Kita juga mengangkat agenda *United Nations* iaitu *gender parity* yang mana kita hendak meningkatkan lagi penglibatan wanita.

Ketika ini juga, Tuan Pengerusi, kita juga melihat satu agenda *international* baru iaitu *Sustainable Development Goals* (SDG) yang mana disasarkan kepada tahun 2030. Saya percaya banyak yang kita tidak mampu lagi mencapai MDG dan sekarang kita cuba juga untuk sama-sama mengambil bahagian dalam SDG yang mana *taglinenya* kata *no one is left behind*. Jadi dengan SDG ini, bagaimana Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat hendak memastikan meningkatkan lagi penglibatan wanita dalam semua aspek seperti mana yang saya sebut tadi dengan bajetnya, dalam

penglibatan politik dan membudayakan wanita dan memberikan sistem sokongan agar ramai lagi wanita boleh melibatkan diri dalam bidang ekonomi, politik dan sebagainya?

Contoh seperti Iceland, Tuan Pengerusi, dia telah membuat satu polisi iaitu *parental leave* yang mana setiap ibu bapa diberikan tiga bulan cuti dan terpulang kepada mereka. Ibu boleh ambil tiga bulan, suami boleh ambil tiga bulan dan boleh menggunakannya untuk menjaga anak. Jadi dengan adanya polisi-polisi sebegini, ia akan dapat membantu suami isteri, ibu bapa berkongsi tanggungjawab untuk membesarkan anak-anak. Jadi dengan adanya perkongsian membesarkan anak-anak, mendidik anak-anak, keluarga itu lebih stabil dan institusi keluarga lebih kuat dan, *insya-Allah*, kita akan dapat mengurangkan gejala-gejala sosial dan juga indeks-indeks rogol dan sebagainya.

Jadi kalau kita tidak mampu untuk buat tiga bulan, *probably* mungkin dua bulan atau satu bulan untuk suami *and then* kita *maintain* untuk isteri 60 hari.

Akhir sekali, Tuan Pengerusi, saya ingin sebut juga tentang— semua maklum, saya baru keluar daripada lokap. Jadi, saya ada pengalaman, *the luxury of experience* untuk masuk dalam lokap pada dua hari lepas. Jadi dalam lokap itu— saya khuatir. Saya harap Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat boleh pergi melihat, menjenguk dan *investigate* kerana dalam penjara wanita itu, tempat tidur batu— *it is okay*, tidak apa, itu boleh. Tandas di situ, paip air pun di situ.

Yang saya khuatirnya ada CCTV, Tuan Pengerusi. CCTV ini mengkhawatirkan saya. Apa yang dibuat sama ada hendak buang air kecilkah, air besarkah, mandikah, di dalam *monitoring of CCTV*. Jadi saya khuatir kalau CCTV ini dimonitor, dipantau oleh orang lelaki dalam *monitoring room*, jadi ini mungkin akan membuatkan gejala-gejala pencabulan dan sebagainya.

Akan tetapi apa yang penting ialah privasi. Walaupun mereka adalah banduan tetapi dia tetap wanita dan privasi itu harus diberikan kepada dia. Akan tetapi saya banduan yang baik, Tuan Pengerusi, tapi telah dianiaya. Maka saya dapat pengalaman untuk masuk ke penjara semalam dua hari. Jadi saya ingin kementerian mengambil peranan yang penting untuk melihat perkara ini.

Akhir sekali, Tuan Pengerusi, selepas tahun 2008, kita telah menghantar 10 orang Ahli Parlimen di bahagian pembangkang. Ini meningkatkan lagi penglibatan Ahli Dewan Rakyat dalam Dewan yang mulia ini. Oleh kerana itu, maka kita telah berjaya— saya ingat dalam tahun 2010— telah diluluskan peruntukan jangan membuat *sexist remark*, Tuan Pengerusi. Tuan Pengerusi yang keluarkan kelulusan itu.

Cuma, pagi tadi saya dengar ucapan daripada Yang Berhormat Pasir Salak yang mengatakan, dengan bermain-main kata mengatakan bahawa “Yang Berhormat

*Seputeh the only woman with 'Kok'".* Jadi Tuan Pengerusi, saya hendak jawab dengan Yang Berhormat Pasir Salaklah. *"Yang Berhormat Pasir Salak, you are the only man in this Dewan with no 'Kok'".* Terima kasih Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi:** Tadi saya kata sudah saya tutup dengan Yang Berhormat Sungai Siput tetapi Yang Berhormat Bachok juga mahu cakap. Dari Barisan Nasional ada lagi mahu cakap?

Sila, Yang Berhormat Kota Samarahan. Selepas Yang Berhormat Sungai Siput, Yang Berhormat Kota Samarahan. Selepas itu Yang Berhormat Bachok. Selepas itu Yang Berhormat Menteri jawab. Sila Yang Berhormat Sungai Siput.

**Dr. Michael Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput]:** Terima kasih Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi:** Dan saya harap Yang Berhormat Ampang, saya harap selepas kenyataan Yang Berhormat Ampang tadi itu jawapan kepada Yang Berhormat Pasir Salak, jangan ada lagi perkara-perkara seperti itu kerana sebagai— ini sebelum saya jemput. Sebagai respons kepada Yang Berhormat Batu Kawan tadi menyatakan dengan soal apa yang diputuskan pagi tadi oleh Timbalan Yang di-Pertua. Saya telah berbincang dengan Timbalan Yang di-Pertua, saya baca soal *Hansard*, perkara itu berakhir di situ, pagi tadi. Tiada lagi apa-apa. Berakhir di situ. Saya tidak boleh *overrule* apa yang disebut oleh Timbalan Yang di-Pertua pagi tadi.

Sila, Yang Berhormat Sungai Siput.

**7.18 mlm.**

**Dr. Michael Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Butiran 010200 – Dasar Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat. Saya mahu bawa isu ibu tunggal.

Saya ingin tahu, apakah sebenarnya bilangan ibu tunggal dengan anak yang masih bersekolah di negara kita? Ini kerana ada satu jawapan pada 3 November 2011, soalan nombor 17 yang mengatakan ada 831,000 orang ibu tunggal. Selepas itu, ada lagi satu jawapan yang mengatakan ada 250,000. Ini satu angka yang penting kerana kita kena tengok berapa ibu tunggal dengan anak-anak yang masih bersekolah yang ada dalam negara kita. So kita boleh buat *planning* untuk mereka kerana mereka ini merupakan satu kumpulan yang begitu *vulnerable*, yang ada banyak masalah.

Di kawasan saya ada beberapa puluh ibu tunggal dengan anak-anak di bawah umur 18 tahun dan mereka hadapi masalah kewangan. Itu yang satu.

■1920

Antara mereka ada suami yang sudah meninggal. Jika begitu dia ada bayaran pencen SOCSO, masalah tidak begitu teruk. Akan tetapi ada di antara ibu tunggal itu

ada suami yang melarikan diri atau suami yang sudah meninggal tetapi tidak ada cukup kelayakan untuk mendapat SOCSO ataupun ada suami-suami yang masuk ke dalam penjara atau pusat pemulihan. Ibu-ibu tunggal begini ada banyak masalah kerana apa yang mereka dapat daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat tidak mencukupi. Maksimum mereka boleh dapat ialah RM450 untuk jagaan kanak-kanak, tidak cukup untuk menjaga satu keluarga dengan itu sahaja.

Jadi apabila mereka keluar bekerja, mereka ada masalah dengan penjagaan kanak-kanak kecil kerana jika dia keluar kerja lapan jam, siapa yang akan jaga kanak-kanak yang belum pergi ke sekolah ataupun jika pergi ke sekolah, bila mereka balik daripada sekolah, siapa yang akan menjaga mereka? Ini satu isu yang sangat besar untuk mereka. Apa yang mereka dapat ini tidak mencukupi. Jika keluar bekerja siapa yang akan menjaga anak? Jadi adakah kementerian boleh kaji kaedah kita beri baucar untuk penjagaan kanak-kanak pada keluarga macam ini. Jika kanak-kanak di bawah umur katakan dua belas tahun, kita bagi baucar mungkin RM200 sebulan, mereka boleh bayar kepada pusat penjagaan kanak-kanak supaya anak-anak mereka dapat dijaga, dapat dilindungi semasa ibu-ibu ini pergi bekerja. Jika tidak, kita ada *cycle of poverty*.

Satu lagi saya mahu syor kepada kementerian, adakah kita ada satu sistem laporan dari penjara, daripada pusat pemulihan. Bila mereka dapat banduan baru, adakah Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat diberitahu siapakah banduan baru dan adakah dia berkeluarga? Jadi kita boleh buat satu tindakan proaktif, kita boleh melawat keluarga itu dan tengok apakah situasinya. Adakah dia dapat punca pendapatan, apakah situasi penginapannya kerana saya tengok bila bapa itu, apabila bapa itu buat kesalahan tetapi bila dia di luar, dia belum ditangkap, dia bawa pendapatan ke rumah.

Bila dia masuk ke dalam penjara ataupun pusat pemulihan, *family* itu lebih teruk lagi. Kadang-kadang kanak-kanak tidak dapat pergi ke sekolah, kadang-kadang tempat penginapannya ditarik balik dan mereka terpaksa cari tempat baru. Jadi bolehkah kita ada satu sistem koordinasi di mana penjara dan pusat pemulihan diminta beri laporan kepada Jabatan Kebajikan dan Jabatan Kebajikan boleh buat tindakan proaktif untuk cari, temu duga ibu tunggal dan hulurkan bantuan kepada mereka.

Kedua, saya hendak bawa ialah Butiran 040800 – Kanak-kanak. Saya sedar sekarang Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat dalam usaha untuk menetapkan piawaian untuk pusat-pusat penjagaan kanak-kanak. *That is good*, ini adalah bagus tetapi saya harap kita simpan perspektif kita. Di Malaysia keluarga B40 ini semua dapat pendapatan di bawah RM3,500 sebulan. Jadi kita mesti tetapkan satu

piawaian yang boleh dicapai oleh pusat-pusat penjagaan. Kita hanya ikut apa yang dibuat di New Zealand atau dibuat di Eropah.

Mungkin standardnya terlalu tinggi dan kos yang akan dikenakan, *charges*-nya terhadap kanak-kanak *also too high* lah. Kita mesti ingat macam sekarang *minimum wage* di Australia ialah RM10,000. *Minimum wage* kita hanya RM1,000. Memang kita mesti ada piawaian, kita mesti ada standard tetapi ia mesti di dalam perspektif kita, tempat-tempat itu mesti selamat. Akan tetapi jika kita hanya *copy paste* daripada piawaian yang dipakai di negara maju, *then I think it will be too expensive for our B40*, yang perlukan penjagaan ini.

*Point* ketiga yang saya hendak bawa ialah di bawah Butiran 010500 – Pelaksanaan Dasar Sosial Negara. Saya pun kena fokus kepada warga emas. Saya baru baca satu laporan dalam surat akhbar di mana KWSP mengatakan 65 peratus daripada ahli-ahli KWSP yang berumur 54 tahun, *65 percent* daripada mereka ada kurang daripada RM50,000 dalam simpanan mereka. Seramai *65 percent at the age of 54* ada kurang daripada RM50,000. Ikut jangkaan EPF dikatakan perlu lebih kurang RM200,000 dalam simpanan jika dia nak keluarkan RM900 sebulan selama 25 tahun. Jadi memang ini majoriti daripada ahli EPF ini tidak cukup untuk jaga mereka pada masa depan.

Lagi satu kita kena tengok, pencarum untuk EPF pada setakat ini hanya enam juta orang sahaja tetapi kita punya *work population*, jumlah pekerja di negara kita ialah 12 juta orang. Jadi setengahnya bukan di bawah EPF. Daripada enam juta yang bukan dalam EPF, 1.5 juta itu adalah kakitangan kerajaan so dia tidak ada masalah, ada pencen. Bagi 1.5 juta mungkin adalah orang kaya, profesional ada simpanan. Akan tetapi ada tiga juta lagi yang daripada golongan pekebun, pesawah, peniaga kecil, pekerja kontrak yang tidak ada EPF. Jadi yang ada EPF pun dua per tiga tiada yang besar, lagi ada yang tidak ada EPF. So, ini adalah masalah yang besar.

Jadi adakah kementerian buat satu, kaji dan siasat, bolehkah kita bawa satu polisi di mana semua warga tua diberi pencen selepas mereka capai umur 70 tahun kerana mungkin bila dia 60 tahun lebih, mungkin dia masih boleh kerja kontrak tetapi bila sampai 70 tahun ke atas, mereka ada masalah fizikal, ada masalah kesihatan, mereka tidak dapat kerja. Pada masa itu bolehkah kita bagi tiap orang di atas umur 70 tahun yang tidak ada pencen SOCSO, yang tiada pencen kerajaan, diberi RM300 sebulan daripada kerajaan. Jika kita *calculate* ini, ada lebih kurang sejuta orang yang lebih daripada 70 tahun yang tidak ada pencen kerajaan dan tidak ada pencen SOCSO.

Jadi jika kita bagi RM300 sebulan, ini lebih kurang RM3.6 bilion setahun. Satu yang saya ingat negara kita *can afford* kerana ini akan bantu mereka tambah *quality of*



*life* mereka kerana mereka sudah berkorban untuk negara ini dengan kerja dengan gaji yang rendah dan bila mereka tua, mereka tidak ada apa-apa pendapatan, *it's quite difficult for them*. Walaupun RM300 tidak besar sangat, ini akan banyak membantu untuk kehidupan mereka.

Akhir sekali saya hendak mengatakan saya kecewa dengan peruntukan untuk Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat dikurangkan daripada RM1.9 bilion tahun lalu ke RM1.75 bilion tahun ini. Saya rasa ini satu kementerian yang perlu bajet yang lebih besar. Saya harap jika ada satu bajet tambahan, kementerian ini akan diperuntukkan kerana ada ramai lagi di kalangan rakyat kita yang perlu bantuan. Adalah wajar kita sebagai masyarakat penyayang, kita harus hulurkan bantuan kepada kumpulan-kumpulan macam ini. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat Kota Samarahan, selepas itu Yang Berhormat Bachok, selepas itu Menteri jawab.

#### **7.28 mlm.**

**Puan Rubiah binti Haji Wang [Kota Samarahan]:** Terima kasih Tuan Pengerusi kerana memberi ruang kepada saya untuk berbahas di Peringkat Jawatankuasa Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat.

Saya terus ke Butiran 070400 – Kurang Upaya PDK. Pemulihan Dalam Komuniti ataupun PDK merupakan satu kaedah pembangunan komuniti untuk OKU di mana program pencegahan, pemulihan dan pembangunan boleh dilaksanakan dengan penglibatan aktif keluarga dan masyarakat setempat supaya dapat mengecapi peluang sama rata serta diintegrasikan dalam masyarakat. Program ini merupakan inisiatif terbaik kerajaan dalam menghubungkan serta meningkatkan sendiri seseorang OKU untuk hidup sama seperti manusia biasa. Melalui program PDK bersama OKU, kita dapat memastikan penyertaan penuh dan integrasi sosial OKU dalam keluarga dan komuniti.

#### **■1930**

Selain daripada itu juga, dapat mengurangkan penempatan jangka panjang di institusi pemulihan yang menyebabkan OKU disisih daripada keluarga dan komuniti dan menyediakan peluang untuk OKU membangunkan kebolehan dan kemahiran mengikut potensi yang ada dalam diri mereka. Bagi tujuan ini, saya memohon agar peruntukan Butiran 070400 sebanyak RM94.1 juta dapat ditambah lagi bagi membantu dalam mewujudkan masyarakat penyayang yang peka kepada keperluan OKU.

Saya juga memohon kepada pihak kementerian supaya dapat menilai dan menyediakan bangunan kekal untuk komuniti PDK menjalankan aktiviti dan tidak

kelihatan seperti merempat atau menyewa dalam melakukan kerja-kerja komuniti dalam masyarakat.

Saya juga mencadangkan pembinaan sekolah vokasional khas untuk pelajar istimewa bagi membolehkan mereka mendapat pendidikan yang lebih sempurna. Pada masa ini, hanya terdapat dua buah sekolah vokasional bagi golongan orang kurang upaya di negara kita dan kedua-duanya terletak di Semenanjung Malaysia. Sekolah ini akan melatih golongan OKU dalam pelbagai bidang kemahiran sama ada seperti sekolah vokasional untuk pelajar-pelajar normal.

Pelajar-pelajar OKU di negeri Sarawak hanya bergantung pada tiga buah sekolah iaitu di Batu Lintang, Stampin. Namun begitu, masih kurang infrastruktur dan tenaga pengajar yang masih tidak mencukupi. Sebuah lagi sekolah khas iaitu di Pusat Pemulihan Kota Samarahan, tidak lagi mampu untuk menampung jumlah pelajar yang semakin meningkat. Sehingga bulan April lalu, bilangan OKU di negeri Sarawak adalah sebanyak 25,574 orang.

Diharap dengan pembinaan sekolah kemahiran yang baru dapat memberi peluang kepada golongan OKU menggunakan bakat mereka untuk aktiviti yang lebih radikal. Melalui Butiran 04100 dengan peruntukan sebanyak RM36.1 juta dapat merealisasikan impian golongan OKU di negeri Sarawak.

Seterusnya Butiran 020400 - Pembangunan Kapasiti. Di Malaysia, penglibatan wanita-wanita di dalam bidang pekerjaan walaupun masih rendah, namun meningkat dari semasa ke semasa hasil usaha berterusan pihak kerajaan. Dalam hal ini, saya amat berharap agar wanita di Sarawak dapat diberi peluang untuk menjadi sebahagian daripada jawatankuasa pengurusan dalam sesebuah pentadbiran kerajaan mahupun NGO.

Dalam Butiran 020400, berjumlah RM3.4 juta, diharap kementerian dapat menyediakan latihan profesional bagi membentuk wanita-wanita Sarawak terutamanya di kawasan pedalaman untuk lebih berdaya saing dan mampu menjadi tokoh yang boleh diangkat sebagai mentor oleh orang muda dan masyarakat luar bandar secara keseluruhannya. Peluang-peluang latihan, pendidikan serta vokasional untuk wanita perlu untuk menggalakkan penglibatan mereka dalam lapangan-lapangan yang membawa kepada pekerjaan-pekerjaan yang berpendapatan tinggi dalam semua sektor perlu dipertingkatkan agar sasaran mencapai jumlah wanita dalam bidang profesional melebihi 30 peratus.

Seterusnya Butiran 071200 - Bantuan Sosioekonomi Lain. Dalam era globalisasi ini, golongan wanita masih tidak dapat lari daripada isu-isu mendesak seperti keganasan

rumah tangga, pemerdagangan manusia, penganiayaan terutama hak sebagai isteri, gejala pembuangan bayi dan sebagainya.

Selain melalui saluran kerajaan, perjuangan hak-hak wanita juga memerlukan sokongan kuat daripada pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan. Mereka mungkin boleh menggesa pihak-pihak tertentu termasuk di peringkat pembuat keputusan supaya bersikap lebih praktikal dan efektif. Bantuan dan sokongan secara langsung daripada pertubuhan-pertubuhan ini tentunya adalah menjadi pemangkin yang amat berkesan dalam usaha pemerkasaan hak-hak wanita terutama wanita Islam di negara ini.

Oleh yang demikian, melalui Butiran 071200 dengan peruntukan RM12 juta, diharap pihak kementerian dapat membantu terutamanya ibu tunggal, wanita luar bandar untuk lebih aktif dan dalam aktiviti berpersatuan dan bermasyarakat. Adanya pertubuhan wanita yang boleh dijadikan wadah informasi kepada permasalahan sosial, isu-isu wanita boleh dibincangkan dalam kelompok yang lebih besar selain peranan mereka perlu dipertingkatkan dan diperluaskan.

Itu sahaja Tuan Pengerusi. Yang Berhormat Kota Samarahan mohon menyokong.

**Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Bachok.

### 7.35 mlm.

**Tuan Ahmad Marzuk bin Shaary [Bachok]:** *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Terima kasih Tuan Pengerusi kerana memberi ruang kepada saya untuk mengambil bahagian sama dalam berbahas tentang Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat ini.

Saya terus merujuk kepada Butiran 070800 - Sosioekonomi Keluarga Miskin, dipotong RM50,257,000. Butiran 070900 - Sosioekonomi OKU, dipotong sebanyak RM5,861,600 dan Butiran 071000 - Sosioekonomi Warga Emas, dipotong sebanyak RM4,757,700. Dalam suasana ekonomi yang menekan rakyat pada hari ini, saya rasa sangat tidak munasabah dan tidak wajar peruntukan untuk kementerian ini dipotong. Saya juga bersama dengan rakan-rakan yang lain. Sepatutnya Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat ini perlu mendapat bajet yang selesa untuk terus memastikan kebajikan rakyat itu diutamakan. So kalau kata membantah, saya membantah pemotongan ini.

Kemudian Butiran 040000 - Kebajikan Masyarakat. Pihak saya juga ada meneliti borang permohonan bantuan di pejabat Jabatan Kebajikan Masyarakat yang terlalu *complicated* dan susah untuk diisi dan banyak kali dibuat salinan sehingga sukar dibaca.

Saya cadangkan borang permohonan dipermudahkan dan dibuat secara *online* melalui kemudahan Pusat Internet 1Malaysia yang ada di kampung-kampung.

Tidaklah perlu kita menyusahkan orang yang sudah pun susah untuk mendapatkan bantuan di pejabat JKM daerah dengan perlu menyewa kereta dan sebagainya. Ini membebankan mereka. Tidak perlu pergi ke pejabat, boleh buat isi borang secara *online* kerana pergi ke pejabat JKM sekadar untuk isi borang melibatkan kos pengangkutan. Bagi mereka RM10, RM20 itu sudah pun satu jumlah yang besar dengan boleh diijmatkan.

Saya setuju siasatan perlu diperincikan tetapi borang permohonan hendaklah diringkas dan dipermudahkan. Kemudian, mungkin borang permohonan bantuan perlu dibuat dalam satu muka surat A4 sahaja dan perlu diperlukan matlamat asas sahaja.

Kemudian, Butiran 070000 - Program Khusus. Saya tengok banyak program kementerian lain tidak mengambil kira sama keperluan Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat yang memberi tumpuan kepada membantu golongan susah. Sebagai contoh, saya mengambil Kementerian Pertanian mengadu susah untuk mencari kawasan pertanian sebanyak 300,000 hektar bagi projek penanaman tanaman jagung untuk ternakan bagi mengurangkan kos import.

Saya percaya dengan sedikit perubahan minda pihak kementerian berkaitan daripada terlalu memberi tumpuan untuk mengagihkan projek kepada syarikat-syarikat besar dan tanah pertanian yang luas, adalah lebih baik dibuat program khas penanaman jagung untuk tujuan projek itu tadi, dibuat oleh rakyat miskin di sekeliling rumah mereka dengan jaminan pembelian daripada pihak kerajaan. Ini sudah pasti isu yang berkaitan dengan kekurangan tanah pertanian untuk projek tanaman jagung bagi ternakan ini dapat kita selesaikan. Ia juga memberi impak yang baik kepada ekonomi semasa masyarakat yang kurang berkeupayaan tadi.

Kemudian Butiran 01900 - Depoh Simpanan Keperluan Mangsa Bencana dianggarkan sejumlah RM21 juta. Soalan saya, apakah ia dibangunkan di tempat yang bersesuaian bagi menguruskan mangsa dan bencana? Ini kerana saya merujuk kepada bencana banjir di Kelantan tahun 2014. Kebanyakan kawasan yang dilanda dengan bencana banjir ini menerima impak yang sangat teruk kecuali kawasan sebahagian kecil Pasir Puteh tidak terlibat sangat dengan banjir.

#### ■1940

Juga kawasan Bachok kawasan saya. Boleh dikatakan pada gelombang besar-besaran yang kedua itu tak terlibat pun dengan banjir dan saya rasa pemilihan kawasan ini perlu diberikan penelitian oleh pihak kementerian untuk membina depot makanan

pada masa banjir ini dan juga saya maknanya mencadangkan kalau boleh, di Bachoklah paling sesuai untuk dibina depot keperluan simpanan kepada mangsa bencana ini.

Saya juga ingin bertanya, apakah kerugian dan hasil siasatan kebakaran pusat penyimpanan bekalan makanan MKN di Pengkalan Chepa? Adakah ia tidak melibatkan peruntukan daripada Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat dan apakah jaminan langkah yang diambil bagi memastikan kebakaran seperti ini tidak akan berulang lagi pada masa-masa akan datang dengan penyelenggaraan yang terbaik dari pihak kementerian? Sekian yang saya ingin saya tanyakan, sekian Assalamualaikum warrahmatullaahi wabarakaatuh.

**Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Waalaikum salam. Sila Yang Berhormat Menteri menjawab. Terpulanglah pada budi bicara kepada Ahli Yang Berhormat yang tiada di dalam Dewan yang berbahas, bolehlah jawapan secara bertulis.

**7.41 mlm.**

**Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat [Datuk Hajah Azizah binti Datuk Seri Panglima Mohd. Dun]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Terdapat 16 orang Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengemukakan soalan ataupun telah membahaskan di peringkat Jawatankuasa ini. Saya lihat yang pertama Yang Berhormat Permatang Pauh tidak ada di dalam Dewan.

**Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya.

**Datuk Hajah Azizah binti Datuk Seri Panglima Mohd. Dun:** Jadi saya nanti buat secara bertulis. Yang Berhormat Parit Sulung pun..

**Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Tiada.

**Datuk Hajah Azizah binti Datuk Seri Panglima Mohd. Dun:** Tidak ada di dalam Dewan, so secara bertulis juga. Kemudian Yang Berhormat..

**Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Parit Buntar, tiada.

**Datuk Hajah Azizah binti Datuk Seri Panglima Mohd. Dun:** Yang Berhormat Parit Buntar, adakah?

**Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Tiada, tiada.

**Datuk Hajah Azizah binti Datuk Seri Panglima Mohd. Dun:** Tak ada dalam Dewan. So saya akan bagi secara bertulis juga.

**Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Kuala Selangor, tiada.

**Datuk Hajah Azizah binti Datuk Seri Panglima Mohd. Dun:** Yang Berhormat Kuala Selangor juga tidak ada? Tidak ada dalam Dewan, so akan dibagi secara bertulis juga.

**Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Kulai ada.

**Datuk Hajah Azizah binti Datuk Seri Panglima Mohd. Dun:** Yang Berhormat Kulai ada? Yang Berhormat Kulai, okey saya akan cari Yang Berhormat Kulai apa yang ditanya tadi. *[Ketawa]* Yang Berhormat okey, Bandar Tun Razak tak ada ya?

**Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Tiada.

**Datuk Hajah Azizah binti Datuk Seri Panglima Mohd. Dun:** Tak ada dalam Dewan. Okey..

**Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Sibuti ada.

**Datuk Hajah Azizah binti Datuk Seri Panglima Mohd. Dun:** Yang Berhormat Sibuti ada?

**Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ada.

**Datuk Hajah Azizah binti Datuk Seri Panglima Mohd. Dun:** Yang Berhormat Sibuti ada. Yang Berhormat Kapar adakah?

**Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Tiada.

**Datuk Hajah Azizah binti Datuk Seri Panglima Mohd. Dun:** Okey, saya jawab bertulis. Yang Berhormat Sibuti ada?

**Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ada.

**Datuk Hajah Azizah binti Datuk Seri Panglima Mohd. Dun:** Okey Yang Berhormat Sibuti berkaitan dengan PDK, saya ucapkan terima kasihlah bagi pihak kementerian kerana mengiktiraf peranan yang dimainkan oleh PDK. Jadi sehingga tahun 2016, kita mempunyai 537 PDK di seluruh Malaysia. semuanya menerima peruntukan mengikut bilangan penghuni, petugas penyelia, perbelanjaan utiliti bulanan, sewa bangunan dan sebagainya, semua ini kita berikan kepada PDK kita di seluruh Malaysia. Semua PDK baru akan menerima peruntukan sebanyak RM50,000 *one-off* untuk pembelian peralatan, perbelanjaan lain, untuk pembelian kemudahan peralatan, boleh diusahakan oleh Jawatankuasa PDK kerana PDK merupakan sebuah program komuniti kepada komuniti. Jadi kita menggalakkan supaya komuniti itu membantu dalam usaha ini. Yang Berhormat Kuala Kangsar? Tak ada.

**Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, tiada.

**Datuk Hajah Azizah binti Datuk Seri Panglima Mohd. Dun:** Tiada di dalam Dewan, jadi secara bertulis jugalah.

**Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Parit Buntar sudah ada dalam Dewan.

**Datuk Hajah Azizah binti Datuk Seri Panglima Mohd. Dun:** Yang Berhormat Parit Buntar.

**Dato' Dr. Mujahid bin Yusof Rawa [Parit Buntar]:** Masuk tadi, baru solat.

**Datuk Hajah Azizah binti Datuk Seri Panglima Mohd. Dun:** Oh, Yang Berhormat Parit Buntar ada dalam Dewan. Yang Berhormat Parit Buntar, apakah usaha kerajaan untuk memperbanyakkan taska? Antara lainnya telah ditubuhkan *task force ramping up the early childhood care and education industry*. Ini adalah bertujuan untuk membincangkan isu-isu cabaran dan penambahbaikan secara holistik operasi dan kualiti taska di Malaysia. Ini adalah dipengerusikan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri iaitu Senator Datin Paduka Chew Mei Fun dan dianggotai oleh kementerian, jabatan, agensi serta Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) yang berkaitan.

Jumlah rumah perlindungan kanak-kanak bagi kes-kes penderaan, senarai mengikut negeri ada banyak ini, ada 13 buah Yang Berhormat. Kalau boleh nanti saya bagi secara bertulis lebih baik lagi. Sejauh mana keberkesanan program yang dijalankan di rumah perlindungan tersebut? Di rumah kanak-kanak ini antara program dan perkhidmatan yang disediakan adalah kanak-kanak. Kebanyakannya adalah seperti berikut:-

- (a) Jagaan dan perlindungan;
- (b) Sukan dan riadah,
- (c) Pendidikan akademik; dan juga
- (d) Vokasional.

Aspek pendidikan diberi penekanan utama kanak-kanak berumur satu hari sehingga empat tahun, mereka bagi jagaan di taska, diwujudkan juga penjagaan taska. Bagi kanak-kanak yang berusia empat hingga enam tahun, mereka akan mengikut pra sekolah di mana mereka didaftarkan di tadika yang berhampiran dan dengan institusi.

Bagi kanak-kanak yang berusia tujuh tahun hingga 18 tahun, mereka didaftarkan dan dihantar ke sekolah rendah dan juga menengah aliran perdana. JKM turut juga menyediakan sistem latihan *dual national* melalui kerjasama giat mara dan syarikat swasta. Antara pameran yang disediakan adalah automatif, masakan, jahitan, kraf tangan dan komputer. Ertinya secara amnya, memang kita memberikan pendidikan yang mencukupi kepada mereka ini. Ada juga di antara mereka ini sampai ke peringkat yang tinggi kepada IPTA dan membuat diploma dan juga ijazah. Antara mereka ini ada yang sudah mempunyai pekerjaan yang baik dan menjadi *role model* kepada anak-anak yang lain, alhamdulillah.

**Datuk Hajah Azizah binti Datuk Seri Panglima Mohd. Dun:** Selain itu, daripada Batu Kawan adakah? Yang Berhormat Batu Kawan ada ya. Yang Berhormat Batu Kawan menyebut tentang jenayah seksual secara menyeluruh. Ingin saya maklumkan di sini bahawa Jawatankuasa PEMANDU di peringkat kementerian telah ditubuhkan juga dan melalui Jawatankuasa Teknikal ini di peringkat JKM, akan meninjau daripada aspek teknikal pelaksanaan dan pembangunan daftar kanak-kanak selaras dengan Akta A11511. Tujuan ini jawatankuasa ini akan bekerjasama dengan Kementerian Dalam Negeri, Polis Diraja Malaysia dan mahkamah bagi tujuan penyelarasan maklumat pesalah dan juga mangsa. Ahli pada kedua-dua peringkat jawatankuasa melibatkan Jabatan Peguam Negara, Polis Diraja Malaysia, Pejabat Ketua Pendaftaran Mahkamah, Kementerian Kesihatan dan Suruhanjaya Komunikasi dan juga Multimedia Malaysia.

Bagi fasa pertama, pembangunan daftar kanak-kanak di bawah Akta Kanak-kanak yang baru dipinda, sistem e-JKM iaitu sistem di bawah JKM yang diberi nama dan maklumat kanak-kanak yang memerlukan perlindungan. Yang turut menyimpan maklumat pesalah akan disemak silang, *cross refer* dengan izin dengan pihak PDRM bagi menyemak sama ada pesalah ini telah disabitkan di mahkamah. Fasa seterusnya akan melibatkan rujukan secara langsung dengan pihak PDRM untuk melihat daftar pesalah di bawah kelolaan PDRM. Yang Berhormat Batu Kawan juga bertanya mengapakah peruntukan untuk mangsa pemerdagangan telah berkurangan. Kementerian merupakan Pengerusi kepada salah satu jawatankuasa di bawah Majlis Anti Pemerdagangan Orang dan Anti Penyeludupan Migran di bawah KDN, iaitu Jawatankuasa Perlindungan dan Pemeliharaan Mangsa Perdagangan.

**Puan P. Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan]:** Tuan Pengerusi..

**Datuk Hajah Azizah binti Datuk Seri Panglima Mohd. Dun:** Ya?

**Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, sila.

**Puan P. Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan]:** Minta penjelasan. Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri berhubung dengan soalan saya. Siapakah yang telah meluluskan butiran atau data-data jenayah seksual terhadap kanak-kanak ditempatkan di bawah Akta Rahsia Rasmi dan apakah keperluan maklumat ini *declassify* di bawah Akta Rahsia Rasmi sebab dengan izin Tuan Pengerusi, saya ingin baca di sini. Kenyataan daripada Ong Chin Lan, *the Head of Sexual Woman and Children Investigation Division of the Malaysian National Polis PDRM*, "We don't want people to misinterpret it. The government doesn't want to unduly alarm the public about possibly high number of child abuse cases" she explained.



Jadi ini menunjukkan pihak polis sendiri menyokong data-data maklumat mengenai penderaan jenayah seksual kanak-kanak ini diletakkan di bawah Akta Rahsia Rasmi.

■1950

Saya tidak faham kenapa maklumat ini tidak diberikan kepada khalayak ramai. Sebab banyak NGO yang bekerja *very, very long time* dengan izin Tuan Pengerusi, *many years on this issue*. Mereka tidak boleh melangkah ke hadapan tanpa maklumat ini. Jadi soalan saya belum dijawab lagi Tuan Pengerusi. Saya minta Yang Berhormat Menteri memberi saya jawapan di sini ataupun memberi saya jawapan bahawa saya akan mendapat jawapan bertulis. Terima kasih.

**Datuk Hajah Azizah binti Datuk Seri Panglima Mohd. Dun:** Tuan Pengerusi, di bawah pindaan Akta Kanak-kanak yang telah pun diluluskan oleh Dewan ini, kita akan wujudkan daftar kanak-kanak yang mana dalam daftar itu nama-nama pesalah-pesalah yang mangsanya adalah kanak-kanak akan dimasukkan di dalam daftar tersebut. Dalam pada masa sekarang ini, JKM ataupun Jabatan Kebajikan Masyarakat sedang mengumpulkan semua data atau nama pesalah ini, butiran mereka daripada PDRM. Setelah itu nanti terbangun, maka sesiapa yang memerlukan yang berkenaan, bolehlah memohon kepada Ketua Pengarah JKM untuk memberikan maklumat mengenai dengan pesalah itu.

**Puan P. Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan]:** [Bangun]

**Datuk Hajah Azizah binti Datuk Seri Panglima Mohd. Dun:** Tentang apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi, yang telah di dalam surat khabar dan sebagainya itu, itu tidak ada mengena dengan kita dan kita tidaklah kata dapat menjawab mengapa, siapakah yang membuat keputusan itu tersebut.

**Puan P. Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan]:** Tapi Yang Berhormat Timbalan Menteri macam mana Kementerian Wanita, Keluarga dan Masyarakat akan mendapat maklumat daripada PDRM sekiranya PDRM sendiri mengatakan maklumat ini di bawah Akta Rahsia Rasmi. *How do you know the information you are given is adequate, is enough and is accurate? How do you know what they are telling you it's the whole truth* dengan izin Yang Berhormat Timbalan Menteri?

**Datuk Hajah Azizah binti Datuk Seri Panglima Mohd. Dun:** Tuan Pengerusi, ini adalah undang-undang yang membenarkan JKM mendapatkan maklumat daripada pihak PDRM. Jadi bagi kami, kami yakin bahawa nanti PDRM akan memberikan kami maklumat dan butiran yang diperlukan ini demi untuk kita melindungi kanak-kanak kita dalam negara kita Malaysia ini. Jadi saya rasa kita tidak perlu bimbanglah tentang

perkara itu. *Insyah-Allah* kita akan dapat butiran ini dan nanti akan dibangunkan di bawah kementerian kita di bawah daftar kanak-kanak tersebut. Yang Berhormat.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** *[Bangun]*

**Puan P. Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan]:** Mungkin Yang Berhormat Timbalan Menteri tidak ingin menjawab. Saya akan tanya KDN esok.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Yang Berhormat.

**Datuk Hajah Azizah binti Datuk Seri Panglima Mohd. Dun:** Yang itu mungkin kalau tentang KDN, Yang Berhormat tanya pada KDN ya.

**Puan P. Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan]:** Tapi *you have work together* Yang Berhormat Timbalan Menteri. *It's very important.*

**Datuk Hajah Azizah binti Datuk Seri Panglima Mohd. Dun:** Yes, memang kita...

**Puan P. Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan]:** *You know the public doesn't have the information.*

**Datuk Hajah Azizah binti Datuk Seri Panglima Mohd. Dun:** Memang saya telah sebut tadi kita bekerjasama dengan KDN tapi pihak bagi soalan bagi yang tertentu itu Yang Berhormat boleh soal kepada KDN nanti.

**Puan P. Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan]:** Tuan Pengerusi, saya rasa kenyataan dengan izin *with all respect to the Deputy Minister*, saya rasa kenyataan ini bercanggah, sangat, sangat bercanggah dengan pendirian PDRM. Sangat bercanggah dan ini bukan kepentingan pembangkang atau kerajaan. Ini adalah kepentingan masyarakat umum, perlindungan kepada kanak-kanak. Maklumat ini tidak diberikan. Di Parlimen pun kami bertanya tetapi tidak mendapat jawapan yang apa yang kami tanya. Jadi saya rasa ada *there is* dengan izin Tuan Pengerusi, *there is some form of a cover up, as stated not by me but by this person from Ong Chin Lan, dari Head of Sexual, Women and Children Investigation Division of PDRM.*

*She herself said the government does not want to give this information out because they don't want undue worry or reaction from the public.* Saya rasa ini sungguh tidak bertanggungjawab daripada pihak PDRM dan saya mencadangkan agar Kementerian Wanita, Keluarga dan Masyarakat *push for this information to be made public. So that MPs, NGOs and the public will know* Tuan Pengerusi. *Because you must know who's your neighbor, what if he has a case on him* tapi kita tidak tahu sebab dia di bawah Akta Rahsia Rasmi. Terima kasih.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Ya Yang Berhormat hendak tambah sikit. Yang sepatutnya dirahsiakan— boleh ya Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya sila. Sila Yang Berhormat Kapar.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Yang sepatutnya dirahsiakan adalah nama kanak-kanak dan identiti kanak-kanak tersebut. Akta Rahsia Rasmi itu sepatutnya untuk mengawal kebajikan kanak-kanak. Di sini kita sedang gunakan untuk menjaga kepentingan orang yang telah melakukan kesalahan. Itu yang sepatutnya kementerian perlu jelas, perlu faham. Yang kita hendak rahsiakan kanak-kanak itu, identiti dia. Tetapi statistik berapa ramai yang terlibat, di mana kawasan yang sedang dilakukan kegiatan begini, di kawasan mana kanak-kanak teraniaya. Yang itu perlu diumumkan secara terbuka supaya rakyat faham apa yang sedang berlaku.

Tidak boleh sorokkan maklumat yang penting ini dalam peti yang dipanggil sebagai rahsia. So saya rasa kementerian perlu jelas apa yang patut dirahsiakan, apa yang perlu dibuka secara *transparent* kepada rakyat. Terima kasih Tuan Pengerusi.

**Datuk Hajah Azizah binti Datuk Seri Panglima Mohd. Dun:** Tuan Pengerusi, seperti mana yang telah saya jawab tadi bahawa di bawah Akta Kanak-kanak yang dipinda dan diluluskan oleh Dewan yang mulia ini pada tahun ini, kita sedang membangun daftar kanak-kanak yang mana di dalamnya nanti akan ada nama-nama dan butiran pesalah yang melakukan kesalahan dan mangsanya adalah kanak-kanak. Kita sekarang dalam proses untuk mendapatkan semua maklumat tersebut, akan dimasukkan di dalam daftar yang mana nanti boleh diakses dengan kebenaran Ketua Pengarah JKM. Akan tetapi untuk tujuan yang ada kaitan dengan KDN itu, Yang Berhormat boleh nanti kepada Kementerian yang berkenaan.

Okey saya teruskan kenapakah peruntukan untuk mangsa pemerdagangan telah berkurangan telah saya sebutkan tadi. Bagi aspek pemulihan mangsa, kerajaan telah menggazet peraturan bagi memberi kebenaran bebas bergerak dan bekerja untuk mangsa pada tahun 2016. Berdasarkan pindaan Akta ATIPSOM 2007 pada 2015, mangsa yang juga dibenarkan untuk ditempatkan di rumah perlindungan NGO. Justeru ini dapatlah mengurangkan beban kewangan. Nanti mereka boleh bekerja dan mereka boleh berada di rumah yang dijaga oleh NGOs.

Berkenaan dengan peruntukan khas bantuan untuk ibu tunggal yang tidak dinyatakan dalam bajet, Jabatan Kebajikan Masyarakat tidak memperuntukkan skim yang khusus untuk ibu tunggal. Walau bagaimanapun melalui JKM, ibu tunggal yang miskin dan berkeperluan dibantu melalui bantuan keluarga miskin dengan peruntukan berjumlah lebih RM185 juta pada tahun 2017 iaitu tahun depan. Penerima ibu tunggal dalam kalangan penerima bantuan keluarga miskin adalah berjumlah lebih daripada

10,000 orang. Statistik lengkap nanti akan diberikan secara bertulis kepada Yang Berhormat.

Di samping itu ibu tunggal yang miskin juga dibantu untuk berdikari melalui program Geran Pelancaran yang disediakan oleh kementerian. Ingin juga saya nyatakan di sini bahawa kita juga membantu anak-anak kepada ibu tunggal melalui bantuan kanak-kanak yang kita berikan secara berterusan walaupun ramai rata-rata Yang Berhormat semua menyatakan peruntukan kementerian ini berkurangan dalam 0.5 peratus yang kita akui dan saya bagi pihak kementerian mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat-Yang Berhormat yang begitu prihatin yang mengatakan perlunya peruntukan kementerian ini ditambah, bukan dikurangkan.

Kami amat-amat bersetuju tapi ingin saya nyatakan di sini bahawa kita memastikan bahawa segala bantuan yang perlu kita sampaikan kepada kumpulan sasar kita, tiada satu pun yang akan ketinggalan nanti kerana kita telah melihat walaupun dalam berbanding pada tahun lalu, kita ada pengurangan daripada segi bantuan sosioekonomi yang mana disebut oleh rata-rata oleh Yang Berhormat-Yang Berhormat. Jadi saya jawab sekali gus saja. Memang pada akhirnya nanti...

**Puan P. Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan]:** Tuan Pengerusi.

**Datuk Hajah Azizah binti Datuk Seri Panglima Mohd. Dun:** ...Kita akan mendapat bajet tambahan untuk memastikan semua penerima kita akan menerima bantuan daripada kerajaan.

**Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Batu Kawan bangun lagi.

**Puan P. Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan]:** Terima kasih Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya.

**Puan P. Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan]:** Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya berterima kasih di atas semua usaha yang telah dijalankan, yang akan dijalankan oleh kementerian untuk membantu golongan yang benar-benar memerlukan bantuan kewangan dari JKM. Akan tetapi saya ingin mencadangkan dalam Dewan yang mulia ini agar kementerian memberi sedikit pertimbangan untuk mengagihkan ataupun *to start a section for* ibu tunggal khas untuk ibu tunggal sahaja sebab seperti yang saya katakan mereka ini perlu bersaing dengan keluarga yang miskin tetapi ibu tunggal sendiri, ayah, ibu *and* dia *sole breadwinner* untuk keluarga dia.

Jadi saya rasa sudah tiba masanya dengan peningkatan tahun demi tahun bilangan ibu tunggal meningkat. Saya rasa sudah tiba masa ada satu, bukan saja peruntukan kewangan tetapi peruntukan dari segi butiran dalam belanjawan untuk ibu

tunggal. Saya harap kementerian kalau bukan tahun ini, mungkin untuk tahun depan satu peruntukan khas untuk ibu tunggal. Terima kasih.

■2000

**Datuk Hajah Azizah binti Datuk Seri Panglima Mohd. Dun:** Terima kasih Yang Berhormat Batu Kawan. Tuan Pengerusi, saya adalah merupakan pengerusi kepada satu *task force* khusus untuk pemerksaan ibu tunggal. Jadi perkara dan hal ini adalah amat dekat di hati saya. Kita sedang berusaha bersungguh-sungguh bagi memastikan supaya segala isu yang berkaitan dengan ibu tunggal, kesejahteraan, ekonomi mereka dan segala-galanya sedang dalam pemerhatian kita. Kita mempunyai perbincangan dengan pelbagai kumpulan dalam kerajaan ini, kementerian-kementerian dan agensi-agensi serta juga NGOs malah syarikat-syarikat swasta bagaimana kita dapat memperkasakan ekonomi ibu tunggal ini. *Rest assured* dengan izin bahawa kita membuat segala-galanya yang boleh untuk membantu ibu tunggal ini. *Don't worry*.

Seterusnya saya rujuk kepada Yang Berhormat Kulai. Yang Berhormat Kulai adakah? Yang Berhormat Kulai, kemudahan ruang penyusuan bayi bagi ibu menyusu yang bekerja. Ruang penyusuan bayi, Pekeliling Amalan Perniagaan Terbaik 2/2011 mewujudkan persekitaran kerja yang kondusif bagi wanita. Program Penyusuan Susu Ibu di tempat kerja dikeluarkan oleh SSM dan juga UNICEF. Penekanan juga diberikan kepada syarikat dan perniagaan dalam menyokong inisiatif nasional bagi menggalakkan amalan penyusuan susu ibu yang bertujuan untuk mencapai perkembangan kesihatan kanak-kanak yang optimum.

Pekeliling ini bertujuan untuk menyokong dan menggalakkan pembentukan suatu persekitaran kekeluargaan yang mesra kanak-kanak di tempat kerja. Jadi saya ucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang mengambil perhatian tentang penyusuan ibu ini.

**Puan Teo Nie Ching [Kulai]:** *[Bangun]*

**Datuk Hajah Azizah binti Datuk Seri Panglima Mohd. Dun:** Sekiranya ada tempat-tempat yang masih lagi belum menyediakan ini maklumkan kepada kita untuk kita pantau secara berterusan. Ini usaha kita bersama.

**Timbalan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, sila.

**Puan Teo Nie Ching [Kulai]:** Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih Timbalan Menteri. Saya hanya hendak tahu secara lebih jelas kalau memang ada tempat kerja yang tidak ikut garis panduan, apa pekerja-pekerja wanita ini boleh buat? Kalau kita hendak buat aduan, buat aduan kepada siapa? Bahagian mana yang memantau sama ada syarikat-syarikat ini ada mematuhi garis panduan ini? Apa tindakan yang boleh diambil oleh kementerian? Adakah kementerian akan

mengutarakan isu itu, surat amaran (*warning letter*) ataupun kita boleh beri satu denda kepada syarikat-syarikat itu? Apa itu tindakan yang memang boleh diambil oleh kementerian? Terima kasih Tuan Pengerusi.

**Datuk Hajah Azizah binti Datuk Seri Panglima Mohd. Dun:** Terima kasih Yang Berhormat. Tuan Pengerusi, oleh sebab pekeliling ini dikeluarkan oleh SSM jadi tentulah laporan itu dibuat kepada mereka. Ingin saya nyatakan di sini Yang Berhormat dan kepada semua Yang Berhormat di Dewan yang mulia ini bahawa usaha ini adalah memang pun dibuat oleh kementerian kita bersama kementerian yang lain. Ini bererti kita memang memberikan perhatian dan prihatin terhadap keperluan ibu yang menyusukan anak ini. Kita tidak akan kata orang akan berhenti di situ sahaja. Kita akan memastikan kerana itu juga adalah menjadi tujuan kerajaan menggalakkan supaya ibu-ibu menyusukan anak mereka. Jadi tentu kita akan secara berterusan memantau keadaan ini. Sekiranya ada masalah-masalah di mana lagi tempat bekerja yang belum lagi menyediakan, maklumkan supaya sama-sama kita memantau ya Yang Berhormat.

Yang Berhormat Rantau Panjang ada menyebut tentang remaja hamil. Apakah penyelesaian oleh pihak kementerian? Saya sebenarnya telah menjawab soalan ini Tuan Pengerusi baru-baru ini sahaja di dalam Dewan yang mulai ini. Kalau usaha kita memang banyak sudah kita laksana yang melibatkan LPPKN, Program PEKERTI kita bermula daripada pelajar-pelajar di peringkat sekolah rendah lagi sampailah ke sekolah menengah dan sampailah ke PLKN kita berterusan melakukannya. Saya telah meminta supaya semua masyarakat di luar sana bersama-sama dalam usaha kita.

**Timbalan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Rantau Panjang.

**Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd. Yusoff [Rantau Panjang]:** Ya, terima kasih Tuan Pengerusi. Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri di atas jawapan. Apa yang saya ingin tahu ialah kita melihat setiap tahun gejala ini tidak berkurangan. Jadi walaupun banyak program yang telah dibuat oleh kerajaan tetapi seolah-olah program yang dibuat itu tidak memberi kesan. Apa lagi isu ini terutama beberapa negeri yang terlibat termasuk yang sebagaimana yang dijawab oleh Yang Berhormat sebelum ini Sarawak, Johor dan Selangor di antara negeri yang tertinggi.

Jadi apakah mekanisme ataupun analisa yang telah dibuat oleh pihak kementerian untuk memastikan gejala ini dapat dihapuskan dan dapat diminimumkan. Oleh sebab kita tidak mahu isu ini terus berterusan dan akan memberi kesan kepada maruah remaja hari ini. Jadi minta penjelasan.

**Datuk Hajah Azizah binti Datuk Seri Panglima Mohd. Dun:** Terima kasih Yang Berhormat. Tuan Pengerusi, program yang kita jalankan Program PEKERTI ini memang

baru bermula dalam erti katanya kita beri dahulu peluang untuk kita menilai sejauh mana keberkesannya, lepas itu kita akan buat kajian. Jika ia tidak cukup berkesan, bererti kita akan menambah baik lagi modulnya, pertama. Keduanya, bagaimana kita dapat diseluruhi lagi program yang dijalankan. Itu sebab antara program yang kita laksanakan itu melatih bakal guru-guru supaya program ini dapat dijalankan di semua sekolah-sekolah dengan guru-guru ini sudah dibekalkan dengan ilmu yang diperlukan untuk menyampaikan maklumat yang patut sampai kepada kanak-kanak ini.

Dalam masa yang sama juga program untuk ibu bapa itu kita teruskan, kita perhebatkan lagi. Oleh sebab itulah selain daripada apa yang kita buat di peringkat kementerian, di peringkat LPPKN, saya juga meminta supaya semua pihak terlibat sama dalam komuniti di peringkat kampung, di peringkat desa, semuanya bersama-sama untuk melaksanakan program ini supaya ia akan lebih berkesan lagi. Untuk langsung *zero*-kan perkara ini tidak mungkin dapat dilakukan tetapi untuk mengurangkannya itu cuma memerlukan kita semua bekerjasama Yang Berhormat. Terima kasih.

Yang Berhormat Parit Buntar juga tadi masih ada lagikah? Yang Berhormat Parit Buntar? Tidak ada ya? Yang Berhormat Parit Buntar ada? Tidak ada? Oh ada. *Sorry*. Ini tadi bersama-sama dengan Yang Berhormat Rantau Panjang sekali ya statistik kes keganasan rumah tangga. cara menangani kes keganasan rumah tangga.

Statistik pada tahun 2013 sebanyak 488 kes, tahun 2014 sebanyak 707 kes, tahun 2015 sebanyak 667 kes dan sehingga Jun 2016 sebanyak 424 kes. Cara-cara untuk tangani kes keganasan rumah tangga adalah terutamanya kempen-kempen kesedaran di kalangan masyarakat yang kita terus laksanakan di mana kita juga ada "*Stop Violence Against Women*" dan sebagainya, advokasi dan juga sesi kaunseling kepada pasangan yang bermasalah, Program 1Bengkel Keluarga Bahagia, tindakan undang-undang terhadap pelaku yang melakukan penderaan ini juga memang sudah ada undang-undangnya. Kita akan menambah pasti dalam mengkaji sekarang ini untuk menambah baik lagi untuk meminda undang-undang kita iaitu undang-undang keganasan *Domestic Violence Act* dengan izin.

Yang Berhormat Rantau Panjang tentang statistik sudah saya berikan. Isu bantuan kepada mangsa bencana banjir. Dalam pengurusan bencana banjir di pusat pemindahan daripada segi kesihatan dan sebagainya diurus melalui tujuh jawatankuasa yang di tubuh termasuklah Jawatankuasa Kesihatan di bawah Kementerian Kesihatan.

Bagi bantuan kewangan dan makanan bagi mangsa yang tidak berpindah ke pusat pemindahan, bantuan akan disalurkan melalui ketua kampung dan penghulu yang berkaitan. Namun begitu perkara ini adalah di bawah kuasa kerajaan negeri kerana

peruntukan makanan semasa bencana adalah di bawah tanggungan kerajaan negeri sendiri.

Sejauh manakah kejayaan Program 1AZAM? Mekanisme pemantauan 1AZAM Niaga daripada 195,953 peserta 1AZAM sehingga Oktober 2016 seramai 93,469 peserta telah berjaya meningkatkan pendapatan. Untuk makluman, pemantauan kepada peserta sentiasa dilakukan dari masa ke masa di mana para peserta turut diberi bimbingan latihan pengurusan kewangan dan juga kredit.

#### ■2010

Semua agensi pelaksanaan memantau peningkatan pendapatan peserta 1AZAM sepanjang tahun sebanyak tiga kali sekurang-kurangnya bagi memastikan peningkatan pendapatan peserta sebanyak RM300 hingga RM500.

Yang Berhormat, walaupun kita buat ini semua, tentu ada juga yang tidak akan berjaya. Kita tidak akan *expect*-lah dengan izin, 100 peratus yang dibantu itu akan berjaya. Mungkin kalau kita dapat 30 peratus pun, itu adalah cukup baik. Kita rasa cukup baik sebenarnya, Yang Berhormat.

**Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Rantau Panjang

**Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd. Yusoff [Rantau Panjang]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya tertarik dengan jawapan yang dibuat oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi berkaitan dengan Program 1AZAM di mana daripada 195,000 orang peserta, yang berjaya hanya sekitar dalam 93,000 orang. Lebih kurang 100,000 lagi masih dalam keadaan yang belum memuaskan.

Jadi persoalan saya, apa punca? Apakah analisa yang dibuat oleh pihak kementerian punca-punca kegagalan Program 1AZAM? Sedangkan, program ini amat penting untuk membina ekonomi terutama bagi ibu-ibu tunggal di luar bandar. Juga, sejauh mana kursus-kursus atau latihan untuk menjadi usahawan dan sebagainya yang diberikan kepada penerima-penerima peruntukan ini supaya peruntukan ini tidak terbengkalai begitu sahaja?

Jadi saya harap supaya, *insya-Allah*, program yang menggunakan wang sebegini banyak dan melibatkan begitu ramai sasaran di bawah, tidak hanya setakat 93,000. Kalau 195,000, sekurang-kurangnya 70 peratus atau 60 peratus usaha kita mendapat kejayaan. Jadi apa mekanisme untuk kita mencapai kebaikan yang lebih baik untuk masa depan?

**Datuk Hajah Azizah binti Datuk Seri Panglima Mohd. Dun:** Yang Berhormat, seperti yang saya katakan tadi, kita tidak *expect*-lah, dengan izin, semua yang kita tolong itu, 100 peratus akan berjaya. Kalau kita dapat 30 peratus pun, itu adalah sudah



cukup baik. Dalam mana-mana tempat pun, tentu tidak akan mendapat kejayaan yang sepenuhnya. Sasaran 70 peratus itu agak tinggi. Walau macam mana pun, ini tidak berertinya kita berputus asa. Kita akan berterusan memantau mereka.

Kursus-kursus tadi yang berkaitan dengan bagaimana untuk memajukan perniagaan mereka, kursus-kursus kewangan, kursus motivasi, kita jalankan sebenarnya. Sebelum mereka ini diberikan bantuan ini, mereka sudah melalui kursus-kursus ini dan secara berterusan kita memantau mereka. Sekiranya ada keperluan lagi untuk mereka diberikan kursus dan dibantu, kita akan usahakan bagi memastikan kita mempunyai peratusan yang tinggi untuk mencapai kejayaan. Kita tidak boleh kata oleh kerana ada masalah ini, maka kita jangan buat lagi. Tidak boleh, kerana ini adalah satu usaha yang baik untuk membantu rakyat kita.

**Dato' Dr. Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Parit Sulong bangun.

**Dato' Dr. Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]:** Terima kasih. Terima kasih Tuan Pengerusi dan juga terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Saya tertarik tadi dengan apa yang tadi dinyatakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri. Kita faham dan kita akur bahawa bukan semua program kita itu akan mencapai *100 percent* kejayaan.

Akan tetapi, saya percaya pihak kementerian ada membuat satu kajian daripada perkara yang terlepas ini, daripada kurangnya kejayaan atau pun tidak mencapai sasaran itu. Mungkin Yang Berhormat boleh kongsi kepada kita, apakah yang menyebabkan mereka ini kurang berjaya? Atau pun Yang Berhormat juga boleh *share*kan juga, dengan izin, di dalam Dewan ini kerana saya percaya ada juga yang berjaya dan menjadi contoh kepada usahawan-usahawan yang lain.

Saya hendak menarik perhatian kepada Program Azam Niaga ini yang kemudiannya— masa mula-mula saya tak berapa faham macam mana tetapi kemudiannya saya melihat bahawa mereka tidak akan mendapat bantuan mereka sekiranya mereka tidak melalui proses atau pun pergi ke kelas kewangan. Jadinya saya hendak minta komen Yang Berhormat mengenai perkara ini. Terima kasih.

**Datuk Hajah Azizah binti Datuk Seri Panglima Mohd. Dun:** Ya, betul, Yang Berhormat Parit Sulong. Terima kasih.

Memang benar, pada mulanya itu mungkin dalam kehairahan kita untuk membantu mereka yang miskin ini dalam golongan e-Kasih ini untuk mencapai pendapatan yang daripada kosong ke dalam RM300 begitu, tidak melalui kursus-kursus tetapi kemudian itu, apabila kita mendapati ini menjadi masalah, maka kemudian itu

memang betul-bahawa sebelum kita meluluskan kepada mereka yang bakal menerima ini, mereka perlu melalui satu kursus iaitu antara lainnya kursus menjaga kewangan mereka. Apabila mereka melalui kursus itu, barulah mereka ini dipertimbangkan untuk mendapat bantuan 1AZAM ini.

Saya ingin memberitahu di sini bahawa hasil kajian penilaian *outcome* daripada Program 1AZAM ini. Jumlah pakej dan peserta 1AZAM— 5,141 pakej yang diserahkan, 5,141 orang peserta, 100 peratus. Sebanyak 95.8 peratus berpuas hati dengan keseluruhan Program 1AZAM. Ini yang kita dapatlah daripada kajian kita. Sebanyak 56.42 peratus memperoleh peningkatan pendapatan RM300 ke atas sebulan. Sebanyak 95.3 peratus peserta telah memulakan perniagaan mereka. Sebanyak 96.73 peratus telah *sustained* tahap perniagaan mereka, tahap kesediaan untuk kekal mampan menjalankan perniagaan dan meningkatkan pendapatan.

Minimum peningkatan pendapatan ialah RM448.55. Minimum pendapatan selepas mereka mengikuti kursus 1AZAM ini ialah RM701.64 dan meningkat. Peningkatan 177.23 peratus. Satu peningkatan yang tinggilah. Minimum pendapatan sebelum ini ialah RM253.09. Kalau kita tengok di sini, adalah satu kejayaan yang bagi saya amat-amat besar dan memberangsangkan sekali. Jadi tahniahlah kepada para peserta kita yang telah berjaya ini dan usaha kerajaan yang amat-amat baik ini.

Cadangan *anti-grooming law*. Yang Berhormat Seputeh ya? Yang Berhormat Seputeh mencadangkan *anti-grooming law*.

Ingin saya maklumkan kepada Yang Berhormat dan juga Dewan yang mulia ini bahawa terkini satu *task force* telah diwujudkan di bawah Yang Berhormat Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said, Menteri di Jabatan Perdana Menteri bagi meneliti kemungkinan untuk mewujudkan satu undang-undang khusus atau meminda undang-undang yang sedia ada bagi menangani jenayah seksual ke atas kanak-kanak. *Task force* ini sedang meneliti undang-undang sedia ada seperti Akta A1511 dan Kanun Keseksaan serta akta lain yang berkaitan sama ada untuk membangunkan satu akta baharu khusus untuk jenayah ini, genre seksual ke atas kanak-kanak, atau meminda akta yang sedia ada, Yang Berhormat.

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Datuk Hajah Azizah binti Datuk Seri Panglima Mohd. Dun:** Sekarang ini *task force* ini telah diwujudkan dan mereka sedang membuat penelitian, Yang Berhormat.

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Tahun depan akta itu boleh dibentangkan kah?

**Datuk Hajah Azizah binti Datuk Seri Panglima Mohd. Dun:** Itu kita serahkan kepada Yang Berhormat Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said, Menteri di Jabatan Perdana Menteri. Memanglah kita inginkan secepat mungkin, Yang Berhormat. Tidak mungkin kita hendak melengah-lengahkan perkara yang penting ini. Saya ingat itu sahaja, Yang Berhormat.

Oh, Yang Berhormat Kota Samarahan. Yang Berhormat Kota Samarahan adakah? Yang Berhormat Kota Samarahan...

**Dato' Dr. Mujahid bin Yusof Rawa [Parit Buntar]:** Parit Buntar ada tanya pasal *maternity leave*, *parental leave*, cadangan untuk memperkenalkan *parental leave*, tanggungjawab bersama semua itu. Saya tidak mendapat jawapan lagi.

**Datuk Hajah Azizah binti Datuk Seri Panglima Mohd. Dun:** *Maternity leave* memang sudah ada, Yang Berhormat. Di pihak kerajaan sudah sampai 90 hari. Di pihak swasta, 60 hari.

**Dato' Dr. Mujahid bin Yusof Rawa [Parit Buntar]:** Lebih daripada lima orang anak yang lahir tidak diberi...

**Datuk Hajah Azizah binti Datuk Seri Panglima Mohd. Dun:** Kita ambil maklum cadangan yang...

**Dato' Dr. Mujahid bin Yusof Rawa [Parit Buntar]:** Sebab, dasar kerajaan yang hendak menambahkan bilangan 70 juta orang. Bagaimana kalau tidak diberikan kemudahan itu?

**Datuk Hajah Azizah binti Datuk Seri Panglima Mohd. Dun:** Kita ambil maklum cadangan Yang Berhormat Parit Buntar itu. Akan tetapi, saya banggalah kerana Yang Berhormat daripada Rantau Panjang ada 12 orang anak, tidak perlu ada *parental leave*, ya?

**Dato' Dr. Mujahid bin Yusof Rawa [Parit Buntar]:** Bukan sebab itu.

**Datuk Hajah Azizah binti Datuk Seri Panglima Mohd. Dun:** Ya, kita ambil maklum.

**Dato' Dr. Mujahid bin Yusof Rawa [Parit Buntar]:** Dasarnya, undang-undangnya.

**Datuk Hajah Azizah binti Datuk Seri Panglima Mohd. Dun:** Ya, kita ambil maklum, Yang Berhormat.

Yang Berhormat Kota Samarahan, sekolah vokasional untuk OKU, sekolah pendidikan khas di Sarawak.

Pendidikan dan kemahiran merupakan perkara penting kepada setiap OKU untuk terus berdikari. Sekolah vokasional dan sekolah pendidikan khas kepada kanak-

kanak OKU merupakan bidang di bawah tanggungjawab Kementerian Pendidikan Malaysia.

■2020

Walau bagaimanapun, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat menerusi PLPP Bangi menyediakan latihan perindustrian kepada hampir 105 orang OKU setiap tahun. PLPP juga mempunyai program mengajar pelatih OKU untuk terus berdikari menerusi latihan kemahiran asas keusahawanan. Namun demikian, saya mengambil maklum apa yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Kota Samarahan itu...

**Dr. Michael Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput]:** *[Bangun]*

**Datuk Hajah Azizah binti Datuk Seri Panglima Mohd. Dun:** Ini akan kita bincangkan juga di dalam *task force* kita, *insya-Allah*. Ya? Ini Yang Berhormat Kota Samarahan kah? Yang Berhormat adakah bertanya tentang ini?

**Dr. Michael Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput]:** Tajuk yang saya telah bawa berkenaan dengan warga tua dan *pension* warga tua. Adakah itu dipertimbangkan oleh kementerian?

**Datuk Hajah Azizah binti Datuk Seri Panglima Mohd. Dun:** Pencen warga tua berkenaan dengan peruntukan untuk warga tua, walaupun Yang Berhormat mengatakan bahawa program bantuan sosioekonomi itu berkurangan tetapi sekali lagi saya ingin nyatakan di sini bahawa kita tidak perlu bimbang. Ini kerana pada akhirnya nanti walaupun peruntukan pada permulaan nampak ada kekurangan tetapi akhirnya nanti kita akan membuat permohonan kepada Kementerian Kewangan dan kita akan dapat. *Insya-Allah* kita akan dapat memastikan semua warga tua kita yang menerima bantuan daripada kita di bawah BOT akan dapat bantuan mereka.

**Dr. Michael Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput]:** Bukan Yang Berhormat Menteri, apa saya tanya tadi ialah adakah kita ada cadang untuk adakan satu *universal pension* untuk orang yang berumur 70 tahun ke atas? Adakah ini dicadangkan, dibincangkan kerana *you know...*

**Datuk Hajah Azizah binti Datuk Seri Panglima Mohd. Dun:** Ini Yang Berhormat adalah dasar. Ini perkara dasar. So, sekarang kita ini bukan dasar, ini Jawatankuasa kan. Macam mana pun kita ambil maklumlah tetapi setakat ini memang belum ada lagi cadangan. Setakat ini belum ada cadangan lagi Yang Berhormat ya.

**Dato' Dr. Mujahid bin Yusof Rawa [Parit Buntar]:** Yang Berhormat Menteri, *parental leave* kedua-dua ibu bapa tersendiri. Bapa itu sendiri juga perlu cuti untuk sama-sama tanggungjawab kepada anak yang baru lahir itu. Itu pun tidak ada jawapan lagi Yang Berhormat Menteri.

**Datuk Hajah Azizah binti Datuk Seri Panglima Mohd. Dun:** Bapa pun sekarang ini ada diberikan...

**Dato' Dr. Mujahid bin Yusof Rawa [Parit Buntar]:** Tujuh hari sekarang.

**Datuk Hajah Azizah binti Datuk Seri Panglima Mohd. Dun:** Ya, tujuh hari.

**Dato' Dr. Mujahid bin Yusof Rawa [Parit Buntar]:** Tujuh hari sahaja?

**Datuk Hajah Azizah binti Datuk Seri Panglima Mohd. Dun:** Tujuh hari.

**Dato' Dr. Mujahid bin Yusof Rawa [Parit Buntar]:** Mana boleh dia hendak jaga bersama kalau hanya tujuh hari? Akan tetapi saya sudah tidak ada bayi kecil. Ini untuk generasi yang akan datang, bukan untuk saya. Perlu ada komitmen sekurang-kurangnya janji bagaimana perkara ini mungkin perlu dibuat kajian atau bagaimana.  
*[Dewan ketawa]*

**Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Sila.

**Datuk Hajah Azizah binti Datuk Seri Panglima Mohd. Dun:** Kita, kita...

**Dato' Dr. Mujahid bin Yusof Rawa [Parit Buntar]:** Itu soalnya, begitu.

**Datuk Hajah Azizah binti Datuk Seri Panglima Mohd. Dun:** Ya lah. Kita akan buat kajianlah Yang Berhormat.

**Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]:** Sikit Tuan Pengerusi. Saya juga bangkitkan tadi isu yang sama, contohnya Iceland tadi ya. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Sebenarnya Yang Berhormat, semasa Yang Berhormat hendak sentuh Yang Berhormat tadi, Yang Berhormat tidak ada dalam Dewan ya. Baru sampai saya nampak. Dia ada sebut...

**Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya Yang Berhormat. Saya yang mempengerusikan Dewan ini ya. Saya nampak Yang Berhormat Menteri tadi sudah sebut, mana-mana Yang Berhormat yang tiada dalam Dewan, jawapan bertulis. Kalau Yang Berhormat baru masuk selepas itu Yang Berhormat tanya lagi. Habis Yang Berhormat Menteri? Terima kasih.

**Datuk Hajah Azizah binti Datuk Seri Panglima Mohd. Dun:** Tuan Pengerusi.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Tuan Pengerusi, belum habis itu Tuan Pengerusi ada lagi.

**Datuk Hajah Azizah binti Datuk Seri Panglima Mohd. Dun:** Untuk perkara-perkara yang lain nanti yang belum kita sampaikan, *insya-Allah* akan diberikan secara bertulis kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain. Terima kasih.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Kapar jangan lupa, Kapar satu pun tidak jawab itu.

**Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM1,746,665,400 untuk Maksud B.48 di bawah Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

*[Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui]*

*[Wang sebanyak RM1,746,665,400 untuk Maksud B.48 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual]*

**Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM230,244,700 untuk Maksud P.48 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan bagi tahun 2017 hendaklah diluluskan.

*[Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui]*

*[Wang sebanyak RM230,244,700 untuk Maksud P.48 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan 2017]*

**Maksud B.60 [Jadual] -  
Maksud P.60 [Anggaran Pembangunan 2017] –**

**Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Kepala Bekalan B.60 dan Kepala Pembangunan P.60 di bawah Kementerian Pertahanan terbuka untuk dibahas. Yang Berhormat Lumut, Yang Berhormat Parit Buntar. Lain tidak minat ya? Selepas itu Yang Berhormat Menteri menjawab. Sila Yang Berhormat Lumut.

**8.25 mlm.**

**Tuan Laksamana Pertama (B) Haji Mohamad Imran bin Abd Hamid [Lumut]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin merujuk kepada Bekalan 60 Kod 20000 – Perkhidmatan dan Bekalan. Pada tahun hadapan, Kementerian Pertahanan diperuntukkan sebanyak RM3.922 bilion sahaja berbanding dengan RM5.778 bilion untuk urusan bekalan dan perkhidmatan. Soalan saya, bagaimanakah kementerian akan menggunakan peruntukan yang berkurangan ini untuk memastikan aset-aset strategik kita dapat berada di taraf siap siaga untuk menghadapi sebarang kemungkinan?

Kedua, Kod 50000 – Perbelanjaan-perbelanjaan Lain. Saya difahamkan bahawa Kementerian Pertahanan memiliki 180 ekar tanah di Setiawan. Buat masa ini, saya difahamkan ia diuruskan oleh Koperasi Pesara Tentera Laut Diraja Malaysia (KOPES). Saya ingin mengetahui, apakah perancangan kerajaan ke atas tanah tersebut oleh kerana sekiranya kerajaan tidak mempunyai sebarang perancangan untuk membangunkan tanah tersebut, maka adalah disyorkan supaya ia diteruskan untuk

diuruskan oleh Koperasi Pesara TLDM untuk projek-projek pertanian yang hanya itu sahajalah kawasan yang dapat diuruskan oleh veteran TLDM dalam urusan pertanian.

Seterusnya Tuan Pengerusi, saya ingin membangkitkan Butiran 060000 – Latihan Khidmat Negara. Peruntukan pada tahun hadapan ialah RM307,947,700. Soalannya, berapa banyakkah pusat-pusat latihan atau PLKN ini masih beroperasi memandangkan keadaannya sekarang saya lihat sungguh sejuk tidak popular lagi? Kita lihat pelajar-pelajar pun tidak begitu popular, tidak begitu minat untuk menghadiri program ini. Saya kira RM307 juta merupakan peruntukan yang agak banyak. Saya ingin tahu, berapakah kekerapan pelatih-pelatih diambil untuk menjalani latihan tersebut? Oleh kerana jiran saya bekerja di PLKN banyak waktunya berada di rumah. Oleh sebab itu, saya ingin penjelasan daripada kementerian.

Seterusnya Tuan Pengerusi, saya ingin membangkitkan Butiran 070000 – Hal Ehwal Veteran. Tahun ini diperuntukkan RM62,442,600 sahaja. Memandangkan warga veteran mencecah 300,000 orang. Saya mencadangkan supaya peruntukan ini ditambah ya. Mungkin kita boleh ambil daripada peruntukan PLKN dan kita tambah kepada peruntukan Jabatan Hal Ehwal Veteran Angkatan Tentera Malaysia.

Dalam hal ini juga Tuan Pengerusi, saya ingin membangkitkan tentang Akta Tabung Angkatan Tentera. Saya ingin merayu kepada kementerian supaya melihat kembali akta tersebut bagi menyahut rayuan warga tentera yang sama ada berpencen ataupun tidak berpencen supaya apabila dia berhenti daripada perkhidmatan, dibayar keseluruhan caruman 25 peratus yang dikenakan ke atas mereka semasa dia dalam perkhidmatan. Ini merupakan modal mereka apabila diperoleh untuk meneruskan kehidupan mereka bersara Tuan Pengerusi.

Seterusnya peruntukan P.60 Kod 30000 – Aset. Peruntukan ini diberi sebanyak RM3.37 bilion kepada Angkatan Tentera Malaysia. Saya ingin mendapatkan perincian, bagaimanakah kementerian membelanjakan peruntukan ini untuk membayar projek-projek yang sedang dilaksanakan sama ada udara, laut dan juga tentera darat? Khususnya kepada projek *littoral combat ship* (LCS), saya mendapat aduan bahawa projek ini tidak memberi keutamaan kepada vendor tempatan khususnya vendor di kawasan Lumut ataupun Manjung. Oleh yang demikian saya mohon supaya pihak kementerian melihat situasi ini dan mudah-mudahan dapat memberi pertimbangan yang lebih adil kepada khususnya Boustead Naval Shipyard Sendirian Berhad (BNS) dapat memberi pertimbangan yang lebih adil kepada vendor-vendor tempatan di Manjung.

#### ■2030

Saya ingin mengucapkan tahniah kepada TLDM khususnya kerana mendapat empat buah *Littoral Mission Ships* yang akan dibina di China. Hanya saya ingin

persoalkan, sehingga bilakah kita ingin memindahkan teknologi ini, oleh kerana pengalaman kita sejak 1973, kita beli kapal daripada Perancis, daripada Jerman, daripada Britain. Pemindahan teknologi ini nampaknya tidak begitu berkesan, tetapi ia lebih berkesan sekiranya kita menaik tarafkan kepakaran warga kita untuk menyelenggarakan kapal-kapal yang kita telah perolehi.

Jadi, saya ingin cadangkan supaya kapal-kapal yang akan dibina, biarlah dibina empat-empat buah di negara China. Apabila balik ke sini, kita pertingkatkan kepakaran warga kita untuk menyelenggarakan keseluruhan peralatan di dalam kapal tersebut. Ini telah terbukti apabila kita beli kapal daripada *Germany*, kita dapat menyelenggarakan dengan baik dan sehingga sekarang masih beroperasi.

Seterusnya Tuan Pengerusi, baru-baru ini Kementerian Pertahanan telah mengoperasi *Malaysian Special Operations Force*. Ia dianggotai oleh warga tentera, warga PDRM dan juga warga APMM. Soalan saya daripada segi tanggungjawab dan juga peruntukan, kementerian manakah yang akan membiayai formasi ini ataupun unit ini oleh sebab ia dianggotai daripada tiga perkhidmatan? Kalau daripada segi *command and control* sekiranya ia dioperasi, apabila angkatan tentera diletakkan di bawah selain daripada Yang di-Pertuan Agong, saya beranggapan ini bertentangan dengan Perlembagaan Negara. Oleh sebab itu, kami mohon kementerian melihat perkara ini supaya ia tidak menjadi pertikaian di masa akan datang.

Saya juga menerima jawapan daripada kementerian mengenai dasar Sekolah Perantis Tentera Darat. Ia akan dijumudkan. Saya akui, oleh kerana angkatan tentera mengambil perajurit muda sebagai warga tentera untuk perkhidmatan selama 12 tahun atau 15 tahun. Soalan saya, apakah dasar kementerian terhadap *Royal Military College* atau Maktab Tentera Darat? Oleh sebab ia mempunyai konsep yang sama, melatih anak-anak kita untuk mengambil SPM, seterusnya pergi ke universiti dan diserapkan ke angkatan tentera. Ia sama dengan SPTD. Oleh demikian, saya minta kementerian mempertimbangkan supaya latihan akademik kita serahkan kepada Kementerian Pendidikan. Jadi, tumpuan Kementerian Pertahanan adalah lebih kepada warga tentera atau bakal-bakal tentera.

Sekian, daripada saya, Tuan Pengerusi. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Parit Buntar, selepas itu Yang Berhormat Menteri menjawab.

**Dato' Dr. Mujahid bin Yusof Rawa [Parit Buntar]:** Oh! Dua orang sahaja.

**Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail Haji Mohamed Said]:** Tadi saya sudah tanya sudah. Okey, sila.



**8.33 mlm.**

**Dato' Dr. Mujahid bin Yusof Rawa [Parit Buntar]:** Okey, terima kasih Tuan Pengerusi. Saya hanya ada tiga butiran yang perlu saya hendak minta penjelasan iaitu Butiran 040000 berkenaan Pertahanan Maritim. Kemudian, Butiran 050000 – Pertahanan Ruang Udara dan akhirnya, Butiran 060000 – Latihan Khidmat Negara. Jika kita melihat kepada tiga butiran daripada bajet Kementerian Pertahanan ini, kita akan dapati bahawa dua bajet peruntukan tentang pertahanan maritim dan pertahanan udara telah dikurangkan. Contohnya, kita tengok penurunan dari tahun 2016 kepada 2017 ini iaitu sebanyak 28 peratus bagi pertahanan maritim.

Saya ingin mengajukan soalan dan penjelasan kepada pihak kementerian, sejauh manakah keupayaan peruntukan yang ada yang telah diturunkan ini, dapat menangani isu pencerobohan perairan negara kerana kita tahu pada 9 Februari 2013, satu peristiwa pencerobohan berdarah atas perairan negara yang melibatkan kumpulan daripada apa yang dinamakan sebagai Askar Diraja Kesultanan Sulu yang telah menceroboh masuk ke FELDA Sahabat 17 Kampung Tanduo, Lahad Datu. Sehingga dalam pencerobohan itu menyebabkan anggota tentera kita daripada anggota tentera Malaysia terkorban dan 68 anggota militan maut dalam pertempuran tersebut.

Apa yang saya hendak tekankan di sini ialah sejauh manakah bajet yang ada hari ini dapat benar-benar menjadi satu pertahanan yang kukuh di medan maritim ini agar tidak berulang semula pencerobohan ke perairan negara, sedangkan peruntukan untuk pertahanan maritim itu telah dikurangkan. Ini juga termasuk apa yang dilaporkan oleh BERNAMA tentang apa yang dinamakan penculikan dari selatan Filipina yang juga telah menimbulkan masalah antara dua negara ini. Mangsa yang telah diculik itu seorang daripadanya telah pun dibunuh dengan kejam dan ini boleh kita ambil satu pengajaran bahawa perlunya kita memperkukuhkan perairan kita dan adakah peruntukan yang ada ini sudah cukup untuk kita mempertahankan pertahanan maritim kita dengan pengurangan ini?

Seterusnya tentang pertahanan ruang udara. Kita juga ada persoalan, kenapakah dipotong atau penurunan sebanyak 32.7 peratus berbanding tahun 2016 terhadap pertahanan ruang udara? Saya ingin mengambil perhatian Dewan terhadap beberapa pencerobohan ruang udara Malaysia yang berlaku menurut Mantan Menteri Pertahanan, Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi, mendedahkan bahawa sebanyak 2,508 pergerakan pesawat tentera udara Singapura dikesan menceroboh ruang udara sejak tahun 2008. Itu satu bilangan yang agak membimbangkan. Kalau kita bayangkan mana-mana pihak boleh masuk ke ruang udara kita dan keluar balik, itu adalah

sebenarnya pencerobohan terhadap ruang udara negara yang ini kita anggap kedaulatan negara itu seolah-olah dicerobohi dan sengaja dipermainkan.

Oleh sebab itu, yang terakhir berlaku pada Mac 2006 bahawa pesawat tanpa pemandu yang dipercayai milik tentera udara Singapura telah juga didapati menceroboh ruang udara negara di Gelang Patah, menurut laporan 23 Jun 2011. Jadi, adakah dengan pemotongan ini Tuan Pengerusi, pihak kementerian dapat menjaga ruang udara kita supaya tidak terus dicerobohi khususnya daripada negara-negara jiran?

Cuma yang menarik dalam bajet Kementerian Pertahanan ini ialah peningkatan – kalau tadi ruang udara dengan maritim dikurangkan tetapi dari sudut latihan khidmat negara, telah dipertingkatkan peruntukannya iaitu sebanyak 11.6 peratus. Ini juga saya ingin bertanya kepada pihak kementerian, sejauh manakah berbaloinya peningkatan PLKN ini dalam konteks keberkesanan melahirkan mereka yang dilatih oleh pihak PLKN ini, mereka yang lebih menjamin perpaduan antara kaum, menjamin lagi rasa bangga menjadi rakyat Malaysia dan sebagainya sebab jika kita melihat kesan yang berlaku di luar sana, apa yang berlaku ialah kedudukan ataupun hubungan antara kaum itu tidak menjadi lebih baik sedangkan kita meningkatkan peruntukan di situ.

Jadi, jati diri sebagai rakyat Malaysia yang cuba untuk melahirkan rakyat Malaysia yang buta warna dari sudut kaum dan agama tetapi sebagai rakyat Malaysia, apakah ia telah capai maksud tersebut sedangkan berbanding dengan pertahanan yang peruntukannya telah dikurangkan, di sini pula peruntukannya telah dinaikkan dan apa rasionalnya?

#### ■2040

Adakah PLKN ini telah capai maksud yang dikehendaki atau bagaimana kerajaan pada waktu yang sama melihat apa yang telah kita ada selama ini askar Wataniah sebagai juga satu medan yang baik untuk kita lahirkan belia-belia kita yang lebih berketerampilan dan berpengetahuan tinggi termasuklah benar-benar mengamati dirinya sebagai rakyat Malaysia.

Jadi, saya ingin penjelasan pada tiga perkara tersebut mengapa diturunkan keperluan pertahanan maritim dan juga udara sedangkan PLKN ditingkatkan. Apa rasionalnya dan apakah tercapai peningkatan itu, berbaloikah dia dari sudut peruntukan. Jadi, sekian dahulu. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Menteri. Yang Berhormat Kapar boleh mencelah.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Tidak banyak. Lima minit sahaja. *Straight to the point.* Boleh, Tuan Pengerusi?

**Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Sila ringkas.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Saya terus masuk ke...

**Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Saya bagi peluang Yang Berhormat Kapar kerana dia bawa tetamu. Sila.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** *[Ketawa]* Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya masuk terus ke Butiran 030000 – Pertahanan Darat. Lebih kepada Butiran 030200 - Logistik. Saya hendak bertanya soalan berkaitan dengan *Armoured Wheeled Vehicles* AV8 Gempita DefTech. Menurut kajian saya, kontrak telah diberikan pada tahun 2012. Di mana kontrak ini diberikan kepada DRB-Hicom Defense Technologies Sendirian Berhad (DefTech) untuk membina AV8 Gempita 257 unit.

Apa yang saya hendak dapatkan daripada Yang Berhormat Menteri ataupun Yang Berhormat Timbalan Menteri adalah berapakah sehingga hari ini yang telah dibekalkan, yang telah disiap dan boleh beroperasi. Sebab kalau ikut kontrak, kontrak hanya untuk tujuh tahun. Bermaksud mula 2012, sepatutnya berakhir 2019 dan setakat hari ini, persoalan saya adalah berapa banyak yang telah dibekalkan? Berapa banyak juga yang bersedia untuk beroperasi?

Kedua, adalah berkenaan dengan pertahanan maritim. Butiran 040100 – Pengurusan. Saya difahamkan untuk maritim ini, dia situasi yang berbeza dari sudut kontrak yang dibekalkan kepada pekerja-pekerja *navy* kita. Dia selalunya 10 tahun, lima tahun, 10 tahun berbeza dengan darat. Kalau darat dia untuk jangka masa yang panjang, Tuan Pengerusi. Kontrak dia sampai 30 tahun, 20 tahun. Akan tetapi yang *Navy* ini, maritim ini, dia lima tahun ke-10 tahun. Selepas 10 tahun, kalau kontrak tidak diteruskan, mereka hilang semua. Tidak ada pekerjaan dan sebagainya— yang perlu dititik beratkan Tuan Pengerusi, adalah kepakaran mereka.

Kepakaran mereka untuk 10 tahun, mereka memang sudah cukup pakar. Sepatutnya mereka digunakan *Training for the Trainers* (TOT) untuk anak-anak muda yang baru masuk. Ini saya difahamkan ada laporan yang mengatakan mereka diberhentikan kerja selepas 10 tahun. Kontrak tidak disambungkan. So, ini memberi satu masalah kepada mereka dan saya difahamkan pencen pun tidak dapat. Ini kerana kontrak 10 tahun, mereka diberhentikan, mereka tidak ada kemewahan, pencen dan sebagainya.

Ini laporan yang saya terima daripada rakan-rakan kita yang berada di pertahanan laut. Saya rasa, saya perlu penjelasan dan juga penelitian dan penghalusan oleh kementerian. Terakhir, seperti yang saya janjikan saya akan segerakan adalah kena mengena dengan hal ehwal veteran ATM. Ini berkaitan dengan kenaikan pangkat yang saya hendak tanya Yang Berhormat Menteri. Kita ada darat, kita ada laut, kita ada udara. Dalam 10 tahun ini, berapa banyak kenaikan pangkat yang telah dilakukan?

Kenaikan pangkat ini saya difahamkan bukan bersikap rasis tetapi saya dimaklumkan bahawa bukan Melayu kebelakangan 10 tahun ini, tiada kenaikan pangkat yang telah diberikan.

So, saya harap apa yang saya katakan ini boleh dibuktikan salah oleh kementerian sebab saya rasa kita ada semangat patriotik yang perlu dibawa ke hadapan. So, saya perlu penelitian untuk 10 tahun yang terakhir ini, darat, udara dan juga laut. Berapa ramai yang telah dinaikkan pangkat dan kategorikan mengikut pecahan perkauman. Tuan Pengerusi, seperti yang saya janjikan tadi. Saya selesai. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya. Sila Yang Berhormat Menteri.

**8.45 mlm.**

**Timbalan Menteri Pertahanan [Dato' Seri Mohd. Johari bin Baharum]:** Terima kasih kepada tiga Yang Berhormat yang turut hadir, turut terlibat dalam Jawatankuasa ini. Jadi, saya hendak jawab terus kepada jawapan daripada Yang Berhormat Kapar.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Kapar.

**Dato' Seri Mohd. Johari bin Baharum:** Iaitu berkenaan dengan kenaikan pangkat. Jadi kerana benda ini ialah saya rasa kenaikan pangkat tidak timbul soal diskriminasi dan sebagainya. Ini kerana ia berdasarkan kepada *ratio*. Saya sudah berkali-kali jawab soalan ini. Dahulu pun saya sudah jawab. Iaitu kenaikan pangkat, kalau *you* tengok berbanding dengan jumlah berapa ramai orang Melayu, golongan Melayu dan sebagainya, Cina berapa, India berapa dari segi perjawatan, kenaikan pangkat ialah sekali. Bahkan lebih daripada kalau kita bandingkan dari segi *ratio*. Jumlah mereka yang ada dalam angkatan tentera.

Jadi, soal ini tidak timbullah. Jadi, berkenaan...

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Yang Berhormat Menteri. Saya hargai jawapan dari sudut *ratio* yang diberikan. Sebelum ini pun...

**Dato' Seri Mohd. Johari bin Baharum:** Saya sudah jawab soalan ini. Saya biasa jawab. *That is why* saya biasa tahu.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Ya. Saya tahu. Saya tahu. Itu yang saya hendak...

**Dato' Seri Mohd. Johari bin Baharum:** Tidak ada masalah.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Cadangan saya, bukan sahaja selalu jawab menggunakan pandangan daripada *ratio*. Kepakaran juga penting.

**Dato' Seri Mohd. Johari bin Baharum:** *No. No. This*— saya sudah bagi jawapan itu. So, jawapan dalam Parlimen ini saya ingat *you check* dalam *Hansard*.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** *No.* Saya tidak nafikan Yang Berhormat Menteri, yang saya cadangkan dekat sini jangan hanya pandang dari sudut ratio. Kita juga kena pandangan dari sudut kepakaran, kemahiran...

**Dato' Seri Mohd. Johari bin Baharum:** Ya, betul. Itu berdasarkan kepada kemahiran dan sebagainya itu yang ada. Ramai yang banyak itu yang ada orang India dalam —kalau kata India, Cina dan sebagainya semua sama.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Dia bukan sahaja India. Saya cakap tentang orang asal, orang Sabah, orang Sarawak. Mengapa bila saya tanya pandangan dari sudut orang India bukan saya tanya...

**Dato' Seri Mohd. Johari bin Baharum:** Ya, betul. Saya sudah bagi jawapan itu dahulu. *You* cuba *check* jawapan.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Saya baca jawapan sebelum ini Yang Berhormat Menteri *with due respect* bagi pandangan yang sama macam hari ini, *ratio*. Akan tetapi tidak bercakap tentang kepakaran. Kalau saya boleh bawa seseorang yang mempunyai kepakaran 10 tahun, 20 tahun tetapi dinaikkan pangkat, boleh Yang Berhormat Menteri beri satu pandangan yang serius?

**Dato' Seri Mohd. Johari bin Baharum:** Dia memang— dia kenaikan jawatan itu berdasarkan kepada perjawatan dia, kepakaran dia. Kalau dia bijak *engineering*, dia doktor kepakaran dia lah. Berdasarkan kepada kepakaran yang ada pada dia.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Kepakaran. Okey. Terima kasih. Itu yang komitmen yang hendak. *Thank you. Thank you.*

**Dato' Seri Mohd. Johari bin Baharum:** Yes, saya betul. Sejak daripada hari itu kita mana boleh lari daripada itu, di mana pegawai itu ada. Kalau dia doktor, seorang doktor, dia lah seorang pakar. Itu berdasarkan kepada kepakaran dia. Kalau dia seorang jurutera berdasarkan kepada kemahiran dia dalam bidang dia. Ini tidak akan berdasarkan kepada apa-apa. Mesti kepada kemahiran dia.

Yang Berhormat daripada Lumut. Ada yang satu lagi nanti kita akan beri jawapan. Berkenaan Yang Berhormat Lumut ialah berkenaan dengan kem PLKN, berapa yang berfungsi sekarang ini. Sekarang ini kita ada 81 kem yang masih berfungsi dan untuk tahun depan kita ada tiga pengambilan. Pengambilan yang pertama ialah pada bulan Mac hingga 16 Mei 2017. Kedua ialah pada 15 Julai hingga 13 September 2017 dan yang akhir sekali 30 September hingga 28 November. Ada tiga *intake* kita ada.

Jadi, daripada apa yang lepas-lepas, walaupun kita bilangan dia kecil. Kecil itu kerana peruntukan kita kurang berdasarkan kepada kemampuan negara tetapi walau

bagaimanapun program-program berdasarkan yang lepas iaitu setelah kita lancar PLKN dua iaitu melibatkan fasa yang kedua apabila mereka ditempatkan untuk mengadakan latihan vokasional didapati bahawa amat berkesan. Kebanyakan daripada mereka ini telah mendapat memasuki fasa yang kedua dan bilangan mereka bertambah pada kali ini. Saya rasa program ini amat baik untuk masa depan mereka. Dari segi orang kata karier politik, karier hidup mereka.

**Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Rantau Panjang bangun. Saya nampak Yang Berhormat Jasin pun berminat.

■2050

**Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd. Yusoff [Rantau Panjang]:** Terima kasih, Tuan Pengerusi saya tertarik dengan jumlah PLKN yang disebut oleh Yang Berhormat tadi. Saya ingin tahu berapa jumlah tempat operasi PLKN yang sebelum ini yang telah ditutup dan daripada apa punca kenapa ditutup dan setakat ini sejauh mana penerimaan keluarga ataupun penerimaan peserta-peserta sebab kita tahu sebelum ini ada kes-kes yang melibatkan bahaya dari sudut keselamatan dan sebagainya. Apakah perkara ini telah ditambah baik dan apakah perancangan pihak kementerian untuk memastikan semua pusat-pusat latihan PLKN ini selamat dan tidak memberi kesan yang buruk kepada peserta? Terima kasih.

**Dato' Seri Mohd. Johari bin Baharum:** Saya ingat pun Yang Berhormat tidak mengikut jawapan yang telah saya jawab. Saya telah jawab panjang lebar juga benda ini. Jadi berkenaan kem-kem sekarang ini kem memang kita awasi daripada apa yang telah berlaku selepas kita buat PLKN kedua selepas kita berhenti setahun. Kita kaji balik dari segi keselamatan dari segi kebajikan dan sebagainya. Segala-gala telah diambil kira.

Ada juga kem-kem yang tidak memenuhi dari segi syarat-syarat kesihatan kita tutup, kita tidak benarkan operasi sehingga kem-kem itu benar-benar selamat. So, mengikut laporan daripada tahun lepas program-program kita tidak ada masalah-masalah yang pernah berlaku sebelum ini. Selepas kita mula balik PLKN pada tahun lepas, tidak ada rungutan daripada keluarga berkenaan dengan insiden-insiden lepas-lepas seperti kesihatan, masalah salah laku dan sebagainya. Tidak ada tahun ini, *alhamdulillah*. So, *so far so good*-lah, tidak ada apa-apa.

Mengenai kem-kem tidak ada kem yang ditutuplah. Semua kem masih beroperasi dan mereka masih boleh menjalankan operasi kem-kem ini. Di bawah *blue ocean strategy* ada setengah-tengah kem itu apabila tidak diguna waktu latihan khidmat negara mereka akan mengadakan program-program untuk— dengan sendirinya mereka boleh mengadakan program-program. Umpamanya macam di Kelantan. Kita guna kem

ini untuk menempatkan mangsa banjir yang sampai hari ini tidak dapat kita tempatkan oleh kerana keadaan Kelantan tidak menyediakan tanah untuk kita mendirikan rumah mereka. Ini sebab itu kem-kem ini masih digunakan sampai hari ini.

**Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd. Yusoff [Rantau Panjang]:** Saya rasa itu tidak betul. Kerajaan Negeri Kelantan sudah memberi tanah.

**Dato' Seri Mohd. Johari bin Baharum:** Saya tidak tahulah tapi mereka duduk situ kerana sebab-sebab rumah tidak boleh dibinalah. Nanti Yang Berhormat *check*-lah.

**Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd. Yusoff [Rantau Panjang]:** Di mana ini saya mahu fokus. Di mana yang disebut oleh Yang Berhormat.

**Dato' Seri Mohd. Johari bin Baharum:** Nanti saya bagi secara bertulis— saya akan bagi tahu.

**Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd. Yusoff [Rantau Panjang]:** Sebab itu satu tuduhan kenapa Kerajaan Kelantan.

**Dato' Seri Mohd. Johari bin Baharum:** Tidak, tidak. Dia ada dua pasal masalah tanah dan sebagainya. Ini sebab itu *delay* daripada pembinaan rumah itu. Tidak ada masalah. Sebab itu mereka masih ada di dalam kem JLKN.

Satu lagi di Sarawak, kita menggunakan untuk menempatkan anggota tentera kita yang ditempatkan di sempadan iaitu Kem Rejimen Sempadan yang di kem-kem sementara ada dua, tiga kem yang kita guna untuk kita menempatkan anggota ini sehingga kita membina kem baru untuk mereka. Jadi kem-kem ini tidak ada masalah dan masih diguna sepenuhnya oleh pihak yang mentadbir kem-kem ini.

Kedua ialah Yang Berhormat Lumut membangkitkan berkenaan LMS. Perolehan kapal LMS ini merupakan satu bentuk pembinaan teknologi TOT kerana pembinaan ini akan diusahakan antara syarikat Boustead daripada Malaysia dan juga dengan syarikat daripada negara China dan dua buah kapal akan dibina di sana dan dua buah akan dibina di Malaysia. Jadi ini adalah persetujuan antara kedua-dua pihak dan akan dilaksanakan dan kita ini akan memberi— selain daripada itu juga peluang kepada anak-anak tempatan untuk terlibat dalam pembinaan kapal.

Yang Berhormat Lumut dan Yang Berhormat Parit Buntar membangkitkan tentang kekurangan belanjawan bagi memastikan kesiapsiagaan aset angkatan tentera. Di masa peruntukan kekurangan pada tahun 2017, kementerian bersedia untuk menyusun semula keutamaan dari segi kesiapsiagaan aset-aset pertahanan. Kementerian sentiasa memastikan aset-aset strategik berada dalam tahap optimum. Jadi kita ada banyak aset, yang kita ada. Kita hanya tumpu kepada aset-aset yang kita rasa memerlukan kepada kesiapsiagaan yang optimum. Jadi saya rasa tidak ada timbul masalah kerana belum ada berlaku lagilah sebelum ini perkara-perkara seperti yang

berlaku di Lahad Datu. Seperti mana Yang Berhormat cakap tadi yang bangkit tadi berkenaan dengan Lahad Datu.

Lahad Datu pun kita dari segi— sekarang ini kita sudah tubuh ESSCOM. Selain daripada itu juga selain dari segi penculikan kita sudah ada *trilateral* perjanjian antara Malaysia-Indonesia-Filipina dan pada Januari ini kita akan ada satu latihan bersama antara tiga negara ini untuk menjaga perairan Sulu daripada penculikan yang berlaku. Ini kerana kebanyakan penculikan berlaku dalam perairan Filipina bukan dalam perairan kita tetapi ia melibatkan warganegara kita dan sebahagian besar daripada juga daripada warganegara Indonesia. Jadi daripada apa yang saya dapat terkini, kita akan mengadakan latihan bersama antara Malaysia, Filipina dan Indonesia pada bulan Januari ini. Jadi saya rasa masalah penculikan-penculikan itu akan dapat kita atasi.

Selain daripada itu ialah berkenaan dengan yang lain-lain itu kita telah buat ESSCOM dan berkali-kali kita sudah beri maklum dalam Dewan ini berkenaan dengan persiapan kita. Kita sudah *upgrade* kita punya kapal terbang Hawk. Lepas itu kita ada *front base* kita yang kita ada *seabasing* kita tempat yang sekarang ini beroperasi. Selain daripada itu kita ada juga kita punya kem. Di mana kem tentera akan dibina di Lahad Datu. Jadi saya rasa persiapan kita untuk menjaga kedaulatan kita di Sabah saya rasa tidak masalah kerana benda-benda ini sudah dalam perancangan dan bajet itu pun telah ada dan telah diluluskan pada bajet tahun-tahun yang lepas. Jadi saya rasa tidak ada masalah soal itu.

Yang Berhormat Lumut ada bangkit berkenaan tanah di Setiawan. Tanah yang diusahakan oleh koperasi TLDM selama tiga tahun sehingga tahun 2018. Jadi TLDM akan meneruskan sewaan kepada koperasi TLDM sehingga masih ada belum ada perancangan untuk kita bangunkan tempat itu kita akan teruskan kita akan bagi kepada mereka untuk terus menyewa tanah kita itu bagi menjalankan kerja-kerja pertanian untuk anggota veteran.

Satu lagi perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Lumut berhubung kait dengan *special force*. *National Special Operations Force* yang baru-baru ini dilancarkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Sebenarnya pasukan ini adalah diletak di bawah Majlis Keselamatan Negara (MKN). Maka tanggungjawab dan peruntukannya adalah daripada Jabatan Perdana Menteri tidak terlibat dengan kita punya di MINDEF walaupun pelancarannya di buat dalam kem tentera di Sungai Besi.

Selain daripada itu ialah berkenaan dengan jumlah— ini dibangkitkan oleh Yang Berhormat Kapar. Jumlah kenderaan perisai 8x8 Gempita yang telah dibekalkan dan sedia untuk beroperasi. Sebanyak 51 kenderaan perisai 8x8 Gempita telah diterima oleh



tentera darat dan sedia untuk beroperasi. Jadi 51 buah, jadi tidak timbullah soal perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat tadi.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Saya bangkitkan tadi jumlah yang diberikan adalah 257 unit.

**Dato' Seri Mohd. Johari bin Baharum:** Ya?

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** 257 unit itu dalam kontrak.

**Dato' Seri Mohd. Johari bin Baharum:** *So, it will come in stages* dia akan datang *stages*.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** So, boleh siapkan dalam tujuh tahun?

**Dato' Seri Mohd. Johari bin Baharum:** Boleh.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Okey, terima kasih.

#### ■2100

**Dato' Seri Mohd. Johari bin Baharum:** Sekarang ini dia akan datang dalam - memang kita kalau beli aset pun dia bukan datang sekali semua. Dia akan datang dalam peringkat demi peringkat. So, sekarang ini dia mengikut jaduallah, tidak ada masalah. Kita sudah terima 51 buah setakat ini. Saya ingat tidak ada lagilah perkara-perkara yang...

**Dato' Dr. Mujahid bin Yusof Rawa [Parit Buntar]:** Pertahanan udara, pencerobohan daripada udara, macam mana...

**Tuan Manivannan A/L Gowindasamy [Kapar]:** *[Bangun]*

**Dato' Seri Mohd Johari bin Baharum:** Pencerobohan udara itu saya kena dapat pasti dia punya *exact* bila kejadian-kejadian itu. Akhir-akhir ini tidak ada, yang saya tahu dalam itu yang disebut oleh Yang Berhormat ialah yang lepas, perkara yang lepas, jadi saya akan tengok balik iaitu sama ada sekarang ini masih ada. Kalau sekiranya ada saya akan bagi secara bertulis kepada Yang Berhormat.

**Dato' Dr. Mujahid bin Yusof Rawa [Parit Buntar]:** Ya, macam mana mekanisme pertahanan itu dari segi bajet yang ada, adakah mencukupi?

**Dato' Seri Mohd Johari bin Baharum:** Saya sudah beritahu tadi dalam jawapan saya bahawasanya kita tengok kepada keperluan kita. Jadi saya rasa tidak ada timbul masalah tentang bajet itu. Cuma kemampuan kita untuk menjaga ruang udara kita memang sedia dan sentiasa bersiap siaga berhubung dengan soal kawalan udara kita tidak ada masalah.

Berkenaan dengan pencerobohan-pencerobohan itu saya rasa Singapore itu bila dia terlampau dekat dengan Malaysia kadang-kadang dia bila *take-off* kapal terbang itu

terlajak masuk ke Malaysia itu sahaja. *So, this one* saya akan *check* berapa kekerapannya sama ada benda ini masih ada lagi atau tidak.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]:** *[Bangun]*.

**Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Jasin, bangun.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]:** Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya tidak dapat berpeluang berbahas tadi, saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Yang Berhormat Menteri kepada kerajaan kerana sentiasa melihat tentang kebajikan anggota tentera kita dan saya telah dimaklumkan bahawa pada ketika ini kerajaan telah membina sebanyak 5,000 rumah tetapi pertanyaan saya kalau boleh anggota-anggota tentera yang berada di luar Kuala Lumpur ataupun negeri Selangor kita kena lihat juga.

Contohnya di Melaka, kita tidak mahu lihat lagi anggota-anggota tentera kita duduk rumah setingan, rumah sewa. Apabila mereka menjalankan operasi, mereka tidak dapat menumpukan segenap perhatian kerana teringatkan keluarga di kampung. Keduanya, saya hendak ucap tahniah kepada kementerian yang sentiasa melihat kebajikan para veteran. Ketika ini kita ada sebanyak 288,000 veteran. Jadi soalan saya Tuan Pengerusi, kita hendak ucap tahniah dan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang telah meluluskan sebanyak RM55 juta untuk mereka yang terlibat semasa *insurgency* dan juga mereka-mereka yang hilang upaya.

Jadi banyak rungutan yang kita terima mereka ini tidak berpuas hati. Jadi kita berharap apakah sebenarnya tindakan kementerian bagi menyemak semula mereka-mereka yang berkepentingan ini yang akan mendapat imbuhan daripada peruntukan kita dan akhirnya satu Tuan Pengerusi, tentang pencen veteran ini. Kita lihat kita terima hakikat bahawa tentang ia berasal daripada struktur gaji semasa kita. Jadi mereka telah berkhidmat lama yang pada ketika ini telah bersara mendapat pencen yang cukup rendah sekali berbanding dengan pangkat yang sama.

Misalannya seorang WO1 mendapat pencen lebih rendah daripada Koperal sekarang. Jadi ini memang rasa saya perkara yang boleh kita lihat semula dan kita berharap semoga kerajaan dapat memberikan pembelaan kepada mereka. Terima kasih, Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, perkara baru.

**Dato' Seri Mohd Johari bin Baharum:** Yang Berhormat bagi saya jawab Yang Berhormat Lumut dahulu ya. Yang Berhormat Lumut ada bangkit berkenaan dengan

perincian pembangunan RM3.37 bilion. Saya akan bagi secara bertulislah terlampau banyak hendak disebutkan. Satu lagi ialah berkenaan dengan Tabung LTAT.

Tabung LTAT yang minta dibayar sepenuhnya 25 peratus kepada pencaruman yang tamat perkhidmatan. Anggota ATM yang berhenti tidak berpencen akan dibayar kesemua caruman dan juga caruman kerajaan kesemuanya 25 peratus, yang tidak berpencenlah, termasuk dividen dan bonus terkumpul. Manakala bagi anggota ATM yang berhenti berpencen akan dibayar carumannya sahaja manakala caruman kerajaan akan dipulangkan kepada Kumpulan Wang Amanah Pencen (KWAP) dan mereka akan mendapat pencen bulanan. Ini jawapannya, Yang Berhormat.

**Tuan Laksamana Pertama (B) Haji Mohamad Imran bin Abd Hamid [Lumut]:** Ya, Tuan Pengerusi sedikit. Memang itu yang kita baca di dalam akta Yang Berhormat Timbalan Menteri. Apa yang dipohon oleh warga berpencen ini khususnya lain-lain pangkat dia minta supaya bayaran itu sama seperti orang yang tidak berpencen. Tidak banyak pun, supaya dilihat boleh memuaskan hati mereka untuk dijadikan modal selepas pencen. Oleh kerana mereka pencen itu masih muda lagi selepas 21 tahun, 22 tahun berkhidmat. Minta pertimbangan, minta pertimbangan.

**Dato' Seri Mohd Johari bin Baharum:** Tidak apa Yang Berhormat saya ambil perhatian dan saya akan bincang dengan pihak LTAT dan saya akan bagi jawapan selepas ini secara lebih *detail*.

**Tuan Laksamana Pertama (B) Haji Mohamad Imran bin Abd Hamid [Lumut]:** Terima kasih. Satu lagi dasar RMC. Kalau sekolah --- Tentera Darat dijumudkan oleh kerana melatih anak-anak ambil SPM seterusnya untuk melatih menjadi tentera sama juga sepatutnya kita lakukan kepada Royal Military College. Kita ambil tingkatan 3, tingkatan 4, tingkatan 5 buat peperiksaan jadi kita lihat kalau SPTD dijumudkan RMC pun patut dijumudkan. Kita serahkan akademik kepada Kementerian Pendidikan. Setuju?

**Dato' Seri Mohd Johari bin Baharum:** Okey, Yang Berhormat. Cadangan Yang Berhormat itu saya ambil perhatian.

**Tuan Laksamana Pertama (B) Haji Mohamad Imran bin Abd Hamid [Lumut]:** Terima kasih.

**Tuan Manivannan A/L Gowindasamy [Kapar]:** *[Bangun]*

**Dato' Seri Mohd Johari bin Baharum:** Jadi Yang Berhormat Jasin, berkenaan dengan perumahan ini memang kita telah memberikan perhatian yang sepenuhnya kepada kebajikan anggota. Kebanyakan anggota kita tidak berada di kem. Maknanya kalau mereka umpamanya mereka keluar operasi dan sebagainya mereka terpaksa tinggal anak bini mereka di rumah sewaan dan sebagainya, kadang-kadang

menimbulkan masalah. Kalau pergi ke Lebanon akan pergi sampai setahun. Jadi banyak ada masalah.

Akhir-akhir ini kita alhamdulillah kita sedang merancang dan kita akan membina dalam masa yang terdekat ini 5,000 unit perumahan untuk anggota tentera kita dan di samping itu juga fokus kita adalah untuk membina 35,000 unit rumah untuk anggota kita menjelang tahun 2020. Semua ini lebih kurang dalam perancangan kita dan insya-Allah akan dilaksanakan kerana perancangan ini dibuat secara bersungguh-sungguh. Di bawah pengawasan kementerian saya dan juga sebagai Yang Berhormat Timbalan Menteri yang bertanggungjawab kepada veteran kita sentiasa mengambil berat perkara ini dan Yang Berhormat Menteri sendiri mengambil berat.

Sekarang ini masalah kekangan daripada kita ialah tentang kewangan kita di mana duit hendak cari tetapi walau bagaimanapun kita perlu cari jalan untuk mendapatkan kewangan bagi membina rumah-rumah ini. Begitu juga dalam keadaan apa pun untuk pengetahuan Yang Berhormat, kita berkenaan dengan keselamatan negara kita walaupun kita kekangan dari segi perbelanjaan, duit dan sebagainya tetapi kita tidak mengabaikan tanggungjawab kita.

Pihak kementerian sentiasa mengambil berat walaupun kita tidak ada duit tetapi kita akan cari jalan bagaimana untuk mengadakan persiapan yang cukup untuk menjaga kedaulatan negara sama ada di udara, di laut ataupun di darat. Jadi sekali lagi saya ucap terima kasih kepada semua yang telah berbahas.

**Tuan Manivannan A/L Gowindasamy [Kapar]:** Yang Berhormat tentang laut, maritim, kontrak mereka yang berbeza berbanding dengan udara dan juga darat. *The five, ten years...*

**Dato' Seri Mohd Johari bin Baharum:** Apa dia?

**Tuan Manivannan A/L Gowindasamy [Kapar]:** Kontrak 5 tahun, 10 tahun itu?

**Timbalan Menteri Pertahanan [Dato' Seri Mohd Johari bin Baharum]:** Nanti saya bagi secara bertulislah Yang Berhormat.

**Tuan Manivannan A/L Gowindasamy [Kapar]:** Okey, pastikan.

**Dato' Seri Mohd Johari bin Baharum:** Okey saya sekali lagi ucap terima kasih kepada semua.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]:** Yang Berhormat Timbalan Menteri, minta tengok sedikit tentang yang veteran yang saya sebut tadi.

**Dato' Seri Mohd Johari bin Baharum:** Veteran yang mana?

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]:** Dengan veteran. Veteran, veteran pencen mereka dan juga tangga gaji tadi.

**Dato' Seri Mohd Johari bin Baharum:** Yang Berhormat berkenaan dengan pencen ini kadang-kadang agak kita bila jawab ini adalah kalau ikutnya pencen itu skim bila. Kita skim di mana kita berada pada ketika itulah. Kalau kita berada dalam skim itu maka pencen kita skim itulah. Jadi kalau kita macam Ahli Parlimen pun sekarang ini kita yang ada sekarang ini dengan kawan-kawan yang lepas pun lain. Kawan kita yang lepas itu apabila kita kuat kuasa mereka tidak terlibat. Jadi sama juga jadi kalau kita hendak *review* itu ia melibatkan seluruh jawatan bukan sahaja tentera. Ia melibatkan penjawat-penjawat yang lain.

Begitu juga kalau bukan tentera saya rasa kalau kita tengok KSU dahulu dengan KSU sekarang kalau pencen lain. Jadi dia punya itu tengok skim di mana kita berada pada ketika berpencen. Jadi saya ingat itulah sahaja Yang Berhormat, terima kasih.  
*[Tepuk]*

**Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Terima kasih, Yang Berhormat. Masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM11,683,740,000 untuk Maksud B.60 di bawah Kementerian Pertahanan jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

*[Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui]*

*[Wang sebanyak RM11,683,740,000 untuk Maksud B.60 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual]*

**Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM3,373,890,000 untuk Maksud P.60 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan bagi tahun 2017 hendaklah diluluskan.

*[Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui]*

*[Wang sebanyak RM3,373,890,000 untuk Maksud P.60 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan 2017]*

**[Majlis Mesyuarat bersidang semula]**

**[Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said) mempengerusikan Mesyuarat]**

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, Mesyuarat Dewan hari ini ditangguhkan sehingga jam 10.00 pagi hari Selasa, 22 November 2016.

**[Dewan ditangguhkan pada pukul 9.11 malam]**